



KAJIAN SEPARUH PENGGAL  
**RANCANGAN  
MALAYSIA  
KEDUA BELAS**

**2021-2025**

**MALAYSIA MADANI: MAMPAH, SEJAHTERA,  
BERPENDAPATAN TINGGI**



# Rukun Negara

Bahwasanya, Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:

mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;

memelihara satu cara hidup demokratik;

mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dinikmati bersama secara adil dan saksama;


menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; dan

membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**  
**KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**  
**KELUHURAN PERLEMBAGAAN**  
**KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**  
**KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

ISBN 978-967-5842-35-1



9 789675 842351

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Setiausaha  
Kementerian Ekonomi  
Menara Prisma  
No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62675 Putrajaya  
MALAYSIA

<https://www.ekonomi.gov.my>

T: 603-8000 8000

Dicetak pada 16 Ogos 2023

Maklumat dan data dikemas kini sehingga 15 Ogos 2023

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Ekonomi, Malaysia.



**Dicetak oleh**  
Percetakan Nasional Malaysia Berhad  
Kuala Lumpur, 2023  
W: [www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
E: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
T: 603-9236 6895  
F: 603-9222 4773

KAJIAN SEPARUH PENGGAL

# RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS

2021-2025

MALAYSIA MADANI: MAMPAN, SEJAHTERA,  
BERPENDAPATAN TINGGI



“ Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) merupakan jaminan yang teguh daripada Kerajaan untuk menjelmakan tuntutan reformasi yang didambakan rakyat dengan usaha dan upaya memaknani semangat Malaysia MADANI berteraskan Ekonomi MADANI. ”

# Prakata

**Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)** merupakan jaminan yang teguh daripada Kerajaan untuk menjelmakan tuntutan reformasi yang didambakan rakyat dengan usaha dan upaya memaknani semangat **Malaysia MADANI** berteraskan Ekonomi MADANI. Dalam konteks ini, dua tahun terakhir pelaksanaan RMKe-12 menjadi titik penting serta kritikal dalam memastikan perencanaan berterusan untuk melonjak pembangunan negara dengan mengangkat darjat serta memperkasa rakyat. Ia meliput pelbagai lapangan, termasuk ekonomi, sosial, dan politik, yang perlu disesuaikan dengan aspirasi bersama Malaysia MADANI, yakni satu visi dan tatacara yang mencakupi aspek keadilan, kepelbagaian, keharmonian, dan kemajuan.

Tempoh dua tahun terakhir ini juga membuka peluang kepada Kerajaan Perpaduan untuk mengambil tindakan yang berani, proaktif dan inovatif untuk merangkul aspirasi rakyat serta mendepani tantangan yang merundung negara sekian lama. Lantaran itu, pendekatan '**Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat**' menggariskan beberapa keutamaan serta tumpuan pada pembangunan ekonomi yang pastinya akan mempertingkat tahap kesejahteraan rakyat dan melonjak ekonomi Malaysia ke depan.

Melalui ikhtiar ini, Malaysia berusaha untuk menggapai satu tahap yang lebih tinggi dalam pembangunan, memastikan bahawa setiap individu merasai dampak positif daripada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial. Oleh yang demikian, KSP RMKe-12 menjadi tonggak penting dalam perjalanan menuju kepada Malaysia yang lebih inklusif, dinamik, dan berdaya saing, di mana kepentingan dan kesejahteraan rakyat diberikan keutamaan utama.

Bagi menyempurnakan agenda ini, kita dituntut supaya segera mengambil langkah-langkah yang perlu dan penting untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia serta menekankan perihal penting menambah baik tatakelola kerajaan bagi mengembalikan keyakinan terhadap sistem dan kerajaan.

Dalam usaha menjadi peneraju ekonomi Asia, kita perlu merombak struktur ekonomi, meningkatkan daya saing pelaburan dan memperluas pasaran ke rantau ASEAN. Sumber pertumbuhan ekonomi juga akan dipelbagaikan dengan menumpukan kepada aktiviti ekonomi yang punya kesan besar dan melimpah. Pengukuhan daya saing firma tempatan, daripada syarikat pemula sehingga syarikat tersenarai yang didukung oleh pasaran modal yang berdaya saing akan dapat melahirkan lebih banyak syarikat tempatan yang berjaya.

Langkah untuk pembaharuan dan pengembangan kewangan Islam akan dipercepat supaya Malaysia boleh menjadi peneraju ekonomi Islam global. Selain itu, perusahaan mikro dan kecil serta sektor informal akan diarus perdana untuk menjana pendapatan lebih tinggi. Usaha untuk mempercepat pertumbuhan hijau bagi menjamin ketahanan iklim dan meningkatkan produktiviti daripada penggunaan tanah untuk keterjaminan makanan akan dapat menjamin kemampaman ekonomi.

Hasrat Kerajaan untuk mengangkat darjat hidup rakyat akan direalisasikan melalui penyediaan perlindungan sosial yang lebih baik dan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang menyeluruh, peningkatan peluang pekerjaan dan pampasan pekerja, reformasi sistem pendidikan dan pembangunan sumber manusia serta penyediaan perumahan mampu milik. Selain itu, penyediaan kemudahan yang lebih baik kepada rakyat termasuk pengangkutan awam, bekalan air dan elektrik serta perkhidmatan jalur lebar akan membuka peluang yang lebih saksama kepada rakyat untuk meningkatkan kualiti hidup.

Kerajaan juga perlu mendapatkan semula kepercayaan rakyat dengan memastikan tatakelola yang baik dalam pentadbiran negara, institusi awam dan penegakan prinsip-prinsip yang demokratik. Nilai insaniah akan dimantapkan dengan menjulang tinggi prinsip kebertanggungjawab dan aspek integriti. Nilai-nilai ini seharusnya mengetuk pintu sanubari setiap rakyat untuk mendukung iltizam murni kita dalam membina sebuah perencanaan yang baru buat Malaysia.

Saya ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang idea dan keringat dalam penyediaan KSP RMKe-12 ini. Banyak perbincangan telah dilaksanakan dengan pelbagai pihak termasuk kementerian, agensi dan kerajaan negeri serta sektor swasta dan pertubuhan masyarakat madani bagi memastikan strategi dan inisiatif yang komprehensif dapat dipacul dan dilaksanakan.

Marilah kita sama-sama beriltizam untuk menjayakan agenda KSP RMKe-12 ini yang bertemakan '**Malaysia MADANI: Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi**'. Sesungguhnya ikhtiar ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan. Insya-Allah dengan komitmen yang jitu daripada kita semua berlandaskan pendekatan Malaysia MADANI, kejayaan pasti menjadi milik kita bersama.

**ANWAR IBRAHIM**  
Perdana Menteri  
Putrajaya

11 September 2023

# Kata Aluan

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) yang bertemakan '**Malaysia MADANI: Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi**' merupakan dokumen dasar utama Kerajaan Perpaduan bagi merealisasikan wadah '**Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat**'. KSP RMKe-12 menjadi titik tolak kepada usaha menangani cabaran utama ekonomi negara iaitu kesenjangan pembangunan dan pendapatan, ruang fiskal yang terhad dan peralihan struktur ekonomi yang perlahan.

Dalam tempoh kajian semula, 2021-2022, Malaysia mencapai pertumbuhan sosioekonomi yang memberangsangkan walaupun mengharungi pelbagai cabaran domestik dan global. Melangkah ke hadapan, negara perlu lebih kalis cabaran dalam mendepani risiko dan ketidaktentuan ekonomi global di samping mempercepat peralihan struktur dan merapatkan jurang pembangunan sosioekonomi. Oleh itu, kajian semula dasar dan strategi RMKe-12 adalah mustahak untuk memastikan Malaysia kekal pada landasan pertumbuhan yang disasarkan.

Rangka kerja KSP RMKe-12 menggariskan pemacu utama, iaitu mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Ini akan melibatkan usaha memperkuatkukan tatakelola, antaranya merangkumi rangka kerja institusi serta perundungan berkaitan rasuah dan *rent-seeking*. KSP RMKe-12 juga mengetengahkan tiga fokus utama, iaitu memperkuuh kemampunan, membangunkan masyarakat sejahtera dan mencapai negara berpendapatan tinggi.

Sebanyak 17 Anjakan Besar diperkenalkan meliputi strategi dan inisiatif penting yang akan menjadi pemangkin utama dalam mempercepat usaha reformasi pembangunan sosioekonomi negara, selari dengan aspirasi Malaysia MADANI. Antara Anjakan Besar ini termasuk pembangunan industri *high growth high value* (HGHV), pengukuhan kemampunan fiskal, penyasaran semula subsidi, peralihan tenaga yang lebih cepat, peluasan teknologi dan pendigitalan melalui GovTech serta pemerkasaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Di samping itu, reformasi perlindungan sosial, pembudayaan masyarakat MADANI, peningkatan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan, perumahan dan pengangkutan awam serta reformasi pasaran buruh dan gaji bagi memastikan ketersediaan bakat masa hadapan juga merupakan sebahagian daripada Anjakan Besar ini.

Keterlibatan semua pihak dalam penyediaan KSP RMKe-12 ini menterjemahkan semangat kebertanggungjawaban bersama seluruh rakyat Malaysia. Dalam merealisasikan reformasi dan Anjakan Besar ini, semua pihak termasuk kerajaan, sektor swasta, pertubuhan masyarakat civil dan rakyat perlu berganding bahu mempercepatkan pelaksanaan dasar dan strategi KSP RMKe-12. Insya-Allah, dengan usaha gigih dan semangat kebersamaan, kita mampu mencapai matlamat yang dihasratkan.

**RAFIKI RAMLI**  
Menteri Ekonomi  
Putrajaya

11 September 2023

**“** Sebanyak 17 Anjakan Besar diperkenalkan meliputi strategi dan inisiatif penting yang akan menjadi pemangkin utama dalam mempercepat usaha reformasi pembangunan sosioekonomi negara, selari dengan aspirasi Malaysia MADANI. **”**



# Isi Kandungan

## Perspektif Menyeluruh

### Malaysia MADANI: Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi

|   |             |
|---|-------------|
| Pendahuluan   | O-2         |
| <b>Prestasi, 2021–2022</b>  | <b>O-3</b>  |
| Prestasi Ekonomi  | O-3         |
| Kajian Semula Tema dan Pemangkin Dasar Rancangan Malaysia Kedua Belas | O-3         |
| <b>Malaysia MADANI dan Kajian Separuh Penggal</b>                     | <b>O-8</b>  |
| <b>Hala Tuju, 2023–2025</b>   | <b>O-15</b> |
| Prospek Ekonomi Makro   | O-15        |
| Mempertingkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam              | O-15        |
| Bidang Fokus Utama  | O-15        |
| Memperkuuh Kemampunan   | O-15        |
| Membangunkan Masyarakat Sejahtera                                     | O-16        |
| Mencapai Negara Berpendapatan Tinggi                                  | O-17        |
| <b>Kesimpulan</b>   | <b>O-19</b> |



## Bab

**1**

# Ekonomi Kalis Cabaran Masa Hadapan

## Pendahuluan

### Prestasi, 2021-2022

Ekonomi Dunia  
Ekonomi Dalam Negeri

### Isu dan Cabaran

Peralihan Struktur Ekonomi yang Perlahan  
Gangguan dalam Rantaian Bekalan Global  
Jurang Pertumbuhan antara Wilayah dan antara Negeri Masih Wujud  
Inflasi yang Meningkat  
Risiko Kedinamikan Penduduk  
Ruang Fiskal yang Terhad

### Hala Tuju, 2023-2025

Prospek Ekonomi Dunia  
Prospek Ekonomi Dalam Negeri  
Mempercepat Reformasi Struktur Ekonomi  
Memperkuuh Perdagangan Luar dalam Rantaian Bekalan Global  
Mengoptimum Potensi Ekonomi Wilayah dan Negeri  
Mengurus Inflasi  
Menambah Baik Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan

### Kesimpulan

1-2

1-3

1-3  
1-3

1-9

1-9  
1-9

1-9  
1-9  
1-9

1-13

1-13  
1-13

1-16

1-18  
1-18

1-19

1-19

1-21



## Bab

**2**

# Mempertingkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

## Pendahuluan

### Prestasi, 2021-2022

Pencapaian Sasaran Terpilih  
Pencapaian mengikut Bidang Keutamaan

Bidang Keutamaan A: Membangunkan Perkhidmatan Awam yang Berprestasi Tinggi

Bidang Keutamaan B: Memperluas Pendekatan Keseluruhan Kerajaan

Bidang Keutamaan C: Memantapkan Pengurusan Belanjawan dan Projek

### Isu dan Cabaran

Kelemahan dalam Tadbir Urus  
Kekangan dalam Pembangunan Modal Insan  
Kurang Penerimangunaan Teknologi Digital  
Persekutuan Organisasi dan Perniagaan yang Kurang Kondusif  
Ruang Fiskal yang Terhad dan Pengurusan Projek yang Kurang Cekap

### Hala Tuju, 2023-2025

Sasaran Terpilih 2021-2025  
Bidang Fokus A: Mempertingkatkan Tadbir Urus Berdasarkan Nilai Murni

Bidang Fokus B: Memantapkan Modal Insan Perkhidmatan Awam

Bidang Fokus C: Mempercepat Transformasi Digital

Bidang Fokus D: Memperkuuh Rangka Kerja Institusi dan Perniagaan

Bidang Fokus E: Menambah Baik Keberkesanan dan Kecekapan Pengurusan Belanjawan dan Projek

### Kesimpulan

2-2

2-3

2-3  
2-5

2-5

2-6

2-8

2-9

2-9  
2-9

2-9

2-9  
2-9

2-9

2-10

2-11

2-13

2-15

2-16

2-20

2-21

2-23



## Bab

# 3

## Melonjakkan Daya Tahan Ekonomi untuk Pertumbuhan Mampan

|  |      |   |      |
|--|------|---|------|
| <b>Pendahuluan</b>   | 3-2  | <b>Hala Tuju, 2023-2025</b>   | 3-20 |
| <b>Prestasi, 2021-2022</b>   | 3-3  | Sasaran Terpilih, 2021-2025   | 3-21 |
| Pencapaian Sasaran Terpilih  | 3-3  | Bidang Fokus A: Memperkuat Daya Tahan Sektor dan Industri Strategik                             | 3-24 |
| Pencapaian Mengikut Bidang Keutamaan   | 3-8  | Bidang Fokus B: Memacu Daya Saing untuk Pertumbuhan Mampan                                      | 3-30 |
| Bidang Keutamaan A: Melonjakkan Pertumbuhan Produktiviti                             | 3-8  | Bidang Fokus C: Melonjakkan Keberkesanan Sokongan Kewangan                                      | 3-33 |
| Bidang Keutamaan B: Memperluas Pasaran Eksport                                       | 3-9  | Bidang Fokus D: Menyusun Strategi bagi Memperkuat Kawasan Perindustrian dan Pengeluaran Makanan | 3-35 |
| Bidang Keutamaan C: Memperkuat Keberkesanan Ekosistem Pengantaraan Kewangan          | 3-10 | Bidang Fokus E: Mengatasi Halangan dalam Meningkatkan Skala PMKS                                | 3-35 |
| Bidang Keutamaan D: Memperkuat Peranan Kawasan Perindustrian dan Pengeluaran Makanan | 3-12 | <b>Kesimpulan</b>   | 3-39 |
| Bidang Keutamaan E: Menambah Baik Tadbir Urus dan Dasar                              | 3-12 |   |      |
| Bidang Keutamaan F: Mempercepat Pembangunan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi   | 3-13 |   |      |
| Bidang Keutamaan G: Mempertingkatkan Keupayaan Usahawan dan Perusahaan               | 3-15 |   |      |
| <b>Isu dan Cabaran</b>   | 3-17 |   |      |
| Prestasi Sektor Ekonomi dan Pembangunan Industri yang Lemah                          | 3-17 |   |      |
| Kekurangan Daya Saing Sektor   | 3-18 |   |      |
| Kekangan dalam Sektor Kewangan   | 3-19 |   |      |
| Pengurusan Kawasan Perindustrian dan Pengeluaran Makanan yang Kurang Berkesan        | 3-19 |   |      |
| Ketidakupayaan PMKS untuk Meningkatkan Skala dan Kekal Berdaya Saing                 | 3-19 |   |      |



## Bab

# 4

## Memperkuuh Pemangkin Utama ke arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi

|   |      |   |      |
|---|------|---|------|
| <b>Pendahuluan</b>  | 4-2  | <b>Hala Tuju, 2023-2025</b>   | 4-14 |
| <b>Prestasi, 2021-2022</b>  | 4-3  | Sasaran Terpilih, 2021-2025   | 4-15 |
| Pencapaian Sasaran Terpilih   | 4-3  | Bidang Fokus A: Mereformasi Pasaran Buruh   | 4-19 |
| Pencapaian mengikut Bidang Keutamaan  | 4-7  | Bidang Fokus B: Membentuk Semula Bakat untuk Pekerjaan Masa Hadapan                     | 4-20 |
| Bidang Keutamaan A: Menjajarkan Semula Pasaran Buruh untuk Pertumbuhan yang Inklusif dan Mampan         | 4-7  | Bidang Fokus C: Memperkuuh Ekosistem Ekonomi Digital                                    | 4-21 |
| Bidang Keutamaan B: Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan  | 4-7  | Bidang Fokus D: Mengoptimumkan Potensi R&D&C&I dan Mempercepat Kemajuan Teknologi       | 4-24 |
| Bidang Keutamaan C: Melonjakkan Pertumbuhan Ekonomi Digital   | 4-8  | Bidang Fokus E: Membangunkan Infrastruktur Pengangkutan dan Logistik yang Berdaya Tahan | 4-27 |
| Bidang Keutamaan D: Mengarus Perdana Pendigitalan untuk Pembangunan Inklusif                            | 4-9  | <b>Kesimpulan</b>   | 4-31 |
| Bidang Keutamaan E: Mempercepat Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi                  | 4-9  |   |      |
| Bidang Keutamaan F: Memanfaatkan Potensi Teknologi Termau   | 4-10 |   |      |
| Bidang Keutamaan G: Memastikan Mobiliti Penumpang yang Bersepadu, Mampu Bayar, Berdaya Harap dan Lancar | 4-11 |   |      |
| Bidang Keutamaan H: Memacu Industri Pengangkutan dan Logistik untuk Meningkatkan Daya Saing             | 4-11 |   |      |
| Bidang Keutamaan I: Memperkuuh Rangka Kerja Institusi dan Kawal Selia                                   | 4-12 |   |      |
| <b>Isu dan Cabaran</b>  | 4-13 |   |      |
| Ketidakcekapan Pasaran Buruh  | 4-13 |   |      |
| Ekosistem Pendidikan yang Tidak Kondusif  | 4-13 |   |      |
| Ekosistem Ekonomi Digital yang Tidak Menggalakkan   | 4-13 |   |      |
| Cabarannya dalam Mempercepat R&D&C&I dan Memajukan Teknologi  | 4-13 |   |      |
| Jurang dalam Menyokong Pertumbuhan Subsektor Pengangkutan dan Industri Logistik                         | 4-13 |   |      |



## Bab

# 5

# Menuju ke arah Wilayah yang Seimbang

|   |             |   |             |
|---|-------------|---|-------------|
| <b>Pendahuluan</b>  | <b>5-2</b>  | <b>Hala Tuju, 2023-2025</b>   | <b>5-16</b> |
| <b>Prestasi, 2021-2022</b>  | <b>5-3</b>  | Sasaran Terpilih, 2021-2025   | 5-17        |
| Pencapaian Sasaran Terpilih   | 5-3         | Bidang Fokus A: Mempertingkatkan Potensi Ekonomi Wilayah              | 5-21        |
| Pencapaian mengikut Bidang Keutamaan  | 5-8         | Bidang Fokus B: Mempercepat Pembangunan Bandar Mampan                 | 5-22        |
| Bidang Keutamaan A: Mengoptimumkan Potensi Ekonomi Wilayah                                      | 5-8         | Bidang Fokus C: Mempergiat Pembangunan Luar Bandar                    | 5-24        |
| Bidang Keutamaan B: Membangunkan Bandar yang Mampan   | 5-9         | Bidang Fokus D: Mengoptimumkan Peluang daripada Kerjasama Subserantau | 5-26        |
| Bidang Keutamaan C: Mentransformasi Pembangunan Luar Bandar untuk Merapatkan Jurang Pembangunan | 5-10        | Bidang Fokus E: Mempergiat Pembangunan di Sabah dan Sarawak           | 5-27        |
| Bidang Keutamaan D: Memantapkan Penyediaan Infrastruktur  | 5-10        |   |             |
| Bidang Keutamaan E: Mengoptimumkan Potensi Ekonomi  | 5-11        | <b>Kesimpulan</b>   | <b>5-31</b> |
| Bidang Keutamaan F: Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Sosial                              | 5-12        |   |             |
| Bidang Keutamaan G: Memperkuuh Pembangunan Inklusif   | 5-13        |   |             |
| Bidang Keutamaan H: Memperkuuh Kerjasama Antara Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri          | 5-13        |   |             |
| <b>Isu dan Cabaran</b>  | <b>5-14</b> |   |             |
| Pembangunan Wilayah yang Tidak Seimbang   | 5-14        |   |             |
| Daya Tahan Bandar yang Rendah   | 5-14        |   |             |
| Kekangan Pembangunan di Kawasan Luar Bandar   | 5-14        |   |             |
| Peluang daripada Kerjasama Subserantau Tidak Dimanfaat secara Berkesan                          | 5-15        |   |             |
| Cabarani Pembangunan di Sabah dan Sarawak   | 5-15        |   |             |



## Bab

# 6

## Membangunkan Masyarakat Inklusif dan Lebih Berdaya Tahan

|   |      |  |      |
|---|------|--|------|
| Pendahuluan   | 6-2  | Hala Tuju, 2023-2025   | 6-15 |
| Prestasi, 2021-2022   | 6-3  | Sasaran Terpilih, 2021-2025                                    | 6-17 |
| Pencapaian Sasaran Terpilih   | 6-3  | Bidang Fokus A: Menangani dan Mencegah Kemiskinan              | 6-19 |
| Pencapaian Mengikut Bidang Keutamaan  | 6-5  | Bidang Fokus B: Memperkasakan Isi Rumah Mudah Terjejas         | 6-26 |
| Bidang Keutamaan A: Menangani Kemiskinan daripada Perspektif Pelbagai Dimensi dan Memperkasakan B40 | 6-5  | Bidang Fokus C: Memudah Cara M40                               | 6-28 |
| Bidang Keutamaan B: Memberi Sokongan kepada M40   | 6-8  | Bidang Fokus D: Mengurangkan Ketidaksamarataan                 | 6-29 |
| Bidang Keutamaan C: Mencapai Kesaksamaan Outcome bagi Bumiputera                                    | 6-9  | Bidang Fokus E: Mencapai Outcome yang Saksama untuk Bumiputera | 6-30 |
| Bidang Keutamaan D: Meningkatkan Pembangunan Masyarakat Orang Asli                                  | 6-10 | Bidang Fokus F: Meningkatkan Pembangunan Masyarakat Orang Asli | 6-33 |
| Bidang Keutamaan E: Memperkasakan Kumpulan Sasar Khusus   | 6-11 | Bidang Fokus G: Memperkasakan Kumpulan Sasar Khusus            | 6-34 |
| Isu dan Cabaran   | 6-13 | Bidang Fokus H: Memperkuuh Dasar dan Penyampaian Perkhidmatan  | 6-36 |
| Kemiskinan yang Berterusan  | 6-13 | Kesimpulan   | 6-37 |
| B40 yang Mudah Terjejas   | 6-13 |  |      |
| Cabar yang Dihadapi oleh M40  | 6-13 |  |      |
| Ketidaksamarataan dalam Pelbagai Aspek  | 6-13 |  |      |
| Ketidaksaksamaan Outcome Sosioekonomi Bumiputera  | 6-13 |  |      |
| Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli yang Masih Ketinggalan                               | 6-14 |  |      |
| Ketersisihan Sosial Kumpulan Sasar Khusus   | 6-14 |  |      |
| Ekosistem Penyampaian yang Kurang Berkesan  | 6-14 |  |      |



## Bab

7

# Meningkatkan Perpaduan, Pertahanan, Keselamatan dan Kesejahteraan

|   |             |  |             |
|---|-------------|--|-------------|
| <b>Pendahuluan</b>  | <b>7-2</b>  | <b>Hala Tuju, 2023-2025</b>  | <b>7-13</b> |
| <b>Prestasi, 2021-2022</b>  | <b>7-3</b>  | Sasaran Terpilih, 2021-2025  | 7-14        |
| Pencapaian Sasaran Terpilih   | 7-3         | Bidang Fokus A: Memperkuuh Perpaduan untuk Kemakmuran Negara               | 7-15        |
| Pencapaian mengikut Bidang Keutamaan  | 7-6         | Bidang Fokus B: Memastikan Keutuhan Keselamatan dan Kedaulatan Negara      | 7-16        |
| Bidang Keutamaan A: Memperkuuh Perpaduan untuk Negara yang Makmur             | 7-6         | Bidang Fokus C: Menambah Baik Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan | 7-17        |
| Bidang Keutamaan B: Memastikan Keselamatan dan Kedaulatan Negara              | 7-7         | Bidang Fokus D: Menambah Perumahan Mampu Milik dan Berkualiti              | 7-18        |
| Bidang Keutamaan C: Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan | 7-8         | Bidang Fokus E: Memanfaatkan Sukan dalam Membina Masyarakat Aktif          | 7-21        |
| Bidang Keutamaan D: Meningkatkan Bekalan Rumah Mampu Milik yang Berkualiti    | 7-9         |  |             |
| Bidang Keutamaan E: Memanfaatkan Sukan bagi Membina Masyarakat yang Aktif     | 7-10        | <b>Kesimpulan</b>  | <b>7-23</b> |
| <b>Isu dan Cabaran</b>  | <b>7-12</b> |  |             |
| Insiden yang Mencetus Ketidakharmonian Masih Terus Berlaku                    | 7-12        |  |             |
| Ancaman terhadap Keselamatan dan Ketenteraman Awam yang Sentiasa Berubah      | 7-12        |  |             |
| Jurang Penjagaan Kesihatan yang Melebar                                       | 7-12        |  |             |
| Rumah Mampu Milik dan Berkualiti Belum Mencukupi                              | 7-12        |  |             |
| Potensi Sukan Belum Diteroka Sepenuhnya                                       | 7-12        |  |             |



## Bab

# 8



## Malaysia Pasca 2025

### Melonjakkan Kemampunan

|  |      |
|--|------|
| Pendahuluan  | 8-2  |
| <b>Prestasi, 2021-2022</b>   |      |
| Pencapaian Sasaran Terpilih  | 8-3  |
| Pencapaian mengikut Bidang Keutamaan   | 8-6  |
| Bidang Keutamaan A: Melaksana Pembangunan Rendah Karbon, Bersih dan Berdaya Tahan  | 8-6  |
| Bidang Keutamaan B: Mengurus Sumber Asli dengan Cekap bagi Melindungi Aset Semula Jadi   | 8-7  |
| Bidang Keutamaan C: Memperkuat Persekutuan yang Menyokong Tadbir Urus Berkesan   | 8-8  |
| Bidang Keutamaan D: Memastikan Tenaga yang Mampan  | 8-9  |
| Bidang Keutamaan E: Mentransformasi Sektor Air   | 8-10 |
| <b>Isu dan Cabaran</b>   | 8-12 |
| Cabar dalam Menangani Perubahan Iklim dan Kemerosotan Alam Sekitar   | 8-12 |
| Kehilangan Biodiversiti dan Penggunaan Sumber Semula Jadi yang Tidak Mampan  | 8-12 |
| Pelaksanaan SDG dan Tahap Terima Pakai Prinsip ESG yang Rendah   | 8-12 |
| Tadbir Urus Alam Sekitar yang Kurang Berkesan  | 8-12 |
| <b>Hala Tuju, 2023-2025</b>  | 8-13 |
| Sasaran Terpilih, 2021-2025  | 8-14 |
| Bidang Fokus A: Mempercepat Pelaksanaan Pembangunan Rendah Karbon, Bersih dan Berdaya Tahan  | 8-16 |
| Bidang Fokus B: Mengurus Sumber Asli dengan Lebih Cekap  | 8-20 |
| Bidang Fokus C: Mempercepat Pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan Memperluas Inisiatif Menerima Pakai Prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus | 8-22 |
| Bidang Fokus D: Memperkuat Persekutuan yang Menyokong  | 8-26 |
| <b>Kesimpulan</b>  | 8-27 |

### Masyarakat yang Progresif dan Mampan

|  |      |
|--|------|
| Pendahuluan  | B-2  |
| <b>Perkara Utama yang Menjadi Perhatian Rakyat</b> | B-3  |
| <b>Peralihan ke arah Malaysia yang Lebih Baik</b>  | B-5  |
| Masyarakat yang Saksama                            | B-8  |
| Pertumbuhan Ekonomi yang Inklusif                  | B-10 |
| Bumi yang Lebih Sihat                              | B-12 |
| Tadbir Urus yang Baik                              | B-13 |
| <b>Kesimpulan</b>                                  | B-14 |

### Lampiran

|                |      |
|----------------|------|
| <b>Jadual</b>  | A-1  |
| <b>Carta</b>   | A-31 |
| <b>Glosari</b> | A-35 |
| <b>Indeks</b>  | A-45 |

# Perspektif Menyeluruh

# **Malaysia MADANI: Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi**

---

|   |             |
|---|-------------|
| <b>Pendahuluan</b>  | <b>O-2</b>  |
| <b>Prestasi, 2021–2022</b>  | <b>O-3</b>  |
| Prestasi Ekonomi  | O-3         |
| Kajian Semula Tema dan Pemangkin Dasar Rancangan Malaysia Kedua Belas | O-3         |
| <b>Malaysia MADANI dan Kajian Separuh Penggal</b>                     | <b>O-8</b>  |
| <b>Hala Tuju, 2023–2025</b>   | <b>O-15</b> |
| Prospek Ekonomi Makro   | O-15        |
| Mempertingkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam              | O-15        |
| Bidang Fokus Utama  | O-15        |
| Memperkuat Kemampuan  | O-15        |
| Membangunkan Masyarakat Sejahtera                                     | O-16        |
| Mencapai Negara Berpendapatan Tinggi                                  | O-17        |
| <b>Kesimpulan</b>   | <b>O-19</b> |

## Pendahuluan

Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) ialah perancangan jangka sederhana dengan objektif untuk mencapai ‘Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan’. Dalam tempoh kajian semula, 2021-2022, Malaysia mencapai pertumbuhan sosioekonomi yang memberangsangkan walaupun melalui cabaran pada peringkat global dan domestik. Walau bagaimanapun, cabaran ini perlu terus ditangani bagi memastikan outcome yang disasarkan tercapai. Oleh itu, adalah penting untuk menyemak semula sasaran, dasar dan strategi RMKe-12 bagi memastikan Malaysia kekal pada landasan pertumbuhan yang betul.

Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-12, 2023-2025 mengandungi dasar dan strategi yang disemak semula ke arah mencapai wadah ‘**Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat**’ yang akan mengembalikan maruah dan martabat rakyat serta membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dan sejahtera. KSP RMKe-12 adalah berdasarkan tema ‘**Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi**’. Usaha mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam menjadi pemacu utama yang akan mempercepat pelaksanaan tiga bidang fokus utama, iaitu memperkuuh kemampanan, membangunkan masyarakat sejahtera dan mencapai negara berpendapatan tinggi. Sebanyak 17 Anjakan Besar diperkenalkan sebagai strategi yang memangkin usaha mempercepat tindakan ke arah mencapai outcome yang disasarkan. Dokumen KSP RMKe-12 mengandungi lapan bab utama yang diganding dengan bab Perspektif Menyeluruh di samping bab Pasca 2025 sebagai pramula kepada Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026-2030. Matlamat akhir KSP RMKe-12 adalah untuk memastikan supaya tiada rakyat yang tertinggal daripada mendapat faedah pembangunan sosioekonomi dan mempunyai peluang yang saksama untuk meningkatkan taraf hidup serta menyediakan masa depan yang cerah buat generasi akan datang, tanpa mengira kaum, lokasi, jantina dan latar belakang sosioekonomi.

# Prestasi, 2021-2022

## Prestasi Ekonomi

Dalam tempoh kajian semula, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) mencatat pertumbuhan 5.9% setahun, melebihi sasaran yang ditetapkan, diterajui oleh peningkatan produktiviti buruh dan aktiviti sektor swasta. Pelaburan swasta meningkat sebanyak 4.9% setahun, disokong oleh perolehan mesin dan peralatan (M&E). Pasaran buruh bertambah baik, mendorong kepada pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi sebanyak 3.7% setahun dan kadar pengangguran yang berkurang kepada 3.9% pada tahun 2022. Selain itu, kadar purata inflasi meningkat kepada 2.9% setahun. Dari segi perdagangan luar, eksport kasar meningkat sebanyak 25.5% setahun, didorong oleh peningkatan permintaan produk elektrik dan elektronik (E&E), produk petroleum serta bahan kimia dan produk kimia. Import kasar berkembang sebanyak 27.1% setahun disebabkan permintaan berterusan bagi barang pengantara, modal dan penggunaan. Akaun semasa kekal dalam lebihan sebanyak RM55.1 bilion atau 3.2% kepada pendapatan negara kasar (PNK) pada tahun 2022, disokong oleh peningkatan lebihan barang yang ketara. Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan kepada KDNK mengecil daripada 6.2% pada tahun 2020 kepada 5.6% pada tahun 2022. Selain itu, PNK per kapita adalah lebih tinggi pada RM52,968 (AS\$12,035) pada tahun 2022 berbanding RM42,838 (AS\$10,191) pada tahun 2020. Kesejahteraan rakyat, seperti ditunjukkan melalui Indeks Kesejahteraan

Rakyat Malaysia (MyWI) tahun 2021 juga bertambah baik sejajar dengan kemajuan ekonomi.

Usaha untuk memperkuuh daya tahan ekonomi melalui pelaksanaan pelbagai langkah telah terjejas berikutnya isu dan cabaran pada peringkat global dan domestik. Cabaran global, termasuk ketegangan geopolitik, gangguan perdagangan global dan rantaian bekalan serta harga komoditi dan inflasi yang lebih tinggi. Selain itu, isu domestik, termasuk peralihan struktur ekonomi yang perlahan, jurang pertumbuhan antara wilayah dan antara negeri yang masih wujud serta ruang fiskal yang terhad. Dalam tempoh akhir RMKe-12, langkah akan dilaksana untuk menangani isu yang berlarutan ini bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi.

## Kajian Semula Tema dan Pemangkin Dasar Rancangan Malaysia Kedua Belas

RMKe-12 berteraskan pelaksanaan tiga tema utama, iaitu menjana semula ekonomi, memperkuuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti serta melonjakkan kemampaman. Empat pemangkin dasar, iaitu membangunkan bakat masa hadapan, mempercepat penerimangunaan teknologi dan inovasi, menambah baik ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan serta memperkuuh perkhidmatan awam menyokong pelaksanaan tema tersebut.



## Tema 1: Menjana Semula Ekonomi



Tema menjana semula ekonomi memberi tumpuan untuk **mengembalikan semula momentum pertumbuhan** dan **melonjakkan pertumbuhan industri strategik dan berimpak tinggi serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS)**. Usaha telah dilaksana untuk mencergaskan semula ekonomi dengan melonjakkan pertumbuhan produktiviti, memperluas pasaran eksport, memperkuuh keberkesanan ekosistem pengantaraan kewangan, memperkuuh peranan kawasan perindustrian dan pengeluaran makanan, serta menambah baik tadbir urus dan dasar. Dalam merangsang pertumbuhan produktiviti, tumpuan telah diberi antara lain kepada memperkuuh mekanisme perancangan, penilaian dan pemantauan serta meningkatkan amalan hijau. Selain itu, langkah untuk meningkatkan sumbangan lapan industri strategik dan berimpak tinggi serta mempertingkat keupayaan usahawan dan perusahaan telah dilaksanakan. Strategi yang telah dilaksana untuk mempercepat pembangunan industri strategik dan berimpak tinggi termasuk merangsang industri E&E untuk beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi, mencergaskan semula industri pelancongan dan mempergat aktiviti pertanian pintar. Di samping itu, strategi untuk mempertingkat keupayaan dan kemampuan usahawan dan PMKS telah dilaksana dengan mewujudkan usahawan yang inovatif dan mampan serta ekosistem keusahawanan yang kondusif dan menyeluruh.

Sebanyak 38 sasaran telah ditetapkan di bawah tema ini dengan 15 sasaran telah dicapai, 20 mengikut jadual, manakala tiga lagi sasaran masih ketinggalan. Dalam tempoh kajian semula, langkah mengukuhkan sektor ekonomi yang terkesan dengan COVID-19 telah menunjukkan kejayaan dalam beberapa bidang. Kejayaan ini termasuk pertumbuhan produktiviti sektor pembinaan pada 5.4% setahun, dan sektor perkhidmatan pada 3.6% serta eksport yang lebih tinggi dalam sektor pembuatan sebanyak RM1,304.7 bilion pada tahun 2022, sektor perlombongan RM117.3 bilion, sektor pertanian RM120.9 bilion dan sektor pembinaan RM6.1 bilion. Di samping itu, bagi industri strategik dan berimpak tinggi, nilai eksport produk E&E mencecah RM593 bilion pada tahun 2022, purata pertumbuhan pelawat domestik meningkat 10.8% setahun sementara eksport produk halal mencatatkan nilai RM59 bilion pada tahun 2022. Selain itu, kadar pendigitalan dalam kalangan PMKS mencapai 98.1%. Walaupun telah mencatat pencapaian, Malaysia masih ketinggalan berbanding negara serantau dari aspek daya saing ekoran peralihan struktur ekonomi yang perlahan. Pencapaian sektor ekonomi dan pembangunan industri yang kurang memberangsangkan, kekurangan daya saing, kekangan dalam sektor kewangan dan pengurusan kawasan perindustrian dan pengeluaran makanan yang kurang berkesan serta ketidakupayaan PMKS untuk meningkatkan skala dan kekal berdaya saing terus menghalang momentum pertumbuhan.

## Tema 2: Memperkuuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti



Tema 2 memberi penekanan dalam memperkuuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti. Bagi memastikan **keselamatan dan kedaulatan negara**, langkah telah diambil ke arah menyediakan persekitaran yang kondusif untuk kegiatan ekonomi dan kehidupan yang selamat serta menjamin maruah dan daya tahan negara. Strategi utama termasuk memelihara kedaulatan negara dan meningkatkan usaha pencegahan jenayah, rehabilitasi dan kesiapsiagaan menghadapi kecemasan serta menjaga kebijakan personel. Sehingga penghujung tahun 2022, kes jenayah indeks mencatatkan 147 kes bagi setiap 100,000 penduduk, lebih baik daripada yang disasarkan. Selain itu, baki dua sasaran adalah mengikut jadual. Meskipun langkah berterusan diambil untuk memastikan keselamatan dan kedaulatan negara, beberapa cabaran masih wujud dan perlu ditangani. Cabaran ini termasuk peningkatan risiko dalam jenayah rentas sempadan, kurang penguatkuasaan di kawasan sempadan, peningkatan ancaman ke atas kedaulatan negara, peningkatan kerugian disebabkan jenayah siber dan kurang penyelaras dalam pengurusan bencana.

Bidang keutamaan yang dilaksana untuk meningkatkan **kesejahteraan** terdiri daripada mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan, meningkatkan bekalan rumah mampu milik yang berkualiti, memanfaatkan sukan dalam membina masyarakat yang aktif dan memperkuuh perpaduan untuk negara yang makmur. Strategi untuk penjagaan kesihatan, termasuk pelaksanaan langkah untuk memerangi penyakit tidak berjangkit, memperkuuh program penjagaan kesihatan warga emas dan mendigitalkan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Selain itu, antara usaha yang dilaksanakan dalam meningkatkan perumahan mampu milik adalah menambah baik akses kepada perumahan mampu milik dan memastikan perumahan yang inklusif. Strategi untuk memanfaatkan bidang sukan adalah termasuk mempromosikan sukan untuk kehidupan aktif dan sihat serta membangunkan industri sukan. Langkah yang diambil untuk memperkuuh perpaduan merangkumi program untuk menggalakkan rakyat menerima kepelbagaiannya sebagai aset dan membina masyarakat yang lebih toleran. Sebanyak sembilan sasaran telah ditetapkan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Daripada jumlah ini, dua sasaran telah dicapai, lima sasaran mengikut jadual manakala dua lagi masih ketinggalan. Bilangan katil hospital bagi setiap 1,000 penduduk ialah 2.07 pada tahun 2022, melebihi sasaran 2.06 pada tahun 2025, manakala Dasar Perpaduan Negara telah digubal. Walaupun pelbagai langkah telah diambil, beberapa isu dan cabaran masih kekal dan perlu ditangani. Antara isu yang dikenal pasti termasuk jurang penjagaan kesihatan yang melebar, rumah mampu milik dan berkualiti yang belum mencukupi serta potensi sukan belum diteroka sepenuhnya untuk membina masyarakat aktif. Selain itu,

isu berkaitan perpaduan termasuk kurang interaksi sosial merentas etnik dan pemahaman terhadap Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Dalam **menangani kemiskinan dan membina masyarakat inklusif**, tumpuan telah diberi untuk menangani kemiskinan dan mengurangkan ketidaksamarataan daripada perspektif pelbagai dimensi, memperkasa B40, memberi sokongan kepada M40 dan mencapai outcome yang saksama untuk Bumiputera. Di samping itu, keutamaan telah diberi untuk meningkatkan pembangunan masyarakat Orang Asli serta memperkasa kumpulan sasar khusus. Strategi yang dilaksanakan untuk menangani kemiskinan dan ketidaksamarataan, termasuk inisiatif bagi meningkatkan pendapatan dan taraf hidup kumpulan miskin. Selain itu, antara strategi bagi memperkasa B40 adalah meningkatkan pendapatan dan menambah baik akses kepada perkhidmatan asas. Strategi yang dilaksana untuk menyokong M40 dalam mewujudkan masyarakat yang saksama termasuk usaha menggalakkan penyertaan dalam skim perlindungan pekerjaan dan kesihatan serta meningkatkan pemilikan rumah. Di samping itu, strategi untuk mencapai outcome yang saksama bagi Bumiputera termasuk meningkatkan daya tahan dan kemampuan perniagaan Bumiputera serta mengoptimumkan Tanah Rizab Melayu dan instrumen wakaf. Dua strategi yang dilaksana untuk meningkatkan pembangunan masyarakat Orang Asli adalah memperkuuh pendidikan dan mempercepat pembangunan sosioekonomi. Dalam memperkasa kumpulan sasar khusus, usaha telah ditumpukan ke arah meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak dan warga emas serta memperkasakan golongan wanita. Sebanyak 18 sasaran telah ditetapkan untuk menangani kemiskinan dan membina masyarakat yang inklusif. Daripada sasaran ini, 15 adalah mengikut jadual manakala tiga masih ketinggalan. Usaha untuk membangunkan masyarakat inklusif dan lebih berdaya tahan tidak terlepas daripada cabaran, terutama kesan buruk pandemik COVID-19 ke atas mata pencarian isi rumah berpendapatan rendah serta kemerosotan kuasa beli disebabkan peningkatan kos sara hidup. Cabaran lain termasuk kelompok kemiskinan yang terus wujud, B40 dan M40 yang mudah terjejas, pembangunan sosioekonomi Bumiputera yang tidak saksama, pembangunan masyarakat Orang Asli yang perlahaan dan ketersisihan sosial kumpulan sasar khusus.

Dalam usaha **mempertingkat keseimbangan dan keterangkuman wilayah**, langkah telah diambil untuk mengoptimumkan potensi ekonomi wilayah, membangunkan bandar yang mampan dan mentransformasi kawasan luar bandar. Strategi yang dilaksana untuk mengoptimumkan potensi ekonomi wilayah termasuk menarik pelaburan berkualiti dan memperkuuh kerjasama subserantau. Selain itu, strategi untuk membangunkan bandar yang mampan termasuk menggalakkan perancangan dan tadbir urus bandar yang berkesan serta mengutamakan pembangunan bandar hijau dan berdaya tahan. Usaha untuk mentransformasi kawasan luar bandar telah dipergiat dengan mempercepat penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan serta mempelbagai dan melonjak aktiviti ekonomi. Sebanyak 24 sasaran telah ditetapkan bagi membangunkan wilayah yang inklusif. Sembilan sasaran telah dicapai manakala selebihnya adalah

mengikut jadual. Walaupun usaha yang jitu telah diambil untuk memastikan keseimbangan dan keterangkuman wilayah, jurang pembangunan antara wilayah dan negeri serta kawasan bandar dan luar bandar masih wujud. Antara isu dan cabaran utama ialah pembangunan yang tidak seimbang, daya tahan bandar yang rendah, kekangan pembangunan di kawasan luar bandar dan peluang daripada kerjasama subserantau tidak dimanfaat secara berkesan.

Langkah yang telah dilaksanakan untuk **mempergiat pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak** termasuk memantapkan penyediaan infrastruktur, mengoptimumkan potensi ekonomi, menambah baik akses kepada perkhidmatan sosial, meningkatkan pembangunan inklusif dan memperkuuh kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Penyediaan infrastruktur dan ketersambungan bagi kedua-dua negeri telah diperluas untuk memudah cara aktiviti ekonomi dan menambah baik penyampaian perkhidmatan. Strategi yang dilaksanakan untuk mengoptimumkan potensi ekonomi termasuk mencergaskan semula aktiviti ekonomi, meningkatkan pembangunan luar bandar dan menggalakkan pertumbuhan hijau. Selain itu, usaha telah diambil untuk menambah baik akses kepada pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan perumahan mampu milik. Tumpuan telah diberikan untuk memperkuuh pembangunan inklusif dengan menangani kemiskinan dan mempelbagai sumber pendapatan serta mempertingkatkan pembangunan sosioekonomi Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak. Bagi memperkuuh kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, antara strategi yang dilaksanakan termasuk mewujudkan ekosistem yang menyokong kerjasama dan meningkatkan jalinan kerjasama dalam kalangan pihak berkuasa. Sebanyak 19 sasaran telah ditetapkan, satu telah dicapai dan 18 mengikut jadual. Liputan akses kepada air bersih dan selamat untuk Sarawak mencapai 99.12% pada tahun 2022, melepassi sasaran 98% yang ditetapkan. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan, pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak terus menghadapi cabaran, seperti kekurangan infrastruktur asas serta jurang dalam pembangunan ekonomi dan peningkatan taraf hidup.



## Tema 3: Melonjakkan Kemampunan



Tema 3 memberi tumpuan kepada **mempercepat pertumbuhan hijau**, mempertingkat kemampunan tenaga dan mentransformasi sektor air melalui pendekatan keseluruhan negara. Pelbagai strategi telah dilaksanakan untuk mempercepat pertumbuhan hijau untuk kemampunan dan daya tahan. Antara strategi yang dilaksanakan ke arah pembangunan rendah karbon, bersih dan berdaya tahan adalah memperkuuh tindakan ke arah negara rendah karbon, mempercepat peralihan kepada ekonomi kitaran dan menggalakkan perkongsian tanggungjawab dalam mencegah pencemaran. Selain itu, langkah memulihara ekosistem semula jadi dan meningkatkan pemuliharaan sumber air telah diambil untuk mengurus sumber asli dengan cekap. Usaha untuk memperkuuh persekitaran yang menyokong juga diberi penekanan dengan meningkatkan pembiayaan dan menggalakkan pelaburan hijau serta memupuk rasa pemilikan dan tanggungjawab bersama. Sebanyak sembilan sasaran telah ditetapkan untuk mempercepat pertumbuhan hijau. Satu sasaran telah dicapai, lima mengikut jadual dan tiga masih ketinggalan. Perolehan hijau kerajaan bagi kategori produk dan perkhidmatan hijau terpilih mencatat 27.8%, melebihi sasaran 25%. Walaupun pelbagai usaha telah diambil, cabaran dalam menangani perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar serta kehilangan biodiversiti dan penggunaan sumber semula jadi yang tidak mampan masih berterusan. Di samping itu, pelaksanaan matlamat pembangunan mampan (SDG) dan tahap menerima pakai prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang rendah serta tadbir urus yang kurang berkesan masih menjadi cabaran.

Dalam tempoh kajian semula, langkah telah diambil untuk **meningkatkan kemampunan tenaga** untuk semua. Usaha bersepudu telah dilaksanakan dengan memperkuuh sektor tenaga, memastikan subsektor minyak dan gas yang mampan dan progresif serta memperkuuh subsektor elektrik. Lima sasaran ditetapkan dalam memastikan tenaga yang mampan. Dua daripada sasaran telah dicapai, manakala tiga lagi mengikut jadual. *National Oil & Gas Services and Equipment (OGSE) Industry Blueprint, 2021-2030* telah dilancarkan pada tahun 2021 dan Dasar Tenaga Negara, 2022-2040 pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran yang perlu ditangani, iaitu tekanan perubahan iklim global, pelan dan strategi yang kurang bersepudu dalam mempercepat peralihan tenaga, halangan dalam industri minyak dan gas serta pembekalan dan penggunaan tenaga boleh baharu (TBB) yang rendah.

Keutamaan telah diberikan untuk **mentransformasi sektor air** bagi memastikan keterjaminan bekalan. Dalam hubungan ini, tumpuan telah diberikan kepada memperkasa rakyat, memastikan pembiayaan yang mampan dan membangunkan infrastruktur mampan dengan teknologi yang berkesan kos. Lima sasaran telah ditetapkan dalam mentransformasi sektor air. Empat sasaran adalah mengikut jadual, manakala satu masih ketinggalan. Halangan utama yang mengkekang transformasi sektor air adalah kerjasama dan proses membuat keputusan berpandukan data yang terhad, tadbir urus dan keupayaan kewangan yang lemah serta infrastruktur yang usang dan tidak lagi bersesuaian.

## Pemangkin Dasar 1: Membangunkan Bakat Masa Hadapan



Dalam **membangunkan bakat masa hadapan**, keutamaan diberikan untuk menjajarkan semula pasaran buruh dan mempertingkatkan lagi pembangunan bakat pada semua peringkat. Antara strategi utama dalam menjajarkan semula pasaran buruh adalah menggalakkan peningkatan pampasan pekerja (CE) dan penyertaan tenaga buruh serta memperkuuh sistem yang menyokong pasaran buruh. Selain itu, penekanan diberikan untuk meningkatkan kualiti program pendidikan dan latihan, memanfaatkan teknologi baru muncul, memastikan kesaksamaan outcome pembelajaran dan menangani pertindihan tadbir urus TVET bagi membangunkan bakat tersedia masa hadapan. Sebanyak sembilan sasaran telah ditetapkan dalam membangunkan bakat masa hadapan. Daripada sembilan sasaran, dua sasaran telah dicapai, enam mengikut jadual, dan satu masih ketinggalan. Produktiviti buruh per pekerja mencatatkan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 3.7% dalam tempoh kajian semula, melebihi sasaran 3.6%. Kadar kebolehpasaran graduan di IPT dan institusi TVET awam mencapai 90.2%, melebihi sasaran 85%. Walau bagaimanapun, isu dan cabaran dalam pembangunan bakat masih berterusan, termasuk pasaran buruh yang tidak cekap dan ekosistem pendidikan yang kurang kondusif.

## Pemangkin Dasar 2: Mempercepat Penerimangunaan Teknologi dan Inovasi



Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk melonjakkan pendigitalan dan teknologi termaju. Antara strategi yang telah dilaksanakan adalah penyediaan persekitaran yang menyokong pertumbuhan ekonomi digital, memperluas pendigitalan, memperkuuh keupayaan dan kemampuan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) serta mempercepat kesediaan menerima guna teknologi Revolusi Perindustrian Keempat. Sebanyak 20 sasaran telah ditetapkan, tiga melepa sasaran, 16 mengikut jadual dan satu masih ketinggalan. Tiga yang telah melebihi sasaran ialah sumbangan e-dagang kepada KDNK pada 13% pada tahun 2021 berbanding 10.5%, peratusan pengguna internet pada 97.4% berbanding 90% dan kelajuan jalur lebar mudah alih pada 116 megabit sesaat (Mbps) berbanding 100 Mbps. Di sebalik pencapaian ini, masih terdapat isu dan cabaran dalam melonjakkan pendigitalan, R&D&C&I dan teknologi termaju. Isu dan cabaran ini termasuk ekosistem ekonomi digital yang kurang memberangsangkan, penggunaan sumber R&D&C&I yang kurang cekap, perkembangan teknologi yang perlahan dan jurang keterangkuman digital yang semakin melebar.

## Pemangkin Dasar 3: Menambah Baik Ketersambungan dan Infrastruktur Pengangkutan



Dalam mempertingkatkan kecekapan infrastruktur pengangkutan dan logistik, penekanan telah diberikan untuk memastikan mobiliti penumpang yang bersepadu, mampu bayar, berdaya harap dan lancar, memacu industri pengangkutan dan logistik agar berdaya saing serta memperkuuh rangka kerja institusi dan kawal selia. Strategi yang dilaksana untuk mobiliti penumpang termasuk meningkatkan kebolehcapaian kepada pengangkutan awam secara menyeluruh dan menggalakkan perubahan tingkah laku daripada menggunakan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam. Selain itu, pelbagai usaha telah dijalankan dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan, memanfaatkan pendigitalan, menambah baik tadbir urus dan menggalakkan inisiatif hijau bagi memacu daya saing industri pengangkutan dan logistik. Sebanyak tujuh sasaran telah ditetapkan dan dalam tempoh kajian semula, empat sasaran telah dicapai, satu mengikut jadual, manakala dua masih ketinggalan. Penumpang pengangkutan awam di Greater Kuala Lumpur/Klang Valley mencatatkan purata pertumbuhan sebanyak 6.9%, penumpang pengangkutan udara meningkat sebanyak 104.3% dan pengendalian kargo melalui rel meningkat sebanyak 32.1%. Selain itu, Malaysia berada di kedudukan ke-26 daripada 139 negara dalam *World Bank Logistics Performance Index Report 2023*, mencapai sasaran 30 teratas. Di sebalik pencapaian ini, cabaran masih wujud dalam meningkatkan kecekapan infrastruktur pengangkutan dan logistik, termasuk ketidakcukupan data, tadbir urus yang kurang berkesan, ketersambungan dan infrastruktur yang kurang lengkap, penyelenggaraan yang tidak mencukupi dan sistem komuniti pelabuhan yang kurang berkesan.

## Pemangkin Dasar 4: Memperkuuh Perkhidmatan Awam



Dalam memperkuuh penyampaian perkhidmatan sektor awam, usaha ditumpukan kepada membangunkan penjawat awam yang berprestasi tinggi, memperluas pendekatan keseluruhan kerajaan serta memantapkan pengurusan belanjawan dan projek. Antara langkah yang telah dilaksanakan ialah menambah baik pengurusan sumber manusia, pentadbiran kerajaan dan kecekapan operasi, menyusun semula institusi, memperkuuh tadbir urus termasuk integriti dan ketelusan serta mempertingkatkan keberkesan pelaksanaan projek. Sebanyak 10 sasaran telah ditetapkan, dan daripada sasaran ini, dua telah dicapai, dua mengikut jadual dan enam masih ketinggalan. Pekeling Waktu Bekerja Fleksibel dalam Perkhidmatan Awam telah dikeluarkan pada tahun 2021, manakala jumlah keseluruhan perkhidmatan dalam talian dari peringkat awal ke akhir Kerajaan Persekutuan mencapai 81.3% pada tahun 2022, melebihi sasaran 80%. Walau bagaimanapun, pelbagai isu dan cabaran masih dihadapi, termasuk kelemahan dalam tadbir urus,kekangan dalam pembangunan modal insan dan pendigitalan, persekitaran perniagaan yang kurang kondusif, ruang fiskal yang terhad dan pengurusan projek yang kurang cekap.



## Malaysia MADANI dan Kajian Separuh Penggal

Malaysia MADANI dilancarkan pada bulan Januari 2023 dengan aspirasi untuk membangunkan Malaysia sebagai negara yang bertamadun. Ia memberi tumpuan kepada enam nilai teras iaitu kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Aspirasi ini disokong oleh lapan elemen penting iaitu ekonomi, perundangan, institusi, pendidikan, budaya, masyarakat, bandar dan luar bandar. Tiga teras strategik diperkenalkan, iaitu memajukan kemampunan ekonomi negara, mereformasi institusi dan tatakelola dan menegakkan keadilan sosial.

Rangka kerja ‘Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat’ pula diperkenalkan pada 27 Julai 2023 sebagai wadah untuk mengangkat semula darjat dan martabat negara. Tumpuan utama adalah untuk menstruktur semula ekonomi Malaysia ke arah menjadi peneraju ekonomi Asia. Aspirasi Malaysia MADANI dan rangka kerja ‘Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat’ menjadi induk kepada KSP RMKe-12 yang akhirnya akan memberi manfaat kepada rakyat untuk menikmati kehidupan yang lebih bermutu. Rangka kerja KSP RMKe-12 dengan tema **Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi** adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan O-1*. Tema ini disokong oleh pemacu utama **mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam** dan tiga fokus utama, iaitu **memperkuuh kemampunan, membangun masyarakat sejahtera dan mencapai negara berpendapatan tinggi**.

### Paparan O-1

## Kerangka Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas

|   |   |   |   |   |
|---|---|---|---|---|
| <p>Rangka kerja KSP RMKe-12 mengetengahkan,<br/><b>17 Anjakan Besar ‘Big Bold’s’</b><br/>untuk memangkin pembangunan sosioekonomi melalui pemacu utama dan tiga fokus utama</p> |  <b>Aspirasi</b>       |  <b>Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat</b>  |   |   |
|   |  <b>Tema</b>         | <b>Malaysia Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi</b>   |   |   |
|   |  <b>Pemacu utama</b> | <b>Mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam</b>   |  <ul style="list-style-type: none"> <li>① Tatakelola dan rangka kerja institusi</li> <li>② Perundangan berkaitan rasuah</li> </ul>   |   |
|   |  <b>Fokus utama</b>  | <br><b>Memperkuuh kemampunan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>③ Kemampunan fiskal dan sistem kewangan</li> <li>④ Industri HGHV berdasarkan peralihan tenaga</li> <li>⑤ Subsidi bersasar</li> </ul> | <br><b>Membangunkan masyarakat sejahtera</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>⑥ Pembudayaan masyarakat MADANI</li> <li>⑦ Reformasi perlindungan sosial</li> <li>⑧ Perumahan untuk rakyat</li> <li>⑨ Pengukuhan perkhidmatan kesihatan</li> <li>⑩ Pengukuhan keselamatan dan pertahanan negara</li> </ul> | <br><b>Mencapai negara berpendapatan tinggi</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>⑪ Industri HGHV berdasarkan teknologi dan digital</li> <li>⑫ Industri HGHV E&amp;E bernilai tinggi</li> <li>⑬ HGHV pertanian dan industri asas tan</li> <li>⑭ Industri HGHV nadir bumi</li> <li>⑮ Pemerkasaan PMKS dan perusahaan sosial</li> <li>⑯ Pengukuhan jaringan pengangkutan awam</li> <li>⑰ Ketersediaan bakat masa hadapan</li> </ul> |


KSP RMKe-12 mengenal pasti 17 Anjakan Besar untuk memangkin pembangunan sosioekonomi dalam tempoh akhir RMKe-12. Perincian Anjakan Besar ini adalah seperti ditunjukkan dalam *Paparan O-2*. Anjakan Besar ini akan dilaksanakan melalui sekurang-kurangnya 71 strategi dan inisiatif merentas pemacu utama dan tiga fokus utama. Pencapaian Anjakan Besar ini akan dipantau berdasarkan pelbagai sasaran terpilih yang telah ditetapkan dan 21 daripada sasaran tersebut adalah seperti ditunjukkan dalam *Paparan O-3*.

### *Paparan O-2*

## 17 Anjakan Besar serta 71 Strategi dan Inisiatif Utama

| Anjakan Besar  | Strategi/Inisiatif Utama  |
|--|---|
|  <b>Tatakelola dan Rangka Kerja Institusi</b>       | <ul style="list-style-type: none"> <li>Memperkuuh tatakelola dan integriti untuk membina semula kepercayaan dan keyakinan rakyat</li> <li>Memantapkan struktur institusi untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam</li> <li>Memperkasakan peranan Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) bagi memantapkan penyampaian perkhidmatan awam</li> <li>Membangunkan Sistem Amaran Awal Tanah Runtuh (SAATR) untuk menambah baik pengurusan bencana</li> </ul>   |
|  <b>Perundangan Berkaitan Rasuah</b>               | <ul style="list-style-type: none"> <li>Memantapkan rangka kawal selia bagi menambah baik akauntabiliti dan ketelusan</li> <li>Memperkenalkan pelan integriti berdasarkan nilai murni MADANI</li> <li>Menggubal undang-undang berkaitan <i>anti rent-seeking</i></li> </ul>  |
|  <b>Kemampuan Fiskal dan Sistem Kewangan</b>      | <ul style="list-style-type: none"> <li>Memperkenalkan akta tanggungjawab fiskal</li> <li>Mempercepat penggubalan akta perolehan kerajaan</li> <li>Memperluas asas hasil</li> <li>Menyelaras semula lebihan dana di bawah badan berkanun Persekutuan dan syarikat berkaitan Kerajaan</li> <li>Meningkatkan keberkesanan kos dalam pelaksanaan projek</li> <li>Memperkuuh Malaysia sebagai pusat kewangan Islam global</li> </ul>   |
|  <b>Industri HGHV Berasaskan Peralihan Tenaga</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR)</li> <li>Mewujudkan sistem pasaran elektrik (<i>electricity exchange system</i>) bagi membolehkan perdagangan TBB</li> <li>Meningkatkan kapasiti TBB - solar, hidro, biotenaga dan hidrogen</li> <li>Memperkenalkan pelan hala tuju gas asli</li> <li>Mempercepat penyediaan kerangka perundangan dan kawal selia pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS)</li> <li>Merangka strategi jangka panjang pembangunan rendah karbon (LT-LEDS)</li> <li>Melaksanakan <i>carbon pricing</i></li> <li>Mempercepat langkah menerima pakai prinsip ESG</li> </ul> |
|  <b>Subsidi Bersasar</b>                          | <ul style="list-style-type: none"> <li>Menyasarkan semula semua jenis subsidi seperti elektrik, diesel dan RON95</li> <li>Membangunkan repositori data isi rumah, Pangkalan Data Utama (PADU)</li> </ul>  |


| Anjakan Besar   | Strategi/Inisiatif Utama   |
|---|--|
|  <p><b>Pembudayaan Masyarakat MADANI</b></p>                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan masyarakat progresif</li> <li>Membentuk jati diri berteraskan Rukun Negara</li> <li>Menyemarakkan semangat kenegaraan dan perpaduan melalui program <i>flagship</i> Kembara Perpaduan</li> <li>Membangunkan insan MADANI melalui penerapan elemen dan nilai Maqasid Syariah</li> <li>Meningkatkan penyertaan inklusif dalam sukan</li> </ul>   |
|  <p><b>Reformasi Perlindungan Sosial</b></p>                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>Memperkasa sistem perlindungan sosial negara melalui pendekatan sepanjang kitaran hidup (<i>life-cycle approach</i>)</li> <li>Menyediakan garis panduan pekerja tidak formal untuk perlindungan sosial yang lebih komprehensif</li> <li>Memperluas program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) meliputi miskin tegar, miskin dan B40 bagi meningkatkan pendapatan</li> </ul>  |
|  <p><b>Perumahan untuk Rakyat</b></p>                            | <ul style="list-style-type: none"> <li>Mempercepat peralihan daripada konsep pemilikan kepada tempat tinggal</li> <li>Memperkenalkan pakej pembiayaan perumahan yang menarik dan mampan</li> <li>Manfaatkan potensi perkampungan persaraan</li> </ul>  |
|  <p><b>Pengukuh Perkhidmatan Kesihatan</b></p>                  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Memperkuuh pembiayaan perlindungan kesihatan</li> <li>Memperluas skim perubatan MADANI</li> <li>Memperkenalkan mekanisme perolehan peralatan kesihatan secara sewaan</li> <li>Menubuhkan institut kesihatan mental kebangsaan</li> </ul>  |
|  <p><b>Pengukuhan Keselamatan dan Pertahanan Negara</b></p>    | <ul style="list-style-type: none"> <li>Mempertingkatkan keselamatan sempadan negara</li> <li>Memperkuuh kesiapsiagaan dan keupayaan mengurus ancaman keselamatan</li> <li>Menubuhkan <i>Prison Incorporated</i> sebagai penyelaras dalam mempertingkatkan program pemulihan banduan</li> </ul>   |
|  <p><b>Industri HGHV Berdasarkan Teknologi dan Digital</b></p> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Mempercepat pendigitalan melalui <i>Government Technology (GovTech)</i></li> <li>Mempercepat pelaksanaan Identiti Digital Nasional</li> <li>Melaksanakan program kepimpinan dan peningkatan kemahiran digital peringkat nasional</li> <li>Memperkuuh ekosistem <i>tech start-up</i> – tumpuan kepada pelabur budiman (<i>angel investors</i>) dan syarikat pemula di peringkat pembentukan (<i>seed companies</i>)</li> <li>Memantapkan program INNOVATHON sebagai platform untuk menggalakkan inovasi</li> </ul> |
|  <p><b>Industri HGHV E&amp;E Bernilai Tinggi</b></p>           | <ul style="list-style-type: none"> <li>Memperkuuh ekosistem <i>front end</i> bagi menggalakkan peralihan kepada rantai nilai yang lebih tinggi</li> <li>Menumpukan kepada aktiviti bernilai tinggi dalam reka bentuk litar bersepadu, reka bentuk kejuruteraan dan fabrikasi wafer</li> <li>Meningkatkan pelaburan berkualiti yang mengutamakan teknologi termaju</li> </ul>   |

| Anjakan Besar  | Strategi/Inisiatif Utama  |
|--|---|
|  <b>HGHV Pertanian dan Industri Asas Tani</b>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>Memperkuuh pertanian moden dengan melibatkan pelaburan swasta untuk mempercepat penerimgunaan teknologi pertanian pintar</li> <li>Mempelbagaikan industri berdasarkan pertanian untuk mengurangkan import makanan</li> <li>Menggalakkan pertanian rendah karbon</li> <li>Memperluas program Program Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) di bawah IPR sebagai strategi untuk mengukuhkan rantaian bekalan makanan dan meningkatkan pendapatan</li> </ul>  |
|  <b>Industri HGHV Nadir Bumi</b>                | <ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan model perniagaan industri nadir bumi yang komprehensif pada peringkat huluhan, pertengahan dan hiliran</li> <li>Melaksanakan pemetaan sumber nadir bumi secara terperinci di negeri-negeri yang memiliki potensi sumber nadir bumi</li> <li>Mengkaji semula Dasar Mineral Negara 2 bagi menyokong dan menetapkan hala tuju industri mineral termasuk nadir bumi</li> <li>Mempertingkat <i>research &amp; development &amp; commercialisation &amp; innovation (R&amp;D&amp;C&amp;I)</i> bagi mengetengahkan hasil dan produk nadir bumi tempatan</li> </ul> |
|  <b>Pemerkasaan PMKS dan Perusahaan Sosial</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengintegrasikan PMKS ke dalam rantaian bekalan domestik dan global</li> <li>Menggalakkan pembiayaan alternatif untuk PMKS</li> <li>Mempercepat pertumbuhan produktiviti PMKS melalui penerimgunaan teknologi</li> <li>Meningkatkan skala PMKS melalui usaha sama pintar</li> <li>Mengalakkan perusahaan sosial terlibat dalam projek keusahawanan sosial yang inovatif</li> <li>Mengoptimumkan potensi wakaf untuk pengembangan perusahaan</li> </ul>   |
|  <b>Pengukuhan Jaringan Pengangkutan Awam</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Menambah baik ketersambungan batuan pertama dan akhir melalui perluasan perkhidmatan <i>Bus Rapid Transit (BRT)</i> dan bas dalam bandar</li> <li>Memperkuuh data mobiliti penumpang</li> <li>Meningkatkan kebolehcapaian dan ketersambungan untuk memudah cara pergerakan penumpang dan barang yang lebih baik</li> <li>Melaksanakan penerbangan hijau melalui peningkatan kecekapan pengurusan trafik udara</li> </ul>   |
|  <b>Ketersediaan Bakat Masa Hadapan</b>       | <ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan dasar gaji progresif</li> <li>Mempercepat pelaksanaan levi pelbagai peringkat</li> <li>Melaksanakan peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula yang berterusan</li> <li>Memperkenalkan program Akademi dalam Industri (Ail) sebagai platform kerjasama kerajaan dan industri</li> </ul>   |


Paparan O-3

## Sasaran Terpilih Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas

### Memperkuuh Kemampanan




## Membangunkan Masyarakat Sejahtera



Nota: <sup>a</sup> Internet merangkumi WiFi dan 4G.

## Mencapai Negara Berpendapatan Tinggi



## Hala Tuju, 2023-2025

### Prospek Ekonomi Makro

Dalam tempoh akhir RMKe-12, ekonomi dijangka berkembang antara 5% hingga 5.5% setahun didorong oleh permintaan dalam negeri, terutama disumbang oleh perbelanjaan sektor swasta. Usaha akan dipergiat bagi menambah baik pertumbuhan produktiviti buruh yang dianggarkan meningkat sebanyak 3.8% setahun. Peningkatan ini akan disokong oleh penambahbaikan dalam pasaran buruh dengan ekonomi kekal pada tahap guna tenaga penuh. Jangkaan penambahbaikan dalam pasaran buruh akan menyumbang ke arah pencapaian sasaran 40% bahagian CE daripada KDNK pada tahun 2025 dan akhirnya 45% dalam tempoh 10 tahun. PNK per kapita pada harga semasa diunjurkan mencapai RM61,000 (AS\$14,250) pada tahun 2025. Selain itu, kadar inflasi dijangka kekal terkawal antara 2.8% hingga 3.8% setahun. Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan dan pembuatan akan kekal sebagai sumber utama pertumbuhan. Di samping itu, pertumbuhan yang lebih tinggi dalam subsektor kejuruteraan awam dan bangunan kediaman dijangka menyokong pemuliharaan sektor pembinaan. Pertumbuhan ekonomi yang berterusan akan merintis jalan ke arah mencapai negara berpendapatan tinggi dan menjadi antara 30 ekonomi terbesar di dunia.

### Mempertingkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

Dalam tempoh akhir RMKe-12, Kerajaan akan memberi tumpuan untuk mempertingkatkan tadbir urus berasaskan nilai murni dengan menambah baik akauntabiliti dan ketelusan serta memperkuuh dan membudayakan integriti dalam perkhidmatan awam. Strategi ini akan disokong melalui dua Anjakan Besar, iaitu Tatakelola dan Rangka Kerja Institusi serta Perundungan berkaitan Rasuah. Dalam hubungan ini, inisiatif yang akan dilaksana termasuk memperkuuh struktur institusi kementerian dan agensi serta memantapkan peranan Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Di samping itu, usaha memantapkan modal insan perkhidmatan awam akan dilaksana dengan membangunkan pemimpin berkualiti dan meningkatkan kompetensi penjawat awam.

Selaras dengan pendekatan keseluruhan negara, transformasi digital juga akan dipercepat dengan menambah baik perkhidmatan dalam talian dari peringkat awal ke akhir dan menggalakkan perkongsian data. Di samping itu, pemodenan perkhidmatan awam akan dilaksana melalui Government Technology (GovTech) yang merangkumi perkhidmatan awam yang mudah diakses dan berpaksikan rakyat, transformasi kerajaan digital

serta sistem kerajaan yang cekap, telus dan tidak rumit. Pelaksanaan Identiti Digital Nasional akan dipercepat di bawah GovTech. Usaha ini adalah antara inisiatif di bawah Anjakan Besar Industri Berasaskan Teknologi dan Digital. Selain itu, di bawah Anjakan Besar Subsidi Bersasar, Pangkalan Data Utama (PADU) akan dibangunkan sebagai repositori data untuk menyokong pengagihan subsidi dan bantuan bersasar dengan tepat dan telus bagi menangani isu sosioekonomi setiap isi rumah. Rangka kerja institusi dan perniagaan juga akan diperkuuh dengan menyemak semula struktur dan fungsi kementerian dan agensi serta meningkatkan keberkesanannya dalam memudah cara urusan menjalankan perniagaan.

Kerajaan juga akan memberi keutamaan untuk meningkatkan keberkesanannya dan kecekapan pengurusan belanjawan dan projek ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih baik. Dalam hubungan ini, melalui Anjakan Besar Kemampunan Fiskal dan Sistem Kewangan, Kerajaan akan mempercepat penggubalan akta perolehan, menambah baik penjanaan hasil dan mengoptimumkan lebihan dana di bawah badan berkanun Persekutuan dan syarikat berkaitan Kerajaan. Inisiatif ini akan memacu usaha untuk memperkuuh kemampunan, membangunkan masyarakat sejahtera dan mencapai negara berpendapatan tinggi.

### Bidang Fokus Utama

Tiga bidang fokus utama yang digariskan di bawah KSP RMKe-12 adalah memperkuuh kemampunan, membangunkan masyarakat sejahtera dan mencapai negara berpendapatan tinggi. Setiap bidang fokus ini dilengkapi dengan strategi dan inisiatif yang komprehensif bagi menangani isu dan cabaran utama yang telah dikenal pasti. Pelaksanaan bidang fokus ini akan memastikan Malaysia kekal pada landasan pertumbuhan yang betul ke arah mencapai wadah ‘Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat’.

### Memperkuuh Kemampunan

KSP RMKe-12 akan terus memberi tumpuan untuk memperkuuh kemampunan dengan melonjakkan pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kemampunan fiskal dan mempercepat peralihan kepada ekonomi kalis cabaran masa hadapan. Usaha akan dipergiat bagi mempercepat reformasi struktur ekonomi, memperkuuh perdagangan luar dalam rantaian nilai global, mengoptimumkan potensi ekonomi wilayah dan negeri serta mengurus inflasi. Dalam hubungan ini, langkah akan diambil untuk memperkuuh daya saing dan produktiviti. Keutamaan akan diberi untuk mempercepat pembangunan sumber pertumbuhan baharu, terutama dalam industri *high growth high value* (HGHV). Di samping itu, tumpuan akan diberi untuk menarik lebih banyak pelaburan berkualiti dalam industri berdasarkan teknologi bagi merangsang pertumbuhan sektor dan mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi.

Dalam meningkatkan kemampuan fiskal, penekanan akan diberi untuk memperkuuh tadbir urus fiskal, memperluas asas hasil, menyasarkan semula subsidi serta menambah baik pengurusan belanjawan, hutang dan liabiliti ke arah mencapai sasaran defisit fiskal antara 3.5% hingga 3% kepada KDNK pada tahun 2025. Pengurusan fiskal akan ditambah baik dengan menggubal undang-undang mengenai tanggungjawab fiskal serta merangka akta baharu mengenai hutang dan perolehan. Di samping itu, pengurusan hasil akan ditambah baik dengan memperluas asas cukai serta menerima guna teknologi dan pendigitalan untuk memastikan kutipan yang lebih baik.

Usaha akan diambil untuk melaksanakan Subsidi Bersasar sebagai satu daripada Anjakan Besar dalam memastikan kumpulan sasar yang tepat mendapat manfaat daripada bantuan yang disediakan serta memastikan perbelanjaan fiskal yang berhemat. Dalam hubungan ini, PADU akan dimanfaat sebagai sistem rujukan berpusat untuk menyasarkan pemberian bantuan berdasarkan pendapatan boleh guna isi rumah. Antara subsidi ini termasuk elektrik, diesel dan petrol serta bantuan sosial lain.

Peralihan tenaga memberi peluang yang signifikan kepada Malaysia untuk meneroka potensi pertumbuhan hijau. Peralihan ini termasuk perubahan ke arah Industri GHG berasaskan Peralihan Tenaga yang merupakan satu daripada Anjakan Besar. Dalam hubungan ini, pelan hala tuju peralihan tenaga negara akan dilaksanakan bagi mempercepat penggunaan sumber TBB seperti solar, bioteknologi dan hidrogen. Selain itu, sistem pasaran tenaga elektrik untuk membolehkan perdagangan TBB rentas sempadan dengan memanfaatkan permintaan TBB serantau yang semakin meningkat akan dibangunkan. Manakala, penyediaan rangka kerja kawal selia untuk pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) akan dipercepatkan. Di samping itu, bagi mencapai aspirasi pelepasan gas rumah kaca bersih sifar seawal tahun 2050, strategi jangka panjang pembangunan rendah karbon (LT-LEDS) akan digubal dan mekanisme *carbon pricing* akan dilaksanakan. Usaha untuk mencapai peralihan tenaga yang saksama adalah komponen penting dalam penstrukturkan semula ekonomi, pewujudan pekerjaan, pertumbuhan ekonomi dan pembangunan mampan.

Dalam usaha melonjakkan kemampuan, perubahan iklim dan cabaran alam sekitar yang lain akan ditangani, termasuk dalam sektor tenaga dan air. Untuk mempercepat pelaksanaan pembangunan rendah karbon, bersih dan berdaya tahan, strategi akan ditumpukan, antara lain untuk mempercepat peralihan kepada ekonomi kitaran dan menggalakkan perkongsian tanggungjawab dalam pencegahan pencemaran. Penekanan akan diberi untuk memulihara ekosistem semula jadi dan memperkuuh pengurusan air bagi mengurus sumber asli secara cekap. Usaha akan dipergiat untuk mempercepat pelaksanaan SDG dan menerima pakai

ESG. Langkah untuk memperkuuh persekitaran yang menyokong akan ditumpukan kepada mempertingkatkan tadbir urus kemampuan serta memupuk rasa pemilikan dan kebertanggungjawaban bersama.

## Membangunkan Masyarakat Sejahtera

Usaha untuk membina masyarakat yang inklusif dan lebih berdaya tahan akan diteruskan dalam tempoh akhir RMKe-12 bagi membangunkan masyarakat yang sejahtera. Dalam menangani dan membasi kemiskinan, usaha akan dipergiat untuk meningkatkan pendapatan dan menambah baik taraf hidup. Langkah untuk memperkasa isi rumah mudah terjejas termasuk meluaskan peluang ekonomi dan perlindungan, serta menambah baik akses kepada perkhidmatan asas. M40 akan terus dibantu bagi meningkatkan pendapatan dan akses kepada perumahan serta menambah baik perlindungan kesihatan dan pekerjaan. Usaha untuk menambah baik akses kepada peluang dan memperkuuh perlindungan sosial adalah penting untuk mengurangkan ketidaksamarataan. Selain itu, strategi untuk mengembangkan perniagaan dan meningkatkan penciptaan kekayaan akan dipergiat bagi memastikan outcome yang lebih saksama untuk Bumiputera. Penekanan akan diberi untuk mempercepat pembangunan sosioekonomi komuniti Orang Asli. Strategi untuk memperkasakan kumpulan sasar khusus termasuk meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak dan warga emas serta pemerkasaan gender.

Reformasi Perlindungan Sosial akan dilaksanakan sebagai satu daripada Anjakan Besar untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam membantu golongan miskin dan mudah terjejas. Reformasi ini akan dilaksanakan secara menyeluruh pada peringkat Persekutuan dan negeri. Dalam hubungan ini, sistem perlindungan sosial akan diperkuuh dengan mengambil kira pelbagai risiko dan cabaran yang dihadapi oleh individu melalui pendekatan sepanjang hayat.

Strategi utama dalam mengekalkan keamanan dan kestabilan termasuk memelihara kedaulatan negara serta mempergiat usaha pencegahan jenayah dan rehabilitasi. Strategi ini akan disokong melalui pelaksanaan Anjakan Besar Memperkuuh Keselamatan dan Pertahanan Negara. Inisiatif di bawah Anjakan Besar ini termasuk mempertingkatkan keselamatan sempadan negara, kesiapsiagaan dan keupayaan dalam mengurus ancaman keselamatan serta menujuhan *Prison Incorporated* sebagai penyelaras dalam mempertingkatkan program pemulihan banduan. Selain itu, antara langkah yang akan dipergiat dalam memperkuuh perpaduan termasuk menggalakkan rakyat menerima kepelbagaiannya sebagai aset negara. Langkah membangunkan insan MADANI melalui penerapan elemen dan nilai prinsip Maqasid Syariah dan masyarakat yang progresif adalah sebahagian daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Pembudayaan Masyarakat

MADANI. Selain itu, pembentukan jati diri berteraskan Rukun Negara dan usaha menyemarakkan semangat kenegaraan dan perpaduan melalui program *flagship* Kembara Perpaduan serta langkah untuk meningkatkan penyertaan inklusif dalam sukan juga akan dilaksana di bawah Anjakan Besar ini. Di samping itu, strategi akan dilaksana untuk mengaktifkan semula aktiviti sukan dan membangunkan industri sukan dalam membina masyarakat yang aktif.

Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan merupakan satu daripada Anjakan Besar yang akan dilaksana bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat. Penyewaan peralatan perubatan akan diperkenalkan sebagai peralihan besar untuk memastikan ketersediaan peralatan perubatan yang terbaik dari segi fungsi, penyelenggaraan dan prestasi dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkesan. Inisiatif ini juga akan menangani isu kos yang tinggi dalam perolehan dan penggantian peralatan perubatan disebabkan oleh kepesatan kemajuan teknologi.

Bekalan rumah yang berkualiti dan mampu milik akan ditingkatkan dengan menambah baik akses dan menyediakan perumahan mampu milik yang inklusif. Anjakan Besar Perumahan untuk Rakyat akan dilaksana dengan mempercepat peralihan daripada konsep pemilikan rumah kepada tempat tinggal. Program Sewa untuk Beli akan diperluas bagi meningkatkan akses kepada perumahan, manakala kerjasama dengan institusi kewangan akan diteruskan dalam menyediakan pakej pembiayaan perumahan yang menarik dan mampan. Di samping itu, tumpuan akan diberi untuk memastikan perumahan inklusif yang akan memberi manfaat kepada warga emas. Pelaksanaan pelbagai langkah bagi menggalakkan keharmonian sosial yang lebih baik serta kehidupan yang lebih selamat, kondusif dan sihat untuk rakyat akan menyokong pembangunan masyarakat sejahtera.

## Mencapai Negara Berpendapatan Tinggi

Langkah untuk melonjakkan daya tahan ekonomi akan diambil untuk mencapai negara berpendapatan tinggi. Tumpuan akan diberi dalam memperkuuh daya tahan sektor dan industri strategik, memacu daya saing untuk pertumbuhan mampan, melonjakkan keberkesanan sokongan kewangan serta menyusun strategi untuk memperkuuh kawasan perindustrian dan pengeluaran makanan. Di samping itu, tumpuan juga akan diberi untuk mengatasi halangan dalam meningkatkan skala PMKS bagi melonjakkan pertumbuhan dan meningkatkan sumbangan kepada ekonomi. Reformasi struktur ekonomi akan dipercepat dengan sasaran untuk menjadi peneraju serantau dalam industri HGHV. Dalam hubungan ini, Industri HGHV E&E Bernilai Tinggi akan diberi tumpuan sebagai satu daripada Anjakan Besar dengan memberi keutamaan kepada aktiviti yang mempunyai nilai

ditambah yang tinggi dan pelaburan berkualiti. Tumpuan akan diberi dalam pelaksanaan Anjakan Besar HGV Pertanian dan Industri Asas Tani, termasuk melalui inisiatif untuk mempercepat pemodenan dengan penglibatan pelaburan swasta dalam menerima guna teknologi pertanian pintar serta menggalakkan pertanian rendah karbon.

Industri nadir bumi bukan radioaktif akan dibangunkan secara menyeluruh sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Industri HGV Nadir Bumi untuk memaksimumkan sumbangan kepada ekonomi. Bagi menyokong usaha ini, beberapa inisiatif akan dilaksana, termasuk menyemak semula Dasar Mineral Negara 2 dan membangunkan model perniagaan nadir bumi yang komprehensif. Selain itu, aktiviti R&D&C&I akan ditingkatkan untuk membangunkan dan mempromosi produk nadir bumi tempatan yang bernilai tinggi pada peringkat pertengahan dan hiliran.

Dalam memacu daya saing untuk pertumbuhan mampan, langkah akan diambil untuk mempertingkatkan penerimagunaan teknologi dan pendigitalan, meningkatkan pemerolehan bakat, memperkuuh rantaian nilai dan menambah baik mekanisme tadbir urus. Selain itu, keberkesanan sokongan kewangan akan ditingkatkan, terutama dengan memperkuuh Malaysia sebagai pusat kewangan Islam global yang merupakan satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Kemampanan Fiskal dan Sistem Kewangan. Di samping itu, kawasan perindustrian dan kawasan pengeluaran makanan akan dipertingkatkan sebagai pemangkin pertumbuhan. Dalam hubungan ini, pelaksanaan Program Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) di bawah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) akan diperluas dan industri asas tani akan dipelbagaikan sebagai inisiatif di bawah Anjakan Besar pertanian.

Langkah untuk mengatasi halangan dalam meningkatkan skala PMKS akan diambil dengan mengintegrasikan PMKS ke dalam rantaian bekalan domestik dan global serta mempercepat pertumbuhan produktiviti PMKS. Perusahaan sosial akan digalakkan untuk terlibat dalam projek keusahawanan sosial yang berinovatif. Strategi ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Anjakan Besar Memperkasa PMKS dan Perusahaan Sosial. Langkah ini akan menyumbang kepada pencapaian ekonomi berpendapatan tinggi, berdaya saing dan berdaya tahan untuk pertumbuhan mampan.

Langkah akan diambil untuk memperkuuh pemangkin utama dalam mempercepat pertumbuhan ekonomi, iaitu bakat, teknologi, R&D&C&I dan pendigitalan serta infrastruktur pengangkutan dan logistik. Reformasi pasaran buruh akan dilaksana untuk meningkatkan kecekapan. Usaha bagi membentuk semula bakat untuk pekerjaan masa hadapan adalah termasuk memperkuuh inisiatif pendidikan dan mempertingkatkan ekosistem TVET. Ketersediaan Bakat Masa Hadapan adalah satu daripada Anjakan Besar

yang dilengkapi dengan program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula yang berterusan serta pengenalan program Akademi dalam Industri. Langkah ini akan mewujudkan pasaran buruh yang lebih kukuh dan memastikan bakat yang dihasilkan memenuhi keperluan industri.

Model gaji progresif akan diperkenalkan untuk mempercepat pertumbuhan kadar upah dan menangani isu berkaitan bahagian pampasan pekerja kepada KDNK yang rendah. Selain itu, pelan tindakan akan dirangka untuk memastikan bilangan pekerja asing tidak melebihi 15% daripada jumlah tenaga kerja. Pelan tindakan ini termasuk melaksanakan mekanisme levi pelbagai peringkat dan menggalakkan automasi dan mekanisasi. Pelaksanaan pelan tindakan ini akan meningkatkan peluang peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula untuk pekerja tempatan dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Skim perlindungan sosial yang meliputi kecederaan di luar waktu bekerja dan tidak berkaitan dengan pekerjaan akan diperkenalkan bagi menambah baik kebajikan pekerja. Di samping itu, garis panduan untuk pekerja sektor informal, termasuk klasifikasi pekerja gig sebagai pekerja, akan dirangka.

Keutamaan akan diberikan untuk melonjakkan pertumbuhan Industri HGV Berasaskan Teknologi dan Digital sebagai satu daripada Anjakan Besar. Persekutuan yang menyokong akan dipertingkatkan dengan mewujudkan dasar digital yang inklusif dan membangunkan infrastruktur yang kondusif. Di samping itu, usaha akan dipergiat untuk meningkatkan aktiviti R&D&C&I dan teknologi termaju. Dalam hubungan ini, langkah akan diambil untuk menarik lebih banyak penyertaan dalam program INNOVATION yang menggalakkan inovasi dalam kalangan rakyat. Ekosistem modal teroka juga akan diperkuuh dengan memberi tumpuan kepada pelabur budiman dan dana pemula bagi menggalakkan keusahawanan dan inovasi. Langkah ini akan mewujudkan ekosistem dinamik yang menyokong pembangunan sosioekonomi dan masyarakat yang inklusif serta peningkatan daya saing global.

Penekanan yang lebih akan diberi kepada pembangunan infrastruktur pengangkutan dan logistik yang berdaya tahan. Strategi yang akan dilaksana termasuk memperkuuh tadbir urus dan ketersambungan, menambah baik penyelenggaraan serta meningkatkan daya saing logistik dan fasilitasi perdagangan. Dalam hubungan ini, Anjakan Besar Pengukuhan

Jaringan Pengangkutan Awam diperkenalkan bagi menyediakan akses dan ketersambungan yang lebih baik. Di bawah Anjakan Besar ini, inisiatif yang akan dilaksana termasuk memperluas perkhidmatan Bus Rapid Transit (BRT) dan bas dalam bandar, memperkuuh data mobiliti penumpang, memudah cara pergerakan penumpang dan barang yang lebih baik serta melaksanakan penerbangan hijau. Pelaksanaan usaha ini akan menambah baik mobiliti penumpang, meningkatkan produktiviti industri dan memenuhi keperluan pasaran global.

Tumpuan yang lebih akan diberi untuk menggalakkan keseimbangan dan keterangkuman wilayah dengan mempertingkatkan potensi ekonomi wilayah, mempercepat pembangunan luar bandar dan bandar mampan serta mengoptimumkan peluang daripada kerjasama subserantau. Langkah untuk mempertingkatkan potensi ekonomi wilayah termasuk menarik pelaburan berkualiti di kawasan khusus. Pembangunan luar bandar akan dipergiat dengan memperluas penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan serta memanfaatkan potensi ekonomi setempat. Peluang daripada kerjasama subserantau akan dioptimumkan untuk mempercepat pembangunan di kawasan sempadan. Selain itu, pembangunan di Sabah dan Sarawak akan dipercepat dengan merancakkan aktiviti ekonomi dan menambah baik akses kepada infrastruktur asas. Usaha ini akan mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah dan negeri di samping menggalakkan pertumbuhan yang saksama dan inklusif serta meningkatkan kesejahteraan rakyat.




## Kesimpulan

KSP RMKe-12 menggariskan pencapaian bagi tahun 2021-2022, mengetengahkan isu dan cabaran yang perlu ditangani serta menetapkan hala tuju bagi tahun 2023-2025 ke arah negara yang mampan, sejahtera dan berpendapatan tinggi. Dalam tempoh kajian semula, pertumbuhan ekonomi adalah memberangsangkan walaupun berhadapan dengan persekitaran yang mencabar. Pelaksanaan semua inisiatif pembangunan perlu dipercepat bagi memastikan cabaran domestik dan global ditangani secara berkesan. Kejayaan pelaksanaan 17 Anjakan Besar adalah penting dalam memacu pencapaian sasaran yang ditetapkan, selaras dengan wadah ‘Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat’.



# Bab

# 1



# Ekonomi Kalis Cabaran Masa Hadapan

|   |             |
|---|-------------|
| <b>Pendahuluan</b>  | <b>1-2</b>  |
| <b>Prestasi, 2021-2022</b>                                      | <b>1-3</b>  |
| Ekonomi Dunia   | 1-3         |
| Ekonomi Dalam Negeri  | 1-3         |
| <b>Isu dan Cabaran</b>  | <b>1-9</b>  |
| Peralihan Struktur Ekonomi yang Perlahan                        | 1-9         |
| Gangguan dalam Rantaian Bekalan Global                          | 1-9         |
| Jurang Pertumbuhan antara Wilayah dan antara Negeri Masih Wujud | 1-9         |
| Inflasi yang Meningkat  | 1-9         |
| Risiko Kedinamikan Penduduk                                     | 1-9         |
| Ruang Fiskal yang Terhad  | 1-9         |
| <b>Hala Tuju, 2023-2025</b>                                     | <b>1-13</b> |
| Prospek Ekonomi Dunia   | 1-13        |
| Prospek Ekonomi Dalam Negeri                                    | 1-13        |
| Mempercepat Reformasi Struktur Ekonomi                          | 1-16        |
| Memperkuuh Perdagangan Luar dalam Rantaian Bekalan Global       | 1-18        |
| Mengoptimum Potensi Ekonomi Wilayah dan Negeri                  | 1-18        |
| Mengurus Inflasi  | 1-19        |
| Menambah Baik Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan           | 1-19        |
| <b>Kesimpulan</b>   | <b>1-21</b> |

## Pendahuluan

Dalam tempoh kajian semula Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), kadar pertumbuhan purata tahunan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) meningkat sebanyak 5.9%, melebihi sasaran asal antara 4.5% hingga 5.5% setahun, walaupun menghadapi persekitaran yang mencabar. Ekonomi Malaysia semakin pulih dan mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 8.7% pada tahun 2022, berbanding 3.3% pada tahun 2021, sejajar dengan pemulihan ekonomi dunia. Keadaan pasaran buruh juga bertambah baik yang mendorong kepada peningkatan pekerjaan. Akaun semasa imbangan pembayaran kekal berada dalam lebihan, disokong oleh permintaan luaran yang kukuh. Di samping itu, defisit fiskal Kerajaan Persekutuan terus mengecil. Kesejahteraan rakyat bertambah baik seperti ditunjukkan oleh Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI) pada tahun 2021 sejajar dengan prestasi ekonomi. Selain itu, inflasi domestik meningkat disebabkan oleh harga komoditi global yang lebih tinggi, tetapi masih pada tahap yang terkawal. Walaupun pencapaian keseluruhan adalah positif, masih terdapat isu dan cabaran pada peringkat global dan domestik yang perlu ditangani. Risiko global termasuk ketegangan geopolitik, gangguan perdagangan dan rantai bekalan global serta harga komoditi dan inflasi yang lebih tinggi. Isu pada peringkat domestik termasuk peralihan struktur ekonomi yang perlahan, jurang pertumbuhan antara wilayah dan antara negeri yang masih wujud serta ruang fiskal yang terhad.

Melangkah ke hadapan, untuk memastikan ekonomi kalis cabaran, penekanan akan diberikan kepada transformasi ekonomi dengan meningkatkan daya saing dan memastikan pertumbuhan mampan. Usaha akan dipergiat bagi mempercepat reformasi struktur ekonomi, memperkuuh perdagangan luar dalam rantai bekalan global, mengoptimumkan potensi ekonomi wilayah dan negeri dan mengurus inflasi. Di samping itu, tumpuan juga akan diberi untuk meningkatkan kemampunan dan kredibiliti fiskal dengan memperkuuh tadbir urus fiskal, meningkatkan hasil, menyemak semula subsidi bersasar dan mempertingkatkan pengurusan belanjawan serta menambah baik pengurusan hutang dan liabiliti. Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada pertumbuhan ekonomi, inklusiviti dan kemampunan ke arah mencapai wadah ‘Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat’ dan menjadi negara berpendapatan tinggi.

## Prestasi, 2021-2022

### Ekonomi Dunia

Dalam tempoh kajian semula, ekonomi dunia berkembang sebanyak 4.9% setahun, menunjukkan pemulihan ekonomi global pasca pandemik COVID-19. Pemulihan ini disokong oleh pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi, peluasan program vaksinasi dan pembukaan semula ekonomi di seluruh dunia. Pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun berkembang sebanyak 5.4% setahun, manakala ekonomi maju meningkat sebanyak 4%. Pertumbuhan ekonomi maju diterajui oleh Amerika Syarikat (AS), didorong oleh pelaburan tetap perniagaan serta perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan yang lebih tinggi. Perdagangan dunia berkembang sebanyak 7.9% setahun, terutama disokong oleh prestasi perdagangan pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun yang lebih kukuh. Selain itu, inflasi dunia meningkat sebanyak 6.7% setahun berikutan konflik antara Rusia dan Ukraine yang berpanjangan dan harga komoditi yang tinggi.

### Ekonomi Dalam Negeri


Dalam tempoh kajian semula, potensi pengeluaran berkembang sebanyak 3.8% setahun. KDNK berkembang sebanyak 5.9% setahun disumbang oleh pertumbuhan produktiviti buruh yang lebih baik sebanyak 3.7% setahun. Sektor swasta kekal sebagai pemacu pertumbuhan disokong oleh dasar monetari yang akomodatif dan dasar fiskal mengembang. Keadaan pasaran buruh bertambah baik dan kembali mencapai tahap guna tenaga penuh. Permintaan buruh yang lebih tinggi menyumbang kepada gaji dan upah yang lebih baik, terutama dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, inflasi meningkat kepada 3.3% pada tahun 2022. Pendapatan negara kasar (PNK) per kapita pada harga semasa adalah sebanyak RM52,968 (AS\$12,035) pada tahun 2022, lebih tinggi berbanding RM42,838 (AS\$10,191) pada tahun 2020. Kesejahteraan rakyat secara keseluruhan bertambah baik, disokong oleh kemajuan dalam aspek ekonomi dan sosial. Dalam tempoh kajian semula, tujuh daripada 12 sasaran ekonomi makro terpilih telah dicapai, empat sasaran berada pada landasan yang ditetapkan, manakala satu sasaran masih ketinggalan, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-1*. Di samping itu, empat daripada lapan sasaran matlamat pelbagai dimensi telah dicapai, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-2*.




Paparan 1-1

## Pencapaian Sasaran Ekonomi Makro Terpilih


### Penggunaan dan Pelaburan




Purata Pertumbuhan Penggunaan Swasta Benar




Purata Pertumbuhan Pelaburan Swasta Benar




Purata Pertumbuhan Pelaburan Awam Benar



Purata Pertumbuhan Penggunaan Awam Benar




Purata Pelaburan Swasta pada Harga Semasa




Purata Pelaburan Awam pada Harga Semasa


## Perdagangan Antarabangsa



Purata Pertumbuhan Eksport Kasar




Imbangan Perdagangan



Akaun Semasa Imbangan Pembayaran




## Pengangguran




Kadar Pengangguran

## Inflasi



Kadar Purata Inflasi Tahunan


## Baki Fiskal



Peratusan Baki Fiskal kepada KDNK

Paparan 1-2

## Pencapaian Matlamat Pelbagai Dimensi



Nota: <sup>a</sup> Berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005.

<sup>b</sup> Data terkini akan diterbitkan dalam Laporan Ketelusan Dwitahunan Malaysia pada tahun 2024.

## Pencapaian Indikator Utama Ekonomi, 2021-2022



### Produktiviti

- Purata sumbangan produktiviti pelbagai faktor (MFP) kepada KDNK mencatat 36.9%
- Produktiviti buruh bagi setiap pekerja meningkat sebanyak 3.7% setahun kepada RM95,858 pada tahun 2022 berbanding RM89,179 pada tahun 2020
- Produktiviti buruh dalam sektor pembuatan melonjak sebanyak 5.4% setahun, disokong oleh permintaan luaran yang lebih tinggi
- Bahagian pampasan pekerja (CE) daripada KDNK mencatat 32.4% pada tahun 2022 dengan sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar



### Permintaan Agregat

- Penggunaan swasta berkembang sebanyak 6.4% setahun, disumbang oleh peningkatan perbelanjaan disebabkan permintaan yang tertangguh sebelum ini, keadaan pasaran buruh yang lebih baik dan sokongan dasar yang berterusan
- Pelaburan swasta meningkat sebanyak 4.9% atau secara purata RM243 bilion setahun pada harga semasa, disokong oleh perolehan mesin dan peralatan (M&E) baharu dan pelaburan yang berterusan dalam struktur fizikal
- Penggunaan awam meningkat sebanyak 5.5% setahun, dipacu oleh perbelanjaan yang lebih tinggi ke atas bekalan dan perkhidmatan
- Pelaburan awam menguncup sebanyak 3.3% setahun. Nilai purata pelaburan awam mencatat RM70 bilion setahun pada harga semasa, terutama daripada projek infrastruktur seperti Laluan Rel Pantai Timur, Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru serta Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak
- Eksport bersih menguncup sebanyak 2.5% setahun berikutan pertumbuhan import melebihi eksport disebabkan oleh perbelanjaan isi rumah yang kukuh dan aktiviti pelaburan yang lebih tinggi



### Keluaran mengikut Sektor

- Sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 6.5% setahun, diterajui oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam aktiviti berkaitan pengguna
- Sektor pembuatan meningkat sebanyak 8.8% setahun, didorong oleh permintaan yang kukuh untuk produk elektrik dan elektronik (E&E)
- Sektor perlombongan berkembang sebanyak 1.8% setahun, disokong oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi
- Sektor pertanian menguncup secara marginal sebanyak 0.02% setahun, disebabkan oleh pengeluaran kelapa sawit yang rendah
- Sektor pembinaan merosot sebanyak 0.2% setahun, berikutan aktiviti dalam subsektor kejuruteraan awam dan bangunan kediaman yang lebih perlahan



## Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Negeri

- Semua negeri mencatat pertumbuhan positif dengan dua negeri berkembang lebih tinggi berbanding KDNK nasional
  - Pulau Pinang berkembang sebanyak 10% dan Selangor sebanyak 8.5%, dipacu oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan
- Selangor, Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur, Johor, Sarawak dan Pulau Pinang kekal sebagai lima penyumbang terbesar kepada KDNK, iaitu sebanyak 67%



## Perdagangan Antarabangsa dan Imbangan Pembayaran

- Eksport kasar berkembang sebanyak 25.5% setahun, dipacu oleh produk E&E, petroleum dan kimia
- Import kasar berkembang sebanyak 27.1% setahun, berikutan permintaan yang lebih tinggi terhadap barang pengantara untuk sektor pembuatan dan barang modal untuk aktiviti pelaburan
- Akaun semasa kekal berada dalam lebihan berjumlah RM55.1 bilion atau 3.2% kepada PNK pada tahun 2022, disokong oleh lebihan yang tinggi dalam akaun barang



## Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan

- Defisit fiskal sebagai peratusan kepada KDNK berkurang kepada 5.6% pada tahun 2022, disumbang oleh pembaharuan fiskal yang proaktif dan pengurusan hutang yang lebih baik
- Bahagian hasil Kerajaan Persekutuan kepada KDNK meningkat kepada 16.4% pada tahun 2022
- Perbelanjaan mengurus (OE) meningkat sebanyak 14.2% setahun kepada RM292.7 bilion pada tahun 2022
- Kira-kira 94% daripada RM144.6 bilion peruntukan perbelanjaan pembangunan (DE) telah dibelanjakan
- Hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM1,079.6 bilion atau 60.3% kepada KDNK pada tahun 2022



## Inflasi dan Pasaran Buruh

- Kadar purata inflasi meningkat kepada 2.9% setahun, disebabkan terutama oleh kenaikan dalam komponen makanan dan minuman bukan alkohol, restoran dan hotel serta pengangkutan
- Keadaan pasaran buruh bertambah baik dengan pekerjaan berkembang pada kadar 2.2% pada tahun 2022
- Sebanyak 327.6 ribu pekerjaan baharu diwujudkan dengan kadar pengangguran sebanyak 3.9% pada tahun 2022



## Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia

- MyWI berkembang sebanyak 1.3% daripada 117.7 mata pada tahun 2020 kepada 119.2 mata pada tahun 2021
  - Indeks subkomposit kesejahteraan ekonomi meningkat sebanyak 1% kepada 127.2 mata berikutan pendapatan dan pengagihan, komunikasi dan kualiti pendidikan yang lebih baik
  - Indeks subkomposit kesejahteraan sosial bertambah baik sebanyak 1.4% kepada 114.7 mata, disumbang oleh komponen tadbir urus, kebudayaan dan keselamatan awam

## Isu dan Cabaran

Dalam tempoh kajian semula, pelbagai langkah telah dilaksana untuk mengukuhkan daya tahan ekonomi. Namun begitu, risiko kelembapan yang berpunca daripada keadaan global dan domestik masih kekal. Antara isu dan cabaran domestik, termasuk peralihan struktur ekonomi yang perlakan, gangguan dalam rantaian bekalan global, jurang pertumbuhan antara wilayah dan antara negeri masih wujud, inflasi yang meningkat dan ruang fiskal yang terhad. Di samping itu, perubahan dalam dinamik penduduk terus menjadi cabaran kepada pertumbuhan ekonomi, seperti ditunjukkan dalam Kotak 1-1.

### Peralihan Struktur Ekonomi yang Perlakan


- Kekurangan aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi
- Kekurangan pelaburan yang berkualiti
- Penerimangunaan teknologi termaju dan pendigitalan yang perlakan
- Kekurangan ekosistem yang memudah cara perniagaan
- Produktiviti yang rendah
- Kekurangan bakat berkemahiran

### Jurang Pertumbuhan antara Wilayah dan antara Negeri Masih Wujud

- Usaha memaksimumkan peluang pembangunan wilayah dan negeri, termasuk kawasan sempadan kurang berkesan
- Infrastruktur asas di negeri kurang membangun yang tidak mencukupi
- Kurang penyertaan sektor swasta dalam kerjasama subserantau

### Risiko Kedinamikan Penduduk

- Risiko pertumbuhan ekonomi yang perlakan
- Risiko penurunan jumlah penduduk umur bekerja
- Peningkatan beban fiskal, termasuk kos penjagaan kesihatan, penjagaan jangka panjang dan perlindungan sosial



### Gangguan dalam Rantaian Bekalan Global

- Pertumbuhan eksport yang lebih perlakan
- Fragmentasi yang ketara dalam kalangan blok ekonomi
- Kurang memanfaatkan perjanjian perdagangan

### Inflasi yang Meningkat

- Harga komoditi peringkat global yang tinggi
- Kekurangan dalam bekalan makanan
- Kadar tukaran asing yang tidak menentu

### Ruang Fiskal yang Terhad

- Asas hasil yang kecil
- Pengagihan subsidi yang kurang cekap
- Pengurusan dan pemantauan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang kurang berkesan
- Pengurusan dan pemantauan hutang dan liabiliti yang lemah

### Kotak 1-1

## Pembangunan Sosioekonomi ke arah Negara Tua

### Malaysia ke arah Negara Tua

Penuaan penduduk, iaitu warga emas merangkumi peratusan yang tinggi daripada jumlah keseluruhan penduduk, merupakan fenomena global. Berdasarkan penetapan dalam Perhimpunan Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Penuaan di Vienna 1982, warga emas ditakrifkan sebagai individu yang berumur 60 tahun dan ke atas. Berdasarkan definisi ini, Malaysia dijangka akan menjadi negara tua pada tahun 2030 apabila peratusan warga emas mencapai 15% daripada jumlah penduduk. Selain itu, PBB mentakrifkan tahap penuaan negara kepada tiga kategori, iaitu negara menua apabila peratusan penduduk berumur 65 tahun ke atas mencapai 7% daripada jumlah keseluruhan penduduk, negara tua pada 14% dan negara sangat tua pada 20%. Berdasarkan definisi ini, Malaysia telah menjadi negara menua pada tahun 2021 dan dijangka menjadi negara tua menjelang tahun 2044 (Bank Dunia, 2023). Penduduk Malaysia mengikut kumpulan umur adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.


Tempoh peralihan 23 tahun ke arah negara tua bagi Malaysia adalah pada kadar yang lebih pantas berbanding dengan kebanyakan negara Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) yang mengambil masa kira-kira 50 hingga lebih 100 tahun. Walau bagaimanapun, tempoh peralihan ini adalah sama seperti Republik Rakyat China, Jepun dan Korea Selatan. Dalam melangkah ke arah negara tua, Malaysia dijangka akan berdepan dengan beberapa cabaran seperti pertumbuhan ekonomi yang perlahan, penurunan penyertaan tenaga buruh, produktiviti yang rendah, simpanan persaraan yang tidak mencukupi, komitmen fiskal yang tinggi, peningkatan penyakit tidak berjangkit (NCD) dan impak ke atas penjagaan jangka panjang (LTC) dan perlindungan sosial.

### Implikasi kepada Ekonomi dan Fiskal

#### Penurunan Penyertaan Tenaga Buruh

Kadar kesuburan jumlah (TFR) bagi setiap wanita umur reproduktif berkurang daripada 4.9 kelahiran pada tahun 1970 kepada 1.6<sup>1</sup> pada tahun 2022 dan kadar peratusan penduduk di bawah umur bekerja telah menurun daripada 45% kepada 23% dalam tempoh yang sama, dan ini boleh mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dan produktiviti. Penurunan dalam peratusan penduduk dalam umur bekerja akan meningkatkan permintaan daripada industri untuk menggaji tenaga buruh asing.

**Rajah 1**  
**Malaysia: Penduduk mengikut Kumpulan Umur, 1970-2050**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

<sup>1</sup> Data awalan.

## Simpanan Persaraan yang Tidak Mencukupi

Simpanan persaraan yang mencukupi adalah penting untuk warga emas bagi mengekalkan kualiti hidup dan kesejahteraan. Warga emas dengan simpanan yang tidak mencukupi akan mudah terjejas dan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan perkhidmatan yang penting, seperti utiliti, penjagaan kesihatan dan LTC. Di samping itu, peningkatan kos sara hidup dan kekurangan sokongan daripada keluarga meningkatkan kebarangkalian warga emas untuk terjerumus dalam kemiskinan. Simpanan dalam tempoh pekerjaan akan membolehkan warga emas mengeluarkannya untuk perbelanjaan semasa persaraan. Pada tahun 2022, kira-kira 52% ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mempunyai simpanan kurang daripada RM10,000, manakala 22% mempunyai kurang daripada RM1,000. Selain itu, hanya 8.4 juta daripada 15.7 juta ahli KWSP mempunyai akaun yang aktif. Tahap simpanan yang rendah ini menunjukkan sebahagian besar penduduk Malaysia berada dalam situasi yang mudah terjejas ketika melangkah ke usia tua.

## Komitmen Fiskal yang Lebih Tinggi

Perbelanjaan Kerajaan untuk penjagaan kesihatan awam, khususnya perbelanjaan berkaitan umur dijangka mencecah 4.3% kepada KDNK pada tahun 2050 (Bank Dunia, 2023). Perbelanjaan ini akan mengakibatkan komitmen fiskal yang lebih tinggi dalam menyediakan perkhidmatan dan bantuan penjagaan kesihatan untuk warga emas. Selain itu, warga emas tanpa simpanan yang mencukupi dan tidak mempunyai perlindungan sosial akan menghadapi risiko kemiskinan yang lebih besar, yang seterusnya meningkatkan keperluan untuk bantuan Kerajaan. Kadar penyertaan tenaga buruh yang lebih rendah dan peningkatan bilangan pesara boleh mengurangkan hasil Kerajaan daripada tenaga buruh, mengehadkan perbelanjaan Kerajaan untuk membiayai perkhidmatan sosial dan menyebabkan cabaran fiskal dan defisit belanjawan. Pada tahun 2022, hasil cukai daripada individu bekerja menyumbang 16% kepada jumlah hasil cukai. Di samping itu, semakin meningkatnya jangka hayat, pembayaran pencekaran akan terus memberi tekanan kepada perbelanjaan Kerajaan yang diunjur mencapai 4.4% kepada KDNK menjelang tahun 2050.

## Implikasi Sosial

### Peningkatan Jurang Antara Generasi

Perubahan minda, budaya dan tingkah laku dalam masyarakat merupakan antara cabaran utama dalam persediaan negara menghadapi negara tua. Dalam hubungan ini, peningkatan jurang antara generasi boleh mempengaruhi perubahan nilai dalam masyarakat, termasuk nilai hormat dan ihsan terhadap warga tua. Selain itu, hubungan dan sokongan antara generasi semakin merosot seiring dengan pemodenan dan kemajuan teknologi. Di samping itu, penekanan yang rendah terhadap pendidikan mengenai gerontologi boleh menghalang usaha untuk mengimbangi jurang antara generasi.

### Kesan ke atas Sistem Penjagaan Kesihatan

Kesejahteraan hidup rakyat semakin baik hasil daripada kemajuan dalam penjagaan kesihatan dan inovasi perubatan. Walau bagaimanapun, peningkatan NCD yang ketara, seperti diabetes, penyakit jantung dan kanser, memberi cabaran kepada sistem penjagaan kesihatan, terutama dalam pencegahan dan pengurusan NCD untuk warga emas. Di samping itu, terdapat juga cabaran baharu bagi memenuhi keperluan khusus warga emas seperti demensia, penjagaan paliatif, *frailty* dan kesihatan mental. Tanpa sebarang reformasi penjagaan kesihatan, peningkatan populasi warga emas memberikan tekanan yang besar kepada sistem penjagaan kesihatan.

### Kesan terhadap Penjagaan Jangka Panjang

Bilangan warga emas yang semakin meningkat dan saiz keluarga yang lebih kecil akan meningkatkan keperluan untuk memperluas sistem LTC warga emas yang formal. Penyediaan penjagaan untuk warga emas secara tidak formal menjadi satu cabaran apabila bilangan penyertaan wanita dalam tenaga buruh semakin meningkat memandangkan lazimnya penjaga adalah wanita. Trend ini boleh menyumbang kepada peningkatan warga emas yang tinggal bersendirian atau ditinggalkan. Di samping itu, pembiayaan awam yang terhad, kekurangan sumber manusia serta piawaian yang kurang jelas bagi menarik, mengekalkan dan memberi insentif kepada golongan profesional dan pekerja penjagaan menjadi halangan untuk mewujudkan sistem LTC yang mampan.

## Liputan Perlindungan Sosial yang Tidak Mencukupi

Keperluan untuk menyediakan perlindungan sosial yang mencukupi untuk rakyat terus menjadi cabaran apabila penduduk semakin menua dan jangka hayat semakin meningkat. Cabaran ini termasuk untuk mengurangkan ralat kemasukan dan penyisihan data dalam pengagihan bantuan sosial serta memperluas liputan caruman untuk pendapatan persaraan, terutama bagi wanita, pekerja tidak formal, termasuk penjaga tanpa gaji. Simpanan persaraan yang tidak mencukupi dan pengurusan kewangan yang tidak cekap akan menjelaskan jaminan pendapatan, seterusnya meningkatkan kebarangkalian untuk warga emas jatuh miskin.

## Persediaan ke arah Negara Tua

Bagi menangani risiko dan cabaran penduduk menua, Kerajaan sedang menyediakan satu rangka tindakan kebangsaan penduduk menua untuk mengurangkan risiko dan memanfaatkan peluang yang berpotensi. Rangka tindakan ini akan menggariskan dasar, strategi dan pelan tindakan sebagai persediaan ke arah negara tua yang sihat, produktif dan inklusif.

## Peluang Ekonomi

Insentif akan disediakan untuk menggaji warga emas dengan pengaturan kerja yang lebih fleksibel dan menyediakan persekitaran kerja yang mesra warga emas bagi menggalakkan warga emas kekal dalam tenaga kerja. Warga emas yang mempunyai kemahiran insaniah dan kepakaran tertentu akan dapat terus menyumbang kepada ekonomi, dan ini akan menggalakkan pembelajaran antara generasi. Di samping itu, teknologi dan pendigitalan akan terus dipertingkat dan dimanfaatkan untuk meningkatkan peluang kepada warga emas untuk terus bekerja. Selain itu, bagi mengimbangi pasaran buruh berikutnya penduduk umur bekerja yang semakin berkurangan, dasar buruh asing yang menyeluruh akan ditambah baik untuk memastikan bekalan buruh yang mencukupi bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi.

Ekonomi penjagaan akan dimanfaatkan untuk mewujudkan industri LTC yang inklusif, cekap dan mampan. Pewujudan ekosistem pasaran yang kondusif dijangka dapat menarik pelaburan swasta, menyediakan penjagaan berkualiti dan melonjakkan penglibatan wanita dalam pasaran buruh. Di samping itu, pelaburan dalam penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) akan digalakkan untuk mengembangkan ekonomi berkaitan warga emas, terutama dalam pengeluaran produk dan perkhidmatan mesra warga emas. Selain itu, cukai progresif ke atas produk yang kurang sihat akan diteroka untuk menggalakkan penuaan yang sihat.

## Kesejahteraan Sosial

Intervensi jangka panjang serta dasar dan insentif yang bersesuaian akan diperkuuh untuk memperlakukan penurunan tahap kesuburan bagi menangani isu kadar pertumbuhan penduduk yang rendah. Jurang antara generasi akan dirapatkan, manakala nilai murni seperti hormat-menghormati, ihsan dan kebertanggungjawaban akan terus dipupuk dalam kalangan generasi muda. Pelan tindakan yang menyeluruh akan dibangunkan bagi mengukuhkan dan mentransformasi penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan dan menggalakkan jangka hayat yang sejahtera, terutama untuk warga emas. Di samping itu, dasar LTC yang menggabungkan sokongan keluarga dengan penjagaan berasaskan komuniti akan diteroka untuk menyediakan penjagaan warga emas yang lebih baik. Usaha ini akan memberi peluang untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh. Selain itu, sistem perlindungan sosial negara akan direformasi dengan memurnikan bantuan sosial, insurans sosial dan intervensi dalam pasaran buruh untuk memastikan pelindungan yang menyeluruh dan tiada sesiapa yang tertinggal. Perumahan mampu milik yang inklusif juga akan disediakan menerusi perkampungan persaraan untuk memupuk komuniti yang bersatu padu dan mewujudkan persekitaran yang boleh didiami. Penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas juga akan ditambah baik bagi memenuhi keperluan dan keselesaan warga emas.

## Hala Tuju, 2023-2025

Dalam tempoh akhir RMKe-12, usaha akan dipergiat bagi mempercepat reformasi struktur ekonomi, memperkuuh perdagangan luar dalam rantaian bekalan global, mengoptimumkan potensi ekonomi wilayah dan negeri serta mengurus inflasi. Di samping itu, tumpuan juga akan diberi untuk meningkatkan kemampuan dan kredibiliti fiskal dengan memperkuuh tadbir urus fiskal, meningkatkan hasil, menyemak semula subsidi bersasar dan mempertingkatkan pengurusan belanjawan serta menambah baik pengurusan hutang dan liabiliti. Strategi ini akan memacu Malaysia untuk mencapai negara berpendapatan tinggi dan akhirnya berada dalam kalangan 30 ekonomi terbesar dunia.

### Prospek Ekonomi Dunia

Ekonomi dunia diunjur berkembang sebanyak 3.1% setahun dalam tempoh akhir RMKe-12 didorong oleh pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun, terutama Republik Rakyat China. Selain itu, ekonomi AS akan menerajui pertumbuhan ekonomi negara maju, seperti ditunjukkan dalam Jadual 1-1. Perdagangan dunia dijangka menyederhana sebanyak 3.1% setahun disebabkan oleh beberapa faktor yang menjelaskan permintaan global. Inflasi dan kos sara hidup yang tinggi, dasar monetari yang lebih ketat, ketidakstabilan sistem perbankan global, ketegangan geopolitik, peningkatan semula kes jangkitan COVID-19 dan kemunculan ancaman baharu kesihatan global dijangka memberi kesan kepada prospek ekonomi dunia.



### Jadual 1-1 Prospek Ekonomi Dunia, 2021-2025

| Perkara  | Kadar Pertumbuhan<br>Tahunan Purata, % |           |           |
|--|--|-----------|-----------|
|  | Sebenar                                |           | Prospek   |
|  | 2021-2022                              | 2023-2025 | 2021-2025 |
| Pengeluaran Dunia                                      | 4.9                                    | 3.1       | 3.8       |
| Negara Maju  | 4.0                                    | 1.6       | 2.6       |
| Pasaran Baru Muncul<br>dan Ekonomi Sedang<br>Membangun | 5.4                                    | 4.0       | 4.6       |
| Perdagangan Dunia                                      | 7.9                                    | 3.1       | 5.0       |
| Harga Pengguna Dunia                                   | 6.7                                    | 5.3       | 5.8       |
| Harga Komoditi   |  |           |           |
| Bukan Bahan Api <sup>1</sup>                           | 16.9                                   | -2.3      | 5.4       |
| Minyak Mentah  | 51.9                                   | -11.4     | 9.9       |
| Harga Minyak Mentah<br>(AS\$ setong) <sup>2</sup>      | 82.8                                   | 69.7      | 74.9      |

Nota: <sup>1</sup> Purata berdasarkan wajaran import komoditi dunia.

<sup>2</sup> Purata harga minyak mentah UK Brent, Dubai Fateh dan West Texas Intermediate.  
Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, *World Economic Outlook* (April dan Julai 2023)



### Prospek Ekonomi Dalam Negeri

Potensi pengeluaran dijangka berkembang antara 5.5% hingga 6% setahun disumbang oleh produktiviti yang lebih tinggi. Ekonomi dijangka berkembang antara 5% hingga 5.5% setahun didorong oleh permintaan dalam negeri, terutama perbelanjaan sektor swasta, seperti ditunjukkan dalam Paparan 1-3. Penggunaan swasta dijangka meningkat pada kadar purata tahunan sebanyak 6.1%. Peningkatan ini akan disokong oleh keadaan pasaran buruh yang bertambah baik dengan ekonomi kekal pada tahap guna tenaga penuh dan kadar inflasi dijangka kekal terkawal. Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan dan pembuatan akan kekal sebagai sumber utama pertumbuhan. Selain itu, sektor pembinaan dijangka kembali pulih disokong oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam subsektor kejuruteraan awam dan bangunan kediaman. PNK per kapita pada harga semasa diunjur meningkat sebanyak 4.6% setahun kepada RM61,000 (AS\$14,250) pada tahun 2025, seperti ditunjukkan dalam Paparan 1-4.

Paparan 1-3

## Sasaran Ekonomi Makro Terpilih

### Penggunaan dan Pelaburan



### Perdagangan Antarabangsa



### Pengangguran



### Inflasi



### Baki Fiskal

Paparan 1-4

## Matlamat Pelbagai Dimensi, 2021-2025



**5.0% hingga 6.0%**  
Pertumbuhan KDNK setahun



**RM61,000**  
PNK per kapita pada tahun 2025



**RM10,065**  
Purata pendapatan bulanan isi rumah pada tahun 2025



**3.7%**  
Pertumbuhan produktiviti buruh setahun



**Sehingga 45%**  
Pengurusan intensiti pelepasan GHG kepada KDNK pada tahun 2030 berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005



**40%**  
Bahagian pampasan pekerja daripada KDNK pada tahun 2025



**1:1.9**  
Wilayah Tengah dan Sabah  
.....  
**1:2.1**  
Wilayah Tengah dan Timur  
.....  
Jurang KDNK per kapita antara wilayah pada tahun 2025



**1.4%**  
Peningkatan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia setahun

## Mempercepat Reformasi Struktur Ekonomi

### Mempergiat Aktiviti yang Mempunyai Nilai Ditambah yang Tinggi

Reformasi sektor akan dipercepat dengan melonjakkan industri *high growth high value* (HGHV), iaitu yang berkaitan tenaga, teknologi dan pendigitalan, E&E, pertanian dan asas tani serta nadir bumi bukan radioaktif. Lima industri HGHV ini dikenal pasti sebagai sebahagian daripada Anjakan Besar dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-12. Pelaksanaan reformasi melalui Anjakan Besar ini dijangka menyokong sasaran pertumbuhan dalam semua sektor.

Sektor perkhidmatan dijangka berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak 5.7%, diteraju terutama oleh aktiviti berkaitan pengguna seperti dalam subsektor perdagangan runcit, penginapan serta makanan dan minuman, seperti ditunjukkan dalam *Jadual 1-2*. Dalam hubungan ini, langkah strategik akan dipergiat bagi mempercepat pemuliharaan industri pelancongan, mencergaskan semula industri kreatif dan memperkuuh pembangunan industri halal bagi mengoptimumkan potensi semua industri ini. Usaha juga akan diambil bagi meningkatkan sumbangan subsektor perkhidmatan moden dengan memberi tumpuan kepada industri perkhidmatan ICT dan memanfaatkan teknologi kewangan, sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Industri HGHV Berasaskan Teknologi dan Digital. Di samping itu, strategi akan diperkuuh bagi meningkatkan pembiayaan mampan, termasuk kewangan Islam. Selain itu, subsektor elektrik akan diperkuuh melalui pertambahan kapasiti tenaga boleh baharu (TBB) dengan sasaran



sebanyak 31% pada tahun 2025, selari dengan Anjakan Besar Industri HGHV Berasaskan Peralihan Tenaga. Dalam hubungan ini, penekanan akan diberi untuk meningkatkan penggunaan solar, tenaga hidro dan bioteknologi serta mempercepat pembangunan sumber tenaga baharu dan pada peringkat awal penerokaan, terutama hidrogen.

*Jadual 1-2*

### Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi

| Perkara                      | Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, % |                 |           |
|------------------------------|-------------------------------------|-----------------|-----------|
|                              | Prestasi                            | Sasaran Dipinda |           |
|                              | 2021-2022                           | 2023-2025       | 2021-2025 |
| KDNK                         | 5.9                                 | 5.0~5.5         | 5.0~6.0   |
| Pertanian                    | -0.02                               | 2.7             | 1.6       |
| Perlombongan dan Pengkuarian | 1.8                                 | 3.1             | 2.6       |
| Pembuatan                    | 8.8                                 | 4.9             | 6.4       |
| Pembinaan                    | -0.2                                | 6.7             | 3.9       |
| Perkhidmatan                 | 6.5                                 | 5.7             | 6.0       |

Sektor pembuatan dijangka berkembang sebanyak 4.9% setahun. Keutamaan akan diberi untuk mempercepat peralihan ke arah sumber pertumbuhan baharu dalam sektor, terutama E&E. Langkah akan diambil untuk mempergiat pengeluaran produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan kompleks dengan meningkatkan aktiviti pembuatan *front-end* termaju dan memperkuuh ekosistem keseluruhan, terutama dalam reka bentuk litar bersepadan (IC), pempakejan IC, fabrikasi wafer, sistem terbenam, perkhidmatan ujian dan kejuruteraan reka bentuk. Langkah ini merupakan sebahagian daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Industri HGHV E&E Bernilai Tinggi. Usaha juga akan dilaksana bagi memperkuuh industri berintensifkan pengetahuan, termasuk M&E, produk petroleum serta bahan kimia dan produk kimia untuk menyokong pertumbuhan. Di samping itu, inisiatif mobiliti rendah karbon akan diperluas melalui pengeluaran dan pemasangan kenderaan cekap tenaga, termasuk kenderaan elektrik dan hibrid. Usaha menerima pakai prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) akan digalakkan bagi mencapai aspirasi pelepasan gas rumah kaca (GHG) bersih sifar seawal tahun 2050.

Pertumbuhan sektor pertanian diunjur menyederhana sebanyak 2.7% setahun, terutama disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit mentah yang terus kekal rendah. Usaha yang lebih giat akan dilaksana untuk mentransformasi subsektor agromakanan yang merupakan satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar HGV Pertanian dan Industri Asas Tani. Langkah akan diambil untuk menggalakkan pelaburan dan meningkatkan produktiviti subsektor agromakanan melalui penggunaan teknologi pertanian pintar, meningkatkan tanaman bernilai tinggi dan mengoptimumkan kawasan pengeluaran makanan. Pelaksanaan langkah ini dijangka meningkatkan sumbangan subsektor agromakanan kepada kira-kira 57% daripada jumlah nilai ditambah sektor pertanian pada tahun 2025 ke arah mencapai keterjaminan makanan.

Sektor pembinaan dijangka berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak 6.7%, terutama dipacu oleh subsektor kejuruteraan awam dan bangunan kediaman. Pelaksanaan projek infrastruktur awam yang lebih cepat akan terus menyokong pertumbuhan sektor ini. Di samping itu, pembangunan rumah mampu milik di lokasi strategik di bawah beberapa inisiatif, termasuk Residensi Wilayah, Program Perumahan Rakyat dan Perumahan Inklusif MADANI, akan mempercepat pertumbuhan dalam subsektor bangunan kediaman. Usaha akan dipergiat untuk memperluas pelaksanaan Sistem Binaan Berindustri dan Pemodelan Maklumat Bangunan bagi meningkatkan produktiviti. Pelaksanaan inisiatif Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) Kerja juga akan dipergiat bagi menggalakkan penggunaan produk pembinaan hijau dan meningkatkan pertumbuhan mampan.

Sektor perlombongan dijangka berkembang sebanyak 3.1% setahun, terutama didorong oleh peningkatan dalam pengeluaran gas asli. Dalam hubungan ini, usaha akan dilaksana untuk melonjakkan pengeluaran melalui fasiliti baharu dan projek dalam pelaksanaan bagi menyokong pertumbuhan. Di samping itu, langkah akan diambil untuk menambah baik rangka kerja dasar dan membangunkan model perniagaan baharu bagi menggalakkan pertumbuhan industri nadir bumi sebagai sebahagian daripada inisiatif Anjakan Besar Industri HGV Nadir Bumi.

## Menarik Pelaburan Berkualiti yang Lebih Tinggi

Pelaburan swasta dijangka berkembang sebanyak 6.4% setahun atau purata RM301 bilion setahun pada harga semasa, disokong oleh pelaksanaan projek baharu dan sedia ada merentas sektor utama ekonomi yang lebih cepat. Usaha akan dipergiat untuk menggalakkan pelaburan berkaitan teknologi dalam industri HGV, termasuk E&E, pertanian pintar dan TBB. Di samping itu, firma akan digalakkan untuk meningkatkan pelaburan dalam M&E bagi mengembangkan kapasiti dan produktiviti. Selain itu, inisiatif

pelaburan sedia ada akan disemak semula untuk menarik pelaburan berkualiti yang menggunakan teknologi terkedepan dan menawarkan pemindahan teknologi. Sektor swasta akan digalakkan untuk mempergiat pelaburan hijau dalam operasi dan premis perniagaan, termasuk untuk pembangunan dan penggunaan sumber TBB.

Ekosistem dan peraturan bagi membolehkan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih berkesan dan memudahkan urusan menjalankan perniagaan akan terus diperkuuh melalui Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH). Di samping itu, kajian semula dan pembaharuan dasar pelaburan yang menyeluruh, termasuk berkaitan insentif dan institusi akan dilaksana di bawah Aspirasi Pelaburan Nasional. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberi untuk menarik pelaburan berkualiti yang menggalakkan pembangunan produk dan perkhidmatan yang kompleks serta mewujudkan pekerjaan berkemahiran dan berpendapatan tinggi. Firma akan digalakkan untuk melabur dalam teknologi termaju seperti *blockchain*, kecerdasan buatan dan analitis data raya. Selain itu, Kerajaan akan memudah cara penglibatan institusi pendidikan tinggi, institut penyelidikan dan sektor swasta yang lebih luas bagi mempercepat aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I). Inisiatif ini akan menarik lebih banyak pelaburan berkualiti, terutama yang memberi tumpuan kepada teknologi termaju.

Pelaburan awam dijangka berkembang sebanyak 3.9% setahun atau purata RM83 bilion setahun pada harga semasa disumbang oleh DE Kerajaan Persekutuan dan perbelanjaan modal oleh perusahaan awam bukan kewangan. Kerajaan akan terus melaksana program dan projek bagi meningkatkan keupayaan produktif ekonomi. Projek ini termasuk pembukaan kawasan perindustrian berteknologi tinggi yang baharu di Kimanis dan Kota Belud, Sabah dan Kawasan Perindustrian Lembah Chuping di Perlis, serta peluasan Taman Teknologi Tinggi Samajaya di Sarawak dan Taman Perindustrian Tok Bali di Kelantan, di samping pembinaan Central Spine Road dan pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

## Melonjakkan Produktiviti

Usaha akan dipergiat untuk melonjakkan produktiviti bagi meningkatkan pertumbuhan yang berkualiti. Purata sumbangan MFP daripada pertumbuhan KDNK dijangka meningkat kepada 42.8% dengan pertumbuhan produktiviti buruh sebanyak 3.8% setahun dalam tempoh akhir RMKe-12. Kerjasama antara kerajaan, sektor swasta dan akademia akan diperkuuh bagi meningkatkan lagi produktiviti pada peringkat nasional, negeri, sektor dan perusahaan. Mekanisme perancangan pada peringkat nasional akan ditambah baik dengan memperkuuh tadbir urus majlis produktiviti dan jawatankuasa

berkaitan bagi membolehkan pemantauan sasaran Blueprint Produktiviti Malaysia (MPB) yang lebih baik. Selain itu, ekosistem pada peringkat negeri, sektor dan perusahaan akan diperkuat. Penubuhan unit MyMudah akan diperluas kepada semua peringkat kerajaan serta persatuan perniagaan bagi memastikan fleksibiliti, kecekapan dan keberkesanan peraturan.

Usaha akan dilaksana untuk menangani ketidakpadanan bakat, melonjakkan produktiviti dan meningkatkan pendapatan buruh yang dijangka menyumbang kepada bahagian CE yang lebih tinggi daripada KDNK pada kadar 40% pada tahun 2025, dan akhirnya 45% dalam tempoh 10 tahun. Usaha ini akan turut disokong oleh pengenalan model gaji progresif yang merupakan alat dasar penting bagi mempercepat pertumbuhan kadar upah. Selain itu, pembangunan bakat yang didorong oleh permintaan serta program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula akan dipergiat. Di samping itu, usaha akan diambil bagi meningkatkan aktiviti R&D&C&I. Jurang produktiviti antara firma besar dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) akan dirapatkan dengan menerima guna teknologi dan pendigitalan. Akses kepada pembiayaan juga akan ditambah baik bagi menyokong inovasi dan pembangunan kemahiran. Inisiatif sedia ada yang berjaya di bawah nexus produktiviti akan diperluas kepada nexus baru.

## Memperkuat Perdagangan Luar dalam Rantaian Bekalan Global

### Mempertingkatkan Potensi Eksport

Eksport kasar diunjur menyederhana sebanyak 3.7% setahun, sejajar dengan prospek perdagangan global. Pemuliharan ekonomi rakan dagang utama dijangka akan menyokong eksport Malaysia walaupun menghadapi cabaran global dan konflik geopolitik. Dalam hubungan ini, perdagangan dan pelaburan akan dipertingkat dengan memanfaatkan perjanjian perdagangan. Rangka Tindakan Perdagangan Nasional (NTBp) akan memberi tumpuan kepada penambahbaikan fasilitasi eksport, peningkatan keupayaan eksport dan peluasan akses pasaran bagi memastikan ekosistem perdagangan yang kondusif. Usaha bersepada akan diambil untuk mempertingkatkan penyertaan dalam rantaian bekalan global, memantapkan integrasi serantau dan memperkuat inisiatif perindustrian. Selain itu, produk dan perkhidmatan Malaysia akan dipromosi pada peringkat global bagi meningkatkan pasaran eksport. Di samping itu, rangka kerja untuk membangunkan Malaysia sebagai hab pasaran gas serantau akan dirangkumkan dalam pelan hala tuju gas asli. Usaha juga akan dilaksana untuk membangunkan sistem pasaran elektrik bagi membolehkan perdagangan TBB.

### Mengurangkan Kebergantungan terhadap Import

Import kasar diunjur berkembang sebanyak 3.6% setahun berikutan peningkatan yang stabil bagi barang pengantara dan modal untuk menyokong aktiviti pembuatan dan pelaburan. Tumpuan akan diberi untuk memperkuat industri domestik dan mewujudkan permintaan yang lebih tinggi terhadap barang tempatan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap barang import. Dalam hubungan ini, dasar import sedia ada akan dikaji semula, terutama bagi memastikan keterjaminan dan keselamatan makanan serta mempertingkatkan pengeluaran agromakanan. Secara keseluruhan, imbalan perdagangan diunjur mencecah RM290 bilion pada tahun 2025.

### Mengekalkan Lebihan Akaun Semasa Imbalan Pembayaran

Akaun semasa imbalan pembayaran dijangka kekal dalam lebihan pada tahap 2.5% kepada PNK pada tahun 2025, disumbang oleh lebihan berterusan dalam akaun barang dan defisit yang lebih rendah dalam akaun perkhidmatan. Akaun perkhidmatan yang lebih baik akan disokong terutama oleh terima perjalanan yang lebih tinggi berikutan promosi pelancongan yang agresif. Penekanan yang lebih akan diberi untuk menambah baik akaun pendapatan dengan menggalakkan penghantaran balik pendapatan oleh syarikat Malaysia di luar negara dan mengurangkan aliran keluar kiriman wang.

### Mengoptimum Potensi Ekonomi Wilayah dan Negeri

#### Mempercepat Pembangunan Sosioekonomi

Dalam tempoh akhir RMKe-12, pertumbuhan ekonomi wilayah dan negeri dijangka mencapai sasaran. Potensi ekonomi wilayah dan negeri akan terus diperkuat bagi menarik lebih banyak pelaburan berkualiti dalam bidang khusus dengan menggalakkan penerimugunaan teknologi termaju dalam aktiviti huluan dan hiliran. Dalam hubungan ini, agensi pembangunan wilayah pada peringkat Persekutuan dan negeri akan digalakkan untuk menyelaras keutamaan pembangunan dengan memanfaatkan keunikan dan sumber yang ada di setiap negeri. Di samping itu, penyediaan infrastruktur asas di negeri kurang membangun akan dipertingkat dan program pembangunan bakat akan dipergiat bagi memastikan peluang pembangunan yang saksama dan menambah baik keseimbangan wilayah.

## Manfaatkan Peluang daripada Kerjasama Subserantau

Kerjasama subserantau akan dimanfaatkan bagi mengoptimumkan potensi ekonomi dan menarik pelaburan ke dalam subserantau. Keutamaan akan diberi untuk meningkatkan aktiviti ekonomi dalam subserantau dengan menyediakan infrastruktur dan kemudahan yang lebih baik. Di samping itu, aktiviti perdagangan rentas sempadan akan dipergiat melalui penglibatan yang lebih aktif oleh pihak berkepentingan tempatan, khususnya sektor swasta. Pembangunan sosioekonomi di kawasan sempadan akan dipertingkat dengan menambah baik kemudahan keselamatan dan membangunkan bandar sempadan. Usaha ini akan merapatkan jurang pertumbuhan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat di wilayah dan negeri.

## Mengurus Inflasi

### Membendung Tekanan Kenaikan Harga dan Meringankan Beban Rakyat

Inflasi dijangka berada pada kadar antara 2.8% hingga 3.8% setahun disebabkan oleh pelaksanaan subsidi bersasar secara berperingkat, permintaan domestik yang lebih kukuh dan penambahbaikan dalam pasaran buruh. Usaha akan diperkuuh untuk membendung tekanan inflasi dengan meningkatkan stok pelbagai barang makanan serta menambah baik kecekapan pengagihan bagi memastikan bekalan tidak terganggu. Di samping itu, usaha bersepada akan diambil untuk menangani isu harga bagi meningkatkan kuasa beli dan kesejahteraan rakyat, khususnya kumpulan mudah terjejas. Bagi meringankan beban rakyat, mekanisme sedia ada akan disemak semula dengan menyediakan sistem perlindungan sosial yang komprehensif dan inklusif. Langkah akan diambil untuk membangunkan pangkalan data bersepada bagi menambah baik mekanisme penentuan sasaran subsidi, memperkemas saluran penyampaian dan membolehkan pelaksanaan program bersasar termasuk pengenalan gaji progresif.

## Meningkatkan Penguatkuasaan dan Kesedaran Pengguna

Pemantauan harga kawalan akan dipergiat, terutama pada musim perayaan bagi memastikan harga yang berpatutan dan mengelakkan aktiviti mengaut keuntungan secara berlebihan. Pemikiran berasaskan data akan dipupuk bagi membantu pengguna membuat keputusan yang lebih baik. Kesedaran

pengguna akan terus diberi penekanan bagi memastikan hak pengguna dilindungi. Usaha ini termasuk meningkatkan kesedaran kepenggunaan dan menyediakan akses kepada maklumat mengenai harga barang dan perkhidmatan yang terbaik dan kompetitif melalui pelbagai platform. Di samping itu, persatuan dan pertubuhan masyarakat sivil berkaitan pengguna akan diperkasa.

## Menambah Baik Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan

### Memperkuuh Tadbir Urus Fiskal

Pengurusan fiskal akan diperkuuh dengan menggubal undang-undang mengenai tanggungjawab fiskal. Langkah ini merupakan satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Kemampanan Fiskal dan Sistem Kewangan. Usaha akan dipergiat bagi memperluas asas hasil, memperkemas pelepasan cukai, mengurangkan ketirisan dan pembaziran dalam perbelanjaan serta menambah baik pengurusan hutang. Di samping itu, rangka kerja Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) akan dibangunkan untuk meningkatkan hasil Kerajaan, menyemak semula insentif cukai dan menggalakkan perkongsian data dalam kalangan agensi kerajaan. Kecekapan perbelanjaan akan ditambah baik dengan menyemak semula subsidi bersasar, membangunkan gerbang tunggal permohonan belanjawan dan meningkatkan keberkesanan Semakan Semula Perbelanjaan Awam (PER). Selain itu, Jawatankuasa Pengurusan Hutang akan diaktifkan semula bagi memantau pengurusan hutang dan liabiliti. Di samping itu, usaha akan diambil untuk menggubal akta baharu mengenai hutang dan perolehan serta menyemak semula garis panduan kerjasama awam swasta (PPP). Langkah ini akan memperkuuh tadbir urus fiskal dan memperluas ruang fiskal bagi mencapai sasaran defisit fiskal antara 3.5% hingga 3% kepada KDNK pada tahun 2025.

## Meningkatkan Hasil

Pengurusan hasil akan diperkuuh bagi membolehkan kutipan cukai yang lebih baik, sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar fiskal. Inisiatif yang akan dilaksana, termasuk memperluas asas cukai serta menerima guna teknologi dan pendigitalan, antaranya dengan mempelbagaikan sumber cukai serta memperkenalkan program khas pengakuan cukai sukarela dan sistem invois elektronik. Di samping itu, aktiviti penguatkuasaan akan dipergiat bagi meningkatkan pematuhan cukai dan membendung ketirisan. Inisiatif ini dijangka meningkatkan hasil ke arah mencapai sasaran defisit fiskal.

## **Menyemak Semula Subsidi Bersasar dan Mempertingkatkan Pengurusan Belanjawan**

Langkah akan dilaksana untuk memastikan perbelanjaan fiskal yang berhemat. Mekanisme subsidi yang lebih bersasar akan dikenal pasti bagi memastikan kumpulan sasar yang tepat menerima manfaat daripada bantuan Kerajaan. Dalam hubungan ini, pangkalan data isi rumah yang lebih bersepadau, Pangkalan Data Utama (PADU) yang merupakan satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Subsidi Bersasar akan dibangunkan sebagai rujukan berpusat bagi menyasarkan bantuan. Selain itu, pelaksanaan projek pembangunan akan dipantau dengan lebih teliti bagi mengurangkan ketirisan dan pembaziran perbelanjaan. Agihan DE asas akan ditingkatkan kepada sekurang-kurangnya 60% daripada jumlah peruntukan DE tahunan. Usaha akan diambil bagi memanfaatkan semula

dana yang tidak digunakan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan badan berkanun bagi mengoptimumkan sumber sedia ada. Ini akan memastikan kecekapan perbelanjaan awam dan pengoptimuman sumber untuk tujuan pembangunan.


## **Menambah Baik Pengurusan Hutang dan Liabiliti**

Langkah akan dilaksana bagi menambah baik pengurusan hutang dan liabiliti. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberi bagi mempelbagaikan portfolio hutang dan menyelaras semula jadual terbitan hutang Kerajaan dan GLC. Di samping itu, penilaian terhadap risiko dan pendedahan liabiliti ke atas komitmen jaminan kerajaan dan projek PPP akan ditambah baik. Langkah ini akan memastikan hutang lebih terkawal dan mengurangkan pendedahan liabiliti ke arah kemampunan dan kredibiliti fiskal.


## Kesimpulan

Dalam tempoh kajian semula RMKe-12, ekonomi meningkat sebanyak 5.9%, melebihi sasaran asal. Walaupun pencapaian keseluruhan adalah positif, masih terdapat isu dan cabaran domestik seperti peralihan struktur ekonomi yang perlahan, gangguan dalam rantaian bekalan global dan ruang fiskal yang terhad. Dalam tempoh akhir RMKe-12, strategi ekonomi makro akan ditumpukan untuk mempercepat reformasi struktur ekonomi, memperkuatkan perdagangan luar dalam rantaian bekalan global, mengoptimumkan potensi ekonomi wilayah dan negeri dan mengurus inflasi. Bagi menambah baik kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan, usaha akan diambil untuk memperkuatkan tadbir urus fiskal, meningkatkan hasil, menyemak semula subsidi bersasar dan mempertingkatkan pengurusan belanjawan serta menambah baik pengurusan hutang dan liabiliti. Usaha bersepadu dalam pelaksanaan strategi dan inisiatif yang berkesan akan menyumbang kepada ekonomi kalis cabaran masa hadapan untuk mencapai aspirasi ‘Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat’ dan menjadi negara berpendapatan tinggi.





Bab



# Mempertingkatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

|  |             |
|--|-------------|
| <b>Pendahuluan</b>   | <b>2-2</b>  |
| <b>Prestasi, 2021-2022</b>   | <b>2-3</b>  |
| Pencapaian Sasaran Terpilih  | 2-3         |
| Pencapaian mengikut Bidang Keutamaan   | 2-5         |
| Bidang Keutamaan A: Membangunkan Perkhidmatan Awam yang Berprestasi Tinggi                 | 2-5         |
| Bidang Keutamaan B: Memperluas Pendekatan Keseluruhan Kerajaan                             | 2-6         |
| Bidang Keutamaan C: Memantapkan Pengurusan Belanjawan dan Projek                           | 2-8         |
| <b>Isu dan Cabaran</b>   | <b>2-9</b>  |
| Kelemahan dalam Tadbir Urus  | 2-9         |
| Kekangan dalam Pembangunan Modal Insan   | 2-9         |
| Kurang Penerimاغunaan Teknologi Digital  | 2-9         |
| Persekutuan Organisasi dan Perniagaan yang Kurang Kondusif                                 | 2-9         |
| Ruang Fiskal yang Terhad dan Pengurusan Projek yang Kurang Cekap                           | 2-9         |
| <b>Hala Tuju, 2023-2025</b>  | <b>2-10</b> |
| Sasaran Terpilih 2021-2025   | 2-11        |
| Bidang Fokus A : Mempertingkatkan Tadbir Urus Berdasarkan Nilai Murni                      | 2-13        |
| Bidang Fokus B : Memantapkan Modal Insan Perkhidmatan Awam                                 | 2-15        |
| Bidang Fokus C: Mempercepat Transformasi Digital   | 2-16        |
| Bidang Fokus D: Memperkuuh Rangka Kerja Institusi dan Perniagaan                           | 2-20        |
| Bidang Fokus E : Menambah Baik Keberkesanan dan Kecekapan Pengurusan Belanjawan dan Projek | 2-21        |
| <b>Kesimpulan</b>  | <b>2-23</b> |

# Pendahuluan

Malaysia kekal teguh dengan komitmen untuk mentransformasikan dan menambah baik penyampaian perkhidmatan awam bagi memenuhi harapan rakyat yang semakin tinggi. Dalam tempoh kajian semula Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), Kerajaan telah memulakan beberapa strategi untuk meningkatkan kualiti sektor awam dengan memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan, mempercepat pendigitalan, memberi penekanan kepada tadbir urus yang baik serta mempertingkatkan pengurusan belanjawan dan projek. Di sebalik usaha ini, Kerajaan terus berhadapan dengan isu dan cabaran dalam tadbir urus, modal insan, pendigitalan serta pengurusan belanjawan dan projek. Selaras dengan tekad Kerajaan untuk membina semula kepercayaan rakyat serta memperkuuh integriti dan ketelusan, standard tadbir urus berkaitan kepimpinan dan proses membuat keputusan akan diperkemas untuk memupuk nilai kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.

Melangkah ke hadapan, prinsip tadbir urus yang baik seperti akauntabiliti, ketelusan dan keterangkuman akan terus diberi penekanan bagi memastikan perkhidmatan awam disampaikan dengan lebih berintegriti. Tumpuan juga akan diberi dalam membangunkan modal insan yang tangkas untuk melengkapkan penjawat awam dengan pengetahuan dan keupayaan yang imperatif ke arah penyampaian perkhidmatan awam yang berkualiti tinggi dan cekap. Selain itu, penerimangunaan teknologi digital dan penyelesaian secara inovatif akan membolehkan rakyat menikmati penyampaian perkhidmatan awam yang lebih lancar dan mudah diakses. Rangka kerja institusi dan perniagaan juga akan diperkuuh dalam mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan awam. Kerajaan akan terus menambah baik keberkesanan dan kecekapan pengurusan belanjawan dan projek bagi mengoptimumkan pengagihan sumber dan mencapai outcome pembangunan yang ditetapkan. Pelaksanaan inisiatif ini dengan pendekatan keseluruhan negara akan mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan awam bagi menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.


## Prestasi, 2021-2022

Sebanyak 10 sasaran telah ditetapkan dalam usaha memperkuuh penyampaian perkhidmatan awam. Dalam tempoh kajian semula, dua daripada 10 sasaran telah dicapai, tiga mengikut jadual, manakala lima lagi masih ketinggalan, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 2-1*.


*Paparan 2-1*

### Pencapaian Sasaran Terpilih

#### Membangunkan Perkhidmatan Awam yang Berprestasi Tinggi



Jumlah Skor dalam  
Sistem Pengurusan Amalan Nilai



Penjawat Awam Celik Digital<sup>a</sup>



Terbitan Pekeliling  
Waktu Bekerja Fleksibel

#### Memperluas Pendekatan Keseluruhan Kerajaan



Kedudukan Subindeks Kecekapan  
Kerajaan dalam *IMD World  
Competitiveness Yearbook*




Kedudukan Subindeks  
Perkhidmatan Dalam Talian  
dalam *United Nations  
e-Government Development Index*




Kedudukan Indeks  
Persepsi Rasuah oleh  
*Transparency International*

Nota: <sup>a</sup> Berdasarkan kajian rintis oleh Institut Tadbiran Awam Negara.

## Memperluas Pendekatan Keseluruhan Kerajaan




Perkhidmatan Dalam Talian  
dari Peringkat Awal ke Akhir  
Kerajaan Persekutuan




Pihak Berkuasa Tempatan  
Mencapai Taraf 4 Bintang

## Memantapkan Pengurusan Belanjawan dan Projek



Peratusan Baki Fiskal kepada KDNK



Skor Minimum dalam  
*Open Budget Index* oleh  
*International Budget Partnership*

## Pencapaian mengikut Bidang Keutamaan



### Bidang Keutamaan A: Membangunkan Perkhidmatan Awam yang Berprestasi Tinggi

#### Strategi A1: Mentransformasi Perkhidmatan Awam

##### Menambah Baik Pengurusan Sumber Manusia

- Empat garis panduan<sup>1</sup> berkaitan pengurusan sumber manusia diedarkan kepada agensi kerajaan pada tahun 2022
- Penjawat awam celik digital
  - Kajian rintis berkaitan celik digital disiapkan pada tahun 2021
  - Program celik digital mula dilaksanakan pada tahun 2022

#### Strategi A2: Membentuk Pemimpin Masa Hadapan

##### Menambah Baik Proses Mengambil dan Mengelakkan Bakat

- Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Dasar Waktu Bekerja Fleksibel Dalam Perkhidmatan Awam disiapkan pada tahun 2022
- Modul MyPerformance dimasukkan ke dalam Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) pada tahun 2022

##### Membangunkan Pemimpin Berkualiti dalam Perkhidmatan Awam

- 54 daripada 57 agensi mengemukakan pelan penggantian
- Suruhanjaya Perkhidmatan Awam menambah baik mekanisme tapisan dan pemilihan bagi tiga skim perkhidmatan Pengurusan dan Profesional

##### Memupuk Nilai dan Etika Cemerlang

- Garis panduan Sistem Pengurusan Amalan Nilai 2.0 (edisi kedua) dikeluarkan
- Laporan Kajian Keberkesanan Intervensi Nilai disiapkan pada November 2022

##### Menggalakkan Pembelajaran dan Pembangunan Bakat yang Berterusan dan Komprehensif

- 475 Ketua Pegawai Digital (CDO) dilantik
- Kursus berkaitan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara yang terdiri daripada internet benda (IoT), blok rantai dan keselamatan siber dilaksanakan oleh Institut Tadbiran Awam Negara
- 27 pegawai menyertai program penempatan silang

<sup>1</sup> Panduan Pembangunan Pembelajaran Secara Dalam Talian, Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Secara Dalam Talian Melalui Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Panduan Pelaksanaan Pakej Latihan dan Panduan Penyediaan Kajian Impak Latihan.



## Bidang Keutamaan B: Memperluas Pendekatan Keseluruhan Kerajaan

### Strategi B1: Menambah Baik Pentadbiran Kerajaan dan Kecekapan Operasi

|  |  |
|--|--|
| <b>Menambah Baik Pentadbiran Kerajaan</b>                                      | <ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Perkhidmatan Awam menjalankan kajian kemungkinan berkaitan pengenalan akta perkhidmatan awam</li> </ul>   |
| <b>Menyusun Semula Institusi</b>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>50% daripada inisiatif Program Teknologi <i>Sandbox</i> bagi perkhidmatan awam dilaksanakan</li> </ul>  |
| <b>Memupuk Kecekapan dalam Penyampaian Perkhidmatan Awam</b>                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>Garis panduan berkaitan pelaksanaan petunjuk prestasi utama (KPI) untuk pegawai pengurusan tertinggi Kerajaan disemak semula pada tahun 2022</li> <li>27 agensi daripada kluster kementerian dan enam agensi daripada kluster agensi pusat melaksanakan penilaian berdasarkan <i>Malaysia Government Performance Index</i></li> <li>Kriteria pelesenan, pengurusan kewangan, penguatkuasaan dan pengurusan aduan diperkenalkan sebagai petunjuk baharu dalam Sijil Penarafan Bintang-Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun 2022</li> </ul> |
| <b>Memperkuuh Kerjasama dan Penyelaras dalam Kalangan Pihak Berkepentingan</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Platform khusus berkaitan Matlamat Pembangunan Mampan dan program pembasmian kemiskinan yang melibatkan pertubuhan masyarakat sivil (CSO), sektor swasta, institusi pendidikan tinggi, kerajaan negeri dan komuniti setempat diwujudkan</li> <li>Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional menjalankan pelbagai sesi libat urus, termasuk sesi dialog awam dan program Rasuah <i>BUSTER</i></li> </ul>  |
| <b>Memperluas Inisiatif Pendigitalan</b>                                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>208 agensi persekutuan dan 465 agensi negeri menawarkan pilihan kaedah e-pembayaran</li> <li>Sistem Pengurusan Aduan Awam sedang dipertingkatkan dengan aplikasi <i>chatbot</i> dan mudah alih pintar serta pengkomputeran awan</li> </ul>  |
| <b>Memperkuuh Tadbir Urus Data Terbuka</b>                                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pekeliling mengenai Dasar Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Sektor Awam dikeluarkan pada tahun 2021</li> <li>Pekeliling mengenai Dasar Perkongsian Data Sektor Awam dikeluarkan pada tahun 2021</li> </ul>   |

### Strategi B2: Meningkatkan Keupayaan Membuat Keputusan dan Inovasi

#### Membolehkan Perancangan Keputusan yang Berkualiti

- Lima kajian rintis *Behavioural Insights* disiapkan pada tahun 2022
- 30 kementerian dan agensi menggunakan platform *Unified Public Consultation* untuk melaksanakan libat urus dengan pihak berkepentingan
- Pangkalan Data Perlindungan Sosial, iaitu repositori data berpusat berkaitan bantuan sosial ditubuhkan pada tahun 2022

#### Menggalakkan Inovasi yang Lebih Hebat

- Kajian mengenai amalan terbaik inovasi untuk mempercepat inovasi dalam kalangan penjawat awam dijalankan pada tahun 2022

### Strategi B3: Memperkuuh Ekosistem Tadbir Urus

#### Mendukung Integriti, Ketelusan dan Keberkecualian pada Semua Peringkat

- 661 dokumen Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) yang terdiri daripada 232 pada peringkat persekutuan dan 429 pada peringkat negeri disiapkan

#### Menambah Baik Sistem Pilihan Raya

- Akta Perlombagaan (Pindaan) 2019 [ Akta A1603 ] berkaitan kelayakan umur minimum untuk mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun dikuatkuasakan pada 15 Disember 2021

#### Mendigitalkan Sistem dan Proses Pengurusan Maklumat Mahkamah

- Enam modul<sup>2</sup> baharu dibangunkan dalam sistem e-Kehakiman

#### Mempertingkatkan Tadbir Urus Korporat dalam Syarikat Milik Kerajaan dan Badan Berkanun

- Prinsip Tadbir Urus Baik bagi Syarikat Pelaburan Kerajaan dilancarkan pada April 2022

<sup>2</sup> eDenda, eExecution for Bailiff, ePlead Guilty, eRekod Rayuan, Long Call Solution dan Statistics based on Offense.



## Bidang Keutamaan C: Memantapkan Pengurusan Belanjawan dan Projek

### Strategi C1: Mengkaji Semula Rangka dan Proses Belanjawan

#### Meningkatkan Ketelusan Belanjawan dan Menjajarkan Keutamaan

- Penyata Pra-Belanjawan untuk tahun 2021 dan 2022 diterbitkan
- Peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan (DE) asas kepada enam negeri kurang membangun disediakan melebihi sasaran 50%

#### Memperkenalkan *Value at Entry* (VAE)

- VAE (Acquisition Categorisation (ACAT), Value Management Strategic (VMS), Gerbang Nilai 0 (GNO)) ditetapkan sebagai syarat permohonan projek fizikal baharu mulai tahun 2022

#### Membangunkan Rangka Perundangan dalam Perolehan Kerajaan

- Prosedur Semakan Domestik diperkenalkan bagi menambah baik pengurusan aduan berkaitan perolehan kerajaan mulai tahun 2022

### Strategi C2: Mempertingkatkan Keberkesanan Pelaksanaan Projek

#### Menambah Baik Mekanisme Penyampaian Projek

- Jawatankuasa Tertinggi Pemantauan RMKe-12 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri ditubuhkan pada tahun 2021
- Garis Panduan Penyediaan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) dan Permohonan Projek Pembangunan Tahun 2024-2025 dikeluarkan pada tahun 2022
- 130 projek dinilai oleh Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome pada tahun 2021 dengan pencapaian outcome berdasarkan empat kategori
  - Sangat Melebihi Sasaran: 55 projek
  - Melebihi Sasaran: 43 projek
  - Mencapai Sasaran: 22 projek
  - Di Bawah Sasaran: 10 projek

#### Memperkuuh MyProjek

- Sistem MyProjek ditambah baik pada tahun 2022 untuk memasukkan senarai projek keutamaan negeri
- Beberapa sistem seperti Pembanding Sektor Awam, Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan (iGFMAS) dan Sistem Pengurusan Tanah Persekutuan dan Pembahagian Pusaka (MyeTaPP) diintegrasikan dengan sistem MyProjek mulai tahun 2021

## Isu dan Cabaran

Usaha telah dilaksanakan untuk menambah baik kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam dalam memenuhi harapan rakyat dan pihak berkepentingan yang semakin meningkat. Namun begitu, penambahbaikan ini masih tidak mencukupi untuk menangani isu dan cabaran yang terus dihadapi. Dalam hubungan ini, isu dan cabaran utama yang perlu ditangani ialah kelemahan dalam tadbir urus,kekangan dalam pembangunan modal insan, kurang penerimangunaan teknologi digital serta persekitaran organisasi dan perniagaan yang kurang kondusif. Selain itu, ruang fiskal yang terhad dan pengurusan projek yang kurang cekap juga perlu ditangani.

### Kelemahan dalam Tadbir Urus

- Pelaksanaan dasar dan perundangan yang kurang jelas
- Kapasiti penguatkuasaan yang terhad dan kadar pematuhan yang rendah
- Salah laku dan rasuah

### Kurang Penerimangunaan Teknologi Digital

- Portal MyGovernment kurang dimanfaatkan untuk perkhidmatan dalam talian
- Kurang perkongsian data
- Kurang komitmen dalam menyokong transformasi digital
  - Kadar pelantikan CDO yang masih rendah pada peringkat agensi persekutuan dan negeri
  - Pembangunan *enterprise architecture* (EA) yang perlahan dalam organisasi sektor awam

### Ruang Fiskal yang Terhad dan Pengurusan Projek yang Kurang Cekap

- Sumber hasil yang tidak mencukupi dan asas cukai yang kecil
- Pemberian subsidi yang tidak menepati sasaran menyebabkan pengagihan sumber yang kurang cekap
- Peruntukan perbelanjaan pembangunan asas yang tidak mencukupi
- Ketirisan dalam proses perolehan, terutama disebabkan oleh kaedah rundingan terus
- Penilaian ke atas projek *off-budget* yang kurang menyeluruh
- Sumber yang terhad untuk penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan awam
- Pengurusan projek yang tidak berkesan



### Kekangan dalam Pembangunan Modal Insan

- Kekangan dalam penempatan berdasarkan kompetensi
  - Cabaran untuk mengenal pasti jurang kompetensi dalam kalangan pegawai kerana ketidaa data spesifikasi tugas
- Ketidakberkesanan dalam pengurusan kumpulan bakat kepimpinan disebabkan oleh pelaksanaan Model Kepimpinan Perkhidmatan Awam yang tidak menyeluruh serta pemprofilan data dan pelan penggantian untuk penjawat awam yang tidak lengkap
- Kekurangan data untuk mengekstrapolasi trend celik digital dalam kalangan penjawat awam
- Kekurangan kemahiran yang diperlukan dalam kalangan orang kurang upaya (OKU) untuk lantikan dalam perkhidmatan awam

### Persekitaran Organisasi dan Perniagaan yang Kurang Kondusif

- Pertindihan struktur dan fungsi kementerian dan agensi
- Persekitaran perniagaan yang kurang menggalakkan
  - Fasilitasi perniagaan yang kurang berkesan

## Hala Tuju, 2023-2025

Dalam tempoh akhir RMKe-12, Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dan berkesan melalui pendekatan keseluruhan kerajaan. Usaha akan dilaksana dengan mempertingkatkan tadbir urus berdasarkan nilai murni, memantapkan modal insan, mempercepat transformasi digital serta memperkuuh rangka kerja institusi dan perniagaan untuk menambah baik kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Di samping itu, usaha untuk menambah baik keberkesaan dan kecekapan pengurusan belanjawan dan projek akan diperkuuh bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih telus dan seterusnya memenuhi harapan rakyat.



### Bidang Fokus A: Mempertingkatkan Tadbir Urus Berasaskan Nilai Murni

#### Strategi A1:

Menambah Baik Akauntabiliti dan Ketelusan

#### Strategi A2:

Memperkuuh dan Membudayakan Integriti dalam  
Perkhidmatan Awam



### Bidang Fokus B: Memantapkan Modal Insan Perkhidmatan Awam

#### Strategi B1:

Memperkemas Kaedah Penempatan Pegawai

#### Strategi B2:

Membangunkan Pemimpin Berkualiti

#### Strategi B3:

Meningkatkan Kompetensi Penjawat Awam

#### Strategi B4:

Meningkatkan Penyertaan Orang Kurang Upaya dalam  
Perkhidmatan Awam



### Bidang Fokus C: Mempercepat Transformasi Digital

#### Strategi C1:

Menambah Baik Prestasi Perkhidmatan Dalam Talian dari  
Peringkat Awal ke Akhir

#### Strategi C2:

Menggalakkan Perkongsian Data

#### Strategi C3:

Memudah Cara Perubahan dan Inovasi Digital



### Bidang Fokus D: Memperkuuh Rangka Kerja Institusi dan Perniagaan

#### Strategi D1:

Menyemak Semula Struktur dan Fungsi

#### Strategi D2:

Meningkatkan Kemudahan Menjalankan Perniagaan



### Bidang Fokus E: Menambah Baik Keberkesaan dan Kecekapan Pengurusan Belanjawan dan Projek

#### Strategi E1:

Memperkuuh Pengurusan Belanjawan

#### Strategi E2:

Menambah Baik Keberkesaan Pengurusan Projek

## Sasaran Terpilih, 2021–2025

### Mempertingkatkan Tadbir Urus Berasaskan Nilai Murni



### Memantapkan Modal Insan Perkhidmatan Awam



### Mempercepat Transformasi Digital



## Memperkuuh Rangka Kerja Institusi dan Perniagaan



## Menambah Baik Keberkesanan dan Kecekapan Pengurusan Belanjawan dan Projek



## Bidang Fokus A: Mempertingkatkan Tadbir Urus Berasaskan Nilai Murni

Selaras dengan usaha ke arah kerajaan yang bebas rasuah, penerapan prinsip tadbir urus berdasarkan nilai murni yang menggabungkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan adalah penting dalam perkhidmatan awam bagi merealisasikan pendekatan keseluruhan negara. Oleh itu, perkhidmatan awam yang disokong oleh sikap hormat, keyakinan dan ihsan akan memacu pertumbuhan ekonomi dan peningkatan kesejahteraan rakyat. Dua Anjakan Besar, iaitu Tatakelola dan Rangka Kerja Institusi serta Perundungan berkaitan Rasuah akan direalisasikan bagi mempertingkatkan tadbir urus berdasarkan nilai murni. Dua strategi yang akan dilaksana ialah menambah baik akauntabiliti dan ketelusan serta memperkuuh dan membudayakan integriti dalam perkhidmatan awam.

Strategi A1

Menambah Baik Akauntabiliti dan Ketelusan

Strategi A2

Memperkuuh dan Membudayakan Integriti  
dalam Perkhidmatan Awam

### Strategi A1: Menambah Baik Akauntabiliti dan Ketelusan

#### Memperkuuh Akauntabiliti dalam Sumbangan Politik

Undang-undang baharu berkaitan sumbangan politik akan digubal untuk mengawal selia sebarang bentuk sumbangan yang dibuat oleh individu dan kumpulan berkepentingan khas. Sumbangan ini adalah tidak terhad semasa pilihan raya sahaja. Perundungan ini akan ditadbir urus oleh badan bebas untuk memastikan semua parti dan ahli politik, calon pilihan raya dan ejen politik bertanggungjawab kepada kedaulatan undang-undang. Undang-undang ini akan melarang penyaluran dana daripada entiti asing untuk tujuan aktiviti politik dan seterusnya meningkatkan ketelusan dalam sumbangan politik.

#### Menambah Baik Pengurusan Aduan Awam

Dalam tempoh akhir RMKe-12, akta ombudsman akan digubal dan satu badan ombudsman akan diperkenalkan. Akta ombudsman akan menambah baik penguatkuasaan serta meningkatkan ketelusan dan kecekapan dalam menangani aduan awam. Di samping itu, badan tersebut akan diberi kuasa untuk memastikan aduan awam ditangani dan diselesaikan dengan sewajarnya.

#### Memperkasakan Fungsi Audit Negara

Akta Audit 1957 [ Akta 62 ] akan dipinda bagi memperluas tugas Ketua Audit Negara (KAN). Pindaan ini akan membolehkan syarikat yang Kerajaan mempunyai kepentingan dalam bentuk jaminan, pelaburan dan pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan diaudit oleh KAN. Pindaan ini juga akan menghalang KAN daripada terlibat dalam sebarang aktiviti atau jawatankuasa pada peringkat persekutuan atau negeri. Peranan KAN sebagai satu entiti bebas, telus dan profesional akan terus diperkuuh agar setanding dengan standard di bawah *Independence of Supreme Audit Institutions* dan *International Organization of Supreme Audit Institutions*.

#### Menambah Baik Mekanisme Pelaporan Pemunyaian Benefisial

Peruntukan berkaitan pemunyaian benefisial akan disemak semula dalam Akta Syarikat 2016 [ Akta 777 ] dan dimasukkan dalam Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [ Akta 743 ] selaras dengan amalan terbaik dan standard antarabangsa. Semakan semula dan peruntukan baharu ini akan menumpukan kepada rangka kerja pelaporan pemunaian benefisial dengan memberi definisi pemunaian syer dan kawalan dalam pengurusan syarikat serta mengemas kini maklumat dan menyerahkan penyata tahunan kepada pendaftar syarikat. Pelaksanaan inisiatif ini akan meningkatkan lagi ketelusan dalam sektor swasta dan awam. Semakan semula dan peruntukan baharu ini akan dibentangkan di Parlimen dalam tempoh akhir RMKe-12.

#### Memperkuuh Fungsi Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional

Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC) akan diperkuuh untuk menyelaras pengurusan harta yang disita dan dilucut hak. Pengukuhan ini melibatkan pindaan Akta Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019 [ Akta 822 ] dan undang-undang lain di bawah bidang kuasa kementerian dan agensi berkaitan. Di samping itu, NFCC akan menyediakan garis panduan yang sewajarnya dan membangunkan pangkalan data yang berkaitan untuk memudahkan perancangan dan pemantauan bagi menangani ketirisan dan jenayah kewangan.

## Strategi A2: **Memperkuuh dan Membudayakan Integriti dalam Perkhidmatan Awam**

### **Memperkenalkan Akta Tadbir Urus yang Komprehensif untuk Sektor Awam**

Akta tadbir urus akan diperkenalkan bagi menyediakan rangka kerja tadbir urus yang komprehensif merentas kementerian dan agensi dalam menyokong pendekatan keseluruhan kerajaan. Dalam hubungan ini, satu kajian akan dijalankan untuk menilai kesesuaian dalam menggubal akta tersebut. Kajian ini juga akan mengenal pasti keperluan penubuhan badan bebas dalam mentadbir dan memantau hala tuju akta yang dicadangkan.

### **Membangunkan Profil Ciri-Ciri Pelaku Rasuah**

Projek rintis menggunakan pemprofilan *criminogenic*, iaitu kecenderungan untuk melakukan jenayah, akan dilaksana melalui usaha sama dengan agensi dan universiti awam terpilih. Pemprofilan ini akan menentukan tahap kecenderungan seseorang individu untuk terlibat dengan rasuah. Hasil pelaksanaan projek rintis ini akan menentukan kesesuaian penggunaan pemprofilan *criminogenic* sebagai satu kaedah untuk membangunkan profil ciri pelaku rasuah dalam perkhidmatan awam.

### **Membangunkan Kaedah Pengukuran Integriti**

Kajian rintis akan dijalankan untuk mengukur tahap integriti dalam kepimpinan bagi tujuan pembangunan kerjaya dengan menggunakan instrumen profil integriti kepimpinan. Di samping itu, instrumen pemeriksaan berkaitan integriti akan dibangunkan untuk mengukur tahap pematuhan tadbir urus yang baik dalam kalangan penjawat awam. Indeks Tadbir Urus Malaysia juga akan dibangunkan sebagai indikator untuk mengukur prestasi tadbir urus negara.

Sebahagian daripada inisiatif daripada Anjakan Besar perundangan berkaitan rasuah, pelan integriti baharu yang diterapkan dengan nilai teras MADANI akan diperkenalkan bagi memupuk nilai dan sikap insaniah. Pelan antirasuah baharu juga akan diperkenalkan sebagai garis panduan kepada semua institusi awam dan swasta berhubung isu integriti, tadbir urus dan rasuah. Di samping itu, perundangan baharu berkaitan *anti rent-seeking* akan dikaji bagi menggalakkan ketelusan dan kecekapan ekonomi.



### **Memperluas Program Kesedaran Integriti**

Penekanan kepada kepentingan integriti melalui pelbagai kempen kesedaran awam akan dilaksanakan secara bersasar bagi memupuk budaya integriti dalam kalangan masyarakat. Program latihan, iaitu Modul Integriti Penguatkuasa, juga akan diperluas kepada semua kementerian dan agensi berkaitan. Selain itu, Modul Latihan Pengurusan Risiko Rasuah akan dibangunkan sebagai program pembelajaran dalam talian melalui portal e-Pembelajaran Sektor Awam.

Program Pembangunan Integriti Bersama Komuniti (CIB) yang dilaksanakan di tujuh pihak berkuasa tempatan<sup>3</sup> (PBT) terpilih akan diperluas ke lebih banyak PBT. Program CIB ini dirangka untuk membentuk tingkah laku yang bertanggungjawab dalam kalangan komuniti setempat. Pelaksanaan program ini juga akan meningkatkan integriti dalam kalangan PBT dan masyarakat.

<sup>3</sup> Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Bandaraya Subang Jaya, Majlis Perbandaran Sibu, Majlis Daerah Hulu Terengganu, Majlis Daerah Limbang dan Majlis Daerah Matu & Daro.

## Bidang Fokus B: Memantapkan Modal Insan Perkhidmatan Awam

Pemantapan modal insan akan membolehkan penjawat awam mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi bagi memenuhi harapan rakyat yang semakin meningkat. Dalam hubungan ini, Kerajaan perlu memberi penekanan kepada pembangunan dan pemantapan penjawat awam. Strategi yang akan dilaksana ialah memperkemas kaedah penempatan pegawai, membangunkan pemimpin berkualiti, meningkatkan kompetensi penjawat awam dan meningkatkan penyertaan OKU dalam perkhidmatan awam.

### Strategi B1

Memperkemas Kaedah Penempatan Pegawai

### Strategi B2

Membangunkan Pemimpin Berkualiti

### Strategi B3

Meningkatkan Kompetensi Penjawat Awam

### Strategi B4

Meningkatkan Penyertaan Orang Kurang Upaya  
dalam Perkhidmatan Awam



## Strategi B1: Memperkemas Kaedah Penempatan Pegawai

### Menambah Baik Penempatan Berasaskan Kompetensi

Spesifikasi tugas (JS) yang menerangkan keperluan pengetahuan, tahap kemahiran, keupayaan dan kompetensi bagi setiap jawatan akan diperkenalkan di setiap agensi. Kewujudan JS akan melengkapkan deskripsi tugas semasa bagi setiap jawatan yang akan menambah baik kaedah penempatan berdasarkan kompetensi. Oleh itu, Kerajaan akan dapat mengenal pasti keperluan sumber manusia serta membangunkan pakar bidang khusus dan program kepimpinan. Di samping itu, pemprofilan data penjawat awam akan diperkuuh bagi membolehkan ketua agensi menilai, mengenal pasti dan membentuk pemimpin masa hadapan berdasarkan kompetensi.

## Strategi B2: Membangunkan Pemimpin Berkualiti

### Membentuk Pemimpin Masa Hadapan

Usaha akan dipergiat untuk membangunkan pemimpin masa hadapan dalam perkhidmatan awam. Konsep “leaders create leaders” akan diperkenalkan bagi memastikan keberkesanan peralihan pemimpin dalam sesebuah organisasi, serta diambil kira dalam Sistem Pemantauan dan Penilaian Petunjuk Prestasi Utama untuk ketua agensi. Elemen bimbingan dan pementoran akan dipertingkatkan untuk membangunkan kemahiran kepimpinan dan ciri personaliti yang unggul. Di samping itu, modul kepimpinan dan pengurusan yang seragam akan diperkenalkan kepada semua skim perkhidmatan.

## Strategi B3: Meningkatkan Kompetensi Penjawat Awam

### Menambah Baik Kompetensi Asas

Proses dan kaedah penilaian kompetensi akan ditambah baik untuk meningkatkan lagi kemahiran dan kompetensi yang diperlukan bagi membangunkan penjawat awam tersedia masa hadapan. Modul pembelajaran termasuk teknologi baru muncul serta kemahiran penyelesaian masalah dan komunikasi akan terus ditambah baik untuk penjawat awam di semua peringkat. Modul ini akan memupuk kemahiran interpersonal untuk memberi perkhidmatan yang lebih

baik kepada rakyat. Program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula juga akan dipertingkatkan melalui penilaian sistematik berdasarkan rangka kerja *Digital Government Competency and Capability Readiness* bagi menangani jurang kompetensi dalam kalangan penjawat awam.

## Memperkuuh Kompetensi Digital

Usaha akan diambil untuk memastikan penjawat awam mahir digital. Dalam hubungan ini, CDO akan ditugaskan untuk mencapai sasaran semua penjawat awam menguasai kompetensi digital pada tahun 2025 dan tugas ini akan dijadikan sebagai satu daripada KPI. Penilaian kompetensi digital akan dilaksanakan di semua agensi kerajaan. Selain itu, sesi libat urus berkaitan pelaksanaan garis panduan dan alat pengukur penilaian kompetensi digital akan dilaksana.

## Melaksanakan Behavioural Insights

*Behavioural Insights* (BI) memainkan peranan yang sangat penting dalam membolehkan penggubalan dasar untuk memahami perlakuan manusia dan seterusnya meningkatkan kecekapan dalam penggubalan dasar. Usaha akan diteruskan bagi meningkatkan pelaksanaan BI dalam penggubalan dasar dengan membangunkan bakat tempatan dalam kalangan penjawat awam. Program kesedaran akan diteruskan pada peringkat persekutuan dan negeri. Penggunaan BI dalam penggubalan dasar akan membolehkan bukti dan dapatkan daripada sains sosial dimanfaatkan, yang bukan sahaja berkesan tetapi juga dapat memenuhi keperluan rakyat yang pelbagai. Penerapan BI dalam penggubalan dasar juga akan menggalakkan pembangunan model tadbir urus yang lebih berpaksikan rakyat.



## Strategi B4: Meningkatkan Penyertaan Orang Kurang Upaya dalam Perkhidmatan Awam

### Mempertingkatkan Ketersediaan Orang Kurang Upaya

Kerajaan akan terus menggalakkan penyertaan lebih ramai OKU dalam sektor awam. Program latihan kemahiran akan dilaksana melalui kerjasama dengan agensi dan CSO berkaitan bagi meningkatkan kemahiran dan ketersediaan OKU untuk dilantik dalam perkhidmatan awam. Melalui pendekatan ini, OKU akan dilengkapi dengan kemahiran dan kebolehan yang khusus selaras dengan keperluan semasa dan masa hadapan perkhidmatan awam.

## Bidang Fokus C: Mempercepat Transformasi Digital

Perubahan pantas dalam pendigitalan telah mewujudkan keperluan mendesak untuk mempercepat transformasi digital dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan mempercepat inisiatif pendigitalan melalui *Government Technology* (GovTech) bagi memodenkan penyampaian perkhidmatan awam yang menekankan kepentingan perkhidmatan awam yang mudah diakses dan berpaksikan rakyat. Penerangan mengenai GovTech di Malaysia adalah seperti dalam Kotak 2-1. GovTech merupakan satu inisiatif di bawah Anjakan Besar Industri Berasaskan Teknologi dan Digital. Pelaksanaan Identiti Digital Nasional juga akan dipercepat di bawah Anjakan Besar ini. Selain itu, strategi untuk menambah baik prestasi perkhidmatan dalam talian dari peringkat awal ke akhir (E2E), menggalakkan perkongsian data serta memudah cara perubahan dan inovasi digital akan dilaksana.

### Strategi C1

Menambah Baik Prestasi Perkhidmatan Dalam Talian dari Peringkat Awal dan Akhir

### Strategi C2

Menggalakkan Perkongsian Data

### Strategi C3

Memudah Cara Perubahan dan Inovasi Digital

## Strategi C1: Menambah Baik Prestasi Perkhidmatan Dalam Talian dari Peringkat Awal ke Akhir

### Memperkuuh Perkhidmatan Digital

Kerajaan akan terus memperkuuh perkhidmatan digital dengan menggalakkan penggunaan Katalog Perkhidmatan Kerajaan. Katalog ini akan menyediakan panduan yang jelas berkaitan kategori perkhidmatan Kerajaan<sup>4</sup> dan menjadi asas kepada kementerian dan agensi untuk memenuhi keperluan perkhidmatan dalam talian. Penggunaan Katalog ini akan meningkatkan kualiti dan kecekapan serta peratusan perkhidmatan dalam talian E2E dalam sektor awam.

## Strategi C2: Menggalakkan Perkongsian Data

### Membangunkan Repotori Data Isi Rumah

Repositori data sosioekonomi isi rumah yang dikenali sebagai Pangkalan Data Utama (PADU) akan dibangunkan bagi memudah cara pengagihan subsidi dan bantuan yang lebih bersasar. PADU merupakan satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Subsidi Bersasar. Data mikro hampir masa nyata berkaitan individu seperti demografi, pendapatan dan bantuan sosial akan disimpan dalam platform ini sebagai rujukan kepada agensi kerajaan. Di samping itu, PADU akan menyediakan akses kepada individu untuk membuat semakan dan mengemas kini data peribadi. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan memastikan aspek kerahsiaan dan keselamatan data adalah terpelihara.

### Memperkuuh Rangka Kerja Kawal Selia Perkongsian Data

Pengenalan Akta Omnibus akan mengawal selia pematuhan kepada peraturan perkongsian data dan storan awan. Akta ini membolehkan semakan semula peraturan dan dasar dalaman agensi bagi menyokong keperluan perkongsian data dan pendigitalan. Di samping itu, kajian impak terhadap pelaksanaan Dasar Perkongsian Data Sektor Awam dan Dasar Perkongsian Data Nasional akan dijalankan untuk mengenal pasti jurang pelaksanaan dan menilai keberkesanan dasar ini dalam menggalakkan perkongsian data. Sesi libat urus pada peringkat persekutuan dan negeri akan terus diadakan dengan memberi tumpuan kepada peningkatan kesedaran dan penciptaan nilai dalam perkongsian data.

<sup>4</sup> Kategori perkhidmatan kerajaan adalah berdasarkan kerajaan kepada perniagaan (G2B), kerajaan kepada rakyat (G2C), kerajaan kepada penjawat awam (G2E) dan kerajaan kepada kerajaan (G2G).

## Strategi C3: Memudah Cara Perubahan dan Inovasi Digital

### Meningkatkan Keberkesanan Pengurusan Perubahan dalam Organisasi

Pelantikan CDO adalah untuk mempercepat transformasi digital dan menggalakkan budaya kerja digital di kementerian dan agensi berdasarkan Panduan Pengurusan Perubahan Sektor Awam. CDO akan bertanggungjawab untuk menerajui inisiatif berkaitan teknologi digital, tadbir urus data dan celik digital dalam organisasi. Usaha untuk memastikan pelantikan CDO di semua agensi persekutuan dan negeri akan dipergiat. Di samping itu, program kesedaran dan galakan akan disasar kepada semua peringkat, terutama pengurusan atasan bagi mempercepat agenda transformasi digital.

### Memperluas Pembangunan Enterprise Architecture

Semua kementerian dan agensi akan digesa untuk membangunkan EA bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan pengoperasian organisasi. Pelan Induk Enterprise Architecture (EA) Sektor Awam akan menjadi garis panduan utama bagi kementerian dan agensi dalam menyelaras strategi pengoperasian organisasi dan penggunaan teknologi. Dalam hubungan ini, penilaian berkaitan keberkesanan penggunaan EA dalam sektor awam akan dilaksana.

### Memacu Kreativiti, Inovasi dan Nilai kepada Rakyat

Rangka Tindakan Inovasi Sektor Awam akan menjadi dasar bagi menggalakkan kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam. Dalam hubungan ini, pekeliling mengenai dasar inovasi akan disediakan. Kementerian dan agensi akan digalakkan untuk menggunakan pakai konsep penciptaan nilai melalui sesi libat urus dengan pelanggan dalam memastikan kepuasan dan pengalaman yang lebih baik kepada rakyat. Di samping itu, pembangunan sistem aplikasi penyampaian perkhidmatan oleh kementerian dan agensi akan mengambil kira harapan dan keperluan rakyat.

## Kotak 2-1

### Memacu Transformasi melalui GovTech



#### Apakah GovTech?

Government Technology (GovTech) ialah pendekatan keseluruhan kerajaan untuk pemodenan sektor awam. GovTech menekankan tiga aspek, iaitu perkhidmatan awam yang mudah diakses dan berpaksikan rakyat, transformasi kerajaan digital serta sistem kerajaan yang cekap, telus dan tidak rumit. Inisiatif GovTech akan menstruktur semula operasi kerajaan dan interaksi dengan rakyat ke arah pemerkasaan dan keterlibatan masyarakat yang lebih baik.

Inisiatif GovTech memudah cara kerajaan untuk memodenkan penyampaian perkhidmatan dengan memanfaatkan teknologi baru muncul. GovTech juga membolehkan kerajaan menerima pakai proses membuat keputusan berasaskan data dan mengoptimumkan pengagihan sumber serta menyediakan maklumat semasa dan perkhidmatan dalam talian kepada pihak berkepentingan. Penerimanggunaan teknologi menjadi lebih penting pasca pandemik bagi memastikan penyampaian perkhidmatan tidak terjejas. Oleh itu, lebih banyak negara mempercepat GovTech untuk meningkatkan tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan, menggalakkan penyertaan rakyat dan menangani cabaran sosioekonomi.



#### GovTech Maturity Index


GovTech Maturity Index (GTMI) ialah kaedah penilaian yang dibangunkan oleh Bank Dunia untuk mengukur penerimanggunaan GovTech. GTMI mengukur status empat bidang fokus GovTech di 198 negara menggunakan 48 petunjuk utama. Empat bidang fokus GovTech ialah Sistem Teras Kerajaan, Penyampaian Perkhidmatan Awam, Penglibatan Rakyat secara Digital dan Pemangkin GovTech.

Pada tahun 2022, Malaysia dikategorikan sebagai satu daripada peneraju GovTech dalam kumpulan A dengan mencatatkan skor sebanyak 0.793, melebihi skor purata 0.552 bagi 198 negara berdasarkan GTMI seperti ditunjukkan dalam Rajah 1. Daripada empat bidang fokus, Malaysia

menunjukkan prestasi cemerlang dalam Indeks Penyampaian Perkhidmatan Awam dan Indeks Sistem Teras Kerajaan. Pencapaian ini adalah hasil daripada beberapa program digital utama oleh Kerajaan seperti MyGovCloud, Malaysia Government Central Data Exchange, sistem pengurusan kewangan awam utama dan portal perkhidmatan dalam talian MyGovernment.

Rajah 1

#### Skor Malaysia dalam GovTech Maturity Index (GTMI) 2022



Sumber: GTMI Report 2022, Bank Dunia



#### Landskap GovTech Malaysia

Malaysia telah bermula lebih awal dalam memperkenalkan kerajaan elektronik melalui aplikasi perdana di bawah Koridor Raya Multimedia pada tahun 1996. Semenjak dilancarkan, pelaksanaan aplikasi perdana telah berhadapan dengan isu dan cabaran yang melambatkan kemajuannya. Perkembangan pesat teknologi digital telah mengubah landskap ekonomi yang mendorong Kerajaan untuk melaksanakan agenda pendigitalan baharu. Kerajaan telah membangunkan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia

yang menggariskan strategi dan inisiatif bagi mempercepat pertumbuhan ekonomi digital. Enam teras strategik telah dikenal pasti dengan teras pertama adalah untuk memacu transformasi digital dalam sektor awam. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah mempercepat pelaksanaan pelbagai strategi dan inisiatif GovTech yang sedia ada dan baharu. Beberapa inisiatif penting berdasarkan bidang fokus GTMI yang dilaksanakan oleh Kerajaan termasuk:

## 1. Sistem Teras Kerajaan

Inisiatif GovTech menambah baik saling kendali dan membolehkan platform digital dikongsi melalui pendekatan keseluruhan kerajaan. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Induk Enterprise Architecture (EA) Sektor Awam sebagai garis panduan kepada kementerian dan agensi untuk memanfaatkan teknologi dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Selain itu, Kerajaan telah mewujudkan platform awan, iaitu MyGovCloud@PDSA dan Government Hybrid Cloud yang tersedia untuk entiti kerajaan. Platform ini membolehkan kementerian dan agensi memanfaatkan infrastruktur yang mempunyai skala yang fleksibel dan selamat serta memudahkan hosting perkhidmatan dan aplikasi digital.

## 2. Penyampaian Perkhidmatan Awam

Inisiatif GovTech bertujuan untuk memperkemas proses pentadbiran, mengurangkan birokrasi dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan. Portal dalam talian dan perkhidmatan digital membolehkan rakyat mengakses perkhidmatan Kerajaan dengan mudah dan selesa serta menjimatkan masa dan tenaga. Agensi persekutuan seperti Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan telah memainkan peranan penting dalam memastikan kebolehcapaian yang lancar dan ini menghasilkan kepuasan pengguna pada tahap tertinggi. Di samping itu, Kerajaan juga menitikberatkan nilai data melalui penglibatan rakyat dalam membuat keputusan berdasarkan maklumat. Inisiatif Data Terbuka yang diterajui oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) menggalakkan perkongsian data dengan rakyat. Inisiatif ini mendorong ketelusan, akauntabiliti dan penyertaan rakyat dengan menyediakan akses kepada data kerajaan untuk penyelidikan, analisis dan penyelesaian secara inovatif. Portal seperti MyGovernment dan Government Open Data menyediakan kebolehcapaian kepada perkhidmatan kerajaan dalam talian dan set data yang komprehensif.

## 3. Penglibatan Rakyat Secara Digital

Platform GovTech menyediakan saluran untuk penyertaan awam serta menggalakkan maklum balas dan jalinan kerjasama antara Kerajaan dan rakyat. Platform ini memupuk kepercayaan, inklusiviti dan rasa pemilikan orang awam, yang menjurus ke arah dasar yang lebih responsif dan berorientasikan rakyat. Platform Unified Public Consultation, Sistem Pengurusan Aduan Awam dan penglibatan berterusan dengan rakyat oleh kementerian dan agensi berkaitan melalui pelbagai platform media sosial membolehkan rakyat terlibat dalam memberikan maklum balas, pendapat dan perbincangan mengenai dasar.

## 4. Pemangkin GovTech

Kerajaan secara aktif telah memacu agenda pendigitalan merentas sektor melalui pelbagai pemangkin seperti Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia, Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam. Pelaksanaan dasar 4IR disokong oleh penggunaan teknologi 5G yang membolehkan ketersambungan yang lebih pantas dan dipercayai dalam menerima guna teknologi baru muncul seperti kecerdasan buatan, internet benda dan analitis data raya. Di samping itu, Kerajaan akan melaksanakan Akta Omnibus bagi memudah cara perkongsian data merentas kementerian. Pemangkin ini telah menyediakan ekosistem yang kondusif dalam melaksanakan inisiatif GovTech dengan cekap dan berkesan.



## Keperluan untuk Penyelarasaran Strategi dan Tadbir Urus

Pada masa ini, inisiatif GovTech sedang dilaksanakan oleh pelbagai agensi yang menghasilkan outcome yang tidak optimum. Penggunaan pendekatan yang terselaras dan menyeluruh melalui GovTech adalah penting dalam mempercepat pemodenan penyampaian perkhidmatan awam. Pelaksanaan ini memerlukan perancangan, penyelaras dan pemantauan inisiatif GovTech secara berpusat selaras dengan pendekatan keseluruhan negara. Dalam hubungan ini, GovTech Malaysia akan ditubuhkan. Di samping itu, Kerajaan akan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi melaksanakan inisiatif GovTech. Usaha bersepudu akan dilaksana bagi menyusun semula EA, mempertingkatkan kecekapan digital dalam sektor awam serta menyediakan infrastruktur digital yang menyokong. Selain itu, kesedaran dan kesanggupan untuk berubah dalam kalangan penjawat awam adalah penting bagi memastikan kejayaan GovTech. Dalam melaksanakan GovTech, Malaysia berpeluang untuk terus memanfaatkan potensi teknologi termaju bagi mewujudkan kerajaan yang lebih cekap dan berpaksikan rakyat, seterusnya mencapai negara yang dipacu digital.

## Bidang Fokus D: Memperkuuh Rangka Kerja Institusi dan Perniagaan

Rangka kerja institusi dan perniagaan yang teguh adalah penting dalam memastikan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam. Dalam hubungan ini, langkah bersepudu akan diambil untuk memperkuuh rangka kerja institusi bagi mengurangkan birokrasi. Selain itu, Kerajaan juga akan menyediakan persekitaran perniagaan yang menggalakkan dengan memberi tumpuan kepada usaha memudahkan urusan untuk menjalankan perniagaan. Pelaksanaan langkah ini akan memberi faedah yang signifikan seperti peningkatan dalam produktiviti, kualiti perkhidmatan dan kepuasan rakyat.

### Strategi D1

Menyemak Semula Struktur dan Fungsi

### Strategi D2

Meningkatkan Kemudahan Menjalankan  
Perniagaan

## Strategi D1: Menyemak Semula Struktur dan Fungsi

### Menyusun Semula Struktur dan Fungsi Kementerian dan Agensi

Kerajaan akan terus meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam dengan menyemak dan menyusun semula struktur dan fungsi kementerian dan agensi sebagai satu inisiatif Anjakan Besar tatakelola dan rangka kerja institusi. Inisiatif ini akan mengurangkan pertindihan dan memperjelas lagi fungsi agensi dalam sektor awam. Sesi libat urus bersama-sama kementerian dan agensi berkaitan akan dilaksana untuk menilai semula peranan dan fungsi sedia ada. Di samping itu, langkah akan diambil untuk menyemak semula undang-undang sedia ada dan perundangan yang lapuk. Kerajaan juga akan memperkuuh peranan dan fungsi agensi yang bertanggungjawab ke atas perundangan serta pengurusan perlindungan pemberi maklumat.

## Memperkasakan Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam

Inisiatif Anjakan Besar tatakelola dan rangka kerja institusi turut menekankan usaha memperkasakan peranan Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR). Pasukan petugas ini ditubuhkan khusus untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam selaras dengan semangat dan penekanan di bawah MADANI. Antara inisiatif utama yang dirancang termasuk mempercepat pelaksanaan projek menaik taraf sekolah daif dan penerimangunaan kaedah pembayaran tanpa tunai serta menambah baik urusan menjalankan perniagaan.

## Strategi D2: Meningkatkan Kemudahan Menjalankan Perniagaan

### Menggalakkan Ekosistem yang Menyokong Perniagaan

Prosedur dan peraturan yang membebankan akan dipermudah, manakala yang lapuk akan disemak semula untuk menambah baik tadbir urus dan prosedur pentadbiran. Jawatankuasa kelulusan serta prosedur pendaftaran perniagaan dan permohonan permit dan lesen akan diperkemas untuk mengurangkan masa dan kos. Mekanisme perlindungan pelabur akan diperkuuh dan amalan tadbir urus korporat akan digalakkan melalui penguatkuasaan peraturan sedia ada. Tambahan pula, usaha akan diambil untuk meningkatkan ketelusan serta menyediakan mekanisme yang jelas dan boleh dipercayai untuk menyelesaikan pertikaian. Selain itu, inisiatif untuk inovasi digital akan diperkenalkan bagi mempercepat penerimangunaan teknologi digital di kementerian dan agensi. Inisiatif ini akan memastikan tadbir urus dan kawal selia yang mesra perniagaan, seterusnya menarik lebih banyak pelaburan dan syarikat peringkat permulaan berdasarkan teknologi.

Rangka kerja baharu untuk mengenal pasti dan menggalakkan penambahbaikan berterusan dalam membangunkan persekitaran yang menyokong perniagaan dari segi memudahkan urusan menjalankan perniagaan, akan diterima pakai oleh Malaysia pada tahun 2024. Dalam hubungan ini, Malaysia akan terlibat dalam projek *Business Ready (B-READY)* yang menilai daya saing persekitaran perniagaan negara. Penilaian akan memberi tumpuan kepada rangka kerja kawal selia, perkhidmatan awam dan kecekapan dengan memperkenalkan petunjuk bagi menilai iklim perniagaan dan pelaburan sepanjang kitaran hayat perniagaan. Penerimangunaan teknologi digital dan kelestarian alam sekitar adalah antara aspek yang akan diambil kira dalam penilaian.

## Bidang Fokus E: Menambah Baik Keberkesanan dan Kecekapan Pengurusan Belanjawan dan Projek

Kerajaan terus komited menambah baik keberkesanan dan kecekapan pengurusan belanjawan untuk meningkatkan kemampuan fiskal. Di samping itu, langkah sedia ada akan ditambah baik, manakala langkah baharu akan diperkenal bagi memastikan keberkesanan pengurusan projek. Penambahbaikan ini akan mempercepatkan lagi pelaksanaan projek serta memberi manfaat langsung kepada rakyat.

Strategi E1

Memperkuuh Pengurusan Belanjawan

Strategi E2

Menambah Baik Keberkesanan Pengurusan  
Projek



### Strategi E1: Memperkuuh Pengurusan Belanjawan

#### Menambah Baik Penjanaan Hasil Kerajaan dan Menyemak Semula Subsidi Bersasar

Kerajaan akan melaksanakan Anjakan Besar, Kemampunan Fiskal dan Sistem Kewangan untuk memaksimumkan penjanaan hasil negara dengan mempelbagaikan sumber cukai, memperluas asas cukai serta menggunakan pakai pendigitalan dan teknologi. Sejajar dengan inisiatif ini, sistem invois elektronik akan diperkenal secara berperingkat dan satu peraturan berdasarkan pendekatan dua tonggak akan dilaksana bagi menangani hakisan asas cukai dan peralihan keuntungan. Langkah ini dijangka mencegah pengelakan cukai oleh individu berkelayakan dan pelarian cukai rentas sempadan oleh syarikat. Di samping itu, program khas pengakuan sukarela akan dilaksana bagi menggalakkan pengisytiharan cukai tidak berbayar dan pengisytiharan cukai yang kurang dan salah. Seterusnya, lebihan dana<sup>5</sup> yang tidak digunakan di bawah badan berkanun persekutuan syarikat berkaitan Kerajaan akan diselaras semula untuk tujuan program dan projek pembangunan.

Inisiatif di bawah Anjakan Besar subsidi bersasar akan memberi tumpuan untuk mewujudkan rangka kerja subsidi lebih bersasar di bawah PADU. Pada peringkat awal, keutamaan akan diberi kepada subsidi elektrik, diesel dan petrol. Penjimatan daripada penyiasaran semula subsidi ini akan digunakan untuk membiayai projek dan program sosioekonomi yang memberi manfaat kepada rakyat.

#### Mengutamakan Semula Perbelanjaan Pembangunan

Agihan DE asas akan ditingkatkan kepada sekurang-kurangnya 60% daripada keseluruhan peruntukan DE tahunan, berbanding 50% pada ketika ini. Langkah ini akan memberi lebih peluang bagi pelaksanaan projek cakna rakyat, strategik dan berimpak tinggi. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan memastikan pengagihan peruntukan DE memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi serta dapat meningkatkan keseimbangan pembangunan antara wilayah sejajar dengan aspirasi pembangunan negara.

<sup>5</sup> Lebihan sumber kewangan yang tidak digunakan dalam bentuk tunai dan kesetaraan tunai berpunca daripada peruntukan kerajaan.

## Memperkuuh Rangka Kerja Perundangan berkaitan Perolehan

Dasar perolehan kerajaan akan terus memberi penekanan kepada kaedah tender terbuka bagi memastikan kecekapan dan ketelusan proses perolehan serta keberkesanan kos dalam pelaksanaan projek. Bagi tujuan ini, inisiatif Anjakan Besar kemampunan fiskal dan sistem kewangan berkaitan mempercepat penggubalan akta perolehan kerajaan akan dilaksana bagi menambah baik sistem perolehan. Di samping itu, Kerajaan akan meminda Akta Tatacara Kewangan 1957 [ Akta 61 ] untuk memasukkan klausu berkaitan kaedah perolehan termasuk kaedah rundingan terus bagi menguruskan proses perolehan dengan lebih baik.

## Mewujudkan Mekanisme Gerbang Tunggal

Usaha akan diambil untuk memperkemas proses penilaian projek *off-budget* termasuk projek Kerjasama Awam Swasta (PPP) melalui mekanisme gerbang tunggal bagi menambah baik perancangan, proses membuat keputusan dan pemantauan projek pembangunan. Dalam hubungan ini, sistem MyProjek akan dijadikan gerbang tunggal bagi mengurus semua projek pembangunan. Di samping itu, pelaksanaan dan model pembiayaan projek PPP akan disemak semula bertujuan untuk memperkenalkan Pelan Induk Kerjasama Awam Swasta 2023-2032 yang akan menyediakan hala tuju dasar baharu yang berdasarkan model pengguna bayar.

## Menambah Baik Penyelenggaraan Aset Kerajaan

Mekanisme yang lebih mampan bagi membayai penyelenggaraan aset akan dikenal pasti, antara lain melalui penerimangunaan model perolehan strategik berdasarkan prinsip kos kitaran hayat bagi memanjangkan jangka hayat aset dalam tempoh yang lebih lama. Mekanisme ini termasuk inisiatif bagi meneroka penggunaan model PPP pengguna bayar dan mewujudkan dana khas bagi penyelenggaraan. Dalam hubungan ini, garis panduan akan disediakan bagi membolehkan aset dan fasiliti negara diuruskan dengan lebih mampan.

## Strategi E2: Menambah Baik Keberkesanan Pengurusan Projek

### Menambah Baik Perancangan dan Pelaksanaan Projek

Pengurusan projek pada peringkat perancangan akan ditambah baik dengan menaik taraf sistem MyProjek termasuk mengintegrasikan proses VAE, yang meliputi ACAT, VMS dan GNO bagi mengesahkan keperluan, kebolehlaksanaan dan kos projek. Sistem MyeTaPP juga akan diintegrasikan dengan sistem MyProjek bagi memastikan tanah untuk projek adalah tersedia dan bebas daripada bebanan. Selain itu, penekanan akan diberi bagi mengutamakan penggunaan tanah dalam bank tanah berbanding membuat perolehan tanah baharu.

Pelaksanaan projek dan kos yang lebih efektif melalui pendekatan secara desentralisasi akan diguna pakai sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar kemampunan fiskal dan sistem kewangan. Bagi tujuan ini, pelaksanaan projek kecil seperti pembinaan jalan kampung, tandas awam dan perparitan serta penyelenggaraan dan pemberian sekolah dan klinik daif akan dipercepat. Dalam hubungan ini, pengecualian daripada peraturan Arahan Perbendaharaan (AP) 182 yang menetapkan jabatan teknik, khususnya Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran sebagai agensi pelaksana untuk semua projek persekutuan, akan disemak secara berterusan bagi membenarkan kementerian dan agensi serta kerajaan negeri dan kerajaan tempatan, melaksanakan projek berskala kecil tanpa merujuk kepada jabatan teknik. Di samping itu, Inisiatif Kemudahan Rakyat akan dipromosi bagi membolehkan orang awam memohon projek berskala kecil secara langsung kepada kementerian dan agensi.

Pemberian lanjutan masa bagi pelaksanaan projek akan dipantau dan diuruskan dengan lebih rapi bagi meminimumkan kelewatan dan mengurangkan peningkatan kos. Peruntukan undang-undang di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 [ Akta 520 ] dan pekeliling perolehan kerajaan mengenai pendaftaran, pelantikan dan penamatkan kontraktor akan diperkuuh. Mekanisme penilaian ketersediaan pengoperasian dan penyampaian outcome akan diperkemas bagi menilai semua projek pembangunan yang telah siap. Selain itu, projek yang gagal dimulakan dalam tempoh yang lama akan dibatalkan bagi menangani isu kelewatan pelaksanaan projek.

## Kesimpulan

Dalam tempoh kajian semula RMKe-12, pelbagai usaha transformatif telah dilaksanakan dalam sektor awam untuk memperkuuh penyampaian perkhidmatan dengan membangunkan perkhidmatan awam berprestasi tinggi, memperluas pendekatan keseluruhan kerajaan dan meningkatkan pengurusan belanjawan dan projek. Namun begitu, sektor awam terus menghadapi cabaran dalam aspek tadbir urus yang baik, pembangunan bakat, penerimangunaan teknologi digital, persekitaran organisasi dan perniagaan serta pengurusan projek. Melangkah ke hadapan, perkhidmatan awam akan kekal sebagai pemangkin melalui pendekatan keseluruhan negara bagi mencapai aspirasi Malaysia MADANI. Kerajaan akan terus berusaha untuk mencapai penyampaian perkhidmatan awam berprestasi tinggi dengan mempertingkatkan tadbir urus berasaskan nilai murni, memantapkan modal insan, mempercepat pemodenan melalui transformasi digital, memperkuuh rangka kerja institusi dan perniagaan serta menambah baik keberkesanan dan kecekapan pengurusan belanjawan dan projek. Usaha ini adalah amat penting dalam merealisasikan tema 'Mampan, Sejahtera dan Berpendapatan Tinggi' dalam tempoh akhir RMKe-12.



Bab

3



# Melonjakkan Daya Tahan Ekonomi untuk Pertumbuhan Mampan

|  |             |
|--|-------------|
| <b>Pendahuluan</b>   | <b>3-2</b>  |
| <b>Prestasi, 2021-2022</b>   | <b>3-3</b>  |
| Pencapaian Sasaran Terpilih  | 3-3         |
| Pencapaian Mengikut Bidang Keutamaan   | 3-8         |
| Bidang Keutamaan A : Melonjakkan Pertumbuhan Produktiviti  | 3-8         |
| Bidang Keutamaan B : Memperluas Pasaran Eksport  | 3-9         |
| Bidang Keutamaan C : Memperkuuh Keberkesanan Ekosistem Pengantaraan Kewangan                     | 3-10        |
| Bidang Keutamaan D : Memperkuuh Peranan Kawasan Perindustrian dan Pengeluaran Makanan            | 3-12        |
| Bidang Keutamaan E : Menambah Baik Tadbir Urus dan Dasar   | 3-12        |
| Bidang Keutamaan F : Mempercepat Pembangunan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi              | 3-13        |
| Bidang Keutamaan G : Mempertingkatkan Keupayaan Usahawan dan Perusahaan                          | 3-15        |
| <b>Isu dan Cabaran</b>   | <b>3-17</b> |
| Prestasi Sektor Ekonomi dan Pembangunan Industri yang Lemah                                      | 3-17        |
| Kekurangan Daya Saing Sektor   | 3-18        |
| Kekangan dalam Sektor Kewangan   | 3-19        |
| Pengurusan Kawasan Perindustrian dan Pengeluaran Makanan yang Kurang Berkesan                    | 3-19        |
| Ketidakupayaan PMKS untuk Meningkatkan Skala dan Kekal Berdaya Saing                             | 3-19        |
| <b>Hala Tuju, 2023-2025</b>  | <b>3-20</b> |
| Sasaran Terpilih, 2021-2025  | 3-21        |
| Bidang Fokus A : Memperkuuh Daya Tahan Sektor dan Industri Strategik                             | 3-24        |
| Bidang Fokus B : Memacu Daya Saing untuk Pertumbuhan Mampan                                      | 3-30        |
| Bidang Fokus C : Melonjakkan Keberkesanan Sokongan Kewangan                                      | 3-33        |
| Bidang Fokus D : Menyusun Strategi bagi Memperkuuh Kawasan Perindustrian dan Pengeluaran Makanan | 3-35        |
| Bidang Fokus E : Mengatasi Halangan dalam Meningkatkan Skala PMKS                                | 3-35        |
| <b>Kesimpulan</b>  | <b>3-39</b> |

# Pendahuluan

Dalam tempoh kajian semula Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), pelaksanaan tema menjana semula ekonomi memberi tumpuan kepada usaha mengembalikan semula momentum pertumbuhan dan melonjakkan pertumbuhan industri strategik dan berimpak tinggi serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Langkah memperkuuh sektor ekonomi ini yang terjejas oleh COVID-19 telah menunjukkan kejayaan dalam mencapai pertumbuhan yang lebih baik dalam beberapa bidang. Kemajuan telah dicatatkan antara lain, dalam meningkatkan pertumbuhan produktiviti sektor pembinaan dan perkhidmatan, pertumbuhan eksport sektor pembinaan, perlombongan, pertanian dan pembuatan, mengukuhkan ekosistem pengantaraan kewangan dan meningkatkan kadar penggunaan kawasan khas pengeluaran makanan. Di samping itu, industri strategik dan berimpak tinggi telah menunjukkan pertumbuhan berterusan, manakala kadar pendigitalan dalam kalangan PMKS telah meningkat. Walau bagaimanapun, Malaysia dilihat masih ketinggalan berbanding negara serantau dari aspek daya saing berikutan kurangnya reformasi struktur ekonomi yang ketara. Prestasi sektor ekonomi dan pembangunan industri yang lemah, dan kekurangan daya saing, sokongan kewangan dan pengurusan yang berkesan di kawasan perindustrian dan pengeluaran makanan serta ketidakupayaan PMKS untuk meningkatkan skala dan kekal berdaya saing merupakan antara isu yang perlu ditangani.

Dalam tempoh akhir RMKe-12, langkah akan diambil untuk menerajui reformasi struktur, meningkatkan daya saing serta membina semula ekonomi yang mampan dan berorientasikan global. Malaysia menyasarkan untuk menjadi peneraju serantau dalam industri *high growth high value* (HGHV). Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberi untuk memperkuuh daya tahan sektor dan industri strategik, memacu daya saing untuk pertumbuhan mampan, melonjakkan keberkesanan sokongan kewangan dan menyusun strategi untuk memperkuuh kawasan perindustrian dan pengeluaran makanan. Keutamaan akan diberi untuk mengatasi halangan dalam meningkatkan skala PMKS bagi melonjakkan pertumbuhan dan meningkatkan sumbangan kepada ekonomi. Strategi ini termasuk mempercepatkan integrasi rantai bekalan PMKS ke dalam rantai nilai domestik dan global. Kejayaan pelaksanaan langkah ini akan menyumbang kepada pencapaian ekonomi berpendapatan tinggi, berdaya saing dan berdaya tahan untuk pertumbuhan yang mampan ke arah menjadi 30 ekonomi terbesar dunia.

## Prestasi, 2021-2022


Dalam tempoh RMKe-12, sebanyak 38 sasaran telah ditetapkan di bawah tema menjana semula ekonomi. Dalam tempoh kajian semula, 15 daripada sasaran tersebut telah dicapai, 20 mengikut jadual, manakala tiga lagi masih ketinggalan, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 3-1*.

*Paparan 3-1*


### Pencapaian Sasaran Terpilih

#### Melonjakkan Pertumbuhan Produktiviti


##### Purata Pertumbuhan Produktiviti Buruh




Pertanian




Perlombongan



Pembinaan




Pembuatan




Perkhidmatan

## Memperluas Pasaran Eksport


### Jumlah Eksport




## Memperkuat Keberkesanan Ekosistem Pengantaraan Kewangan



## Memperkuuh Peranan Kawasan Perindustrian dan Pengeluaran Makanan




Kadar Penggunaan di Kawasan Khas Pengeluaran Makanan



Peningkatan Kadar Penggunaan di Kawasan Perindustrian Terpilih

## Menambah Baik Dasar dan Tadbir Urus



Pertanian




Perlombongan



Pembinaan



Pembuatan



Perkhidmatan


Nota: <sup>a</sup> Akan dilaporkan oleh MIDA pada awal tahun 2024.

<sup>b</sup> Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN2030).


<sup>c</sup> Pelan Hala Tuju Industri Kimia dijangka dilancarkan pada tahun 2023.

<sup>d</sup> Subsektor perkhidmatan terpilih akan dimasukkan dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030.


## Mempercepat Pembangunan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi




Nilai Ditambah Elektrik dan Elektronik



Nilai Eksport Produk Elektrik dan Elektronik




Jumlah Pelaburan Diluluskan bagi Perkhidmatan Global




Pendapatan daripada Industri Aeroangkasa




Peluang Pekerjaan Diwujudkan dalam Industri Aeroangkasa




Sumbangan Industri Kreatif kepada KDNK



Pertumbuhan Purata Pelawat Domestik



Jumlah Perbelanjaan Pelancong Asing



Sumbangan Industri Halal kepada KDNK




Nilai Eksport Produk Halal




Jumlah Pelaburan Diluluskan dalam Industri Biojisim

## Mempertingkatkan Keupayaan Usahawan dan Perusahaan




Pendapatan Koperasi




Pendapatan Pertumbuhan Peladang Kawasan (PPK)




Pendapatan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK)




Sumbangan PMKS kepada KDNK



Sumbangan PMKS kepada Eksport



Purata Pertumbuhan Produktiviti Buruh PMKS



PMKS Mendigitalkan Operasi Perniagaan

## Pencapaian mengikut Bidang Keutamaan



### Bidang Keutamaan A: Melonjakkan Pertumbuhan Produktiviti

#### Strategi A1: Beralih kepada Rantaian Nilai Lebih Tinggi

##### Menambah Baik Proses Pengeluaran dan Operasi

- 13 Taman Kekal Pengeluaran Makanan disediakan dengan kemudahan pertanian moden
- 8,479 penjaja dan peniaga kecil menerima guna gerbang pembayaran pelbagai saluran di bawah *Retail Digitalisation Initiative*
- 122 syarikat diluluskan dengan geran padanan berjumlah RM44.5 juta di bawah Dana Intervensi Industry4WRD

##### Meningkatkan Aktiviti yang Mempunyai Nilai Ditambah yang Tinggi

- 11 kapal perikanan laut dalam dimodenkan bagi tangkapan ikan laut dalam dan laut lepas
- Enam projek rintis pembinaan jalan raya dan jambatan menggunakan bahan termaju dan teknologi inovatif dilaksanakan
- Enam pakej kesihatan premium berjumlah RM6.9 juta melalui perkongsian antara hotel dan hospital swasta yang menyediakan perkhidmatan premium diperkenalkan pada tahun 2022

##### Mempercepat Pembangunan Bakat

- Empat program latihan kerjasama antara universiti dan industri bagi sektor pembinaan dijalankan dan memberi manfaat kepada 1,268 pelajar
- 2,085,950 peserta dilatih dalam program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad

#### Strategi A2: Memperkuuh Keupayaan Kewangan

##### Menambah Baik Insentif dan Bantuan Kewangan

- 92.7% daripada RM1 bilion Dana Jaminan Makanan disalurkan
- RM251.2 juta Dana Strategik Pelaburan Domestik disalurkan
- RM68.5 juta Dana Berimpak Tinggi disalurkan

##### Memperkenalkan Mekanisme Pembiayaan dan Insentif Baharu untuk Penerimanaan Teknologi

- 61% daripada RM60 juta dana Program Modernisasi Rantaian Nilai Agromakanan disalurkan

#### Strategi A3: Meningkatkan Kejayaan Nexus Produktiviti

##### Memperluas Liputan Nexus Produktiviti

- Nexus Produktiviti Pembinaan dan Alam Bina dan Nexus Produktiviti Logistik ditubuhkan pada tahun 2022

##### Meningkatkan Keberkesanan Inisiatif Nexus Produktiviti

- 114 projek dilaksanakan di bawah 11 Nexus Produktiviti
- *Industry Digital Roadmap for Engineering* dan *Industry Digital Roadmap for Legal* dirangka oleh Nexus Produktiviti Perkhidmatan Profesional (PSPN)

#### Strategi A4: Meningkatkan Amalan Hijau

##### Mempercepat Penerimangunaan Amalan Hijau dalam kalangan Industri

- 2,679 ladang memperoleh pensijilan MyGAP
- 5.6 juta hektar kawasan tanaman kelapa sawit memperoleh pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) sehingga akhir tahun 2022
- Program kesedaran mengenai MSPO
  - 326 sesi Hari Bertemu Pelanggan/Kaunter Bergerak MSPO melibatkan 11,799 pekebun kecil
  - 132 taklimat pensijilan MSPO melibatkan 7,965 pekebun kecil
- 52% lombong dan kuari mencapai sekurang-kurangnya 3 bintang berdasarkan Penarafan Kemampuan Sektor Perlombongan pada tahun 2022
- 783 permohonan di bawah Elaun Cukai Pelaburan Hijau (GITA) dan Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (GITE) diluluskan

##### Memperkuuh Mekanisme Pelaksanaan Amalan Hijau

- Reka bentuk bagi 29 projek dinilai menggunakan Penilaian Penarafan Hijau
- 4,577 produk dan perkhidmatan hijau mendapat pengiktirafan MyHijau Mark
- RM30 juta disalurkan di bawah Skim Pembiayaan Perniagaan Kelestarian dan Hijau



### Bidang Keutamaan B: Memperluas Pasaran Eksport

#### Strategi B1: Meningkatkan Kecekapan Pasaran

##### Menghubungkan Pembekal dan Pengguna melalui Platform Digital

- 8,906 usahawan tani dan 7,823 produk berdaftar dalam platform AgroBazaar Online dengan jumlah transaksi sebanyak RM10,188,121

##### Menjadikan Malaysia sebagai Hub Logistik Serantau

- 33 syarikat logistik merangkumi 21 syarikat tempatan ditauliahkan sebagai Authorised Economic Operator

#### Strategi B2: Memperkasakan Industri untuk Bersaing dalam Pasaran Domestik dan Antarabangsa

##### Mempertingkatkan Keupayaan dan Kemampuan Pemain Industri

- Satu konsortium ditubuhkan di bawah PSPN dan berjaya memperoleh dua projek di Timor Leste
- *National Oil & Gas Services and Equipment (OGSE) Industry Blueprint 2021-2030* telah siap pada tahun 2022
- RM8.5 juta telah disalurkan kepada 36 syarikat di bawah Geran Pembangunan OGSE

### Strategi B3: Memperkuuh Fasilitasi Perdagangan

|  |  |
|--|--|
| <b>Memanfaatkan Perjanjian Perdagangan</b>     | <ul style="list-style-type: none"> <li>Perjanjian Komprehensif dan Progresif untuk Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) berkuat kuasa pada 29 November 2022</li> <li>Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) berkuat kuasa pada 18 Mac 2022</li> <li>Rundingan mengenai Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik bermula pada tahun 2022</li> </ul>  |
| <b>Mempergiat Pemasaran dan Promosi Ekspor</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>18 syarikat francais menyertai misi perdagangan dengan potensi pelaburan sebanyak RM689.9 juta</li> <li>16 produk keluaran PMKS diletakkan dalam pasar raya tempatan dan asing yang beroperasi di Malaysia di bawah <i>Access to Retail Programme</i></li> <li>2,080 syarikat memanfaatkan geran peluasan pasaran dengan potensi jualan sebanyak RM91.8 bilion</li> </ul> |



## Bidang Keutamaan C: Memperkuuh Keberkesanan Ekosistem Pengantaraan Kewangan

### Strategi C1: Mentransformasi Ekosistem Kewangan bagi Memenuhi Keperluan Ekonomi Masa Hadapan

|   |  |
|---|--|
| <b>Menggalakkan Inovasi dan Daya Saing untuk Meningkatkan Kecekapan</b>           | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pelaksanaan infrastruktur kewangan utama yang kalis cabaran masa hadapan           <ul style="list-style-type: none"> <li>Penerimangunaan e-pembayaran meningkat, daripada 170 transaksi per kapita pada tahun 2020 kepada 291 pada tahun 2022</li> <li>Jalinan pembayaran rentas sempadan ke Thailand, Indonesia dan Singapura diperluas menggunakan kod QR</li> </ul> </li> <li>Penambahbaikan laluan bagi inovasi digital baharu           <ul style="list-style-type: none"> <li>Lima lesen bank digital diluluskan</li> <li>Ujian langsung bagi lima permohonan <i>Sandbox</i> Pengawalseliaan baharu</li> <li>Sebanyak 10 juta akaun digital dibuka dalam sektor kewangan melalui inisiatif <i>Electronic Know-Your-Customer</i></li> </ul> </li> <li>Dana Inovasi Digital berjumlah RM30 juta diwujudkan pada tahun 2022</li> </ul>                            |
| <b>Memudahkan Lebih Banyak Pembentangan di sepanjang Kitaran Hayat Perniagaan</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Keperluan pembentangan dipertingkatkan untuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan segmen yang kurang diberi tumpuan           <ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah pembentangan melalui Dana BNM untuk PKS meningkat RM8 bilion, daripada RM23.1 bilion pada tahun 2020 kepada RM31.1 bilion pada tahun 2022</li> <li>Pertumbuhan penyelesaian kewangan berdasarkan bukan hutang dengan permohonan skim CAKNA diluluskan sebanyak RM475 juta pada akhir tahun 2022, daripada RM21 juta pada akhir tahun 2021</li> </ul> </li> <li>Kajian semula rangka kerja liberalisasi pendanaan ramai berdasarkan ekuiti dan rakan setara memudah cara 7,218 PMKS bagi mengumpul lebih daripada RM4.4 bilion           <ul style="list-style-type: none"> <li>Meneruskan pelaburan bersama melalui <i>Malaysia Co-Investment Fund (MyCIF)</i></li> </ul> </li> </ul> |

- Had pengumpulan dana ditingkatkan dan skop untuk firma penerbit yang dibenarkan diperluas
- Pendaftaran untuk pemain baharu dibuka
- Kecekapan pasaran awam dipertingkatkan melalui penyelarasan proses penyenaraian di Pasaran Access, Certainty, Efficiency (ACE)

### Strategi C2: Meningkatkan Daya Tahan dan Menambah Baik Tadbir Urus Sistem Kewangan

#### Memperkuuh Perlindungan bagi Kestabilan Sistem Kewangan

- Lebih daripada 2.8 juta pelanggan termasuk PKS menerima manfaat daripada bantuan bayaran balik pinjaman pada tahun 2021
- Perlindungan pengguna terhadap nasihat yang tidak wajar dan salah jual diperkuuh
  - Dokumen polisi mengenai Banksurans/Bankatakaful serta Tatacara Kehematian dan Profesional oleh Penasihat Kewangan dikeluarkan
- Malaysia dipilih semula untuk menganggotai Lembaga Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO)
- Pendekatan yang lebih kolaboratif bagi perlindungan kewangan melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala untuk Kerjasama Penyeliaan di bawah Jawatankuasa Serantau Asia Pasifik IOSCO pada tahun 2022

#### Menambah Baik Tadbir Urus dalam Sektor Kewangan

- Usaha untuk mengukuhkan daya tahan keselamatan siber dipergiat
  - Langkah utama bagi memerangi penipuan kewangan untuk keseluruhan industri kewangan dilaksana
  - Pusat Respons Scam Kebangsaan ditubuhkan
- Amalan untuk dana institusi domestik diperkuuh
  - Prinsip Tadbir Urus Baik bagi Syarikat Pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) dilancarkan
  - Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi 2022 dikemas kini
- Peraturan Kehendak-Kehendak Penyenaraian Bursa Malaysia mengenai kualiti, ketelusan dan kepelbagaiannya lembaga pengarah dipinda pada tahun 2022

### Strategi C3: Menggalakkan Sistem Kewangan yang Mampan dan Inklusif

#### Menggalakkan Pelaksanaan Agenda Kewangan Islam

- Panduan Sektoral bagi Rangka Kerja Pembiayaan Pengantaraan Berasaskan Nilai dan Penilaian Kesan Pelaburan (VBIAF) untuk kohort pertama dan kedua diterbitkan
- Produk dan perkhidmatan Pasaran Modal Islam diperluas melalui penerbitan Rangka Kerja Sukuk Berkaitan Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) serta perluasan Rangka Kerja Dana Bercirikan Wakaf

#### Mempergiat Pelaksanaan Agenda Keterangkuman dan Literasi Kewangan

- Akses kepada perkhidmatan kewangan dipertingkat melalui pertambahan ejen bank, dengan sebanyak 96.2% daripada mukim mendapat perkhidmatan sehingga akhir tahun 2022 berbanding 95% pada tahun 2020
- Indeks Celik dan Keupayaan Kewangan Malaysia meningkat daripada 57.1 mata pada tahun 2018 kepada 59 mata pada tahun 2021
  - Usaha berterusan bagi meningkatkan celik kewangan melalui Rangkaian Pendidikan Kewangan (FEN)
- Pendekatan holistik berterusan bagi melindungi dan memperkasakan pelabur melalui pelbagai program jangkauan pendidikan dan penggunaan media sosial

### Meningkatkan Perkhidmatan Kewangan yang Mampan

- Daya tahan iklim sektor kewangan dipertingkatkan
  - Dokumen Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip diperkenalkan
  - Piawaian dan rangka kerja mengenai amalan pengurusan risiko iklim diterbitkan
  - Taksonomi Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab Berasaskan Prinsip bagi Pasaran Modal Malaysia diterbitkan pada tahun 2022
  - Katalog Data Iklim sebagai rujukan untuk sektor kewangan diterbitkan pada tahun 2022
- Program Rantaian Nilai Penghijauan dan NaviGate: Siri Pembentangan Hijau Pasaran Modal dilancarkan



## Bidang Keutamaan D: Memperkuat Peranan Kawasan Perindustrian dan Pengeluaran Makanan

### Strategi D1: Mencapai Pembangunan Kawasan Perindustrian yang Seimbang

#### Menambah Baik Taburan Kawasan Perindustrian untuk Keseimbangan Pembangunan

- Projek Pemacu Ekonomi telah dipromosikan di sepanjang Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)
  - Taman Logistik Antarabangsa Kuantan Malaysia-China di Stesen ECRL Bandar Pelabuhan Kuantan
  - Perbandaran industri lestari yang bersepadu di Stesen ECRL Kapar
- RM17.6 juta disalurkan kepada 10 kawasan perindustrian sedia ada bagi menaik taraf infrastruktur asas di Kelantan, Perak, Pulau Pinang, Sarawak, Selangor dan Terengganu



## Bidang Keutamaan E: Menambah Baik Tadbir Urus dan Dasar

### Strategi E1: Memperkuat Penyelarasian dan Kerjasama

#### Menambah Baik Keberkesanan Mekanisme Sedia Ada

- Penubuhan unit MyMudah di semua agensi kerajaan diluluskan pada tahun 2021

### Strategi E2: Memperkuat Dasar dan Perundangan

#### Membangunkan Dasar Baharu dan Menyemak Semula Dasar Sedia Ada bagi Pembangunan Sektor

- Dasar Pelaburan Baharu dilancarkan pada tahun 2022
- Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 dilancarkan pada tahun 2022
- Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 dilancarkan pada tahun 2021
- Dasar Pembinaan Negara 2030 dilancarkan pada tahun 2021
- Kajian Pelan Hala Tuju Gas Asli disiapkan pada tahun 2021



## Bidang Keutamaan F: Mempercepat Pembangunan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi

### Strategi F1: Merangsang Industri Elektrik dan Elektronik untuk Beralih kepada Rantaian Nilai yang Lebih Tinggi

#### Memperkuatkan Ekosistem Industri Elektrik dan Elektronik untuk Beralih ke Rantaian Nilai yang Lebih Tinggi

- Pelan Hala Tuju Elektrik dan Elektronik: Pembangunan Teknologi 2021–2030 disiapkan pada tahun 2022
- 180 pelajar telah menyertai Program Latihan Industri Elit MOHE-INTEL dalam bidang reka bentuk cip

#### Meningkatkan Penerimاغunaan Teknologi

- Tujuh PKS menerima manfaat daripada Program Pembangunan Vendor untuk menerima guna teknologi 4IR

#### Meningkatkan Pembangunan Bakat dan Keupayaan

- Program pembangunan bakat elektrik dan elektronik (E&E) Industry4WRD
  - 242 pengajar dan 54 jurulatih induk dilatih dalam teknologi 4IR terpilih di bawah program Latihan Jurulatih (ToT)
  - 84 pelatih yang melibatkan 15 majikan daripada industri E&E dilatih di bawah program RiSE4WRD
- 467 majikan berdaftar dan 2,608 pencari kerja diambil bekerja dalam industri E&E melalui MYFutureJobs pada tahun 2021

#### Meningkatkan Penyelidikan dan Pembangunan serta Reka Bentuk dan Pembangunan

- Geran padanan berjumlah RM500 juta untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam industri E&E disediakan
- Dana modal teroka berjumlah RM147.4 juta disediakan untuk pelaburan dalam syarikat yang mempunyai pertumbuhan yang tinggi dan teknologi tinggi

### Strategi F2: Meningkatkan Daya Saing Perkhidmatan Global

#### Meningkatkan Bakat dan Keupayaan Penyedia Perkhidmatan Global

- 2,844 peluang pekerjaan bernilai tinggi ditawarkan dengan pelaburan berjumlah RM2.8 bilion

### Strategi F3: Mewujudkan Industri Aeroangkasa yang Mampan

#### Membangunkan Ekosistem Aeroangkasa yang Mampan

- Perbadanan Industri Aeroangkasa Kebangsaan Malaysia diperbadankan pada tahun 2022
- Geran padanan berjumlah RM500 juta disediakan untuk R&D dalam industri aeroangkasa

#### Meneroka Sumber Tenaga yang Mampan

- Pasukan Petugas Penerbangan Lestari ditubuhkan pada tahun 2021
- Bahan api biojet yang mampan dihasilkan daripada penapisan minyak masak terpakai telah diuji dalam dua penerbangan komersial

#### Strategi F4: Memaksimumkan Potensi Industri Kreatif

|   |  |
|---|--|
| <b>Meningkatkan Kemahiran Bakat untuk Memenuhi Keperluan Industri</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>15 syarikat dan 124 peserta dilatih dalam <i>Creator Studio</i> pada tahun 2022</li> <li>Program Peningkatan Kapasiti Kreatif Malaysia dibangunkan pada tahun 2021</li> <li>22 program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) ditawarkan oleh Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) sehingga akhir tahun 2022</li> </ul> |
| <b>Memperkuuh Pembangunan dan Promosi Produk</b>                      | <ul style="list-style-type: none"> <li>Dana Kandungan Digital diperluas kepada industri muzik pada tahun 2022</li> </ul>   |

#### Strategi F5: Mencergaskan Semula Industri Pelancongan

|  |   |
|--|---|
| <b>Mengembalikan Keyakinan Pelancong</b>                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>850 pemain industri pelancongan dilatih di bawah program <i>Malaysia Virtual Experience</i> pada tahun 2022</li> <li><i>Tourism Accommodation Digital Roadmap</i> dibangunkan pada tahun 2022</li> </ul>   |
| <b>Meningkatkan Kualiti Produk dan Perkhidmatan</b>      | <ul style="list-style-type: none"> <li>11 bengkel dan 21 lawatan diadakan untuk pembangunan pakej pelancongan</li> </ul>  |
| <b>Meningkatkan Kemampuan Produk Pelancongan</b>         | <ul style="list-style-type: none"> <li><i>Malaysia Travel</i>, aplikasi mudah alih risalah digital interaktif dilancarkan pada tahun 2022</li> </ul>  |
| <b>Memperkuuh Jenama Malaysia dan Strategi Pemasaran</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Kempen Sayangi Malaysia bermula pada tahun 2022</li> <li>521,448 tempat duduk terjual bagi penerbangan domestik dan antarabangsa pada tahun 2022</li> <li>Kerjasama strategik antara <i>Tourism Malaysia</i> dengan <i>Emirates Airline</i> dan <i>Qatar Airways</i> diadakan pada tahun 2022</li> </ul> |
| <b>Mempergiat Pelancongan Domestik</b>                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>29,198 pakej berjumlah RM9.6 juta terjual semasa lapan jerayawara Jualan Cuti-Cuti Malaysia pada tahun 2022</li> </ul>   |

#### Strategi F6: Meningkatkan Daya Saing Industri Halal yang Inklusif

|   |   |
|---|---|
| <b>Meningkatkan Pembangunan Bakat Halal</b>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>102 individu memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia melalui empat Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) bagi industri halal sehingga akhir tahun 2022</li> <li>Lima institusi pendidikan tinggi (IPT) menyertai program pembangunan bakat halal pada tahun 2022</li> </ul> |
| <b>Mempercepat Pembangunan Industri Halal</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>110 syarikat menerima manfaat daripada program <i>Halal Home Grown Champion</i> dan menjana jualan berjumlah RM328.7 juta pada tahun 2021</li> </ul>   |
| <b>Meningkatkan Daya Saing Produk Halal</b>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>Produk halal Malaysia menembusi pasaran antarabangsa di 17 negara sehingga akhir tahun 2022</li> </ul>   |

**Menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Global**

- RM15.9 juta potensi pelaburan halal direkodkan pada tahun 2022
- Rangka kerja Wakaf-Usahasama dibangunkan pada tahun 2022

**Strategi F7: Mempergiat Aktiviti Pertanian Pintar**

**Mempercepat Penerimاغunaan Teknologi Moden**

- Sistem maklumat geospatial untuk meningkatkan kecekapan operasi diterima guna oleh FELDA

**Meningkatkan Penyertaan Penyedia Teknologi**

- 43 teknologi pertanian pintar dikenal pasti untuk diterima guna

**Memperkasakan Komuniti Setempat**

- 12,570 individu terlibat dalam pertanian komuniti

**Strategi F8: Merealisasikan Potensi Industri Biojisim**

**Membangunkan Teknologi Tempatan melalui Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I)**

- 25 syarikat terlibat dalam membangunkan teknologi tempatan dalam industri biojisim
- Projek penyelidikan bagi menghasilkan bahan api penerangan mampan (SAF) daripada bahan bio bermula pada tahun 2021

**Mempercepat Pembangunan Produk dan Perkhidmatan yang Mempunyai Nilai Ditambah yang Tinggi**

- Enam projek R&D berkaitan biojisim dilaksana
- Satu produk inovasi biojisim, iaitu Formula Pelet Makanan Lembu Pedaging Berasaskan Sawit dihasilkan pada tahun 2022
- Dua memorandum perjanjian berkaitan inisiatif biojisim ditandatangani
  - Menilai buah tandan kosong sawit untuk produk pembungkusan acuan pulpa
  - Menghasilkan karbon teraktif daripada biojisim buluh dan kelapa sawit untuk penyingkiran logam berat daripada air sisa dan penyerapan karbon dioksida

**Menggalakkan Penggunaan Produk Biojisim yang Mempunyai Nilai Ditambah yang Tinggi**

- Program kesedaran sosial mengenai produk biojisim diadakan semasa *National Seminar on Palm Oil Milling, Refining, Environment and Quality 2022*



**Bidang Keutamaan G: Mempertingkatkan Keupayaan Usahawan dan Perusahaan**

**Strategi G1: Mewujudkan Usahawan yang Inovatif dan Mampan**

**Mempertingkatkan Program Pembangunan Keusahawanan**

- 441 program yang memberi manfaat kepada 1.6 juta PMKS telah dilaksanakan

|   |   |  |   |   |  |
|---|---|--|---|---|--|
| <p><b>Mengalakkan Usahawan yang Dipacu oleh Inovasi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Business Accelerator Program 3.0 membantu 525 syarikat</li> <li>● 151 produk R&amp;D PMKS dikomersialkan di bawah inisiatif Tahun Pengkomersialan Malaysia</li> <li>● Program peningkatan produktiviti           <ul style="list-style-type: none"> <li>○ RM3 bilion penjimatan kos operasi dicapai di bawah <i>Productivity Improvement Through Innovation</i></li> <li>○ 6,000 syarikat menerima guna teknologi melalui Program Penerimangunaan Teknologi Digital</li> </ul> </li> </ul>         | <p><b>Strategi G2: Menggalakkan Penyertaan Inklusif melalui Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, Koperasi dan Persatuan Berasaskan Pertanian</b></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="vertical-align: top;"> <p><b>Meningkatkan Sumbangan PMKS kepada Ekonomi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● 29 syarikat peneraju menawarkan peluang perniagaan kepada 1,288 syarikat vendor berdaftar di bawah program pembangunan vendor</li> <li>● 22 syarikat menerima manfaat geran padanan di bawah Program Peningkatan Industri Strategik dan Syarikat Berprestasi Tinggi (PRESTIGE) untuk penerimangunaan teknologi dan pengembangan pasaran</li> <li>● 865 syarikat menerima insentif kewangan di bawah program <i>eTrade 2.0</i></li> </ul> </td><td style="vertical-align: top;"> <p><b>Memperluas Akses Pasaran dan Peluang Perdagangan Antarabangsa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Program Promosi Pasaran Tempatan dan Antarabangsa bagi sektor perkayuan menjana jualan berjumlah RM13.7 juta pada tahun 2022</li> <li>● Program Tanaman Baharu Kenaf menjana jualan berjumlah RM5.6 juta dalam pasaran tempatan dan antarabangsa pada tahun 2022</li> <li>● 1,647 PMKS menerima manfaat melalui Program Pembangunan UDA pada tahun 2022</li> <li>● 338 PMKS menyertai Program Rantaian Global PKS (GLOSMEP)</li> </ul> </td></tr> <tr> <td style="vertical-align: top;"> <p><b>Manfaatkan Koperasi, Persatuan Berasaskan Pertanian dan Perusahaan Sosial dalam Membangunkan Usahawan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Pelan Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia 2030 dilancarkan pada tahun 2022</li> <li>● Rangka Kerja Akreditasi Baharu untuk perusahaan sosial diperkenalkan pada tahun 2022</li> <li>● 48 perusahaan sosial dengan nilai jualan tahunan berjumlah RM100 juta diakreditasi pada tahun 2022</li> <li>● 279 Pertubuhan Peladang Kebangsaan (PPK) dan 103 Pertubuhan Nelayan Kebangsaan (PNK) ditubuhkan sehingga akhir tahun 2022</li> </ul> </td><td></td></tr> </table> | <p><b>Meningkatkan Sumbangan PMKS kepada Ekonomi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● 29 syarikat peneraju menawarkan peluang perniagaan kepada 1,288 syarikat vendor berdaftar di bawah program pembangunan vendor</li> <li>● 22 syarikat menerima manfaat geran padanan di bawah Program Peningkatan Industri Strategik dan Syarikat Berprestasi Tinggi (PRESTIGE) untuk penerimangunaan teknologi dan pengembangan pasaran</li> <li>● 865 syarikat menerima insentif kewangan di bawah program <i>eTrade 2.0</i></li> </ul> | <p><b>Memperluas Akses Pasaran dan Peluang Perdagangan Antarabangsa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Program Promosi Pasaran Tempatan dan Antarabangsa bagi sektor perkayuan menjana jualan berjumlah RM13.7 juta pada tahun 2022</li> <li>● Program Tanaman Baharu Kenaf menjana jualan berjumlah RM5.6 juta dalam pasaran tempatan dan antarabangsa pada tahun 2022</li> <li>● 1,647 PMKS menerima manfaat melalui Program Pembangunan UDA pada tahun 2022</li> <li>● 338 PMKS menyertai Program Rantaian Global PKS (GLOSMEP)</li> </ul> | <p><b>Manfaatkan Koperasi, Persatuan Berasaskan Pertanian dan Perusahaan Sosial dalam Membangunkan Usahawan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Pelan Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia 2030 dilancarkan pada tahun 2022</li> <li>● Rangka Kerja Akreditasi Baharu untuk perusahaan sosial diperkenalkan pada tahun 2022</li> <li>● 48 perusahaan sosial dengan nilai jualan tahunan berjumlah RM100 juta diakreditasi pada tahun 2022</li> <li>● 279 Pertubuhan Peladang Kebangsaan (PPK) dan 103 Pertubuhan Nelayan Kebangsaan (PNK) ditubuhkan sehingga akhir tahun 2022</li> </ul> |  |
| <p><b>Meningkatkan Sumbangan PMKS kepada Ekonomi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● 29 syarikat peneraju menawarkan peluang perniagaan kepada 1,288 syarikat vendor berdaftar di bawah program pembangunan vendor</li> <li>● 22 syarikat menerima manfaat geran padanan di bawah Program Peningkatan Industri Strategik dan Syarikat Berprestasi Tinggi (PRESTIGE) untuk penerimangunaan teknologi dan pengembangan pasaran</li> <li>● 865 syarikat menerima insentif kewangan di bawah program <i>eTrade 2.0</i></li> </ul>  | <p><b>Memperluas Akses Pasaran dan Peluang Perdagangan Antarabangsa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Program Promosi Pasaran Tempatan dan Antarabangsa bagi sektor perkayuan menjana jualan berjumlah RM13.7 juta pada tahun 2022</li> <li>● Program Tanaman Baharu Kenaf menjana jualan berjumlah RM5.6 juta dalam pasaran tempatan dan antarabangsa pada tahun 2022</li> <li>● 1,647 PMKS menerima manfaat melalui Program Pembangunan UDA pada tahun 2022</li> <li>● 338 PMKS menyertai Program Rantaian Global PKS (GLOSMEP)</li> </ul>   |  |   |   |  |
| <p><b>Manfaatkan Koperasi, Persatuan Berasaskan Pertanian dan Perusahaan Sosial dalam Membangunkan Usahawan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Pelan Tindakan Keusahawanan Sosial Malaysia 2030 dilancarkan pada tahun 2022</li> <li>● Rangka Kerja Akreditasi Baharu untuk perusahaan sosial diperkenalkan pada tahun 2022</li> <li>● 48 perusahaan sosial dengan nilai jualan tahunan berjumlah RM100 juta diakreditasi pada tahun 2022</li> <li>● 279 Pertubuhan Peladang Kebangsaan (PPK) dan 103 Pertubuhan Nelayan Kebangsaan (PNK) ditubuhkan sehingga akhir tahun 2022</li> </ul> |   |  |   |   |  |
| <b>Strategi G3: Mewujudkan Ekosistem Keusahawanan yang Kondusif dan Menyeluruh</b>  |   |  |   |   |  |
| <p><b>Menambah Baik Tadbir Urus, Peraturan dan Peranan Institusi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Majlis Pembangunan Usahawan, Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Daerah ditubuhkan pada tahun 2022</li> </ul>   | <p><b>Menambah Baik Akses kepada Pembiayaan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● 70,463 usahawan menerima manfaat pembiayaan mikro sebanyak RM1.1 bilion yang ditawarkan pada tahun 2022</li> <li>● Program Intervensi Peluang Kedua           <ul style="list-style-type: none"> <li>○ 664 PMKS dibantu dalam penstrukturkan semula kewangan</li> <li>○ 40 PMKS menyertai program bimbingan intensif</li> </ul> </li> </ul>  |  |   |   |  |

## Isu dan Cabaran

Dalam tempoh kajian semula, langkah untuk mengembalikan semula momentum pertumbuhan ekonomi telah mencapai kemajuan dalam beberapa bidang. Walau bagaimanapun, beberapa isu dan cabaran terus menghalang usaha untuk menjana semula ekonomi ke arah daya tahan yang lebih tinggi. Isu dan cabaran ketara yang perlu ditangani ialah prestasi sektor ekonomi dan pembangunan industri yang lemah, sektor kurang berdaya saing, kekangan dalam sektor kewangan dan pengurusan kawasan perindustrian dan pengeluaran makanan yang kurang berkesan serta ketidakupayaan PMKS untuk meningkatkan skala dan kekal berdaya saing.

### Prestasi Sektor Ekonomi dan Pembangunan Industri yang Lemah

#### Sektor Ekonomi

- Peralihan kepada aktiviti bernilai tambah tinggi yang perlahan
- Kekurangan reformasi struktur ekonomi yang ketara

#### Industri Elektrik dan Elektronik

- Kekurangan jurutera reka bentuk dan penyelidik *front-end* berkemahiran tinggi
- Aktiviti R&D tempatan terhad dan lebih tertumpu kepada aktiviti pembuatan *back-end*
- Pelaburan yang rendah dalam automasi, teknologi baharu dan inovasi

#### Industri Aeroangkasa


- Ketiadaan rangka kerja dalam pembangunan kluster aeroangkasa baharu yang bersepadu
- Kekurangan bakat berkemahiran untuk memenuhi keperluan industri
- Keperluan perundungan yang mengekang dan rumit

#### Industri Kreatif

- Kurang penyelarasan dan pemantauan terhadap inisiatif dan program
- Pangkalan data yang tidak bersepadu
- Kurang kesedaran, minat dan sokongan untuk kemajuan kerjaya

#### Industri Biojisim

- Bekalan bahan mentah biojisim yang tidak konsisten
- Pekebun kecil dan industri kurang mendapat akses kepada pembiayaan



#### Perkhidmatan Global

- Halangan dalam menarik pelaburan
  - Kekurangan sokongan sumber tenaga bagi pengoperasian pusat data
  - Insentif cukai yang kurang menarik
- Kurang mekanisme pengesanan dan pemantauan ke atas bidang keutamaan pada peringkat negeri

#### Industri Halal

- Kekurangan bakat
- Pertindihan fungsi agensi
- Pangkalan data yang tidak bersepadu
- Kebergantungan kepada industri dan pasaran eksport tradisional

#### Industri Pelancongan

- Penerimangunaan teknologi yang terhad dan peralihan ke arah pemasaran digital yang perlahan
- Undang-undang dan peraturan yang lapuk dan tidak komprehensif
- Pelancongan yang tidak mampan

#### Pertanian Pintar


- Akses yang terhad kepada pembiayaan untuk penerimangunaan teknologi
- Kurang minat dan kesedaran dalam kalangan belia
- Kurang kerjasama antara penyedia teknologi dan petani

## Kekurangan Daya Saing Sektor

- 
- Penerimaan teknologi dan digital yang rendah
    - Penerimaan yang rendah bagi sistem *Malaysian Health Data Warehouse (MyHDW)* dalam kalangan institusi penjagaan kesihatan swasta
    - Ketiadaan pangkalan data yang komprehensif dan masa nyata mengenai Pengamal Profesional Kecil dan Sederhana (PPKS)
    - Ketiadaan pangkalan data petani secara berpusat dan digital
    - Kurang penerimaan teknologi untuk mengawal kerugian pasca tuai yang tinggi
    - Kurang motivasi untuk menerima guna teknologi termaju dan kesediaan beralih kepada Industri 4.0
  - Tenaga kerja yang tidak mencukupi dan kurang kompeten dalam sektor pembinaan
  - Ketiadaan sistem pengurusan rantai bekalan dalam sektor pembuatan
  - Rangka kerja tadbir urus yang tidak lengkap
    - Ketiadaan garis panduan untuk menerima pakai prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG)
    - Dasar pembangunan mineral yang lapuk
    - Kekurangan insentif pembiayaan rendah karbon dalam sektor pertanian
    - Kekurangan perancangan dan penyelarasan dalam pembangunan pasaran gas
    - Pengurusan insentif yang tidak cekap
  - Kurang perluasan pasaran
    - Penembusan pasaran yang rendah dan ketidakseragaman dalam menjalankan perniagaan
    - Kurang usaha dalam memanfaatkan perjanjian perdagangan bebas (FTA) oleh PPKS
    - Penyertaan pihak berkepentingan yang rendah dalam membangunkan dan mengkomersialkan pakej kesihatan premium

## Kekangan dalam Sektor Kewangan

- Ketersediaan yang perlahan untuk menerima guna teknologi
  - Pelaksanaan pemboleh daya infrastruktur yang perlahan menghalang penerimagan teknologi
  - Kekurangan tenaga kerja mahir dengan keupayaan teknologi
  - Peningkatan risiko insiden siber dan penipuan kewangan
- Peralihan ke arah amalan hijau dan mampan yang perlahan
  - Dasar yang kurang jelas pada peringkat kebangsaan mengenai objektif bersih sifar
  - Kurang penyertaan syarikat dalam peralihan rendah karbon
  - Kekurangan bantuan kewangan dan insentif
- Cabaran bagi memperkuuh kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam global
- Jurang dalam literasi dan kesedaran kewangan masih wujud
  - Jurang dalam pengetahuan mengenai produk, numerasi kewangan dan perancangan kewangan jangka panjang
  - Tahap celik digital dan kesedaran mengenai *cyber hygiene* yang rendah



## Pengurusan Kawasan Perindustrian dan Pengeluaran Makanan yang Kurang Berkesan

- Tiada badan penyelaras berpusat untuk kawasan perindustrian
- Saiz ladang yang terhad untuk ekonomi bidangan

## Ketidakupayaan PMKS untuk Meningkatkan Skala dan Kekal Berdaya Saing

- Dasar dan inisiatif yang terhad untuk meningkatkan skala PMKS
- Gangguan dalam rantaian bekalan dan kesalinghubungan yang lemah
- Kurang kesedaran dan rangka kerja yang tidak menyeluruh untuk menerima pakai ESG
- Kurang penyelarasan dan pemantauan terhadap program dan inisiatif
- Kekangan pembiayaan
  - Sumber tidak terselaras
  - Akses yang terhad untuk peningkatan skala
  - Kurang pembiayaan alternatif
- Kesedaran yang rendah dan pelaburan yang terhad dalam pendigitalan dan teknologi baru muncul
- Kurang tenaga kerja mahir

## Hala Tuju, 2023-2025

Dalam tempoh akhir RMKe-12, langkah akan terus diambil untuk menjana semula sektor ekonomi bagi meningkatkan daya tahan. Pelaksanaan akan ditumpukan kepada usaha memperkuuh daya tahan sektor dan industri strategik, memacu daya saing untuk pertumbuhan mampan dan melonjakkan keberkesanan sokongan kewangan. Usaha akan diteruskan untuk menyusun strategi bagi memperkuuh kawasan perindustrian dan pengeluaran makanan serta mengatasi halangan dalam meningkatkan skala PMKS.



### Bidang Fokus A: Memperkuuh Daya Tahan Sektor dan Industri Strategik

#### Strategi A1:

Mempercepat Reformasi Struktur Ekonomi

#### Strategi A2:

Memantapkan Industri Elektrik dan Elektronik

#### Strategi A3:

Mempelbagaikan Perkhidmatan Global

#### Strategi A4:

Mempercepat Pertumbuhan Industri Aeroangkasa

#### Strategi A5:

Mencergaskan Semula Industri Kreatif

#### Strategi A6:

Menggalakkan Pemulihan Industri Pelancongan

#### Strategi A7:

Mewujudkan Industri Halal yang Kukuh dengan Produk yang Lebih Pelbagai

#### Strategi A8:

Mempergiat Aktiviti Pertanian Pintar

#### Strategi A9:

Merealisasikan Potensi Industri Biojisim



### Bidang Fokus C: Melonjakkan Keberkesanan Sokongan Kewangan

#### Strategi C1:

Mempertingkatkan Penerimangunaan Teknologi

#### Strategi C2:

Memantapkan Pembiayaan Mampan

#### Strategi C3:

Memperkuuh Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Global

#### Strategi C4:

Meningkatkan Literasi dan Kesedaran Kewangan



### Bidang Fokus D: Menyusun Strategi bagi Memperkuuh Kawasan Perindustrian dan Pengeluaran Makanan

#### Strategi D1:

Mempertingkatkan Kawasan Perindustrian dan Pengeluaran Makanan



### Bidang Fokus E: Mengatasi Halangan dalam Meningkatkan Skala PMKS

#### Strategi E1:

Mengetengahkan Potensi PMKS, Koperasi, Persatuan Berasaskan Pertanian dan Perusahaan Sosial

#### Strategi E2:

Mengintegrasikan PMKS ke dalam Rantaian Bekalan Domestik dan Global

#### Strategi E3:

Menambah Baik Akses kepada Pembiayaan dan Program Pembangunan Keupayaan

#### Strategi E4:

Mempercepat Pertumbuhan Produktiviti dalam kalangan PMKS



### Bidang Fokus B: Memacu Daya Saing untuk Pertumbuhan Mampan

#### Strategi B1:

Mempertingkatkan Penerimangunaan Teknologi dan Pendigitalan

#### Strategi B2:

Meningkatkan Pemerolehan Bakat

#### Strategi B3:

Memperkuuh Rantaian Nilai

#### Strategi B4:


Menambah Baik Mekanisme Tadbir Urus

#### Strategi B5:

Memperluas Pasaran Eksport


## Sasaran Terpilih, 2021-2025

### Memperkuat Daya Tahan Sektor dan Industri Strategik



## Memacu Daya Saing untuk Pertumbuhan Mampan

### Purata Pertumbuhan Produktiviti Buruh




### Jumlah Eksport



## Menyusun Strategi bagi Memperkuuh Kawasan Perindustrian dan Pengeluaran Makanan



## Mengatasi Halangan dalam Meningkatkan Skala PMKS



## Bidang Fokus A: Memperkuuh Daya Tahan Sektor dan Industri Strategik

Pembangunan sektor ekonomi akan memberi tumpuan kepada pengukuhan daya saing industri untuk disesuaikan dengan rantaian bekalan global yang baharu dan menjana pertumbuhan ekonomi. Penekanan akan diberi dalam menambah baik bakat tersedia masa hadapan, penerimangunaan teknologi dan inovasi, pelaburan berkualiti dalam aktiviti dan produk bermilai tinggi, perluasan pasaran, tadbir urus dan ekosistem yang menyokong. Oleh itu, strategi akan dilaksana dengan mempercepat reformasi struktur ekonomi dan meningkatkan pertumbuhan industri strategik. Strategi ini termasuk memantapkan industri E&E, mempelbagaikan perkhidmatan global, mempercepat pertumbuhan industri aeroangkasa, mencergaskan semula industri kreatif, menggalakkan pemulihian industri pelancongan, mewujudkan industri halal yang kukuh dengan produk yang lebih pelbagai, mempergiat aktiviti pertanian pintar dan merealisasikan potensi industri biojisim.

- Strategi A7** Mewujudkan Industri Halal yang Kukuh dengan Produk yang Lebih Pelbagai
- Strategi A8** Mempergiat Aktiviti Pertanian Pintar
- Strategi A9** Merealisasikan Potensi Industri Biojisim

### Strategi A1: Mempercepat Reformasi Struktur Ekonomi

#### Mentransformasi Sektor Pembuatan

Sektor pembuatan akan beralih ke arah pembuatan pintar melalui teknologi termaju 4IR, bakat berkemahiran, aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan pematuhan kepada prinsip ESG bagi memastikan industri adalah berdaya tahan dan kekal berdaya saing pada peringkat global. Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 akan menjadi panduan bagi mentransformasi sektor pembuatan. Langkah akan diambil bagi membangunkan rantaian bekalan yang kukuh dan mempertingkatkan kesediaan syarikat untuk menerima guna penyelesaian yang berkesan melalui teknologi yang terbukti di pasaran. Langkah ini akan diterajui oleh syarikat multinasional dan syarikat tempatan yang besar bersama vendor berkaitan serta disokong oleh pembiayaan sektor swasta.

#### Mempercepat Pertumbuhan Sektor Perkhidmatan

Dalam mempercepat pertumbuhan sektor perkhidmatan, usaha akan dilaksana untuk merancakkan aktiviti pelancongan dengan menggalakkan penggunaan teknologi digital dan memperkemas peraturan. Peningkatan aktiviti pelancongan akan memberi kesan limpahan kepada subsektor lain, seperti perdagangan runcit, makanan dan minuman serta penginapan. Selain itu, langkah akan diambil untuk memacu subsektor perkhidmatan moden<sup>1</sup> dengan meningkatkan pendigitalan dan memperkuuh kerjasama dalam kalangan pihak berkepentingan. Pangkalan data yang komprehensif mengenai perkhidmatan profesional akan dibangunkan dengan menggabungkan dan menyenggara data masa nyata. Inisiatif ini akan dilaksana melalui kerjasama dalam kalangan agensi kerajaan dan pemain industri. Selain itu, kerjasama

- Strategi A1** Mempercepat Reformasi Struktur Ekonomi
- Strategi A2** Memantapkan Industri Elektrik dan Elektronik
- Strategi A3** Mempelbagaikan Perkhidmatan Global
- Strategi A4** Mempercepat Pertumbuhan Industri Aeroangkasa
- Strategi A5** Mencergaskan Semula Industri Kreatif
- Strategi A6** Menggalakkan Pemulihian Industri Pelancongan

<sup>1</sup> Merangkumi subsektor maklumat dan komunikasi, kewangan dan insurans serta perkhidmatan perniagaan, penjagaan kesihatan swasta dan pendidikan swasta.

awam-swasta akan diperkuuh dalam menambah baik kemudahan perubatan dan mempromosi perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta. Usaha ini akan meningkatkan daya saing dan seterusnya mempercepat pertumbuhan sektor perkhidmatan.

## Menambah Baik Sektor Pembinaan

Dalam sektor pembinaan, usaha akan dilaksana untuk memberi penekanan kepada amalan pembinaan bangunan hijau bagi menangani isu kemampunan. Penerimaan bahan dan teknologi pembinaan termaju akan diteruskan bagi mengurangkan penggunaan tenaga dan kos operasi. Selain itu, pekerja akan dilatih untuk memperoleh kemahiran yang diperlukan seiring dengan perubahan permintaan industri pembinaan. Usaha ini akan menambah baik sektor pembinaan menjadi lebih cekap, peka terhadap alam sekitar dan maju dari segi teknologi, disokong oleh tenaga kerja mahir.

## Memajukan Sektor Pertanian

Dalam sektor pertanian, tumpuan akan beralih kepada mengukuhkan keterjaminan makanan dan meningkatkan daya saing subsektor agrikomoditi. Peralihan ini akan dicapai dengan mempergiat aktiviti pertanian pintar merentas semua subsektor, termasuk mempercepat penerimaan teknologi, menarik minat bakat, meningkatkan penyertaan penyedia teknologi dan memperluas saiz ladang bagi meningkatkan pengeluaran domestik. Perhatian khusus juga akan diberikan untuk menerima pakai amalan mampan dan menerima guna mekanisasi dan automasi dalam subsektor perladangan bagi menggalakkan aktiviti yang menggabungkan kemampunan dan produktiviti. Usaha khusus akan ditumpukan bagi memperkuuh subsektor agromakanan terpilih, iaitu padi, buah-buahan dan sayur-sayuran, perikanan serta ruminan ke arah keterjaminan makanan, seperti ditunjukkan dalam Kotak 3-1.



### Kotak 3-1

## Memperkuuh Agromakanan ke arah Keterjaminan Makanan

### Meningkatkan Pengeluaran Domestik

Subsektor agromakanan kekal penting bagi memastikan keterjaminan makanan di Malaysia. Menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, keterjaminan makanan wujud apabila semua orang, pada setiap masa, mempunyai akses fizikal, sosial dan ekonomi kepada makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat. Walaupun pengeluaran tempatan meningkat, bekalan agromakanan masih tidak dapat memenuhi permintaan tempatan. Keadaan ini mendorong kepada keperluan untuk meningkatkan lagi produktiviti bagi memastikan ketersediaan makanan. Berdasarkan data daripada Kajian Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara, guna tanah untuk aktiviti agromakanan di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 0.9 juta hektar pada tahun 2021. Keluasan ini merupakan 16.3% daripada 5.4 juta hektar tanah pertanian di Semenanjung Malaysia, manakala baki sebanyak 4.5 juta hektar adalah untuk subsektor agrikomoditi, seperti ditunjukkan di Rajah 1. Kawasan penanaman padi dan buah-buahan meliputi lebih daripada 70% jumlah guna tanah untuk agromakanan. Guna tanah untuk agromakanan dianggarkan meningkat sebanyak 1.2% menjelang tahun 2025, terutama disumbangkan oleh peningkatan kawasan penanaman sayur-sayuran dan akuakultur. Walau bagaimanapun, kawasan penanaman padi dianggarkan berkurangan sebanyak 1.4% dalam tempoh yang sama.

### Rajah 1

#### Guna Tanah Pertanian, 2021

| Sektor                | Guna Tanah (Hektar) |
|-----------------------|---------------------|
| Pertanian Keseluruhan | 5,356,141.1         |
| Agrikomoditi          | 4,485,146.7         |
| Agromakanan           | 870,994.4           |
| Padi                  | 378,840.7           |
| Buah-buahan           | 206,391.0           |
| Sayur-sayuran         | 29,993.3            |
| Ternakan              | 29,932.8            |
| Akuakultur            | 23,062.1            |
| Tanaman lain          | 202,774.5           |

Sumber: PLANMalaysia

Subsektor agromakanan perlu ditransformasi ke arah berpacukan teknologi, di samping mampan dan berdaya tahan bagi meningkatkan pengeluaran tempatan. Ketersediaan makanan bergantung kepada kecukupan bekalan yang memerlukan modal, tenaga kerja, teknologi dan pengurusan yang cekap bagi memastikan produktiviti yang tinggi dalam pengeluaran makanan. Dalam tempoh akhir RMKe-12, penekanan akan diberikan, terutama kepada strategi khusus mengikut subsektor untuk melonjakkan pertumbuhan produktiviti dan menangani isu yang dihadapi oleh subsektor berkaitan.



## Padi

Permintaan beras dijangka meningkat daripada 2.9 juta tan metrik pada tahun 2020 kepada 3.2 juta tan metrik pada tahun 2025. Pengeluaran beras dijangka melebihi 3 juta tan metrik menjelang tahun 2025 dengan keluasan sawah berjumlah 427,894 hektar. Langkah akan diambil untuk menyatukan petak sawah kecil, memastikan infrastruktur pengairan dan saliran yang mencukupi serta memperkenalkan varieti baharu berhasil tinggi dan subsidi berdasarkan prestasi.



## Buah-buahan dan Sayur-sayuran

Pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran akan ditingkatkan bagi memenuhi permintaan pasaran domestik dan eksport. Tumpuan akan diberikan kepada buah-buahan tidak bermusim dan sayur-sayuran tanah tinggi. Purata kadar sara diri (SSR) buah-buahan dijangka mencapai 106.5% pada tahun 2025, berbanding 100.2% pada tahun 2020, manakala purata SSR bagi sayur-sayuran dijangka mencapai 95.1% pada tahun 2025, berbanding 90.9% pada tahun 2020. Usaha akan ditumpukan kepada meningkatkan produktiviti melalui pembangunan kluster buah-buahan dan sayur-sayuran, pemulihan ladang, pengukuhan pengurusan ladang kontrak dan peluasan penerimagaunaan teknologi moden. Strategi ini akan memastikan bekalan buah-buahan dan sayur-sayuran yang konsisten.



## Perikanan

Selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), tumpuan akan diberikan untuk mengurangkan tekanan terhadap perikanan marin dengan meningkatkan sumbangan akuakultur dalam jumlah pengeluaran ikan, daripada 20% pada tahun 2020 kepada 30% atau 650,000 tan metrik pada tahun 2025. Dalam mencapai sasaran ini, penekanan akan diberikan untuk menerima guna peralatan moden, seperti sistem pemberian makanan secara elektronik, sensor dan sistem pemantauan. Usaha ini akan membolehkan keputusan dibuat dengan cepat dan tepat, mengurangkan pembaziran input dan mencegah penyebaran penyakit, seterusnya meningkatkan produktiviti secara keseluruhan tanpa menjadikan kualiti hasil ikan.



## Ruminan

Usaha meningkatkan produktiviti subsektor ruminan masih menjadi cabaran, antaranya disebabkan oleh penerimagaunaan teknologi yang rendah, kos operasi yang tinggi dan ekonomi bidangan yang terhad. Strategi akan ditumpukan untuk meningkatkan SSR daging lembu daripada 27.7% pada tahun 2020 kepada 50% pada tahun 2025, daging kambing daripada 16.1% kepada 30% dan susu segar daripada 64% kepada 100%. Tumpuan juga akan diberikan untuk mempergiat penyelidikan dalam peningkatan genetik dan teknik pembiakan, menambah baik formulasi makanan ternakan, memperkuuh kemudahan tenusu serta menyatukan ladang ruminan berskala kecil.

Penyusunan semula subsektor agromakanan menuntut bukan hanya perubahan amalan pertanian, penerimagaunaan teknologi termaju dan peningkatan produktiviti tetapi juga pengukuhan ekosistem bagi memudah cara transformasi ini. Matlamat akhir adalah untuk mewujudkan subsektor agromakanan yang berdaya tahan, inklusif, berdaya saing dan mampan bagi menangani sebarang krisis keterjaminan makanan pada masa hadapan.

## Mencergaskan Semula Sektor Perlombongan

Sektor perlombongan akan ditransformasi bagi mencapai kemampunan dan aspirasi rendah karbon melalui penerimangunaan teknologi termaju serta pembangunan bakat dan ekosistem yang menyeluruh. Dalam hubungan ini, subsektor minyak dan gas akan memberi penekanan kepada transformasi digital kalis cabaran masa hadapan bagi memastikan kos yang berdaya saing di sepanjang rantai nilai. Selain itu, penerimangunaan teknologi pemerangkapan dan penyimpanan karbon (CCS) akan membuka peluang pelaburan baharu dalam aktiviti berkaitan CCS dan mengurangkan pelepasan karbon dengan ketara dalam pengeluaran minyak dan gas.

Subsektor mineral akan diperkuuh supaya lebih berdaya saing dan mampan. Dalam hubungan ini, pemetaan terperinci sumber unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) dan model perniagaan komprehensif bagi industri nadir bumi bukan radioaktif yang mengintegri industri huluan, pertengahan dan hiliran akan dibangunkan. Usaha ini merupakan satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Industri HGV Nadir Bumi. Model perniagaan ini akan dijadikan panduan bagi pembangunan industri mineral yang bertanggungjawab dan menjadi sumber baharu pertumbuhan ekonomi.

## Strategi A2: Memantapkan Industri Elektrik dan Elektronik

### Mewujudkan Kumpulan Bakat Tersedia Masa Hadapan

Program pembangunan bakat tempatan akan dipertingkatkan melalui kerjasama strategik dalam kalangan kementerian dan agensi berkaitan, institusi latihan dan pihak industri untuk mewujudkan kumpulan bakat tersedia masa hadapan dalam industri E&E. Penekanan akan diberi kepada membangunkan bakat berkemahiran dalam bidang khusus melalui pemurnian kurikulum dan modul latihan yang memenuhi keperluan industri. Usaha akan diambil untuk menambah jurutera reka bentuk front-end dan meningkatkan keupayaan penyelidik untuk menarik pelabur asing menjalankan aktiviti R&D di Malaysia.

### Mempersiapkan Syarikat Elektrik dan Elektronik Tempatan sebagai Pemain Utama dalam Aktiviti Front-End

Syarikat tempatan akan dibimbang dalam aktiviti pembuatan *front-end* untuk menjadi pemain utama dalam rantai nilai E&E global. Ekosistem pembuatan *front-end* akan dipertingkatkan untuk mempercepat peralihan

industri ke arah rantai nilai yang lebih tinggi, terutama dalam reka bentuk litar bersepada (IC), pempakejan IC, fabrikasi wafer, sistem terbenam, perkhidmatan ujian dan kejuruteraan reka bentuk. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada Anjakan Besar Industri HGV E&E Bernilai Tinggi. Selain itu, program penggalakan pelaburan khusus akan diadakan untuk pemain utama bagi menarik pelaburan berkualiti yang mengutamakan teknologi termaju ke dalam negara.

## Strategi A3: Mempelbagaikan Perkhidmatan Global

### Menarik Pelaburan Berkualiti Tinggi

Dasar untuk menarik pelaburan berkualiti akan dirangka bagi menarik bakat, memudahkan urusan menjalankan perniagaan dan memudah cara keperluan sumber tenaga untuk penubuhan pusat data. Dalam hubungan ini, kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri akan diperkuuh bagi menyokong pelaksanaan dasar tersebut. Selain itu, insentif cukai sedia ada akan disemak semula supaya lebih sistematik, fleksibel dan mesra pelabur.

### Mewujudkan Pangkalan Data untuk Perkhidmatan Global

Pangkalan data bagi industri perkhidmatan global akan dibangunkan untuk membolehkan perkongsian data dalam kalangan pihak berkepentingan. Pangkalan data ini akan menyediakan data dari peringkat awal ke akhir berkaitan ekosistem rantai bekalan, termasuk kod klasifikasi syarikat perkhidmatan global. Dalam hubungan ini, penjejakan dan pemetaan mengikut bidang keutamaan akan dilaksana melalui penyelarasaran bersepada antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bagi memacu pelaburan dalam perkhidmatan global.

## Strategi A4: Mempercepat Pertumbuhan Industri Aeroangkasa

### Membangunkan Rangka Kerja Kluster Aeroangkasa

Rangka kerja akan disediakan sebagai rujukan utama dalam merancang dan membangunkan kluster aeroangkasa baharu yang bersepada. Rangka kerja ini akan menyokong usaha bagi mencapai pertumbuhan industri yang seimbang merentasi lima bidang teras, iaitu penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO), pembuatan aeroangkasa, kejuruteraan dan keupayaan reka bentuk, penyelidikan dan teknologi dan modal insan serta merentasi

wilayah. Libat urus yang lebih luas dengan pihak berkepentingan akan dilaksanakan dalam menggubal dan menerima pakai rangka kerja ini, seterusnya membolehkan keupayaan industri aeroangkasa tempatan dipromosi secara strategik.

## Menambah Baik Latihan untuk Bakat Tersedia Masa Hadapan

Jurang bakat dalam industri aeroangkasa akan ditangani melalui program peningkatan latihan dengan memanfaatkan pusat kecemerlangan (COE). Inisiatif ini termasuk memperkenalkan modul baharu, menambah baik program sedia ada dan membangunkan tenaga pengajar dalam industri secara berterusan. Program perantisan di COE juga akan dijalankan melalui projek berstruktur yang membolehkan pemetaan kemahiran yang diterajui oleh industri dilaksana. Langkah ini akan memenuhi kemahiran khusus yang diperlukan oleh industri dan pelabur serta seiring dengan perkembangan teknologi.

## Memudah Cara Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih

Prosedur pentadbiran untuk pengecualian duti kastam ke atas alat ganti dan komponen MRO yang layak dikecualikan cukai akan dikaji semula supaya lebih mudah dan membantu dalam mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Senarai alat ganti dan komponen yang layak untuk pengecualian duti juga akan disemak semula bagi menyeragamkan layanan cukai di pintu masuk. Langkah ini akan membolehkan prosedur kastam yang lebih mudah untuk MRO bagi menarik pelaburan dan mengukuhkan daya saing industri.

## Strategi A5: Mencergaskan Semula Industri Kreatif

### Memperkuuh Persekutuan Industri Kreatif

Usaha akan diambil untuk memperkuuh mekanisme penyelarasan dan pemantauan bagi menjajarkan inisiatif dan program dalam kalangan kementerian dan agensi berkaitan industri kreatif. Dalam hubungan ini, kajian bagi memperkuuh ekosistem industri kreatif akan dilaksana. Di samping itu, pembangunan akaun satelit industri kreatif akan memudah cara perancangan dan pemantauan dasar. Selain itu, analitis data raya berpusat untuk industri kreatif akan dibangunkan bagi menggabungkan data daripada pelbagai sumber. Langkah ini akan membantu pelaksanaan inisiatif berasaskan data, pengoptimuman sumber dan pemantauan industri kreatif yang lebih baik.

### Membangunkan Bakat Kreatif Berkualiti

Program untuk meningkatkan kesedaran mengenai laluan kerjaya kreatif akan diperkenalkan. Di samping itu, program *industry bridging* dengan studio kandungan digital tempatan dan global akan dipertingkat untuk menghasilkan kumpulan bakat kreatif. Selain itu, kajian kebolehlaksanaan bagi pewujudan skim akreditasi untuk industri kreatif akan dijalankan untuk mengiktiraf kemahiran pemain industri kreatif.

## Strategi A6: Menggalakkan Pemulihan Industri Pelancongan

### Memacu Pendigitalan

Penggunaan teknologi digital dalam industri pelancongan, seperti sistem pembayaran tanpa tunai, aplikasi daftar masuk kendiri dan tempahan dalam talian akan digalakkan untuk mengurangkan kebergantungan kepada operasi manual. Di samping itu, penyedia produk dan perkhidmatan pelancongan, terutama di kawasan luar bandar, akan dilatih untuk menerima guna teknologi digital dalam mempromosikan perkhidmatan. Latihan akan disediakan kepada pengendali inap desa mengenai pembangunan kandungan dan pemasaran digital bagi meningkatkan capaian kepada segmen pasaran pelancong yang lebih luas. Selain itu, data yang diperoleh daripada aplikasi digital akan digunakan untuk menganalisis tingkah laku pelancong bagi merangka strategi pemasaran dan promosi yang lebih baik.

### Menambah Baik Rangka Kerja Kawal Selia

Akta Industri Pelancongan 1992 [ Akta 482 ] akan dikaji semula untuk memastikan perundangan dan peraturan berkaitan terus relevan, selaras dengan perkembangan semasa industri pelancongan dan kemajuan teknologi. Usaha sama erat antara agensi Persekutuan dan negeri serta pemain industri akan dipertingkatkan untuk membangunkan rangka kerja perundangan bagi mentadbir entiti penginapan kediaman sewaan jangka pendek dan agensi pelancongan dalam talian. Langkah ini akan memastikan keselamatan dan kepentingan pengguna dilindungi dengan baik dan menggalakkan persaingan yang sihat dalam industri. Di samping itu, pensijilan *Malaysia Tourism Excellence* (MaTEx), iaitu inisiatif yang diterajui oleh industri, akan disemak semula untuk menggalakkan kawal selia kendiri dalam meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan pelancongan.

## Menggalakkan Pelancongan Lestari

Kerajaan akan terus menggalakkan pelaksanaan had daya tampung dan had perubahan boleh diterima di tapak ekopelancongan yang sensitif. Struktur yuran sedia ada akan disemak semula mengambil kira kos sebenar pemuliharaan dan pengurusan yang ditanggung oleh kerajaan bagi meningkatkan kesedaran mengenai pelancongan lestari dalam kalangan pelancong. Pelancongan berdasarkan alam semula jadi (NBT) akan dipromosi untuk menarik pelancong bernilai tinggi yang kebiasaannya tinggal lebih lama dan berbelanja lebih tinggi serta meninggalkan kesan jejak alam sekitar yang lebih kecil. Produk dan tapak pelancongan baharu akan dikenal pasti dan dibangunkan bagi mempelbagaikan tawaran, menyuraikan pelancong dan mengurangkan kesesakan di tapak pelancongan sensitif alam sekitar. Selain itu, tumpuan strategi promosi dan pemasaran sedia ada akan beralih kepada usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama NBT dengan memanfaatkan landskap yang indah serta kepelbagaian dan kekayaan aset warisan dan budaya.

## Strategi A7: Mewujudkan Industri Halal yang Kukuh dengan Produk yang Lebih Pelbagai

### Memastikan Kemampunan Bakat Halal

Kerajaan akan memainkan peranan proaktif bagi menyediakan latihan industri khusus dan program pensijilan melalui rangka kerja pekerjaan halal. Inisiatif ini juga akan merangkumi penyediaan NOSS berkaitan halal dan pembangunan portal e-pembelajaran. Melalui usaha ini, bilangan profesional dan pakar halal yang kompeten akan dipertingkat untuk menyokong pembangunan industri halal pada masa hadapan.

### Meningkatkan Penyelaras dalam kalangan Pihak Berkepentingan

Inisiatif dalam Pelan Induk Industri Halal 2030 akan dilaksana bagi menyokong ekosistem perniagaan halal dengan lebih baik. Dalam hubungan ini, pelaksanaan inisiatif ini akan melibatkan penyelaras yang lebih baik dalam kalangan pihak berkepentingan, terutama dalam mengemas kini dasar dan perundangan, mempertingkatkan infrastruktur dan logistik serta menambah baik proses dan prosedur. Penyelaras yang lebih bersepadu ini akan memastikan industri halal dibangunkan secara holistik.

### Memanfaatkan Pendigitalan

Platform digital halal akan diwujudkan untuk berfungsi sebagai hab berpusat bagi data dan perkhidmatan berkaitan halal. Platform ini akan memudah cara permohonan pensijilan, pengauditan dan pemantauan serta pertukaran

data merentas rantaian bekalan. Di samping itu, orang awam akan mudah mendapat akses kepada maklumat berkaitan produk dan perkhidmatan yang disahkan halal.

## Memperkuuh Kedudukan Malaysia dalam Pasaran Global

Pemain industri akan digalakkan untuk meneroka dan memanfaatkan pasaran baharu yang berpotensi bagi produk dan perkhidmatan halal dalam mempertingkatkan pembangunan ekonomi Islam. Dalam hubungan ini, promosi perdagangan akan diperluas melalui program baharu dan sedia ada untuk menembusi pasaran bukan tradisional dan meningkatkan permintaan produk dan perkhidmatan halal. Selain itu, piawaian untuk produk halal baharu seperti peranti perubatan, *modest fashion* dan farmaseutikal akan dibangunkan bagi menarik pedagang global yang berpotensi. Usaha ini akan meningkatkan eksport halal, menembusi pasaran baharu, dan meletakkan Malaysia sebagai peneraju dalam pasaran halal global untuk produk bermilai tinggi ini.

## Strategi A8: Mempergiat Aktiviti Pertanian Pintar

### Memudah Cara Pembiayaan untuk Pertanian Pintar

Akses kepada pembiayaan untuk sektor pertanian akan terus diperluas untuk mempercepat penerimagaunaan pertanian pintar. Dalam hubungan ini, maklumat yang komprehensif mengenai pembiayaan akan disediakan dalam platform tunggal. Mekanisme untuk memadankan keupayaan kewangan petani dengan teknologi yang bersesuaian akan diperkenalkan melalui platform ini bagi memudah cara permohonan. Di samping itu, penerimagaunaan teknologi pertanian pintar melalui pelaburan swasta akan digalakkan sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar HGHV Pertanian dan Industri Asas Tani.

### Menarik Minat Bakat dalam Pertanian Moden

Penyertaan belia dalam sektor pertanian akan dipergiat melalui program perantisan khusus dengan kerjasama pemain industri. Dalam hubungan ini, program promosi akan disasarkan ke arah pelbagai peluang kerjaya dalam sektor pertanian. Di samping itu, bantuan kewangan dan latihan akan diperluas kepada usahawan tani muda yang menceburi aktiviti berkaitan pengeluaran tanaman makanan, penternakan dan perikanan serta industri asas tani.

### Memudah Cara Penyedia Teknologi

Penyedia teknologi akan digalakkan untuk mengadakan demonstrasi pertanian pintar secara percuma di lokasi bersama petani. Di samping itu, insentif akan disediakan kepada penyedia teknologi berdasarkan

keupayaan teknologi untuk meningkatkan produktiviti petani. Langkah ini akan menggalakkan penerimagaunaan teknologi pertanian pintar yang lebih meluas dalam kalangan petani.

## Strategi A9: Merealisasikan Potensi Industri Biojisim

### *Mempercepat Pembangunan Hab Bahan Mentah Biojisim*

Kerjasama dengan sektor swasta akan dipergiat untuk mewujudkan hab bahan mentah biojisim bagi memastikan penyediaan kemudahan pengagregatan dan prarawatan yang lebih cekap. Di samping itu, perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik dalam kalangan pemain industri akan dimudah cara melalui latihan dan pemindahan teknologi. Usaha ini akan mempercepat pembangunan hab dan memastikan bekalan bahan mentah biojisim yang konsisten.

### *Meningkatkan Pembiayaan dan Insentif Pelaburan*

Produk kewangan khusus akan diperkenalkan dengan kerjasama institusi kewangan bagi memenuhi keperluan industri biojisim. Selain itu, akses kepada pembiayaan dan insentif berkaitan inisiatif hijau sedia ada akan dimudah cara dengan lebih baik bagi mempercepat pertumbuhan industri biojisim. Usaha ini akan menggalakkan lagi pelaburan dalam industri biojisim dan mempercepat peralihan kepada ekonomi yang lebih mampan dan rendah karbon.

## Bidang Fokus B: Memacu Daya Saing untuk Pertumbuhan Mampan

Daya saing yang digandingkan dengan pertumbuhan produktiviti adalah penting untuk melonjakkan kemajuan ekonomi, menambah baik taraf hidup dan menggalakkan pembangunan mampan. Lima strategi akan dilaksanakan dalam tempoh akhir RMKe-12, iaitu mempertingkatkan penerimagaunaan teknologi dan pendigitalan, meningkatkan pemerolehan bakat, memperkuuh rantaian nilai, menambah baik mekanisme tadbir urus dan memperluas pasaran eksport. Usaha ini akan menggalakkan inovasi, memacu prestasi yang lebih baik dalam produktiviti, memperkuuh daya saing serta mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.



### **Strategi B1: Mempertingkatkan Penerimagaunaan Teknologi dan Pendigitalan**

#### *Memperingkatkan Integrasi Data untuk Penjagaan Kesihatan Swasta*

Institusi penjagaan kesihatan swasta akan digalakkan untuk menggunakan sistem MyHDW. Inisiatif ini akan menyediakan data bersepodu, saling beroperasi dan komprehensif untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan. Sistem ini akan membantu hospital swasta dalam mengenal pasti perkhidmatan khusus yang akan disediakan di seluruh negara dan seterusnya membolehkan rakyat mendapat akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti.

#### *Mewujudkan Daftar Petani*

Daftar yang mengandungi maklumat petani, lokasi, saiz tanah, pengeluaran, jenis tanaman dan bantuan yang diterima akan diwujudkan. Daftar ini akan menyokong penambahbaikan dalam proses membuat keputusan mengenai agihan bantuan daripada berdasarkan output kepada berdasarkan outcome, termasuk rasionalisasi subsidi. Dalam hubungan ini, pengumpulan maklumat melalui Banci Pertanian pada tahun 2024 akan menyediakan data yang komprehensif bagi daftar ini.

## Mengekalkan Bekalan Gas Asli Domestik

PETRONAS, sebagai pengawal selia segmen huluan, akan terus bekerjasama dengan pemain industri untuk meningkatkan penerimangunaan teknologi termaju dalam sektor huluan bagi mempertingkatkan pengeluaran daripada sumber gas asli matang. Teknologi ini, termasuk *Enhanced Oil Recovery* dan *High Pressure High Temperature*, akan diterima guna di lapangan laut dalam dan marginal. Selain itu, pendigitalan operasi lapangan akan terus ditambah baik untuk mengukuhkan rantaian bekalan dan memastikan kos pengeluaran yang lebih rendah. Di samping itu, penggunaan teknologi CCS akan membuka peluang dalam meneruskan penjanaan pendapatan daripada lapangan minyak yang telah susut dan meningkatkan pelaburan baru dalam aktiviti perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas (OGSE).

## Mempercepat Penerimangunaan Teknologi Termaju

Sektor pembuatan akan ditransformasi melalui penerimangunaan teknologi termaju Industri 4.0. Syarat baharu bagi kelulusan permohonan lesen pengilangan akan diperkenalkan untuk mempercepat penerimangunaan teknologi. Di samping itu, penerimangunaan teknologi ini akan menjadi prasyarat untuk memohon insentif Kerajaan. Langkah ini akan menjadi pemangkin transformasi perkilangan pintar dan menyumbang dalam meningkatkan kecekapan pengeluaran, mengurangkan pelepasan gas rumah kaca (GHG) dan menyokong daya tahan rantaian bekalan.

## Strategi B2: Meningkatkan Pemerolehan Bakat

### Mempercepat Pembangunan Bakat

Program Akademi dalam Industri (Ail), sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Ketersediaan Bakat Masa Hadapan, akan menjadi platform untuk kerjasama yang lebih erat antara kerajaan dan industri. Ail akan dilaksana dalam semua industri berimpak tinggi untuk melonjakkan pertumbuhan produktiviti. Pemadanan pemohon dengan bakal majikan secara digital mengikut pendekatan berasaskan permintaan akan dilaksana untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan. Peserta Ail akan dilatih mengikut tahap kelayakan dan kemahiran. Tumpuan akan diberi kepada industri yang mempunyai produktiviti yang tinggi, gaji dan upah yang kompetitif, ketidakpadanan yang ketara dan kekurangan pekerja berkemahiran tinggi.

Akademi Binaan Malaysia akan ditransformasi menjadi institusi TVET bertaraf antarabangsa bagi membangunkan bakat dalam sektor pembinaan. Akademi ini menawarkan latihan kemahiran industri yang mempunyai

permintaan tinggi, seperti Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM), IBS termaju dan penggunaan teknologi dron. Selain itu, program latihan berkaitan teknologi pembinaan dan inovasi akan diperluas bagi merangkumi kursus mengenai jalan raya dan lebuh raya serta rel dan cerun. Inisiatif ini akan mewujudkan kumpulan pekerja mahir untuk memenuhi permintaan industri dan meningkatkan bilangan separa profesional bertauliah. Pelaksanaan inisiatif ini akan membolehkan pertumbuhan produktiviti terus dilonjakkan bagi memastikan kemampuan sektor pembinaan.

## Strategi B3: Memperkuuh Rantaian Nilai

### Menambah Baik Pengurusan Rantaian Bekalan

Rantaian bekalan domestik akan diperkuuh dengan manfaatkan kemajuan teknologi, termasuk *track and trace* menggunakan data daripada *blockchain* dan analisis unjurian. Aktiviti pemetaan rantaian bekalan akan dilaksana untuk meningkatkan integrasi antara sektor dan memudah cara proses membuat keputusan. Langkah ini akan menyumbang kepada pembangunan sistem pengurusan rantaian bekalan yang kukuh bagi menyokong rantaian nilai domestik dan global. Inisiatif ini juga akan mengurangkan sebarang gangguan kepada operasi perniagaan dan mengehadkan kesan gangguan kepada ekonomi.

### Meminimumkan Kerugian Pasca Tuai

Potensi produktiviti akan ditingkatkan dengan memberi tumpuan kepada meminimumkan kerugian pasca tuai. Dalam hubungan ini, sokongan dan kemudahan infrastruktur yang diperlukan di sepanjang rantaian bekalan akan dipertingkat. Sistem *Surveillance and Intervention Supply Demand Agrofood* (SISDA) yang komprehensif akan digunakan untuk memantau bekalan dan permintaan agromakanan di sepanjang rantaian bekalan.

### Mempergiat Mekanisasi dan Automasi

Usaha akan dipergiat untuk mempertingkatkan pengintegrasian teknologi dalam operasi perladangan subsektor agrikomoditi, termasuk penggunaan robotik, dron, AI dan pendigitalan. Penerimangunaan teknologi dalam aktiviti huluan akan menarik pekerja tempatan untuk terlibat dalam operasi perladangan yang sinonim dengan pekerjaan 3D (kotor, berbahaya dan sukar). Teknologi termaju ini berpotensi untuk merevolusikan amalan pertanian tradisional, seterusnya meningkatkan tahap produktiviti, di samping mengurangkan kebergantungan kepada buruh. Usaha ini akan memacu subsektor agrikomoditi ke arah yang lebih berdaya saing dan mampan.

## Strategi B4: Menambah Baik Mekanisme Tadbir Urus **Memperkuuh Rangka Kerja Dasar bagi Pembangunan Mineral**

Dasar Mineral Negara 2 akan dikaji semula, sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar nadir bumi, untuk memacu pembangunan industri mineral secara holistik berdasarkan prinsip kemampanan dan kebertanggungjawaban. Kajian semula ini akan memberi penekanan kepada penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi serta menetapkan hala tuju pembangunan bagi lima mineral strategik, iaitu NR-REE, bauksit, timah, silika dan kaolin. Semakan semula dasar ini akan menyumbang kepada peningkatan pertumbuhan industri mineral seperti yang disasarkan di bawah Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030.

### **Memperluas Liputan Nexus Produktiviti**

Nexus Produktiviti akan diperluas kepada beberapa industri lain untuk menambah baik program pada peringkat sektor. Dalam hubungan ini, kerjasama erat dengan persatuan industri akan diteruskan lagi untuk menubuhkan jawatankuasa tadbir urus nexus bagi membangunkan inisiatif penambahbaikan produktiviti. Di samping itu, peranan nexus sedia ada akan diperkuuh untuk menyokong transformasi sektor pembuatan, termasuk dalam industri E&E bernilai tinggi dan pembuatan kimia khusus. Perluasan nexus ini akan mempercepat pembangunan bakat berkemahiran, penerimagauna teknologi dan pertumbuhan produktiviti.

### **Meningkatkan Usaha Menerima Pakai Amalan Hijau**

Usaha menerima pakai prinsip ESG dalam sektor pembuatan akan dipertingkat untuk mencapai aspirasi pelepasan GHG bersih sifar seawal tahun 2050. Dalam hubungan ini, panduan pelaksanaan dan penambahbaikan amalan ESG dalam organisasi akan dibangunkan. Panduan ini akan menentukan keperluan untuk mewujudkan, mengekalkan, menyemak semula dan menambah baik amalan ESG.

Pelan hala tuju kemampanan OGSE kebangsaan akan dirangka untuk menggalakkan usaha menerima pakai amalan kemampanan dalam kalangan syarikat OGSE. Standard pelaporan kemampanan ringkas yang direka khusus untuk perusahaan OGSE bersaiz kecil dan sederhana akan dibangunkan bagi meningkatkan ketelusan, konsistensi dan perbandingan pelaporan ESG merentas semua syarikat OGSE. Inisiatif ini akan menggalakkan lebih banyak syarikat OGSE untuk mematuhi amalan kemampanan dan layak untuk mendapatkan pembiayaan yang kompetitif.

Amalan hijau yang mampan dalam sektor pertanian akan dipergiat. Dalam hubungan ini, satu kajian bagi menetapkan garis asas akan dijalankan untuk membangunkan model pertanian rendah karbon dengan menjadikan subsektor padi sebagai perintis. Kajian ini akan mengesyorkan penyelesaian untuk mengurangkan kesan jejak karbon, sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar pertanian, serta menyediakan rangka kerja pengesahan untuk menilai kredit karbon.

Usaha akan dipergiat untuk memperkuuh penguasaan dan memperluas penerimaan piawaian industri, seperti Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO), Skim Pensijilan Kayu Malaysia (MTCS) dan Getah Asli Mampan Malaysia (MSNR). Subsektor perladangan akan terus digalakkan untuk mempertingkatkan langkah menerima pakai prinsip ESG, ke arah mencapai ekonomi rendah karbon dan berdaya tahan iklim. Inisiatif ini akan meningkatkan amalan kemampanan dalam subsektor agrikomoditi dan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pemain industri global yang bertanggungjawab.

### **Membangunkan Pelan Hala Tuju Gas Asli Negara**

Daya saing pasaran gas domestik akan dilonjakkan bagi menggalakkan aktiviti perdagangan dan memanfaatkan peluang untuk menjadi hab pasaran gas serantau. Dalam hubungan ini, pelan hala tuju gas asli negara akan dirangka yang merangkumi hala tuju strategik jangka pendek, sederhana dan panjang bagi industri gas serta rangka kerja bagi menjadikan Malaysia sebagai hab pasaran gas serantau. Selain itu, unit penyampaian akan diwujudkan bagi memperkuuh penyalaras dalam kalangan pihak berkepentingan dan memacu pelaksanaan pelan hala tuju ini.

## Strategi B5: Memperluas Pasaran Eksport

### **Memudah Cara Penembusan Pasaran**

Kerjasama dengan pesuruhjaya perdagangan dari pelbagai negara akan diwujudkan untuk berkongsi maklumat dan memudah cara perniagaan tempatan dalam menembusi pasaran antarabangsa. Kerjasama ini akan membolehkan perniagaan tempatan memperoleh maklumat berkenaan pasaran antarabangsa dan menjalin hubungan dengan rakan kongsi asing. Di samping itu, mekanisme pemantauan dan penilaian yang berstruktur akan dibangunkan untuk menilai keberkesanannya program sedia ada di peringkat antarabangsa, termasuk Enhanced Franchise Development Programme dan Access to Retail Programme.

PPKS akan digalakkan untuk mewujudkan konsortium bagi memanfaatkan FTA. Konsortium ini akan menawarkan set perkhidmatan komprehensif yang disesuaikan dengan keperluan untuk meningkatkan daya saing perniagaan. Inisiatif ini akan menyediakan lebih banyak peluang kepada PPKS untuk meneroka pasaran antarabangsa baharu.

Hospital swasta dan hotel akan digalakkan untuk mewujudkan lebih banyak perkongsian strategik dalam membangunkan dan mengkomersialkan pakej kesihatan premium di seluruh negara. Di samping itu, teknologi termaju di dalam bidang kesihatan, seperti genomik, analisis unjuran dan perubatan kepersisan akan dimasukkan ke dalam pakej kesihatan ini. Inisiatif ini akan mewujudkan pasaran khusus dan mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelancongan perubatan.

## Bidang Fokus C: Melonjakkan Keberkesanan Sokongan Kewangan

Kerajaan terus komited dalam memastikan sektor kewangan adalah kukuh bagi menyokong pertumbuhan ekonomi. Langkah akan diambil bagi melonjakkan keberkesanan sektor kewangan untuk mewujudkan sistem kewangan yang kukuh, stabil dan progresif. Langkah ini termasuk mempertingkatkan penerimagunaan teknologi dan memantapkan pembiayaan mampan, memperkuuh Malaysia sebagai pusat kewangan Islam global serta meningkatkan literasi dan kesedaran kewangan.

### Strategi C1

Mempertingkatkan Penerimagunaan Teknologi

### Strategi C2

Memantapkan Pembiayaan Mampan

### Strategi C3

Memperkuuh Malaysia sebagai Pusat  
Kewangan Islam Global

### Strategi C4

Meningkatkan Literasi dan Kesedaran  
Kewangan

## Strategi C1: Mempertingkatkan Penerimagunaan Teknologi

### Menguasai Pendigitalan untuk Meningkatkan Daya Saing dan Ketelusan

Langkah akan diambil untuk membolehkan penerimagunaan teknologi yang lebih meluas dengan menambah baik memboleh daya ekosistem yang penting dan infrastruktur yang dikongsi bersama serta menghapuskan halangan untuk mengakses data. Usaha juga akan dilaksana untuk terus menggalakkan penyelesaian digital berinovatif dan memperkuuh ekosistem FinTech melalui liberalisasi sumber pembiayaan alternatif serta pengukuhan pembangunan kapasiti bersasar dan program pembangunan bakat. Selain itu, penyediaan kos yang lebih telus akan digalakkan bagi menangani kenaikan paras harga bagi tuntutan perubatan untuk meningkatkan kemampuan insurans dan takaful perubatan dan kesihatan. Inisiatif ini akan menyokong pembangunan sektor kewangan berinovatif, yang memberi manfaat kepada pengguna melalui pilihan yang lebih pelbagai, perkhidmatan yang lebih disesuaikan dengan keperluan dan kos yang lebih rendah.

### Menyediakan Bakat Masa Hadapan

Ekosistem bakat akan terus dibangunkan dengan menyediakan inisiatif yang diterajui secara utuh oleh industri untuk mempersiapkan tenaga kerja masa hadapan dengan set kemahiran dan kompetensi yang tepat. Dalam hubungan ini, peranan persatuan industri, penyedia latihan dan badan profesional akan diperkuuh dalam mengenal pasti pembangunan bakat dan kemahiran yang diperlukan untuk menyediakan tenaga kerja sektor kewangan yang kalis cabaran masa hadapan. Inisiatif ini akan menangani keperluan yang semakin meningkat bagi tenaga kerja yang mempunyai kemahiran dan kepintaran digital yang tinggi sejajar dengan transformasi sektor kewangan.

### Mengurangkan Risiko Siber dan Membanteras Penipuan Kewangan

Usaha akan terus dilaksana bagi meningkatkan celik digital dan amalan *cyber hygiene* dalam kalangan pengguna perkhidmatan kewangan untuk melindungi daripada ancaman dalam talian. Kerjasama dengan persatuan industri, agensi penguatkuasaan undang-undang dan badan kerajaan akan diteruskan bagi meningkatkan keselamatan siber dalam kalangan pengguna untuk melindungi data dan peranti digital. Dalam menyokong penerimagunaan teknologi yang lebih baik dan memastikan perlindungan pengguna, rangka kerja kawal selia mengenai pengurusan risiko teknologi

untuk entiti pasaran modal akan diperkenalkan sebagai panduan untuk meningkatkan daya tahan siber. Langkah akan diambil untuk melindungi dan mengukuhkan ekosistem keselamatan siber dalam industri kewangan dengan menggalakkan penyeragaman terminologi daya tahan siber pada peringkat kebangsaan serta memudah cara latihan dan pensijilan khusus bagi keselamatan siber. Pembaharuan untuk melindungi pengguna akan juga dipercepat melalui penggubalan akta kredit pengguna dan pindaan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

## Strategi C2: Memantapkan Pembiayaan Mampan

### Menjajarkan Insentif

Kajian menyeluruh akan dilaksana untuk mengkaji semula dan memperkemas insentif kerajaan bagi memberi manfaat kepada lebih ramai pelabur domestik. Kerajaan akan menggantikan geran padanan dengan menawarkan insentif lain, termasuk subsidi ke atas kadar faedah secara berperingkat. Langkah ini akan memastikan ekosistem pelaburan yang kondusif dan berdaya saing. Insentif kewangan bagi sektor pembinaan akan diperkuuh bagi merangkumi setiap peringkat dalam ekosistem, daripada perancangan hingga perobohan, bagi menggalakkan penerimugunaan teknologi termaju. Syarikat yang melabur dalam mesin dan peralatan berkaitan IBS dan BIM serta teknologi pembinaan dan inovasi akan diberi keutamaan bagi mendapatkan insentif kewangan.

### Memperluas Pembiayaan Lestari dan Memperkuuh Ekosistem ESG

Kerjasama kukuh antara agensi akan diteruskan untuk memastikan penjajaran tindakan penyesuaian sektor kewangan terhadap strategi nasional untuk mencapai sasaran pelepasan GHG bersih sifar. Kerjasama ini termasuk penentukan insentif fiskal untuk menggalakkan penyelesaian kewangan hijau dan pengenalan instrumen baharu. Kecekapan dan kesedaran dalam sektor kewangan akan dipertingkat untuk menggalakkan kemampunan operasi kewangan.

Inisiatif akan dilaksana untuk memperluas sesi libat urus dan bina upaya semasa dalam sektor kewangan untuk mengambil kira risiko kewangan berkaitan alam semula jadi dalam pelaksanaan strategi dan tindakan serta mengenal pasti peluang untuk memperkuuhkan daya tahan iklim. Dalam pasaran modal, keutamaan strategik Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) akan dikenal pasti untuk memastikan ekosistem SRI yang lebih kondusif. Kriteria penilaian teknikal untuk sektor ekonomi utama akan dibangunkan dengan pewujudan *SRI Taxonomy Plus Standards*. Selain itu, garis panduan yang berkaitan akan dipinda untuk memasukkan prinsip ESG ke dalam khidmat nasihat oleh perancang kewangan dan

perunding unit amanah. Di samping itu, panduan mengenai pertimbangan prinsip ESG dan penilaian wajar untuk pelaburan dalam pasaran modal swasta dan segmen pasaran modal alternatif akan diperkenalkan.

## Strategi C3: Memperkuuh Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Global

### Menyusun Strategi untuk Pembangunan Kewangan Islam dan Pasaran Modal

Inisiatif akan dilaksana untuk menggalakkan penglibatan lebih ramai pelabur runcit dan institusi ke dalam industri pengurusan dana Islam. Rangka kerja akan diperkenalkan untuk memperluas dan mempelbagaikan produk pengurusan dana Islam serta menggalakkan kesedaran yang lebih tinggi mengenai kewangan Islam. Ekosistem kewangan Islam di Malaysia akan diperkuuh dengan penubuhan Majlis Pimpinan Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC), memodenkan penggunaan kontrak Syariah untuk memacu inovasi yang berkesan serta menambah baik pemboleh daya ekosistem bagi memajukan pembangunan ekonomi Islam. Usaha ini merupakan satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Kemampunan Fiskal dan Sistem Kewangan.

Seluruh ekosistem yang dipimpin teguh oleh industri akan diselaraskan untuk merealisasikan keseluruhan potensi kewangan Islam dan menggalakkan lagi ‘pertumbuhan berasaskan nilai’, yang bercirikan progresif, kemampunan dan keterangkuman. Panduan untuk menggalakkan penerapan prinsip *Maqasid al-Shariah* dalam pasaran modal akan diperkenalkan untuk mencapai keseimbangan antara pembangunan ekonomi dengan kesejahteraan masyarakat, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI. Panduan ini akan merangkumkan elemen ESG secara berkesan dalam kriteria penilaian Syariah, menyediakan sumber rujukan kepada pihak berkepentingan dan menggalakkan pertumbuhan instrumen SRI.

## Strategi C4: Meningkatkan Literasi dan Kesedaran Kewangan

### Meningkatkan Peranan Rangkaian Pendidikan Kewangan

Peranan FEN bagi menambah baik inisiatif pendidikan kewangan akan diperkuuh dengan perluasan perkongsian strategik, peningkatan kesedaran melalui platform digital dan pewujudan ekosistem penyelidikan.

Di samping itu, Pelan Hala Tuju Programatik FEN akan diteruskan untuk meningkatkan kemampuan kewangan pengguna, sejajar dengan Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023. Inisiatif ini adalah penting bagi memperkasa dan melindungi pengguna.

## Bidang Fokus D: Menyusun Strategi bagi Memperkuuh Kawasan Perindustrian dan Pengeluaran Makanan

Peranan kawasan perindustrian dan pengeluaran makanan adalah penting untuk pertumbuhan industri yang seimbang dan menarik pelaburan. Langkah akan diambil untuk memastikan perancangan, penyelarasaran dan pengurusan kawasan perindustrian dan pengeluaran makanan yang lebih baik. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberi untuk mempertingkatkan kawasan perindustrian dan pengeluaran makanan sebagai pemangkin pertumbuhan.

Strategi D1

Mempertingkatkan Kawasan Perindustrian dan  
Pengeluaran Makanan

### Strategi D1: Mempertingkatkan Kawasan Perindustrian dan Pengeluaran Makanan

#### Membangunkan Garis Panduan bagi Perancangan dan Pengurusan Kawasan Perindustrian

Garis panduan akan disediakan untuk menyelaras pengurusan kawasan perindustrian. Papan pemuka berdasarkan Sistem Maklumat Geografi akan dibangunkan sebagai kaedah untuk memetakan pembangunan kawasan perindustrian. Kadar penggunaan kawasan perindustrian akan dipantau dengan berkesan melalui papan pemuka ini. Langkah ini akan menambah baik pengurusan kawasan perindustrian dan membantu pelabur yang berpotensi dalam mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk pelaburan.

## Memperluas Saiz Ladang untuk Ekonomi Bidangan

Saiz ladang bagi kawasan khusus pengeluaran makanan akan diperluas untuk ekonomi bidangan bagi memastikan penerimaman teknologi moden yang lebih baik dan mengoptimumkan kos operasi. Mekanisme pembiayaan dan pengurusan kawasan pengeluaran makanan yang komprehensif akan dirangka melalui kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan negeri. Di samping itu, penggunaan tanah milik pekebun kecil yang berselerak akan diuruskan melalui kerjasama antara petani dengan persatuan peladang dan koperasi. Selain itu, pelaksanaan Program Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) di bawah Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) akan diperluas dan industri asas tani akan dipelbagaikan sebagai dua inisiatif di bawah Anjakan Besar pertanian.

## Bidang Fokus E: Mengatasi Halangan dalam Meningkatkan Skala PMKS

Tumpuan akan diberikan dalam memastikan PMKS kekal berdaya saing dan berdaya tahan dengan mengatasi halangan untuk berkembang dan meningkatkan skala perniagaan. Beberapa bidang akan diperkuuh untuk mencapai sasaran yang ditetapkan, terutama dalam meningkatkan produktiviti dan eksport. Sehubungan itu, usaha akan dilaksana bagi mengetengahkan potensi PMKS, koperasi, persatuan berdasarkan pertanian dan perusahaan sosial, mengintegrasikan PMKS ke dalam rantaian bekalan domestik dan global, menambah baik akses kepada pembiayaan dan program pembangunan keupayaan serta mempercepat pertumbuhan produktiviti dalam kalangan PMKS. Usaha ini akan memastikan PMKS memperoleh semula momentum pertumbuhan, kekal cergas dan progresif.

Strategi E1

Mengetengahkan Potensi PMKS, Koperasi,  
Persatuan Berdasarkan Pertanian dan  
Perusahaan Sosial

Strategi E2

Mengintegrasikan PMKS ke dalam Rantaian  
Bekalan Domestik dan Global

Strategi E3

Menambah Baik Akses kepada Pembiayaan dan  
Program Pembangunan Keupayaan

Strategi E4

Mempercepat Pertumbuhan Produktiviti dalam  
kalangan PMKS

## Strategi E1: **Mengetengahkan Potensi PMKS, Koperasi, Persatuan Berasaskan Pertanian dan Perusahaan Sosial**

### **Menerima Pakai Pendekatan Bersasar dalam Meningkatkan Skala PMKS**

Dasar akan ditumpukan untuk memudahkan akses kepada pembiayaan, kemahiran dan teknologi bagi meningkatkan skala PMKS. Dasar ini akan meningkatkan kecekapan perusahaan dan industri yang berpotensi untuk berkembang. Usaha akan dilaksana bagi memperkuuh dan menyatukan kemudahan yang menyokong pertumbuhan dalam usaha meningkatkan skala firma, termasuk untuk usaha sama pintar dalam kalangan industri sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Pemerkasaan PMKS dan Perusahaan Sosial. Peningkatan skala PMKS akan melonjakkan produktiviti bagi mencapai pertumbuhan inklusif dan membolehkan perniagaan membangun dan berkembang.

### **Mentransformasi Koperasi, Persatuan Berbasarkan Pertanian dan Perusahaan Sosial sebagai Pemangkin Pertumbuhan Sosioekonomi**

Usaha akan terus dilaksana untuk memperkuuh dan memajukan koperasi dan persatuan berdasarkan pertanian serta sektor tidak formal. Usaha ini termasuk mewujudkan ekosistem yang lebih inklusif dan rantaian nilai yang komprehensif serta meningkatkan keupayaan entiti ini untuk berkembang dan meningkatkan daya saing. Langkah juga akan diambil bagi menambah baik landskap perusahaan sosial untuk beralih daripada tahap semasa yang

baru di peringkat permulaan ke dalam arus perdana keusahawanan. Oleh itu, program strategik akan dijalankan untuk menggalakkan inovasi dalam projek keusahawanan sosial melalui kerjasama antara akademia dengan industri, yang merupakan satu lagi inisiatif di bawah Anjakan Besar PMKS. Di samping itu, kaedah pengukuran impak akan diperkenalkan untuk memastikan model perniagaan perusahaan sosial yang mampan. Inisiatif ini akan mempertingkatkan koperasi dan persatuan berdasarkan pertanian serta mengarus perdana perusahaan sosial dan sektor tidak formal untuk menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sosioekonomi.

## Strategi E2: **Mengintegrasikan PMKS ke dalam Rantaian Bekalan Domestik dan Global**

### **Mempercepat Integrasi PMKS ke dalam Rantaian Bekalan**

Pengintegrasian PMKS ke dalam rantaian bekalan domestik dan global melalui kesalinghubungan perniagaan, pembiayaan rantaian bekalan dan penggunaan pusat perdagangan akan terus digalakkan, sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar PMKS. Dalam hubungan ini, peluasan pasaran PMKS yang berdaya saing tinggi pada peringkat ASEAN dan global akan disokong melalui bantuan eksport dan khidmat nasihat perdagangan, termasuk mengenai akreditasi kualiti, keperluan pensijilan dan panduan prosedur. Selain itu, penyertaan PMKS dalam perolehan Kerajaan dan rantaian bekalan domestik perusahaan bersaiz besar serta syarikat multinasional akan dipergiat melalui penciptaan produk dan perkhidmatan yang didorong oleh permintaan. Langkah ini akan memastikan penyertaan yang berkesan dalam rantaian bekalan selaras dengan perubahan trend global, seperti ditunjukkan dalam Kotak 3-2.

### Kotak 3-2

## Memperkuat Kedudukan PMKS dalam Rantaian Bekalan Global

PMKS perlu terlibat secara berkesan dalam rantaian bekalan global yang menghubungkan firma merentas negara untuk akses pasaran yang lebih luas, penerimanaan teknologi baharu, kos pengeluaran yang lebih rendah dan operasi perniagaan yang cekap bagi meningkatkan pertumbuhan produktiviti dan daya saing. Peranan PMKS adalah penting dalam membina asas pembekal yang kukuh untuk menyokong pertumbuhan industri yang disasarkan di negara ini. Ketersediaan asas bekalan tempatan yang kukuh akan menjadikan syarikat peneraju kurang cenderung untuk beralih ke tempat lain bagi mendapatkan kos yang lebih rendah. Selain itu, pembekal tempatan yang dinamik dalam kalangan PMKS membantu pembeli menjadi lebih inovatif dan meningkatkan rantaian nilai.

Walau bagaimanapun, penyertaan PMKS dalam rantaian bekalan global adalah minimum berikutan kesalinghubungan pengeluaran yang lemah dengan firma yang lebih besar. Dapatan daripada MSME Survey 2023 oleh SME Corporation Malaysia menunjukkan bahawa kesalinghubungan dalam pengeluaran dan pembekalan output adalah yang paling lemah, iaitu hanya 20.8% PMKS membekalkan produk dan perkhidmatan kepada firma besar di Malaysia. Dapatan ini menjelaskan bahawa firma besar berkemungkinan cenderung ke arah mengimport input di samping mengekalkan rantaian hulu yang lemah dengan PMKS.

Penyertaan yang lemah oleh PMKS dalam rantaian bekalan adalah disebabkan oleh pelbagai kekurangan yang menjelaskan daya saing seperti tidak menawarkan produk dan perkhidmatan yang diperlukan oleh pembeli, tidak dapat memenuhi permintaan khusus pelanggan, produk dan perkhidmatan

berkualiti rendah dan daya saing kos yang rendah berbanding import. Usaha untuk membina ekosistem rantaian bekalan yang sihat dan kukuh akan meningkatkan daya tahan ekonomi domestik. Langkah yang dicadangkan untuk meningkatkan penyertaan PMKS dalam rantaian bekalan global termasuk:

- Penyediaan bantuan bersasar untuk PMKS meningkatkan eksport melalui risikan pasaran, pembinaan keupayaan serta peningkatan pembiayaan dan skim jaminan rantaian bekalan;
- Pelaksanaan program pembangunan pembekal termasuk penilaian bagi akreditasi dan pensijilan khusus untuk membina keupayaan PMKS;
- Pelaksanaan langkah proaktif melalui penetapan keperluan membuat hebatan penyumberan tempatan oleh pelabur asing sebelum merealisasikan pelaburan; dan
- Pembangunan ekosistem ESG yang berstruktur dan holistik untuk PMKS meningkatkan tawaran nilai dalam rantaian bekalan domestik dan global.

Penyertaan kukuh PMKS dalam rantaian bekalan akan mentransformasikan firma kepada entiti yang mempunyai pertumbuhan tinggi bercirikan penumpuan yang lebih tinggi kepada pengetahuan dan teknologi. Pada masa yang sama, keutamaan sumber akan disusun semula bagi memastikan agihan bantuan pembiayaan yang lebih baik. Usaha meningkatkan bilangan entiti ini akan menghasilkan nilai ditambah yang tinggi kepada ekonomi dan pekerjaan berpendapatan tinggi pada masa hadapan.



## Memudah Cara Pematuhan kepada Keperluan ESG

Rangka kerja komprehensif merangkumi garis panduan, piawaian, insentif dan bantuan kewangan akan dibangunkan untuk mempercepat langkah menerima pakai prinsip ESG. PMKS akan dilengkapi dengan pengetahuan dan pemahaman tentang ESG melalui program pembangunan keupayaan dan platform perkongsian maklumat. Pematuhan kepada prinsip ESG akan mempercepat penyertaan PMKS dalam rantaian bekalan hijau domestik dan global.

## Strategi E3: Menambah Baik Akses kepada Pembiayaan dan Program Pembangunan Keupayaan

### Menggalakkan Pembiayaan Alternatif

Pembiayaan berdasarkan pasaran seperti modal teroka, pendanaan ramai berdasarkan ekuiti dan pembiayaan antara rakan setara akan digalakkan sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar PMKS. Di samping itu, usaha akan dilaksana untuk menggalakkan pelabur institusi melabur dalam PMKS melalui instrumen kewangan, seperti dana bersama, dana lindung nilai dan pelan persaraan. Usaha berterusan akan dilaksana bagi memudah cara akses kepada pembiayaan untuk PMKS yang mempunyai pilihan pembiayaan terhad. Antara lain, alternatif kepada pinjaman berdasarkan cagaran tradisional, iaitu pendaftaran cagaran dan pulangan harta intelek akan terus digalakkan.

### Memperkemas Maklumat Mengenai Program Pembangunan Keupayaan

Pelan Tindakan Bersepadu PKS (SMEIPA) akan ditambah baik untuk memastikan perancangan, pengesanan, pemantauan dan penilaian yang lebih baik bagi mengurangkan ketidakselaras dan pertindihan program

PMKS. Program khusus akan dilaksana untuk mendidik PMKS tentang proses pembiayaan alternatif, manfaat yang berkaitan, risiko dan struktur urus niaga yang biasa digunakan. Usaha ini akan membolehkan PMKS menyertai program pembangunan kapasiti yang sesuai dan diperlukan serta mendapat bimbingan tepat pada masanya dalam mengembangkan perniagaan.

## Strategi E4: Mempercepat Pertumbuhan Produktiviti dalam Kalangan PMKS

### Manfaatkan Teknologi dan Pendigitalan

PMKS akan dimudah cara dalam memanfaatkan teknologi dan pendigitalan operasi perniagaan, sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar PMKS, bagi meningkatkan produktiviti untuk menjadi lebih berdaya saing. Indeks nasional bagi penerimanaan pendigitalan perniagaan akan dibangunkan untuk mengukur kadar penerimanaan dalam kalangan perniagaan pelbagai saiz. Di samping itu, usaha akan diteruskan untuk memudah cara lebih banyak penglibatan IPT, institut penyelidikan dan industri untuk mempergiat aktiviti R&D dan inovasi.

### Mengekalkan Bakat Kritikal dalam Menyokong Pertumbuhan Perniagaan

Usaha untuk menambah bakat berkemahiran dan meningkatkan kemahiran bakat sedia ada akan dipergiat melalui pembangunan rangka kerja pengurusan bakat PMKS. Langkah akan diambil untuk mengenal pasti keperluan baharu PMKS serta menggalakkan kerjasama antara PMKS dengan IPT dan pakar industri dalam membangunkan dan mengharmonikan modul latihan. Tumpuan modul ini adalah untuk memperkuuh pembangunan modal insan dalam kalangan tenaga kerja PMKS. Selain itu, PMKS juga akan dimudah cara bagi menjalankan program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula melalui program Ail. Usaha ini akan menangani jurang bakat dan ketidakpadanan kemahiran yang kritikal bagi menyokong pertumbuhan perniagaan.


## Kesimpulan

Dalam tempoh kajian semula RMKe-12, pelbagai langkah telah diambil dalam menjana semula ekonomi. Langkah ini telah mencatatkan pertumbuhan yang progresif dalam beberapa bidang untuk mengembalikan semula momentum pertumbuhan sektor ekonomi dan melonjakkan pertumbuhan industri strategik dan berimpak tinggi serta PMKS. Namun begitu, ekonomi masih tidak pulih sepenuhnya daripada kesan COVID-19 dan ketinggalan dari segi daya saing berikutan kurangnya reformasi struktur ekonomi yang ketara. Dalam tempoh akhir RMKe-12, tumpuan akan diteruskan untuk melonjakkan daya tahan ekonomi bagi pertumbuhan yang mampan. Langkah strategik akan dilaksana untuk menerajui reformasi struktur dengan memperkuuh daya tahan sektor dan industri strategik, memacu daya saing untuk pertumbuhan mampan, melonjakkan keberkesanan sokongan kewangan, menyusun strategi bagi memperkuuh kawasan perindustrian dan pengeluaran makanan dan mengatasi halangan dalam meningkatkan skala PMKS. Strategi ini akan menjadi pemangkin ke arah mentransformasikan Malaysia sebagai peneraju serantau dalam HGHV untuk mencapai aspirasi ‘Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat’.



# Bab





# Memperkuuh Pemangkin Utama ke arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi

|   |             |
|---|-------------|
| <b>Pendahuluan</b>  | <b>4-2</b>  |
| <b>Prestasi, 2021-2022</b>  | <b>4-3</b>  |
| Pencapaian Sasaran Terpilih   | 4-3         |
| Pencapaian mengikut Bidang Keutamaan  | 4-7         |
| Bidang Keutamaan A : Menjajarkan Semula Pasaran Buruh untuk Pertumbuhan yang Inklusif dan Mampan        | 4-7         |
| Bidang Keutamaan B : Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan   | 4-7         |
| Bidang Keutamaan C : Melonjakkan Pertumbuhan Ekonomi Digital  | 4-8         |
| Bidang Keutamaan D: Mengarus Perdana Pendigitalan untuk Pembangunan Inklusif                            | 4-9         |
| Bidang Keutamaan E : Mempercepat Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi                 | 4-9         |
| Bidang Keutamaan F : Memanfaatkan Potensi Teknologi Termaju   | 4-10        |
| Bidang Keutamaan G: Memastikan Mobiliti Penumpang yang Bersepadu, Mampu Bayar, Berdaya Harap dan Lancar | 4-11        |
| Bidang Keutamaan H: Memacu Industri Pengangkutan dan Logistik untuk Meningkatkan Daya Saing             | 4-11        |
| Bidang Keutamaan I : Memperkuuh Rangka Kerja Institusi dan Kawal Selia                                  | 4-12        |
| <b>Isu dan Cabaran</b>  | <b>4-13</b> |
| Ketidakcekapan Pasaran Buruh  | 4-13        |
| Ekosistem Pendidikan yang Tidak Kondusif  | 4-13        |
| Ekosistem Ekonomi Digital yang Tidak Menggalakkan   | 4-13        |
| Cabaran dalam Mempercepat R&D&C&I dan Memajukan Teknologi   | 4-13        |
| Jurang dalam Menyokong Pertumbuhan Subsektor Pengangkutan dan Industri Logistik                         | 4-13        |
| <b>Hala Tuju, 2023-2025</b>   | <b>4-14</b> |
| Sasaran Terpilih, 2021-2025   | 4-15        |
| Bidang Fokus A: Mereformasi Pasaran Buruh   | 4-19        |
| Bidang Fokus B: Membentuk Semula Bakat untuk Pekerjaan Masa Hadapan                                     | 4-20        |
| Bidang Fokus C: Memperkuuh Ekosistem Ekonomi Digital  | 4-21        |
| Bidang Fokus D: Mengoptimumkan Potensi R&D&C&I dan Mempercepat Kemajuan Teknologi                       | 4-24        |
| Bidang Fokus E : Membangunkan Infrastruktur Pengangkutan dan Logistik yang Berdaya Tahan                | 4-27        |
| <b>Kesimpulan</b>   | <b>4-31</b> |

## Pendahuluan

Dalam tempoh kajian semula Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), tumpuan diberikan dalam usaha membangunkan bakat masa hadapan, melonjakkan pendigitalan dan teknologi termaju serta memperkuuh kecekapan infrastruktur pengangkutan dan logistik bagi menyokong pertumbuhan ekonomi. Strategi dan inisiatif bagi pembangunan bakat telah menyumbang kepada penjajaran semula pasaran buruh dan pembangunan bakat tersedia masa hadapan. Selain itu, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi digital, mengarus perdana pendigitalan untuk pembangunan inklusif, mempercepat penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) serta memanfaatkan potensi teknologi termaju bagi meningkatkan daya saing dan daya tahan negara. Beberapa langkah telah diperkenalkan untuk menambah baik mobiliti penumpang, daya saing industri serta rangka kerja institusi dan kawal selia bagi meningkatkan kecekapan pengangkutan dan perkhidmatan logistik. Walau bagaimanapun, cabaran masih wujud dan menghalang usaha merealisasikan sasaran dan komitmen negara untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan.


Dalam tempoh akhir RMKe-12, penekanan akan diberi untuk mereformasi pasaran buruh, membentuk semula bakat untuk pekerjaan masa hadapan, memperkuuh ekosistem ekonomi digital serta mengoptimumkan potensi R&D&C&I dan mempercepat kemajuan teknologi. Selain itu, usaha akan dipergiat untuk membangunkan infrastruktur pengangkutan dan logistik yang berdaya tahan. Usaha ini akan mengukuhkan lagi pemangkin utama bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi yang berteraskan wadah ‘Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat’ dan aspirasi Agenda Pembangunan Mampan 2030 (Agenda 2030).

## Prestasi, 2021-2022


Dalam tempoh RMKe-12, sebanyak 36 sasaran terpilih telah dikenal pasti bagi membangunkan bakat masa hadapan, melonjakkan pendigitalan dan teknologi termaju serta memperkuuh kecekapan infrastruktur pengangkutan dan logistik. Dalam tempoh kajian semula, sembilan sasaran telah dicapai, 22 mengikut jadual, manakala lima lagi masih ketinggalan. Pencapaian sasaran ini adalah seperti ditunjukkan dalam *Paparan 4-1*.

### *Paparan 4-1* **Pencapaian Sasaran Terpilih**


#### Membangunkan Bakat Masa Hadapan



Bahagian Pampasan Pekerja kepada KDNK




Gaji dan Upah Penengah Bulanan




Purata Pertumbuhan Produktiviti Buruh




Skor PISA dan TIMSS




Enrolmen Murid Prasekolah




Enrolmen Murid Sekolah Menengah



Pengambilan Lepasan SPM atau Setaraf ke Program TVET




Kebolehpasaran Graduan IPT dan Institusi TVET Awam




Universiti Awam dalam kalangan 100 Teratas QSUR


## Melonjakkan Pendigitalan dan Teknologi Termaju




Sumbangan Ekonomi Digital kepada KDNK




Sumbangan e-Dagang kepada KDNK




Pertumbuhan Purata Eksport Kandungan Digital



Penciptaan IP berkaitan Kandungan Digital




Liputan 4G di Kawasan Berpenduduk




Kelajuan Jalur Lebar Mudah Alih




Akses Perkhidmatan Jalur Lebar Talian Tetap




Peratusan Pengguna Internet




Bilangan Points of Presence bagi Ketersambungan Jalur Lebar di Kawasan Luar Bandar




Bilangan Platform Ekonomi Perkongsian Tempatan yang Diakreditasi



Peratusan Isi Rumah di Bandar yang Melanggan Internet




Peratusan Isi Rumah di Luar Bandar yang Melanggan Internet



Nota: <sup>a</sup> Berdasarkan data terkini daripada Kajian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Kebangsaan di Malaysia 2021.

## Memperkuuh Kecekapan Infrastruktur Pengangkutan dan Logistik



Nota: <sup>b</sup> Berdasarkan kedudukan yang dilaporkan dalam *World Bank Logistics Performance Index 2023*.

<sup>c</sup> Perbincangan mengenai penyeragaman peraturan pergudungan dalam kalangan pihak industri dan agensi sedang dijalankan.

## Pencapaian mengikut Bidang Keutamaan



### Bidang Keutamaan A: Menjajarkan Semula Pasaran Buruh untuk Pertumbuhan yang Inklusif dan Mampan

#### Strategi A1: Meningkatkan Kesaksamaan Pampasan Pekerja dan Penyertaan Tenaga Buruh

##### Mengukuhkan Pasaran Buruh

- Pindaan kepada Akta Kerja 1955 [ Akta 265 ] selesai pada tahun 2022
- Indeks Keharmonian Perusahaan meningkat kepada 78.9% pada tahun 2022

##### Memudah Cara Penyertaan Tenaga Buruh

- Komposisi pekerja mahir meningkat kepada 29.6% pada tahun 2022
- Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah dilaksana pada tahun 2022

#### Strategi A2: Memperkuuh Sistem yang Menyokong Pasaran Buruh

##### Mengalakkan Latihan Tenaga Kerja yang Memenuhi Keperluan Semasa

- 2,085,950 pekerja dilatih di bawah program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad

##### Menangani Perubahan Pasaran Buruh berikutan Pandemik COVID-19

- 282,326 pekerjaan baharu diwujudkan dan 1,021,667 orang dibantu dalam penempatan pekerjaan di bawah program Pengekalan dan Penjanaan Pekerjaan



### Bidang Keutamaan B: Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan

#### Strategi B1: Meningkatkan Kualiti Pendidikan

##### Menambah Baik Outcome Pembelajaran

- 88 projek pembinaan semula bangunan daif di sekolah siap dibina
- 18 sekolah baharu dibina

##### Mengalakkan Sistem Pendidikan Tinggi yang Fleksibel

- Panduan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu diperkenalkan pada tahun 2022

##### Memperkuuh Kaedah Penilaian

- *Alternative Assessment in Higher Education: A Practical Guide to Assessing Learning* diterbitkan pada tahun 2022

### Strategi B2: Menambah Baik Program TVET dan Tadbir Urus

|  |   |
|--|---|
| <b>Memperkasakan Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>20,190 pelatih menerima manfaat daripada Sistem Latihan Dual Nasional melibatkan kerjasama antara institusi TVET dan industri</li> <li>Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan diiktiraf sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajar TVET pada tahun 2021</li> <li>37 institusi TVET menerima guna model <i>Teaching Factory</i></li> </ul> |
| <b>Menambah Baik Tadbir Urus TVET</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>Penubuhan <i>TVET Collaboration Hub</i> dan <i>Government-Industry TVET Coordination Body</i> diluluskan pada tahun 2022</li> </ul>  |



## Bidang Keutamaan C: Melonjakkan Pertumbuhan Ekonomi Digital

### Strategi C1: Menyediakan Persekutuan yang Menyokong Pertumbuhan Ekonomi Digital

|   |   |
|---|---|
| <b>Memperkemas Tadbir Urus Digital</b>          | <ul style="list-style-type: none"> <li>MyDIGITAL Corporation ditubuhkan pada tahun 2021</li> <li>Jawatankuasa Ekonomi Perkongsian ditubuhkan pada tahun 2022</li> </ul> |
| <b>Melonjakkan Perdagangan melalui e-Dagang</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>1,126,047 perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) menerima guna e-dagang sehingga tahun 2022</li> </ul>                     |
| <b>Mengembangkan Ekonomi Perkongsian</b>        | <ul style="list-style-type: none"> <li>13,398 pekerja bebas dalam bidang digital dan pekerja gig dilatih pada tahun 2022</li> </ul>                                     |
| <b>Memperkuuh Keselamatan Siber</b>             | <ul style="list-style-type: none"> <li>80 PMKS menjalani penilaian keselamatan siber di bawah Program Galakan Pemerkasaan Keselamatan Siber Malaysia</li> </ul>         |

### Strategi C2: Memperkuuh Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan Digital

|                                      |  |
|--------------------------------------|--|
| <b>Memastikan Akses yang Saksama</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Perkhidmatan komunikasi diwartakan sebagai kemudahan awam pada tahun 2021</li> <li>Teknologi rangkaian 5G dilancarkan pada tahun 2021</li> <li>Liputan 5G di kawasan berpenduduk mencapai 47.1% sehingga penghujung tahun 2022</li> </ul> |
|--------------------------------------|--|

### Strategi C3: Membangunkan Bakat Digital Tersedia Masa Hadapan

|  |   |
|--|---|
| <b>Memupuk Bakat Digital Tersedia Masa Hadapan</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>64,694 pelajar menyertai aktiviti penggunaan dan penciptaan digital pada tahun 2022</li> </ul> |
|--|---|

#### Strategi C4: Menjadikan Malaysia sebagai Pusat Digital ASEAN

Mendigitalkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk Memperluas Akses Pasaran

- 90 syarikat pemula baharu beroperasi di Hab Digital Malaysia pada tahun 2022
- 200 PMKS tempatan mengeksport penyelesaian digital pada tahun 2022
  - 24 dengan hasil eksport melebihi RM20 juta



### Bidang Keutamaan D: Mengarus Perdana Pendigitalan untuk Pembangunan Inklusif

#### Strategi D1: Memperluas Pendigitalan

Memudah Cara Peluang Digital

- 911 Pusat Ekonomi Digital (PEDi) melibatkan
  - 874 pusat dikenakan semula daripada Pusat Internet Komuniti
  - 37 pusat baharu ditubuhkan

Mewujudkan Lebih Banyak Perniagaan dalam Talian

- 21 platform ekonomi perkongsian tempatan yang aktif disahkan pada tahun 2022



### Bidang Keutamaan E: Mempercepat Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi

Menyelaras Bidang Keutamaan Sains, Teknologi dan Inovasi Negara

- 37% inisiatif di bawah Pelan Tindakan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara dilaksana
- Dasar dan Strategi Nanoteknologi Negara 2021-2030 dirangka pada tahun 2021
- Dasar Bioteknologi Negara 2.0 dan Dasar Teknologi Nuklear Negara 2021-2030 dirangka pada tahun 2022
- Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara dirangka pada tahun 2021

Memperkuat Pembiayaan Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I)

- Persidangan Inovasi Malaysia yang pertama melibatkan tujuh kementerian dianjurkan pada tahun 2022
- Kategori R&D&C&I diwujudkan dalam sistem MyProjek pada tahun 2022
- Portal MyR&D sebagai platform sehenti pembiayaan R&D&C&I dibangunkan pada tahun 2022

Menjadikan Hasil Penyelidikan dan Pembangunan serta Harta Intelek sebagai Produk yang Mempunyai Nilai Ditambah yang Tinggi

- *Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI)* ditubuhkan pada tahun 2021
- Dasar Pengkomersialan Harta Intelek dan Reka Cipta Dibiayai Kerajaan 2021-2025 diperkenalkan pada tahun 2021

### Strategi E2: Membangunkan Bakat Sains, Teknologi dan Inovasi yang Berkualiti

|  |   |
|--|---|
| <b>Meningkatkan Penawaran Bakat Sains, Teknologi dan Inovasi yang Berkualiti</b>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>294 pakar sains, teknologi dan inovasi (STI) menyertai program <i>Researcher-Industry Scientific Exchange</i> (RISE)</li> <li>93% daripada 5,000 pencari kerja diambil bekerja oleh syarikat yang menyertai program <i>Upskilling for Deeptech &amp; Futureskills</i> pada tahun 2022</li> </ul> |
| <b>Menerajui Pembelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik secara Tidak Formal yang Berkesan dan Menyeronokkan</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>2.5 juta peserta menerima manfaat daripada pelaksanaan program pembudayaan STI</li> <li>15 aktiviti didik hibur yang disokong oleh 21 rakan strategik dan 21 ahli astronomi profesional dilaksanakan di bawah program <i>Big Bang Astronomy</i> pada tahun 2021</li> </ul>                       |
| <b>Meningkatkan Keberkesanan Program Komunikasi dan Kesedaran</b>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>e-estidotmy, platform maya untuk mewujudkan minda inovatif dan ingin tahu berkaitan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) dalam kalangan pelajar diperkenalkan pada tahun 2021</li> </ul>  |



### Bidang Keutamaan F: Memanfaatkan Potensi Teknologi Termaju

#### Strategi F1: Mempercepat Ketersediaan Mendepani Revolusi Perindustrian Keempat

|  |   |
|--|---|
| <b>Memanfaatkan Peluang Pertumbuhan Ekonomi yang Muncul daripada 4IR</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>25 inisiatif di bawah Fasa 1 Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara dilaksanakan</li> <li>Pelan hala tuju teknologi dirangka pada tahun 2022           <ul style="list-style-type: none"> <li>Pelan Hala Tuju Teknologi Bahan Termaju Negara 2021-2030</li> <li>Pelan Hala Tuju Teknologi Blockchain Negara 2021-2025</li> <li>Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan 2021-2025</li> <li>Pelan Hala Tuju Robotik Negara 2021-2030</li> <li>Pelan Hala Tuju Elektrik dan Elektronik (E&amp;E): Pembangunan Teknologi 2021-2030</li> </ul> </li> </ul> |
| <b>Mewujudkan Ekosistem yang Kondusif untuk Memanfaatkan Potensi 4IR</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Ekosistem <i>sandbox</i> sedia ada diperluas merangkumi internet benda (IoT) digital, bandar pintar dan teknologi kesihatan pada tahun 2022</li> <li>Satu syarikat <i>unicorn</i> dicipta, manakala enam syarikat <i>soonicorn</i> dikenal pasti sehingga penghujung tahun 2022</li> <li>Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER) 2021-2030 dilancarkan pada tahun 2021</li> <li>4,136 pengguna dan 2,717 syarikat pemula berdaftar dalam portal MYStartup</li> </ul>  |



## Bidang Keutamaan G: Memastikan Mobiliti Penumpang yang Bersepadu, Mampu Bayar, Berdaya Harap dan Lancar

### Strategi G1: Meningkatkan Kebolehcapaian kepada Pengangkutan Awam Secara Menyeluruh

#### Menyepadukan Mod Pengangkutan

- Aplikasi PULSE iaitu perancang perjalanan bersepadu dinaik taraf pada tahun 2022
  - 290,020 muat turun
  - 78,047 pengguna aktif

#### Meningkatkan Ketersambungan Batuan Pertama dan Akhir

- RAPID Mobility iaitu pengangkutan awam alternatif berdasarkan komuniti diperkenalkan pada tahun 2022

#### Mengalakkan Pembangunan Berorientasikan Transit

- Stesen Kajang 2 dilengkapi dengan pembangunan bercampur disiapkan pada tahun 2022

### Strategi G2: Menggalakkan Perubahan Tingkah Laku daripada Penggunaan Kenderaan Persendirian kepada Pengangkutan Awam

#### Mengalakkan Penggunaan Pengangkutan Awam sebagai Pilihan Pertama Perjalanan

- 1.4 juta pas perjalanan bulanan tanpa had MY50 dijual pada tahun 2022
- Bilangan penumpang *Electric Train Service* (ETS) meningkat kepada 3.3 juta pada tahun 2022



## Bidang Keutamaan H: Memacu Industri Pengangkutan dan Logistik untuk Meningkatkan Daya Saing

### Strategi H1: Meningkatkan Kecekapan Perkhidmatan

#### Menaik Taraf Sistem dan Peralatan Penerbangan

- Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur dan *Kota Kinabalu Flight Information Region* disiapkan pada tahun 2022

#### Melaksanakan Penyelenggaraan Pencegahan

- Enam projek rintis menggunakan bahan termaju dan teknologi inovatif disiapkan pada tahun 2022

### Strategi H2: Memanfaatkan Pendigitalan dalam Perkhidmatan

#### Membangunkan Pangkalan Data Berpusat

- Aplikasi Peta Geospatial Fasiliti Logistik dan Jaringan Pengangkutan (*MyLogistik*) dilancarkan pada tahun 2021



## Bidang Keutamaan I: Memperkuuh Rangka Kerja Institusi dan Kawal Selia

### Strategi I1: Menambah Baik Tadbir Urus

#### Memperkuuh Penyelarasan dalam kalangan Pihak Berkepentingan

- Jawatankuasa Penilai Projek Logistik ditubuhkan pada tahun 2022
- *Single Border Agency Nucleus Team* ditubuhkan pada tahun 2021
- Perkongsian *prime mover* dan separa treler dalam kumpulan syarikat yang sama dibenarkan sejak tahun 2021

#### Mewujudkan Peraturan Pergudangan Nasional

- *Guidebook on Starting Warehousing Business in Malaysia* dilancarkan pada tahun 2021


#### Menstruktur Semula Model Pembangunan Lebuh Raya

- 19 perjanjian konsesi lebuh raya disemak semula

### Strategi I2: Menggalakkan Inisiatif Hijau

#### Melaksanakan Blueprint Mobiliti Rendah Karbon

- Pengecualian bayaran fi lesen kenderaan motor ke atas kenderaan yang dipacu oleh sumber elektrik sepenuhnya daripada tahun 2022 hingga 2025



## Isu dan Cabaran

Dalam tempoh kajian semula, pelbagai langkah telah dilaksana untuk memperkuuh pembangunan bakat, pendigitalan dan pertumbuhan teknologi termaju serta infrastruktur pengangkutan dan logistik. Walau bagaimanapun, masih terdapat isu dan cabaran yang perlu ditangani. Isu dan cabaran ini termasuk ketidakcekapan pasaran buruh, ekosistem pendidikan yang tidak kondusif, ekosistem ekonomi digital yang tidak menggalakkan, cabaran dalam mempercepat R&D&C&I dan memajukan teknologi serta jurang dalam menyokong pertumbuhan subsektor pengangkutan dan industri logistik.

### Ketidakcekapan Pasaran Buruh

- Kekurangan tenaga kerja
- Kadar upah yang rendah
- Peningkatan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran
- Kebergantungan tinggi kepada pekerja asing
- Kekurangan perlindungan sosial untuk pekerja

### Ekosistem Ekonomi Digital yang Tidak Menggalakkan

- Tadbir urus dan penyelaras yang kurang berkesan
- Kemajuan infrastruktur digital yang tidak seimbang
- Kurang pembangunan bakat digital
- Peluasan digital yang tidak terangkum mengakibatkan jurang ketidaksamarataan melebar

### Jurang dalam Menyokong Pertumbuhan Subsektor Pengangkutan dan Industri Logistik

- Ketidakcukupan data semasa dan masa nyata bagi mobiliti penumpang pengangkutan awam
- Tadbir urus pengangkutan yang kurang berkesan
- Ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan yang kurang lengkap
- Penyelenggaraan infrastruktur pengangkutan yang tidak mencukupi
- Sistem komuniti pelabuhan yang berbeza dan tidak seragam
- Kurang kesedaran dan pemahaman terhadap logistik mampan



### Ekosistem Pendidikan yang Tidak Kondusif

- Kurang elemen kemahiran teknikal dan insaniah dalam kurikulum STEM
- Kurang aspek kemahiran pemikiran kritis, pembelajaran kreatif dan penyelesaian masalah dalam kaedah latihan dan pengajaran di sekolah
- Ekosistem institusi pendidikan tinggi (IPT) yang tidak bersepadau dari aspek sinergi antara IPT awam dan swasta, pelan pendigitalan, penawaran program baharu dan tumpuan penyelidikan
- Pertindihan program TVET dan data yang tidak bersepadau
- Kurang penglibatan industri

### Cabaran dalam Mempercepat R&D&C&I dan Memajukan Teknologi

- Penggunaan sumber R&D&C&I yang kurang cekap
- Pelaburan swasta yang berkurangan dalam aktiviti R&D&C&I
- Pertindihan dan percanggahan keutamaan dalam kalangan Institusi Penyelidikan Kerajaan (GRI) dan IPT
- Kadar pengkomersialan harta intelek (IP) yang rendah
- Pencipta dan pembangun teknologi yang tidak mencukupi
- Industri kurang bersedia untuk menerima guna teknologi baharu
- Kos pembangunan dan penerimangunaan teknologi yang tinggi

## Hala Tuju, 2023-2025

Dalam tempoh akhir RMKe-12, tumpuan akan diberi untuk memperkuuh pemangkin utama bagi mempercepat momentum pertumbuhan ekonomi. Langkah akan diambil untuk mereformasi pasaran buruh, membentuk semula bakat untuk pekerjaan masa hadapan, memperkuuh ekosistem ekonomi digital, mengoptimumkan potensi R&D&C&I dan mempercepat kemajuan teknologi serta membangunkan infrastruktur pengangkutan dan logistik yang berdaya tahan. Pelaksanaan langkah ini akan merancakkan ekonomi bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi.



### Bidang Fokus A: Mereformasi Pasaran Buruh

#### Strategi A1:

Menambah Baik Pasaran Buruh



### Bidang Fokus C: Memperkuuh Ekosistem Ekonomi Digital

#### Strategi C1:

Menambah Baik Tadbir Urus Digital

#### Strategi C2:

Membangunkan Infrastruktur Digital yang Kondusif

#### Strategi C3:

Melonjakkan Pertumbuhan Industri Digital

#### Strategi C4:

Memperkuuh Bakat Digital Tersedia Masa Hadapan

#### Strategi C5:

Memperluas Keterangkuman Digital



### Bidang Fokus B: Membentuk Semula Bakat untuk Pekerjaan Masa Hadapan

#### Strategi B1:

Memperkuuh Inisiatif Pendidikan dan Pembangunan Sahsiah

#### Strategi B2:

Melonjakkan Kecemerlangan Pendidikan Tinggi

#### Strategi B3:

Mempertingkatkan Ekosistem TVET



### Bidang Fokus D: Mengoptimumkan Potensi R&D&C&I dan Mempercepat Kemajuan Teknologi

#### Strategi D1:

Mempercepat Aktiviti R&D&C&I

#### Strategi D2:

Melonjakkan Penerimangunaan Teknologi Termaju



### Bidang Fokus E: Membangunkan Infrastruktur Pengangkutan dan Logistik yang Berdaya Tahan

#### Strategi E1:

Menambah Baik Data Mobiliti Penumpang

#### Strategi E2:

Memperkuuh Tadbir Urus Pengangkutan

#### Strategi E3:

Mempertingkatkan Ketersambungan dan Infrastruktur Pengangkutan

#### Strategi E4:

Menambah Baik Penyelenggaraan Infrastruktur

#### Strategi E5:

Meningkatkan Daya Saing Logistik dan Fasilitasi Perdagangan

## Sasaran Terpilih, 2021-2025


### Mereformasi Pasaran Buruh




### Membentuk Semula Bakat untuk Pekerjaan Masa Hadapan




## Memperkuuh Ekosistem Ekonomi Digital



## Mengoptimalkan Potensi R&D&C&I dan Mempercepat Kemajuan Teknologi



## Membangunkan Infrastruktur Pengangkutan dan Logistik yang Berdaya Tahan



## Bidang Fokus A: Mereformasi Pasaran Buruh

Dalam tempoh akhir RMKe-12, tumpuan akan terus diberi untuk mereformasi pasaran buruh. Oleh itu, penekanan akan diberi kepada usaha untuk menambah baik pasaran buruh dengan meningkatkan kadar upah, menangani ketidakpadanan kemahiran, mengatasi kekurangan tenaga kerja, melaksanakan levi pelbagai peringkat dan menambah baik kebajikan pekerja. Pelaksanaan kesemua inisiatif ini akan mewujudkan pasaran buruh yang lebih kukuh serta tenaga kerja yang kompeten dan berkemahiran bagi memenuhi permintaan industri dan meningkatkan kesejahteraan pekerja.

### Strategi A1

#### Menambah Baik Pasaran Buruh

## Strategi A1: Menambah Baik Pasaran Buruh

### Meningkatkan Kadar Upah

Model gaji progresif yang merupakan sebahagian daripada Anjakan Besar Ketersediaan Bakat Masa Hadapan akan diperkenalkan untuk menjadi pelengkap kepada dasar gaji minimum. Libat urus bersama pihak berkepentingan akan diadakan untuk merangka mekanisme yang bersesuaian bagi melaksanakan model gaji progresif. Tinjauan National Employment Returns (NER) juga akan dilaksana semula bagi mengenal pasti trend kadar upah, guna tenaga dan kemahiran, yang turut merangkumi pekerja gig. Sistem gaji yang lebih baik akan menyumbang ke arah mencapai taraf hidup wajar dan mengurangkan penghijrahan tenaga kerja mahir ke luar negara dalam jangka masa panjang.

### Menangani Ketidakpadanan Kemahiran

Rangka kerja kemahiran kebangsaan yang dinamik akan dibangunkan untuk menangani ketidakpadanan kemahiran dan sebagai pelengkap kepada Senarai Pekerjaan Kritikal (COL). Rangka kerja ini akan menyediakan maklumat yang komprehensif dan terkini mengenai kemahiran yang diperlukan oleh industri. Fasa pertama dijangka siap pada tahun 2023. COL juga akan ditambah baik untuk mengenal pasti pekerjaan yang kritikal pada peringkat wilayah dan negeri. Langkah ini akan membantu untuk menambah baik program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula yang berterusan,

sebagai sebahagian daripada Anjakan Besar bakat masa hadapan dalam memenuhi keperluan industri. Langkah ini adalah penting untuk mengurangkan guna tenaga tidak penuh.

### Mengatasi Kekurangan Tenaga Kerja

Inisiatif akan diperkenalkan bagi menggalakkan majikan untuk menggaji golongan yang berumur 60 tahun dan ke atas. Inisiatif ini akan membantu menangani kekurangan tenaga kerja dan pada masa yang sama, mempersiapkan negara sebagai negara tua. Usaha akan diambil untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita dengan memudahkan cara penubuhan pusat jagaan kanak-kanak oleh majikan. Dalam hubungan ini, insentif cukai sedia ada dan garis panduan mengenai pusat jagaan kanak-kanak akan diselaraskan.

Usaha akan dilaksana bagi menggalakkan majikan untuk menggaji bekas banduan dan orang diparol, termasuk untuk menyertai program *Academy in Industry* (AiI). Selain itu, pelarian yang berada di negara ini akan dibenarkan untuk bekerja dalam sektor tertentu dalam tempoh menunggu penempatan semula ke negara ketiga. Data mengenai pelarian akan diselaraskan untuk memastikan penggajian pelarian dilaksanakan dengan lancar.

### Melaksanakan Levi Pelbagai Peringkat

Pelan tindakan, termasuk bagi melaksanakan mekanisme levi pelbagai peringkat serta menggalakkan automasi dan mekanisasi akan dirangka bagi memastikan jumlah pekerja asing tidak melebihi 15% daripada jumlah tenaga kerja. Pelaksanaan pelan tindakan ini akan meningkatkan peluang peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula untuk pekerja tempatan dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Selain itu, semakan semula mengenai sektor yang dibenarkan untuk menggaji pekerja asing akan dilaksana secara berterusan sebagai pelengkap kepada pelaksanaan mekanisme levi pelbagai peringkat. Langkah ini juga merupakan satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar bakat masa hadapan.

### Menambah Baik Kebajikan Pekerja

Skim perlindungan sosial yang meliputi kecederaan di luar waktu bekerja dan yang tidak berkaitan dengan pekerjaan akan diperkenalkan untuk menambah baik kebajikan pekerja. Skim ini bertujuan untuk merapatkan jurang dalam menyediakan liputan sosial untuk pekerja. Susulan peningkatan peluang dalam ekonomi gig yang mengubah landskap pekerjaan, garis panduan untuk pekerja tidak formal akan dirangka, dan seterusnya membolehkan pekerja gig diklasifikasikan sebagai pekerja. Usaha ini adalah satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Reformasi Perlindungan Sosial. Di samping itu, usaha untuk memperkenalkan caruman secara mandatori untuk simpanan persaraan bagi pekerja tidak formal akan diteroka. Langkah ini akan membolehkan pekerja mendapat manfaat daripada perlindungan sosial yang lebih komprehensif.

## Bidang Fokus B: Membentuk Semula Bakat untuk Pekerjaan Masa Hadapan

Pendidikan berkualiti adalah penting dalam memastikan bakat yang dihasilkan memenuhi keperluan pekerjaan masa hadapan dan serba boleh dalam menyesuaikan diri dengan perubahan. Dalam tempoh akhir RMKe-12, penekanan akan diberi untuk mereformasi sistem pendidikan bagi meningkatkan kualiti pendidikan dan memanfaatkan teknologi baru muncul. Langkah yang akan diambil termasuk memperkuuh inisiatif pendidikan dan pembangunan sahsiah, melonjakkan kecemerlangan pendidikan tinggi dan mempertingkatkan ekosistem TVET. Langkah ini akan menambah baik akses serta meningkatkan penyampaian pendidikan dan latihan selari dengan Agenda 2030.

### Strategi B1

**Memperkuuh Inisiatif Pendidikan dan Pembangunan Sahsiah**

### Strategi B2

**Melonjakkan Kecemerlangan Pendidikan Tinggi**

### Strategi B3

**Mempertingkatkan Ekosistem TVET**



## Strategi B1: Memperkuuh Inisiatif Pendidikan dan Pembangunan Sahsiah

### Menambah Baik Kurikulum STEM dan Keupayaan Guru

Usaha akan dilaksana bagi meningkatkan enrolmen murid dalam bidang STEM. Dalam hubungan ini, kurikulum STEM yang baharu merangkumi bidang teknologi digital akan diperkenalkan bagi menyediakan murid untuk menguasai 4IR. Selain itu, kaedah latihan dan pengajaran guru dalam kemahiran pemikiran kritis, pembelajaran kreatif dan penyelesaian masalah akan dipertingkatkan lagi bagi membangunkan kemahiran murid untuk masa hadapan.

### Memantapkan Penerapan Karamah Insaniah dalam kalangan Murid

Usaha memantapkan pembangunan modal insan MADANI melalui penerapan Karamah Insaniah dalam kalangan murid sekolah akan diperluas. Penerapan ini akan memberi penekanan kepada aspek pembentukan akhlak dan pembangunan sahsiah bagi membina jati diri dalam kalangan murid untuk melahirkan generasi yang berdaya tahan dan berdaya saing. Penerapan Karamah Insaniah dalam kalangan murid akan dilaksanakan melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam dan di luar bilik darjah.

## Strategi B2: Melonjakkan Kecemerlangan Pendidikan Tinggi

### Mewujudkan Sinergi dalam kalangan IPT

Rangka kerja akan diwujudkan bagi mengharmonikan ekosistem pendidikan tinggi melalui penajaran program yang ditawarkan oleh semua IPT dengan aspirasi nasional. Bagi tujuan ini, maklumat mengenai program yang ditawarkan akan dikumpul dan diklusterkan berdasarkan aspirasi negara serta bidang tujuan. Rangka kerja ini akan menetapkan IPT awam menerajui sekurang-kurangnya satu keutamaan negara manakala program yang ditawarkan oleh IPT swasta menjadi pelengkap. Rangka kerja ini juga akan menggariskan mekanisme penilaian yang lebih mantap bagi program pengajian yang ditawarkan oleh IPT swasta.

## Mendigitalkan Proses Saringan Program Baharu

Sistem digital bagi meningkatkan keberkesanan proses penyaringan permohonan program baharu yang ditawarkan oleh universiti awam akan dibangunkan. Sistem ini akan disepadukan dengan pangkalan data yang berkaitan, termasuk unjuran pekerjaan, penawaran program pengajian pada peringkat antarabangsa dan program yang telah diakreditasi. Usaha ini akan menangani ketidakpadanan kemahiran pada peringkat sumber, seterusnya meminimumkan bilangan kursus pelengkap tambahan.

## Memperkenalkan Pelan Pendigitalan yang Komprehensif

Pelan pendigitalan yang komprehensif bagi IPT awam akan dirangka. Pelan ini merangkumi enam bidang fokus, iaitu tadbir urus, kecemerlangan akademik, kompetensi digital, infrastruktur dan infostruktur digital, penyelidikan dan inovasi serta pembudayaan digital. Antara ciri utama pelan ini adalah definisi kampus pintar yang merangkumi perbatuan untuk mendigitalkan pengajaran dan pembelajaran, keselamatan, pengangkutan, penginapan dan komponen lain yang berkaitan.

## Menggalakkan Inovasi Sosial dan Penyelidikan berkaitan Pembangunan Masyarakat Saksama

Penglibatan IPT dalam projek yang menyediakan penyelesaian inovatif bagi masalah berkaitan komuniti akan digalakkan. Di samping itu, peranan IPT dalam penyelidikan sosial juga akan diperluas dalam aspek berkaitan nilai hormat, kesaksamaan, kepelbagai budaya, tradisi keagamaan serta



sejarah negara untuk memupuk nilai ihsan selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI. Inisiatif ini akan membolehkan IPT memainkan peranan yang lebih aktif bagi memperkasakan komuniti dan membangunkan masyarakat yang saksama.

## Strategi B3: Mempertingkatkan Ekosistem TVET

### Memperkuatkan Tadbir Urus TVET

Sistem penarafan tunggal program TVET akan diwujudkan bagi memastikan penilaian standard diguna pakai oleh semua penyedia latihan TVET. Di samping itu, Sistem Pengurusan Integrasi Kemahiran Malaysia (MySPIKE) akan diperluas untuk menyepakukan data TVET merentas kementerian bagi menyediakan unjuran graduan TVET yang lebih baik dan tepat. Hasilnya, langkah ini akan meningkatkan kualiti program dan graduan TVET.

### Memperluas Kerjasama Strategik

Badan Peneraju Industri (ILB) akan diperkasa bagi memperluas latihan dipacu oleh industri yang akan meningkatkan pengiktirafan graduan TVET untuk penempatan pekerjaan. ILB juga akan memacu pembangunan tenaga kerja berkemahiran berdasarkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan. Kerjasama strategik antara institusi TVET awam dan industri akan diteruskan melalui penempatan industri dalam menjajarkan kemahiran untuk memenuhi keperluan industri. Di samping itu, program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula akan diperluas bagi melengkapkan tenaga pengajar TVET dengan kemahiran yang seiring dengan perkembangan teknologi baru muncul, serta meningkatkan kemahiran sosial dan yang merentas disiplin.

## Bidang Fokus C: Memperkuatkan Ekosistem Ekonomi Digital

Dalam tempoh akhir RMKe-12, usaha akan dipergiat untuk memperkuatkan ekosistem untuk pembangunan ekonomi digital. Strategi tersebut termasuk menambah baik tadbir urus digital, membangunkan infrastruktur digital yang kondusif, melonjakkan pertumbuhan industri digital, memperkuatkan bakat digital tersedia masa hadapan dan memperluas keterangkuman digital. Langkah ini akan memupuk inovasi dan menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi ke arah negara inklusif digital.



## Strategi C1: Menambah Baik Tadbir Urus Digital

### Menyelaras Peranan dan Fungsi Kementerian dan Agensi

Usaha akan diambil untuk memperkuuh inisiatif dan menambah baik mekanisme pemantauan dalam menyelaras peranan dan fungsi kementerian dan agensi. Dalam hubungan ini, pengintegrasian data berkaitan program ekonomi digital daripada pelbagai kementerian dan agensi akan dilaksanakan. Langkah akan diambil untuk menyelaras program ekonomi digital yang ditawarkan oleh kerajaan Persekutuan dan negeri untuk mengoptimumkan sumber.

### Menambah Baik Peraturan dan Garis Panduan

Peraturan dan garis panduan sedia ada akan disemak semula untuk memenuhi trend global semasa dan untuk meningkatkan daya tahan ekonomi digital. Bagi tujuan ini, rang undang-undang akan dibentangkan untuk menangani isu dan pengurusan keselamatan siber. Rangka kerja kawal selia untuk ekonomi perkongsian juga akan diwujudkan untuk menyokong secara

efektif industri yang sedang berkembang ini. Di samping itu, piawaian mengenai e-dagang akan diperkenalkan untuk membina kepercayaan dan kredibiliti platform.

## Strategi C2: Membangunkan Infrastruktur Digital yang Kondusif

### Mempertingkatkan Infrastruktur dan Ketersambungan Digital

Tanah dan bangunan milik kerajaan akan diberi keutamaan bagi mempercepat pembangunan infrastruktur telekomunikasi. Di samping itu, pewartaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) Pindaan 1984 oleh kerajaan negeri untuk menyokong dasar perkhidmatan komunikasi sebagai kemudahan awam akan dipercepat. Penubuhan Jawatankuasa Penyeragaman Kos Caj dan Fi Pembangunan Infrastruktur Komunikasi bagi menyeragamkan caj dan fi di seluruh negara akan menggalakkan lebih ramai orang memanfaatkan akses internet dan meraih faedah daripada ekonomi digital. Selain itu, langkah akan diambil bagi memperbanyak hotspot Wi-Fi dan pusat akses di kawasan awam untuk ketersambungan internet dan mobiliti yang lebih baik. Aktiviti audit dan penguatkuasaan berdasarkan Standard Mandatori Kualiti Perkhidmatan akan dipertingkatkan bagi menambah baik kualiti capaian perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar.

## Strategi C3: Melonjakkan Pertumbuhan Industri Digital

### Menawarkan Peluang yang Lebih Baik dalam Ekonomi Digital

Keutamaan akan diberi untuk menyediakan insentif kepada platform sedia ada yang telah ditentusahkan bagi menggalakkan lebih banyak perniagaan ekonomi perkongsian memohon pengesahan. Selaras dengan keperluan untuk pembangunan mampan, syarikat teknologi digital akan disokong untuk membangun dan menghasilkan penyelesaian digital yang mengambil kira cabaran alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG). Selain itu, perkembangan pantas metaverse akan diambil kira dalam pembangunan ekosistem kandungan digital semasa.



## Strategi C4: Memperkuuh Bakat Digital Tersedia Masa Hadapan

### Memupuk Kepimpinan Digital

Usaha akan dilaksana untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan dan kemajuan teknologi digital dalam kalangan pengurusan tertinggi dan pemimpin. Program kepimpinan akan diperkenal untuk membentuk lebih ramai pemimpin yang celik digital daripada industri sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Industri Berasaskan Digital dan Teknologi untuk mempercepat penerimaganan digital. Sementara itu, pemimpin dalam sistem pendidikan akan diberi lebih pendedahan kepada trend terkini dan keperluan bakat digital.

### Meningkatkan Infrastruktur Digital

Makmal dan bilik darjah akan dilengkapi dengan peranti digital untuk menyediakan persekitaran pembelajaran digital yang lebih kondusif dan menarik. Selain itu, perkhidmatan awam akan digalakkan untuk

membantu pendidik dalam proses pentadbiran, sebagai contoh, dalam mengakses maklumat pendidikan, berkongsi bahan pengajaran dan membuat penilaian akademik yang berkesan. Prosedur operasi standard juga akan diwujudkan untuk menyokong pendekatan '*bring your own device*' untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

### Menambah Baik Keupayaan dan Kemampuan Digital

Program peningkatan kemahiran dengan kerjasama pemain industri, satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar digital dan teknologi, akan dilaksanakan untuk memenuhi permintaan bakat digital berkemahiran tinggi. Selain itu, garis panduan berstruktur untuk penempatan latihan teknologi digital dalam industri akan dibangunkan. Latihan dan penilaian digital untuk para pendidik juga akan dijalankan secara berkala bagi memastikan kualiti dan kecekapan dalam pengajaran mata pelajaran berkaitan digital dan teknologi. Program kesedaran mengenai digital dan teknologi baru muncul untuk kaunselor dalam sistem pendidikan akan disediakan bagi membolehkan kaunselor menasihati dan menggalakkan pelajar untuk meneruskan kerjaya berdasarkan digital atau teknologi.

## *Memupuk Minat terhadap Bidang Teknologi dalam kalangan Pelajar*

Minat dalam membangunkan kandungan digital dan kreatif akan diterapkan di sekolah melalui lebih banyak aktiviti praktikal yang melibatkan pelajar. Pemerkasaan pelajar melalui program yang direka 'oleh pelajar untuk pelajar' menggunakan platform digital akan diperkenalkan. Selain itu, mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi, Asas Sains Komputer dan Sains Komputer akan ditawarkan dalam Bahasa Inggeris kepada pelajar program dwibahasa bagi Matematik dan Sains. Kelab berkaitan digital dan teknologi seperti robotik, pengekodan dan kandungan digital akan dimasukkan dalam senarai aktiviti ko-kurikulum bagi memupuk minat dalam kalangan pelajar. Dalam hubungan ini, pertandingan pada peringkat kebangsaan dan sekolah akan diperluas. Pelaksanaan langkah ini secara konsisten dan berterusan akan menyumbang ke arah menghasilkan bakat digital berkualiti.

## **Strategi C5:** **Memperluas Keterangkuman Digital**

### *Meningkatkan Penerimangunaan Digital*

Indeks Keterangkuman Digital Malaysia (MyDID) akan dibangunkan untuk mengukur jurang digital dan membolehkan penyediaan dasar yang bersasar, termasuk pengagihan sumber dan pembangunan bakat. Program khusus akan dikenal pasti untuk meningkatkan literasi digital dan keyakinan, terutama dalam kalangan kumpulan mudah terjejas, bagi mencapai penerimangunaan digital yang lebih meluas. Pada masa yang sama, prasyarat penerimangunaan digital untuk perniagaan akan diperkenalkan sebagai pelengkap kepada kempen sedia ada bagi membolehkan masyarakat melaksanakan aktiviti tanpa tunai. Usaha untuk menetapkan syarat bagi membolehkan penggunaan tandatangan digital dari peringkat awal ke akhir akan dilaksana untuk memastikan keselamatan dan perlindungan transaksi serta aktiviti dalam menjagaan kesihatan digital. Selain itu, program perkongsian pengetahuan akan diperkenalkan bagi guru di kawasan pedalaman untuk mencontohi amalan pengajaran yang berjaya di negara membangun terpilih yang mempunyai infrastruktur yang terhad. Langkah ini akan meningkatkan keterangkuman digital<sup>1</sup>, di samping menambah baik penerimangunaan digital.

## **Bidang Fokus D:** **Mengoptimumkan Potensi R&D&C&I dan Mempercepat Kemajuan Teknologi**

Dalam tempoh akhir RMKe-12, tumpuan akan diberi kepada mengoptimumkan potensi R&D&C&I dan mempercepat kemajuan teknologi untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi. Dalam hubungan ini, dua strategi baharu akan dilaksanakan, iaitu mempercepat aktiviti R&D&C&I dan melonjakkan penerimangunaan teknologi termaju. Pelaksanaan strategi ini adalah penting dalam memastikan peralihan secara eksponen kepada teknologi tinggi dan negara berpendapatan tinggi bercirikan produktiviti yang lebih tinggi dan peningkatan daya saing.



## **Strategi D1:** **Mempercepat Aktiviti R&D&C&I**

### *Menyusun Semula Keutamaan Bidang Bitara R&D&C&I*

Bidang bitara terpilih bagi R&D&C&I akan diselaras berdasarkan rangka kerja 10-10 MySTIE untuk pertimbangan pembiayaan Kerajaan. Langkah ini akan memastikan pulangan pelaburan yang optimum kepada semua program dan projek R&D&C&I yang dibiayai oleh Kerajaan. Usaha juga akan dilaksana untuk memperkuuh dan menyokong R&D bagi bidang

<sup>1</sup> Akses kepada teknologi dan perkhidmatan digital, termasuk ketersambungan, yang mampu dilanggan, berkualiti, selamat dan terjamin bagi membolehkan semua orang menikmati kehidupan yang lebih baik.

bitara terpilih dengan mewujudkan gabungan yang terdiri daripada kumpulan pakar, persatuan perniagaan dan badan profesional. Selain itu, program mobiliti merentas institusi akan diperkenalkan untuk menyokong GRI dan IPT dalam meningkatkan aktiviti penyelidikan yang terpilih.

### **Menstruktur Semula Tadbir Urus R&D&C&I**

Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) akan distruktur semula dan diperkasa sebagai agensi tunggal yang diberi mandat untuk mengurus peruntukan dana awam untuk program dan projek R&D&C&I. Sistem pemantauan yang lebih berkesan melalui tag identiti kajian yang unik akan dibangunkan bagi menambah baik pengurusan program dan projek R&D&C&I. Di samping itu, pembiayaan penyelidikan akan diselaras mengikut tahap ketersediaan teknologi dan ekosistem. Dasar sedia ada akan disemak semula untuk meningkatkan pelaburan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dalam aktiviti R&D&C&I tempatan serta pembangunan bakat. Program baucar secara perkongsian kos akan diperkenal bagi membolehkan graduan kedoktoran untuk mengkomersialkan hasil kajian melalui penubuhan syarikat pemula.

Wakaf R&D akan diperkenal untuk menggalakkan sumbangan syarikat dan individu dalam aktiviti R&D&C&I. Manakala, struktur, skala dan model operasi GRI akan disemak semula dalam usaha untuk meningkatkan fleksibiliti dan pencapaian GRI. Selain itu, platform akan dibangunkan untuk penyewaan peralatan, fasiliti dan teknologi bagi mengoptimumkan penggunaan sumber GRI dan IPT.

### **Menjana Nilai Ditambah Maksimum daripada Harta Intelek**

Pusat Pemindahan Teknologi (TTO) di GRI dan IPT akan dimanfaat untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuan dalam penyelidikan dan pengkomersialan. TTO akan disokong oleh bakat khusus dalam pemindahan teknologi serta pengurusan dan penilaian IP bagi mempercepat aktiviti pengkomersialan di samping menggalakkan kerjasama antara GRI, IPT dan industri. Dasar mengenai IP akan disemak semula untuk meningkatkan ekosistem IP negara yang akan memperluas pemilikan, penerimagunaan dan pemindahan teknologi. Selain itu, aset IP akan dimanfaatkan dalam penilaian untuk memperoleh pembiayaan bagi menggalakkan aktiviti pengkomersialan dan inovasi.

Skop dan petunjuk prestasi utama program Tahun Pengkomersialan Malaysia 2.0 (MCY 2.0) sedia ada akan disemak semula berdasarkan amalan terbaik bagi membolehkan lebih banyak produk layak dicadangkan. Di samping itu, kerjasama dengan pihak berkepentingan melalui Rangkaian Pecutan Inovasi di bawah inisiatif *Sandbox Inovasi dan Teknologi Nasional (NTIS)* akan dipertingkat untuk menyokong pemasaran teknologi R&D tempatan. Dalam hubungan ini, langkah juga akan diambil untuk menambah baik kajian intervensi penjenamaan dan pengesahan pasaran oleh perniagaan untuk memastikan produk berada pada kedudukan yang baik dalam pasaran.

## **Strategi D2: Melonjakkan Penerimagunaan Teknologi Termaju**

### **Meningkatkan Inovasi dan Pembangunan Teknologi Tempatan**

Tumpuan akan diberi untuk membangunkan kumpulan bakat STI yang mencukupi dan kompeten bagi meningkatkan inovasi serta penciptaan dan pembangunan teknologi tempatan. Bagi tujuan ini, kolaborasi strategik dengan pihak berkepentingan berkaitan akan diperkuuh bagi membolehkan penilaian yang menyeluruh serta mengenal pasti keperluan bakat STI secara berkesan. Selain itu, usaha untuk meningkatkan prestasi petunjuk utama terpilih di bawah *Global Innovation Index (GII)*, seperti *Programme for International Student Assessment (PISA)* yang mengukur tahap literasi bacaan, matematik dan sains serta enrolmen dalam STEM pada peringkat tertiar akan diberi keutamaan. Dalam hubungan ini, Jawatankuasa Inter-Agenzi Pemantauan Daya Saing *Global Innovation Index (JIPGII)* akan ditubuhkan bagi memantau dan mencadangkan langkah intervensi untuk menambah baik ekosistem inovasi.

Usaha akan dipergiat untuk menarik lebih banyak penyertaan dalam INNOVATHON, program realiti TV yang memberi inspirasi kepada rakyat untuk mengetengahkan idea melalui pertandingan. INNOVATHON, sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar digital dan teknologi, adalah selaras dengan satu daripada nilai teras Malaysia MADANI yang memberi penekanan dan galakan kepada inovasi. Program ini, seperti ditunjukkan dalam Kotak 4-1, akan dilaksana secara tahunan melalui lebih banyak kolaborasi dengan pemain industri dan rakan strategik.

#### Kotak 4-1

## INNOVATHON – Rancangan Realiti TV Mengenai Inovasi

Kementerian Ekonomi memperkenalkan program didik hibur untuk mengarus perdana inovasi dalam format rancangan realiti TV yang dikenali sebagai INNOVATHON. Program ini dilancarkan pada 14 April 2023 dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bersama ASTRO. Rancangan realiti TV ini bertujuan untuk mengarus perdana inovasi di samping memupuk serta menyemai budaya sains dan teknologi, khususnya dalam kalangan generasi muda.

INNOVATHON menyediakan platform kepada inovator, usahawan dan individu tempatan untuk mengetengahkan idea, prototaip dan produk. Rancangan TV ini dibahagi kepada tiga segmen, iaitu uji bakat secara fizikal dan dalam talian, sesi latihan dan bimbingan serta pembentangan idea dan pemilihan pemenang. Uji bakat secara fizikal diadakan di enam bandar

daripada 8 Mei sehingga 17 Mei 2023 dengan penyertaan 1,033 projek inovatif yang merangkumi pelbagai bidang seperti pertanian, kesihatan dan kejuruteraan. Projek ini telah dibentangkan oleh pelajar daripada sekolah, institusi pendidikan tinggi dan TVET serta ahli akademik dan usahawan.

Sepanjang program, 56 peserta yang telah dipilih untuk tujuh episod diberikan sokongan dalam bentuk pendedahan kepada perundangan harta intelek serta perundingan bagi pembangunan perniagaan dan produk. Lima pemenang dalam episod akhir diberikan hadiah wang tunai berjumlah sehingga RM245,000 dan geran berjumlah sehingga RM1 juta untuk membantu usahawan berdasarkan inovasi ini dalam pelbagai peringkat pembangunan perniagaan.

Musim pertama program ini telah memberi manfaat untuk mewujudkan kesedaran bagi menarik lebih ramai inovator untuk tampil dengan idea kreatif yang berpotensi untuk dikomersialkan. Melangkah ke hadapan, INNOVATHON akan diperluas sebagai rancangan bersiri untuk meningkatkan teknologi tempatan dan menyumbang ke arah pertumbuhan yang dipacu oleh inovasi.



Di samping itu, dasar inovasi sosial akan diperkenal untuk menyediakan strategi jangka panjang dalam melaksanakan inovasi sosial melalui sains dan teknologi terkini. Langkah ini dijangka meningkatkan bilangan bakat dalam bidang sains dan teknologi, seterusnya akan menjadi teknopreneur.

Usaha yang berterusan akan dilaksana bagi melahirkan lima *unicorn* tempatan pada tahun 2025. Usaha ini, termasuk menyediakan akses syarikat pemula kepada mentor, menghubungkan dengan pelabur pada peringkat serantau dan global serta membantu dalam peluasan pasaran. Di samping itu, ekosistem dan hubungan syarikat pemula dengan hab inovasi lain di seluruh dunia akan diperkuuh bagi memudah cara kerjasama rentas sempadan, ketersambungan dan akses pasaran. Konvensyen syarikat pemula juga akan dianjurkan bagi mempromosikan keusahawanan teknologi dan inovasi.

### Mempertingkatkan Pengkomersialan Teknologi

Usaha akan dipergiat untuk merealisasikan idea kepada produk dan perkhidmatan dengan memanfaatkan peranan pemecut pengkomersialan teknologi dalam menyatakan pihak berkepentingan utama, termasuk syarikat pemula. Dalam hubungan ini, hab inovasi yang menyediakan infrastruktur 4IR dan kemudahan bersepadu untuk inovator serta usahawan akan dioptimumkan bagi memperkuuh ekosistem syarikat pemula. Langkah ini dijangka akan menarik pelaburan langsung asing dan domestik untuk meningkatkan teknologi termaju serta melonjakkan pertumbuhan ekonomi.

### Menambah Baik Ekosistem 4IR

Pusat Revolusi Perindustrian Keempat Malaysia yang baru ditubuhkan, iaitu yang pertama di ASEAN, akan menjadi platform bagi perkongsian pengalaman dan pandangan daripada pakar penggubal dasar serta amalan terbaik global dalam aspek transformasi digital, GovTech dan peralihan tenaga. Pusat ini juga akan menyediakan sokongan teknikal bagi projek rintis, pemindahan pengetahuan dan pembangunan bakat 4IR ke arah

menjadikan Malaysia sebagai Hab Inovasi 4IR. Dalam hubungan ini, pusat ini akan menjadi tempat pertemuan bagi Kerajaan, pemimpin perniagaan, akademia dan pakar melalui rangkaian global. Selain itu, semakan semula yang komprehensif ke atas inisiatif sedia ada yang digariskan di bawah Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dan Dasar 4IR Negara akan dilaksana bagi mengenal pasti jurang serta memperkuuh pelaksanaan.

### Memperkuuh Ekosistem Modal Teroka

Usaha akan dilaksana untuk memperkemas mekanisme pembiayaan modal teroka bagi membangunkan ekosistem modal teroka yang mampan sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar digital dan teknologi dengan menumpukan kepada pelabur budiman dan dana pemula. Dalam hubungan ini, pelan hala tuju modal teroka bagi tempoh lima tahun akan dibangunkan untuk menggalakkan keusahawanan dan inovasi. Di samping itu, langkah ini akan terus meningkatkan lagi sokongan terhadap pelaksanaan SUPER 2021-2030 serta membuktikan kepentingan penyelidikan dan inovasi untuk mentransformasi ekonomi domestik dan seterusnya mempercepat pertumbuhan ekonomi.

## Bidang Fokus E: Membangunkan Infrastruktur Pengangkutan dan Logistik yang Berdaya Tahan

Dalam tempoh akhir RMKe-12, usaha bersepadu akan dilaksana untuk membangunkan infrastruktur pengangkutan dan logistik yang berdaya tahan. Dalam hubungan ini, lima strategi baharu akan diperkenalkan, iaitu menambah baik data mobiliti penumpang, memperkuuh tadbir urus pengangkutan, mempertingkatkan ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan, menambah baik penyelenggaraan infrastruktur serta meningkatkan daya saing logistik dan fasilitasi perdagangan. Pelaksanaan strategi ini akan memenuhi keperluan rakyat, industri dan pasaran global serta menyokong usaha untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi.

**Strategi E1**

**Menambah Baik Data Mobiliti Penumpang**

**Strategi E2**

**Memperkuuh Tadbir Urus Pengangkutan**

**Strategi E3**

**Mempertingkatkan Ketersambungan dan Infrastruktur Pengangkutan**

**Strategi E4**

**Menambah Baik Penyelenggaraan Infrastruktur**

**Strategi E5**

**Meningkatkan Daya Saing Logistik dan Fasilitasi Perdagangan**

## **Strategi E1: Menambah Baik Data Mobiliti Penumpang**

### **Menyusun Semula Sistem Pengangkutan Awam melalui Pendekatan Berpacukan Data**

Kajian akan dijalankan untuk mengenal pasti perkongsian mod pengangkutan serta trend dan tingkah laku penumpang bagi lebih memahami permintaan dan keperluan perjalanan. Selain itu, kerjasama antara pihak berkuasa pengangkutan awam dan penyedia perkhidmatan telekomunikasi akan diwujudkan untuk memanfaatkan data masa nyata mengenai taburan spatial penumpang. Di samping itu, penggunaan analitis data raya akan diteroka untuk menentukan faktor yang mempengaruhi keperluan penumpang dan permintaan pengangkutan. Pengukuhan data mobiliti supaya komprehensif dan pada masa nyata, sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Pengukuhan Jaringan Pengangkutan Awam, akan menyokong penyusunan semula sistem pengangkutan awam dalam memenuhi permintaan perjalanan.

## **Strategi E2: Memperkuuh Tadbir Urus Pengangkutan**

### **Menyediakan Ekosistem yang Kondusif untuk Menyokong Industri Dron**

Persekutuan yang menggalakkan untuk memupuk pertumbuhan industri *Unmanned Aircraft System* (UAS) akan diwujudkan melalui penambahbaikan peraturan dan penggubalan dasar baharu. Sistem pengurusan trafik UAS yang komprehensif juga akan dibangunkan untuk membolehkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti dron. Di samping itu, program pembangunan kapasiti akan dilaksana untuk menyokong penerimangunaan teknologi ini.

### **Menambah Baik Daya Saing Maritim**

Pelan rangka tindakan pelabuhan kebangsaan merangkumi dasar pelabuhan dan pelan pelaksanaan yang komprehensif akan disediakan untuk memacu pertumbuhan ekonomi biru. Di samping itu, perkhidmatan pelabuhan akan ditambah baik untuk menarik lebih banyak kerjasama dalam kalangan pengendali pelabuhan dan gabungan syarikat perkapalan serta membuka peluang pelaburan dan perdagangan baharu. Pembesaran terminal kontena Westports akan meningkatkan kapasiti pengendalian kargo untuk mengendali *ultra large container ship* dan mengukuhkan lagi Pelabuhan Klang sebagai hab pemindahan kapal serantau. Usaha ini dijangka menyumbang sebanyak RM55.3 bilion kepada ekonomi dan mewujudkan lebih 6,000 peluang pekerjaan dalam industri logistik.

### **Mempertingkatkan Pelaksanaan Pengangkutan Hijau**

Pembangunan Indeks Pengangkutan Hijau akan dipercepat ke arah pelaksanaan pengangkutan hijau. Dalam hubungan ini, jawatankuasa pengangkutan hijau akan ditubuhkan untuk menyelaras dan mengharmonikan pelbagai undang-undang dan peraturan dalam subsektor

pengangkutan. Di samping itu, pembangunan modal insan akan diperkuuh untuk menyediakan sokongan menyeluruh dalam mentadbir urus pengangkutan hijau. Pelaksanaan langkah ini akan menyumbang ke arah mencapai aspirasi pelepasan gas rumah kaca bersih sifar seawal tahun 2050.

Usaha akan dilaksana untuk mempertingkatkan penerbangan hijau dengan menambah baik pengurusan trafik udara, sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar pengangkutan awam. Dalam hubungan ini, kecekapan pergerakan pesawat akan dipertingkatkan untuk meminimumkan penggunaan dan pelepasan bahan api pesawat. Di samping itu, sistem dan peralatan kawalan trafik udara akan dinaik taraf untuk memaksimumkan prestasi pesawat dan penggunaan ruang udara. Usaha ini akan mengurangkan pembakaran bahan api serta pencemaran bunyi dan udara yang memberi kesan kepada lapangan terbang dan ruang udara.

### Strategi E3: Mempertingkatkan Ketersambungan dan Infrastruktur Pengangkutan

#### Memperkuuh Ketersambungan Batuan Pertama dan Akhir

Usaha akan dipergiat untuk menambah baik ketersambungan batuan pertama dan akhir di Greater Kuala Lumpur/Klang Valley. Dalam hubungan ini, perkhidmatan Bus Rapid Transit (BRT) dan bas dalam bandar akan diperluas untuk meningkatkan kebolehcapaian dan ketersambungan dari tempat permulaan hingga ke destinasi akhir. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada Anjakan Besar pengangkutan awam. Di samping itu, kekerapan bas akan ditambah baik, manakala laluan akan dijajarkan semula untuk meminimumkan masa perjalanan penumpang. Pelaksanaan usaha ini akan meningkatkan kecekapan pengangkutan awam, mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian dan seterusnya menyumbang ke arah peningkatan penumpang pengangkutan awam.



#### Menaik Taraf Infrastruktur Lapangan Terbang

Infrastruktur lapangan terbang akan dinaik taraf untuk meningkatkan kebolehcapaian dan ketersambungan bagi menambah baik mobiliti rakyat dan barang. Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang akan menampung pertambahan pergerakan penumpang dan menambah baik ketersambungan laluan udara. Di samping itu, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang akan dinaik taraf di bawah *Subang Airport Regeneration Plan* (SARP), yang turut merangkumi infrastruktur untuk aeroangkasa dan penerbangan perniagaan serta pembesaran terminal. Perancangan SARP ini akan menyumbang sebanyak RM216.6 bilion kepada ekonomi serta mewujudkan lebih 8,000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

#### Mempertingkatkan Infrastruktur Jalan Raya

Infrastruktur jalan raya akan terus dipertingkatkan dengan membina laluan baharu dan menaik taraf jalan raya sedia ada bagi menambah baik ketersambungan dan menyokong pembangunan ekonomi. Dalam hubungan ini, pembinaan fasa baharu Lebuhraya Pan Borneo Sabah

dan Sarawak-Sabah Link Road serta Lebuhraya Trans Borneo akan menghubungkan jalan raya utama di Sabah dan Sarawak. Di samping itu, Lebuhraya Senai-Desaru dan Lebuhraya Utara-Selatan di Johor akan dinaik taraf. Pembangunan yang bernilai RM27 bilion ini akan mempertingkatkan ketersambungan jalan raya dan menyokong pertumbuhan ekonomi.

## Strategi E4: Menambah Baik Penyelenggaraan Infrastruktur

### Memperkuuh Penyelenggaraan Pengangkutan

Projek menaik taraf infrastruktur jalan raya dan rel sedia ada akan diberi keutamaan dalam menangani keperluan penyelenggaraan yang semakin meningkat. Di samping itu, mekanisme pemantauan penyelenggaraan berjadual bagi jalan raya dan rel akan ditambah baik. Selain itu, penggunaan bahan termaju bagi penyelenggaraan jalan raya akan terus diperluas untuk memanjangkan jangka hayat jalan raya terpilih serta mengurangkan kos penyelenggaraan. Kemampuan agensi dalam kerja penyelenggaraan aset rel dan peralatan navigasi udara akan dipertingkatkan dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada kontraktor.

## Strategi E5: Meningkatkan Daya Saing Logistik dan Fasilitasi Perdagangan

### Membangunkan Platform Tunggal untuk Komuniti Pelabuhan

Platform tunggal akan dibangunkan untuk menghubungkan pelabuhan persekutuan dalam menyediakan akses yang cepat dan telus kepada pemain industri. Platform ini akan berfungsi sebagai pangkalan data berpusat untuk memudah cara aliran maklumat dari peringkat awal ke akhir serta portal sehenti untuk transaksi kawal selia maritim dan perkhidmatan pelabuhan. Sistem ini juga akan membolehkan Kerajaan melaksanakan perancangan berdasarkan bukti untuk menambah baik daya saing perkhidmatan logistik.

### Menggalakkan Inisiatif Hijau

Usaha akan dilaksana untuk membangunkan sistem persijilan logistik hijau yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa bagi menggalakkan penyedia perkhidmatan logistik menerima pakai amalan terbaik rantaian bekalan hijau. Kerajaan juga akan memberi sokongan untuk inisiatif rantaian bekalan hijau seperti reka bentuk dan perolehan hijau, logistik berbalik serta pengoptimuman laluan dan muatan. Selain itu, insentif baharu akan diteroka untuk menggalakkan penyedia perkhidmatan logistik menerima guna teknologi hijau.

## Kesimpulan


Dalam tempoh kajian semula RMKe-12, penekanan diberikan untuk membangunkan bakat masa hadapan, melonjakkan pendigitalan dan teknologi termaju serta memperkuuh kecekapan infrastruktur pengangkutan dan logistik. Walaupun beberapa sasaran telah dicapai, isu dan cabaran masih kekal dan perlu ditangani. Dalam tempoh akhir RMKe-12, strategi baharu akan diperkenalkan untuk memperkuuh pemangkin utama bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi. Usaha akan dipergiat untuk mereformasi pasaran buruh, membentuk semula bakat untuk pekerjaan masa hadapan, memperkuuh ekosistem ekonomi digital, mengoptimumkan potensi R&D&C&I dan mempercepat kemajuan teknologi serta membangunkan infrastruktur pengangkutan dan logistik yang berdaya tahan. Strategi baharu ini bertujuan untuk mewujudkan pasaran buruh yang cekap, mempercepat pembangunan bakat, mempertingkatkan ekonomi digital, melonjakkan inovasi dan kemajuan teknologi serta menggalakkan pengangkutan dan perkhidmatan logistik yang mampan, berteraskan wadah ‘Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat’.



# Bab

P

5



# Menuju ke arah Wilayah yang Seimbang

|  |             |
|--|-------------|
| <b>Pendahuluan</b>   | <b>5-2</b>  |
| <b>Prestasi, 2021-2022</b>   | <b>5-3</b>  |
| Pencapaian Sasaran Terpilih  | 5-3         |
| Pencapaian mengikut Bidang Keutamaan   | 5-8         |
| Bidang Keutamaan A : Mengoptimumkan Potensi Ekonomi Wilayah                                      | 5-8         |
| Bidang Keutamaan B : Membangunkan Bandar yang Mampan   | 5-9         |
| Bidang Keutamaan C : Mentransformasi Pembangunan Luar Bandar untuk Merapatkan Jurang Pembangunan | 5-10        |
| Bidang Keutamaan D: Memantapkan Penyediaan Infrastruktur   | 5-10        |
| Bidang Keutamaan E : Mengoptimumkan Potensi Ekonomi  | 5-11        |
| Bidang Keutamaan F : Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Sosial                              | 5-12        |
| Bidang Keutamaan G: Memperkuuh Pembangunan Inklusif  | 5-13        |
| Bidang Keutamaan H: Memperkuuh Kerjasama Antara Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri           | 5-13        |
| <b>Isu dan Cabaran</b>   | <b>5-14</b> |
| Pembangunan Wilayah yang Tidak Seimbang  | 5-14        |
| Daya Tahan Bandar yang Rendah  | 5-14        |
| Kekangan Pembangunan di Kawasan Luar Bandar  | 5-14        |
| Peluang daripada Kerjasama Subserantau Tidak Dimanfaat secara Berkesan                           | 5-15        |
| Cabaran Pembangunan di Sabah dan Sarawak   | 5-15        |
| <b>Hala Tuju, 2023-2025</b>  | <b>5-16</b> |
| Sasaran Terpilih, 2021-2025  | 5-17        |
| Bidang Fokus A: Mempertingkatkan Potensi Ekonomi Wilayah   | 5-21        |
| Bidang Fokus B: Mempercepat Pembangunan Bandar Mampan  | 5-22        |
| Bidang Fokus C: Mempergiat Pembangunan Luar Bandar   | 5-24        |
| Bidang Fokus D: Mengoptimumkan Peluang daripada Kerjasama Subserantau                            | 5-26        |
| Bidang Fokus E : Mempergiat Pembangunan di Sabah dan Sarawak                                     | 5-27        |
| <b>Kesimpulan</b>  | <b>5-31</b> |

## Pendahuluan

Wilayah yang seimbang dan terangkum adalah penting untuk memastikan pembangunan sosioekonomi yang lebih saksama. Dalam tempoh kajian semula Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), pelbagai langkah telah diambil untuk mengoptimumkan potensi ekonomi wilayah, membangunkan bandar yang mampan, mentransformasi kawasan luar bandar dan memperkuuh pembangunan sosioekonomi negeri kurang membangun, termasuk Sabah dan Sarawak. Namun begitu, cabaran untuk merapatkan jurang pembangunan antara wilayah dan negeri serta kawasan luar bandar dan bandar masih terus wujud dan perlu ditangani bagi mencapai keseimbangan wilayah.

Dalam tempoh akhir RMKe-12, tumpuan akan diberi untuk meningkatkan potensi ekonomi wilayah, mempercepat pembangunan bandar mampan dan mempergiat pembangunan luar bandar. Di samping itu, penekanan akan diberi kepada mengoptimumkan peluang daripada kerjasama subserantau serta mempergiat pembangunan di Sabah dan Sarawak. Usaha ini akan mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah dan negeri selain menggalakkan pertumbuhan yang lebih saksama dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Langkah juga akan diambil untuk mempercepat pelaksanaan inisiatif pertumbuhan hijau, khususnya di Sabah dan Sarawak dalam memacu pembangunan sosioekonomi dan kelestarian alam sekitar.

## Prestasi, 2021-2022


Sebanyak 43 sasaran ditetapkan dalam usaha mempertingkatkan keseimbangan dan keterangkuman wilayah, termasuk memperkuuh pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak. Dalam tempoh 2021-2022, 10 daripada 43 telah dicapai dan 33 mengikut jadual. Pencapaian sasaran tersebut adalah seperti ditunjukkan dalam *Paparan 5-1*.

### *Paparan 5-1*


### Pencapaian Sasaran Terpilih

#### Mengoptimumkan Potensi Ekonomi Wilayah


##### Nisbah KDNK per Kapita Wilayah kepada Wilayah Tengah



### Pertumbuhan Purata KDNK



### Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah



## Membangunkan Bandar yang Mampan




Mencapai Status Bandar Mampan berdasarkan MURNInets




Melaksanakan Pelan Tindakan Bandar Hijau (GCAP) di bawah Platform IMT-GT dan BIMP-EAGA


## Mentransformasi Kawasan Luar Bandar



Membina dan Menaik Taraf Jalan Luar Bandar Berturap



Liputan Akses kepada Air Bersih dan Selamat




Liputan Akses kepada Elektrik




Nisbah Pendapatan Luar Bandar kepada Bandar

Nota: <sup>a</sup> GCAP telah dimulakan di tiga bandar iaitu Kota Bharu, Kuching dan Langkawi.

## Memantapkan Penyediaan Infrastruktur




Liputan Akses kepada Air Bersih dan Selamat




Liputan Akses kepada Elektrik




Membina dan Menaik Taraf Jalan Luar Bandar Berturap



Tapak Baharu untuk Pembangunan Infrastruktur Digital




Bilangan Points of Presence (PoP) untuk Ketersambungan Jalur Lebar bagi Sekolah Luar Bandar






Indeks Tempoh Gangguan Purata Sistem (SAIDI)

## Mengoptimumkan Potensi Ekonomi




Pertumbuhan Purata KDNK




Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah

## Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Sosial




Membina dan Membaiki Rumah untuk Isi Rumah Miskin di Sabah dan Sarawak

## Memperkuat Pembangunan Inklusif



Pemetaan Tanah Adat (NCR)



## Pencapaian mengikut Bidang Keutamaan



### Bidang Keutamaan A: Mengoptimumkan Potensi Ekonomi Wilayah

#### Strategi A1: Mempercepat Pembangunan Berasaskan Nod Pertumbuhan Utama dan Kawasan Titik Tumpuan

##### Mempergiat Aktiviti Ekonomi di Nod Pertumbuhan Utama dan Kawasan Titik Tumpuan

- Rangka Tindakan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) 2.0, 2021-2030 siap pada tahun 2022

#### Strategi A2: Menarik Pelaburan Berkualiti

##### Memberi Tumpuan kepada Aktiviti yang Mempunyai Nilai Ditambah yang Tinggi, Teknologi Termaju dan Berintensifkan Pengetahuan

- RM100.4 bilion pelaburan direalisasi di lima koridor ekonomi wilayah (REC) sehingga tahun 2022
  - Iskandar Malaysia (IM) - RM23.2 bilion
  - Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) - RM5.6 bilion
  - Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) - RM65.2 bilion
  - Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) - RM2.7 bilion
  - Koridor Pembangunan Sabah (SDC) - RM3.7 bilion

#### Strategi A3: Menambah Baik Ekosistem Perniagaan

##### Mempergiat Pembangunan Bakat dan Keusahawanan

- 214,888 peluang pekerjaan dan 48,973 peluang keusahawanan diwujudkan di lima REC
  - IM - 77,626 peluang pekerjaan dan 7,504 peluang keusahawanan
  - ECER - 27,413 peluang pekerjaan dan 6,238 peluang keusahawanan
  - NCER - 51,503 peluang pekerjaan dan 35,231 peluang keusahawanan
  - SCORE - 49,685 peluang pekerjaan
  - SDC - 8,661 peluang pekerjaan

#### Strategi A4: Mempertingkat Kerjasama Strategik dan Penyelarasaran

##### Memberi Keutamaan Agihan Peruntukan Pembangunan kepada Negeri Kurang Membangun

- RM28.7 bilion atau 51.3% daripada keseluruhan peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan (DE) asas diagihkan kepada enam negeri kurang membangun

#### Strategi A5: Meningkatkan Kerjasama di bawah IMT-GT dan BIMP-EAGA

##### Memperkuuh Aktiviti Ekonomi dan Rantai Nilai Rentas Sempadan

- Sembilan Projek Pelaksanaan Fizikal (PIP) di Sabah, Sarawak dan Labuan siap pada tahun 2022



## Bidang Keutamaan B: Membangunkan Bandar yang Mampan

### Strategi B1: Menggalakkan Perancangan dan Tadbir Urus Bandar yang Berkesan

|   |   |
|---|---|
| <b>Memperkuuh Perancangan Pembangunan Bandar</b>            | <ul style="list-style-type: none"><li>47 daripada 64 inisiatif dalam Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) dilaksanakan</li><li>Profil bagi 281 bandar disiapkan melalui Kajian Penentuan Sempadan Bandar</li></ul>   |
| <b>Menggalakkan Pendekatan Bandar Mampan dan Pintar</b>     | <ul style="list-style-type: none"><li>127 daripada 155 pihak berkuasa tempatan (PBT) menerima guna sistem Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia (MURNInets)</li><li>12 PBT telah membangunkan pelan tindakan bandar pintar</li></ul> |
| <b>Menambah Baik Mekanisme Penyelarasan dan Tadbir Urus</b> | <ul style="list-style-type: none"><li>Pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)<ul style="list-style-type: none"><li>Lima Pelan Hala Tuju Bandar dibangunkan</li><li>Dua Laporan Semakan Tempatan (VLR) diterbitkan</li></ul></li></ul>                     |

### Strategi B2: Mempergiat Ekonomi Bandar yang Mampan

|  |   |
|--|---|
| <b>Menggalakkan Pertumbuhan Aktiviti Ekonomi di Bandar</b> | <ul style="list-style-type: none"><li>8,479 perniagaan menerima manfaat daripada Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan</li><li>1,734 peserta menerima manfaat daripada Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar</li></ul> |
|--|---|

### Strategi B3: Mengutamakan Pembangunan Bandar Hijau dan Berdaya Tahan

|  |   |
|--|---|
| <b>Memperkuuh Pengurusan Sisa</b>        | <ul style="list-style-type: none"><li>260,360 premis terlibat dalam penguatkuasaan pengasingan sisa</li><li>5,717 kemudahan kitar semula disediakan kepada PBT, pertubuhan masyarakat sivil (CSO), perniagaan dan kilang kitar semula</li></ul>   |
| <b>Menggalakkan Mobiliti Hijau</b>       | <ul style="list-style-type: none"><li>902 stesen pengecas awam kenderaan elektrik (EV) dipasang di seluruh negara</li><li>Penggunaan aplikasi mobil <i>Planning Your Lifestyle Efficiently</i> (PULSE) bagi membantu pengguna pengangkutan awam meningkat daripada 44,520 pada tahun 2021 kepada 56,520 pada tahun 2022</li></ul> |
| <b>Mempertingkat Biodiversiti Bandar</b> | <ul style="list-style-type: none"><li>7,637.5 hektar tanah di bandar diwartakan sebagai kawasan lapang</li></ul>  |

### Strategi B4: Membangunkan Masyarakat Bandar yang Mampan

|   |  |
|---|--|
| <b>Meningkatkan Daya Huni dan Keterangkuman</b> | <ul style="list-style-type: none"><li>108,373 unit Rumah Mampu Milik (RMM) siap dibina</li></ul> |
|---|--|



## Bidang Keutamaan C: Mentransformasi Pembangunan Luar Bandar untuk Merapatkan Jurang Pembangunan

### Strategi C1: Mempercepat Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan

#### Menambah Baik Perkhidmatan Asas

- 10 kampung terlibat dalam Program Komuniti Sihat Pembina Negara
- 3,644 rumah baharu dibina dan 23,270 rumah dibaiki di bawah Program Bantuan Rumah

#### Mempertingkat Ketersambungan dan Mobiliti

- 2.6 juta penumpang di luar bandar menerima manfaat perkhidmatan bas henti-henti Majlis Amanah Rakyat
- 13,203 usahawan luar bandar menerima manfaat daripada 4,388 aktiviti di bawah Program Pemerkasaan Pusat Komuniti Desa (PKD)

### Strategi C2: Mempelbagai dan Merancakkan Aktiviti Ekonomi

#### Mengoptimumkan Guna Tanah untuk Ekonomi Luar Bandar

- 17 projek di bawah Program Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung bermula pada tahun 2021
- 2,083 projek dilaksanakan di bawah Program Pembangunan Peneroka

#### Mencergaskan Semula Industri Kotej Luar Bandar

- 153 koperasi kampung dimanfaatkan untuk mengusahakan industri kotej luar bandar
- Tiga projek ekopelancongan luar bandar dilaksanakan
  - Kompleks Pelancongan Warisan Tanjung Balau, Kota Tinggi, Johor siap pada tahun 2022
  - Kompleks Pelancongan Warisan Pulau Tanjung Surat, Kota Tinggi, Johor dan Kompleks Pelancongan Taman Herba, Tasik Kenyir, Terengganu bermula pada tahun 2021

### Strategi C3: Menambah Baik Tadbir Urus

#### Memperkemas Sistem Penyampaian

- 20,726 profil kampung direkodkan dan dikemas kini dalam Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN)



## Bidang Keutamaan D: Memantapkan Penyediaan Infrastruktur

### Strategi D1: Memperluas Penyediaan Infrastruktur

#### Menambah Baik Penyediaan Infrastruktur Asas

- Kemajuan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo
  - 92% di Sarawak
  - 74% bagi Fasa 1A di Sabah

#### Strategi D2: Meningkatkan Ketersambungan

##### Menambah Baik Perkhidmatan Udara Luar Bandar

- RM190.85 juta pada tahun 2021 dan RM182.09 juta pada tahun 2022 diperuntukkan sebagai subsidi bagi Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS)



## Bidang Keutamaan E: Mengoptimumkan Potensi Ekonomi

#### Strategi E1: Mencergaskan Semula Aktiviti Ekonomi

##### Memodenkan Sektor Pertanian

- RM39 juta dana diluluskan, memanfaatkan 75 petani di Sabah dan Sarawak

##### Menambah Baik Sektor Perkhidmatan

- Pakej pelancongan berjumlah RM4 juta terjual semasa 10 jerayawara dan pameran pelancongan antarabangsa melalui kerjasama antara pemain industri pelancongan tempatan Sabah dan Lembaga Pelancongan Sabah pada tahun 2022
- Perbadanan Produktiviti Malaysia di Sarawak telah menyiapkan kajian mengenai penambahbaikan pendaftaran perniagaan pada tahun 2022

##### Mempercepat Pertumbuhan Sektor Pembinaan

- Dua makmal ujian untuk simen dan produk konkrit siap bantuh di Sabah dan Sarawak beroperasi sejak tahun 2022
- 48 program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula di Sabah dan 98 program di Sarawak mendapat akreditasi

#### Strategi E2: Memajukan Pembangunan Luar Bandar

##### Mencergaskan Semula Aktiviti Ekonomi Luar Bandar

- 900 petani di 90 lokasi di Sabah dan 556 petani di 54 lokasi di Sarawak memanfaatkan tanah terbiar dengan melaksanakan pertanian pintar dan berkelompok

##### Menyediakan Akses untuk Perniagaan Dalam Talian

- 15 PKD di Sabah dan enam PKD di Sarawak menyediakan akses dan kemudahan untuk perniagaan dalam talian
- 118 Pusat Ekonomi Digital (PEDi) di Sabah dan 133 PEDi di Sarawak menyediakan kursus keusahawanan digital

#### Strategi E3: Mempercepat Pembangunan Bandar

##### Meningkatkan Potensi Pembangunan Bandar

- 14 daripada 48 inisiatif dalam Pelan Induk Daya Saing Bandar (CCMP) Kota Kinabalu dilaksanakan
- Tiga daripada 13 inisiatif dalam CCMP Kuching dilaksanakan

#### Meningkatkan Perkhidmatan Perbandaran

- Satu bandar di Sabah mencapai status mampan, manakala 25 bandar lain mencapai status sederhana mampan berdasarkan penilaian MURNInets

#### Strategi E4: Menggalakkan Pertumbuhan Hijau

##### Memulihara Aset Semula Jadi

- Kawasan Perlindungan Sepenuhnya dalam kawasan *Heart of Borneo*
  - Sabah: 1,459,181 hektar pada tahun 2021, daripada 551,879 hektar pada tahun 2007
  - Sarawak: 554,280 hektar pada tahun 2021, daripada 362,860 hektar pada tahun 2007



## Bidang Keutamaan F: Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Sosial

#### Strategi F1: Menambah Baik Akses kepada Pendidikan

##### Menambah Baik Akses kepada Pendidikan dan Latihan

- 88 projek pembinaan semula bangunan daif di sekolah yang dikategorikan dalam skala enam dan tujuh berdasarkan Indeks Penilaian Keadaan Bangunan Sekolah

##### Meningkatkan Jaringan Kerjasama dengan Industri

- 4,392 pelatih menyertai program Sistem Latihan Dual Nasional di Sabah dan Sarawak
- Model *Teaching Factory* diperluas kepada lima institusi TVET di Sabah dan Sarawak dengan pengkhususan dalam bidang elektrikal, mekanikal serta minyak dan gas memanfaatkan 717 pelajar

#### Strategi F2: Menambah Baik Akses kepada Rumah Mampu Milik

##### Menyediakan Lebih Banyak Rumah Mampu Milik untuk Kumpulan Sasar

- 516 unit daripada 1,300 unit Rumah Mesra Rakyat (RMR) di Sabah siap dibina
- 414 unit daripada 1,200 unit RMR di Sarawak siap dibina

#### Strategi F3: Mempertingkat Keselamatan dan Ketenteraman Awam

##### Mempertingkat Keselamatan Sempadan dan Maritim

- Pasukan bersepada dalam mengawal sempadan digerakkan di bawah Pasukan Petugas Kebangsaan
- Empat *Littoral Mission Ship*, tiga *Helicopter Operation Maritime* dan enam *Fast Interceptor Craft* mula beroperasi



## Bidang Keutamaan G: Memperkuuh Pembangunan Inklusif

### Strategi G1: Menangani Kemiskinan dan Mempelbagaikan Sumber Pendapatan

#### Mengurangkan Kemiskinan melalui Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan Asas

- 7,053 unit rumah dibina dan dibaik pulih di kawasan luar bandar dan bandar di Sabah
- 7,519 unit rumah dibina dan dibaik pulih di kawasan luar bandar dan bandar di Sarawak
- Dua projek *Passenger Landing Facilities* (PLF) di Nanga Sejiran, Kapit dan Sungai Kut, Dalat siap dibina di bawah Program Khas Bumiputera (PKB) Sarawak
- Mahkamah Anak Negeri Tambunan siap dibina di bawah Program Khas Anak Negeri (PKAN) Sabah
- 39.3 kilometer jalan ladang diturap di bawah PKB Sarawak

#### Meningkat dan Mempelbagaikan Sumber Pendapatan

- 33 hektar tanah ditanam dengan pokok durian, pisang dan nanas melibatkan 33 orang peserta di bawah PKB Sarawak

### Strategi G2: Memperkuuh Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak

#### Menambah Baik Kebolehpasaran dan Menggalakkan Keusahawanan

- 57 program latihan kemahiran dilaksana melibatkan 741 peserta di bawah PKAN Sabah
- 35 program pembangunan modal insan yang terdiri daripada 33 kursus dan dua program lawatan sambil belajar dilaksana melibatkan 1,555 peserta di bawah PKB Sarawak
- Lapan kolej komuniti di Sabah dan enam di Sarawak menawarkan 1,601 program pendidikan sepanjang hayat, memanfaatkan 29,767 pelajar



## Bidang Keutamaan H: Memperkuuh Kerjasama antara Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri

### Strategi H1: Mewujudkan Ekosistem yang Menyokong Jalinan Kerjasama

#### Mengkaji Semula Hak bagi Sabah dan Sarawak

- Tiga daripada 10 projek bekalan elektrik di bawah *Sabah Special Project Delivery Unit* siap pada tahun 2022
- Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah dan Sarawak diberi kuasa sebagai agensi teknikal untuk melaksanakan projek Persekutuan bernilai RM50 juta dan ke bawah

#### Memberi Keutamaan Peruntukan bagi Sabah dan Sarawak

- RM10.3 bilion atau 18.4% daripada keseluruhan peruntukan DE asas diagihkan kepada Sabah
- RM8.2 bilion atau 14.6% daripada keseluruhan peruntukan DE asas diagihkan kepada Sarawak

## Isu dan Cabaran


Jurang pembangunan antara wilayah dan negeri serta kawasan bandar dan luar bandar masih wujud walaupun pelbagai usaha diambil untuk menambah baik keseimbangan dan keterangkuman wilayah. Antara isu dan cabaran utama ialah pembangunan yang tidak seimbang, daya tahan bandar yang rendah, kekangan pembangunan di kawasan luar bandar dan peluang daripada kerjasama subserantau tidak dimanfaat secara berkesan. Di samping itu, cabaran dalam pembangunan di Sabah dan Sarawak terus menghalang kemajuan. Kegagalan untuk menangani isu ini akan terus melebarkan lagi jurang pembangunan antara kawasan dan menyumbang kepada ketidakseimbangan pembangunan wilayah.

### Pembangunan Wilayah yang Tidak Seimbang

- Dasar perancangan strategik spatial kebangsaan kurang dimanfaatkan dalam membangunkan kawasan pertumbuhan yang dikenal pasti
- Kekurangan pelaburan di kawasan khusus dan dalam aktiviti dengan nilai ditambah yang tinggi
- Perancangan pembangunan wilayah yang kurang terselaras dan pertindihan fungsi antara agensi Persekutuan dan negeri

### Kekangan Pembangunan di Kawasan Luar Bandar

- Infrastruktur dan kemudahan asas di luar bandar yang tidak mencukupi
- Akses kepada perkhidmatan asas kerajaan dan sektor swasta yang terhad
- Kurang peluang sosioekonomi
- Kurang penglibatan masyarakat dalam penyenggaraan infrastruktur luar bandar
- Latihan untuk kepimpinan akar umbi yang kurang berkualiti
- Potensi tanah terbiar yang belum diterokai



### Daya Tahan Bandar yang Rendah

- Cabaran dalam menangani perubahan iklim
  - Penerimangunaan amalan hijau yang rendah
  - Perancangan dan tadbir urus bandar yang kurang cekap
  - Pembangunan bandar pintar yang perlahan
- Cabaran dalam meningkatkan kesejahteraan komuniti bandar
  - Kos sara hidup dan miskin bandar yang meningkat
  - Kurang akses kepada rumah mampu milik
  - Pengangkutan awam yang kurang cekap

## Peluang daripada Kerjasama Subserantau Tidak Dimanfaat secara Berkesan

- Kerjasama subserantau
  - Kebolehcapaian infrastruktur dan ketersambungan yang tidak mencukupi
  - Kerjasama dan penyelarasan dalam kalangan pihak berkepentingan masih kurang
- Pembangunan di kawasan sempadan
  - Pembangunan di kawasan sempadan yang kurang terselaras
  - Pembangunan sosioekonomi di kawasan sempadan yang perlahan
- Aspek keselamatan
  - Aset dan anggota keselamatan yang terhad untuk mengawal kawasan sempadan
  - Peningkatan risiko daripada aktiviti yang menyalahi undang-undang dan pencerobohan sempadan

## Cabaran Pembangunan di Sabah dan Sarawak

- Kekurangan infrastruktur asas dan ketersambungan
- Infrastruktur digital yang tidak mencukupi
- Pertumbuhan ekonomi yang perlahan
  - Cabaran dalam pengukuran dan pemetaan tanah adat (NCR)
  - Kekurangan pelaburan berkualiti
  - Kurang promosi aktiviti pelancongan
  - Kurang aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dalam industri gas
  - Kurang penerimangunaan teknologi dalam amalan pertanian
- Kebergantungan yang tinggi kepada bahan api fosil dan campuran tenaga yang kurang seimbang
- Cabaran dalam mempercepat inisiatif pertumbuhan hijau
- Cabaran dalam penyediaan pendidikan yang berkualiti
  - Peningkatan bilangan sekolah daif
  - Kekurangan kemudahan pembelajaran bagi kanak-kanak berkeperluan khas
  - Kurang kemahiran guru dalam pengajaran dan pembelajaran
  - Peningkatan bilangan murid cicir di kawasan pedalaman
- Akses yang terhad kepada perumahan mampu milik dan perkhidmatan penjagaan kesihatan
- Penyampaian perkhidmatan awam yang kurang cekap
  - Caj dan fi yang berbeza untuk pembinaan infrastruktur telekomunikasi oleh agensi dan PBT
  - Permit dan kelulusan tapak lewat diperoleh daripada kerajaan negeri dan agensi, PBT serta syarikat berkaitan kerajaan negeri
  - Pembangunan industri gas yang tidak terselaras



## Hala Tuju, 2023-2025

Dalam tempoh akhir RMKe-12, tumpuan akan terus diberikan kepada keseimbangan dan keterangkuman wilayah untuk pengagihan faedah sosioekonomi yang lebih meluas. Ini akan dilaksana dengan mempertingkatkan potensi ekonomi wilayah, mempercepat pembangunan bandar mampan, mempergiat pembangunan luar bandar, mengoptimumkan peluang daripada kerjasama subserantau dan mempergiat pembangunan di Sabah dan Sarawak. Langkah ini akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik di semua wilayah dan meningkatkan kesejahteraan rakyat di kawasan luar bandar dan bandar.



### Bidang Fokus A: Mempertingkatkan Potensi Ekonomi Wilayah

#### Strategi A1:

Mempergiat Pembangunan Wilayah di Kawasan Pertumbuhan yang Berpotensi

#### Strategi A2:

Manfaatkan Kerjasama Agensi Persekutuan dan Negeri



### Bidang Fokus B: Mempercepat Pembangunan Bandar Mampan

#### Strategi B1:

Memperkuuh Pembangunan ke arah Bandar Berdaya Tahan

#### Strategi B2:

Menggalakkan Kesejahteraan Masyarakat Bandar



### Bidang Fokus C: Mempergiat Pembangunan Luar Bandar

#### Strategi C1:

Memperluas Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan

#### Strategi C2:

Manfaatkan Potensi Ekonomi Luar Bandar

#### Strategi C3:

Memperkuuh Tadbir Urus



### Bidang Fokus D: Mengoptimumkan Peluang daripada Kerjasama Subserantau

#### Strategi D1:

Manfaatkan Kerjasama di bawah IMT-GT, BIMP-EAGA dan JMCIM

#### Strategi D2:

Mempercepat Pembangunan Sempadan



### Bidang Fokus E: Mempergiat Pembangunan di Sabah dan Sarawak

#### Strategi E1:

Mempertingkatkan Penyediaan Infrastruktur

#### Strategi E2:

Mengoptimumkan Potensi Ekonomi

#### Strategi E3:


Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

#### Strategi E4:

Memperkuuh Pendekatan Keseluruhan Kerajaan

## Sasaran Terpilih, 2021-2025

### Mempertingkatkan Potensi Ekonomi Wilayah




## Mempercepat Pembangunan Bandar Mampan




## Mempergiat Pembangunan Luar Bandar



## Mempergiat Pembangunan di Sabah dan Sarawak



## Mempergiat Pembangunan di Sabah dan Sarawak



## Bidang Fokus A: Mempertingkatkan Potensi Ekonomi Wilayah

Usaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan antara dan dalam wilayah akan terus diberi keutamaan dengan merangsang potensi ekonomi wilayah. Langkah akan dilaksana untuk mempertingkatkan pembangunan wilayah di kawasan pertumbuhan yang berpotensi dan memanfaatkan kerjasama antara agensi Persekutuan dan negeri. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberi dalam mempercepat pembangunan strategik di kawasan pertumbuhan dan menarik pelaburan berkualiti untuk melonjakkan pertumbuhan wilayah dalam tempoh akhir RMKe-12.

### Strategi A1

**Mempergiat Pembangunan Wilayah di Kawasan Pertumbuhan yang Berpotensi**

### Strategi A2

**Memanfaatkan Kerjasama Agensi Persekutuan dan Negeri**

## Strategi A1: Mempergiat Pembangunan Wilayah di Kawasan Pertumbuhan yang Berpotensi

### Mempertingkatkan Pembangunan di Kawasan Pertumbuhan yang Dikenal Pasti

Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) akan dimanfaatkan bagi melonjakkan pembangunan di kawasan pertumbuhan yang dikenal pasti. Dalam hubungan ini, ekosistem perniagaan akan terus ditambah baik untuk mempermudah urusan menjalankan perniagaan dan menarik pelaburan berkualiti. Selain itu, program pembangunan bakat akan dipergiat untuk mengekalkan tenaga mahir bagi mengelakkan migrasi. Langkah ini akan menggalakkan aktiviti ekonomi yang menyumbang kepada pembangunan wilayah yang lebih seimbang.

### Menarik Pelaburan di Kawasan Khusus

Agensi pembangunan wilayah pada peringkat Persekutuan dan negeri akan digalakkan untuk menyelaras keutamaan pembangunan dengan memanfaatkan kekuatan, keunikan dan ketersediaan sumber di setiap wilayah. Usaha akan terus dilaksana untuk menggalakkan penggunaan teknologi termaju dalam aktiviti huluan dan hiliran. Dalam hubungan ini, projek berimpak tinggi di wilayah utara iaitu Kawasan Perindustrian Lembah Chuping, akan menumpukan kepada empat kluster utama merangkumi pembuatan hijau, industri halal, penjanaan tenaga boleh baharu dan automotif. Selain itu, Taman Perindustrian Tok Bali, iaitu satu lagi projek berimpak tinggi di wilayah timur akan menumpukan kepada aktiviti hiliran dalam industri pembuatan serta minyak dan gas. Pakej insentif juga akan ditambah baik bagi menarik pelaburan, khususnya di kawasan kurang membangun. Di samping itu, zon khas kewangan akan diwujudkan di Iskandar Malaysia bagi menarik pelabur asing dan pekerja berkemahiran untuk menetap di Malaysia. Inisiatif ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan keusahawanan, seterusnya memperkuuh pembangunan sosioekonomi di wilayah berkenaan.

## Strategi A2: Memanfaatkan Kerjasama Agensi Persekutuan dan Negeri

### Memperkuuh Kerjasama dan Kolaborasi

Kerjasama antara agensi Persekutuan dan negeri akan terus diperkuuh bagi menangani pembangunan yang kurang terselaras. Dalam hubungan ini, pihak berkuasa koridor akan terus memainkan peranan penting dalam mempercepat pelaburan di wilayah. Ini termasuk memudah cara kelulusan pembangunan merentas pelbagai agensi serta menyelesaikan isu tanah dan hal lain yang berkaitan bagi memastikan pelaburan komited direalisasikan. Di samping itu, fungsi agensi utama yang bertindih pada peringkat Persekutuan dan negeri akan diajarkan bagi perancangan pembangunan dan penyelarasannya yang lebih baik. Pelaksanaan inisiatif ini akan menyumbang kepada kerjasama dan kolaborasi yang lebih kukuh antara agensi Persekutuan dan negeri.

## Mengutamakan Pembangunan di Negeri Kurang Membangun

Usaha untuk merapatkan jurang pembangunan di negeri kurang membangun akan diteruskan bagi memastikan pembangunan sosioekonomi yang lebih saksama. Pembangunan perindustrian mengikut geografi akan digalakkan bagi mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah. Dalam hubungan ini, keutamaan akan terus diberi dengan menyediakan sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah DE asas kepada negeri kurang membangun, terutama negeri Kelantan dan Terengganu. Aktiviti ekonomi rentas sempadan akan dipergiat bagi menggalakkan pembangunan di negeri berkenaan.



## Bidang Fokus B: Mempercepat Pembangunan Bandar Mampan

Usaha akan diambil untuk menangani kesan daripada kadar perbandaran yang pesat dan perubahan iklim ke atas bandar bagi mempercepat pembangunan bandar mampan. Dalam tempoh akhir RMKe-12, penekanan akan diberi untuk memperkuuh pembangunan ke arah bandar yang berdaya tahan dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat bandar. Langkah ini akan menyumbang ke arah kualiti hidup yang lebih baik di bandar sejajar dengan matlamat Agenda 2030.

### Strategi B1

Memperkuuh Pembangunan ke arah Bandar Berdaya Tahan

### Strategi B2

Menggalakkan Kesejahteraan Masyarakat Bandar

### Strategi B1: Memperkuuh Pembangunan ke arah Bandar Berdaya Tahan

#### Menyediakan Persekutaran yang Menyokong Daya Tahan

Penerimaan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) akan diberi penekanan untuk menangani kawasan bandar yang sering dilanda banjir. Dalam hubungan ini, perancangan guna tanah dalam rancangan struktur negeri dan rancangan tempatan akan dijadarkan dengan PISMA untuk menambah baik sistem perparitan di kawasan bandar bagi mengurangkan kejadian banjir besar. Selain itu, kerajaan negeri dan PBT berkaitan akan digalakkan untuk menggunakan Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara 2 bagi memastikan kawasan pantai dilindungi dan diurus dengan lebih baik. Usaha bagi mempergiat amalan hijau di bandar akan terus ditumpukan kepada penguatkuasaan yang lebih baik terhadap pengasingan sisa di punca dan menggalakkan inisiatif pengurangan, guna semula dan kitar semula (3R).

#### Meningkatkan Pelaksanaan Pembangunan Rendah Karbon

Pelaksanaan pembangunan rendah karbon dalam kalangan PBT akan digalakkan bagi mengurangkan pelepasan gas rumah kaca. Usaha akan diambil untuk meningkatkan penerimaan Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon dan menambah baik keupayaan PBT bagi menggalakkan



kecekapan tenaga. Kerjasama strategik dan penyelarasan dalam kalangan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, PBT, sektor swasta dan CSO akan diperkuuh dalam menerajui agenda rendah karbon untuk mengurangkan kesan perubahan iklim.

## Menambah Baik Perancangan Bandar dan Kecekapan Tadbir Urus

Dasar perbandaran negara ketiga akan dirangka sebagai dasar perancangan bandar yang menyeluruh. Dasar ini mengambil kira kesan perubahan iklim, pandemik COVID-19 dan keperluan penduduk bandar yang semakin meningkat serta landskap perniagaan yang berkembang di kawasan bandar. Dasar ini akan digunakan oleh PBT sebagai panduan untuk mengenal pasti potensi baharu bandar. Di samping itu, Kajian Penambahbaikan Penyediaan Rancangan Pemajuan akan menambah baik penggubalan rancangan pemajuan bagi tujuan perancangan bandar yang lebih baik dan dinamik. Selain itu, pelaksanaan fasa pertama sistem *Malaysia Urban Observatory* akan menyediakan pangkalan data yang menyeluruh untuk perancangan bandar. Sistem ini akan membantu PBT dalam merancang, memantau dan mentadbir bandar.

## Menggalakkan Pembangunan Bandar Pintar

Langkah akan diambil untuk mempercepat penarafan bandar pintar berdasarkan piawaian Bandar dan Komuniti yang Mampan-Indikator Bandar Pintar (MS ISO 37122:2019). Usaha ini akan membolehkan PBT untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan menarik lebih banyak pelaburan. Dalam tempoh akhir RMKe-12, sekurang-kurangnya lima bandar disasarkan untuk diiktiraf sebagai pelaksana awal bandar pintar.

## Meningkatkan Biodiversiti Bandar

Usaha bagi menambah baik biodiversiti bandar akan diteruskan untuk menyokong pertumbuhan hijau. Kawasan rekreasi dan landskap bandar dalam pembangunan kawasan bandar baharu akan dipulihkan dan diberi nafas baharu untuk meningkatkan imej bandar dan daya huni. Di samping itu, program pertanian bandar berdasarkan komuniti akan digalakkan untuk menyokong keterjaminan makanan selain dapat mengurangkan jejak karbon. Pelaksanaan langkah ini akan menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup di kawasan bandar.

## Strategi B2: Menggalakkan Kesejahteraan Masyarakat Bandar

### Mempergiat Usaha Menangani Miskin Bandar

Usaha akan diambil untuk menangani insiden kemiskinan di kawasan bandar. Pelaksanaan Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang juga melibatkan isi rumah miskin tegar, miskin dan berpendapatan rendah di kawasan bandar akan ditumpukan kepada usaha memperkasakan golongan ini bagi meningkatkan keupayaan menjana pendapatan yang mampan. Usaha juga akan diambil untuk membangunkan usahawan dan menyediakan latihan kemahiran. Langkah ini akan meningkatkan kesejahteraan masyarakat bandar.

### Menambah Baik Akses kepada Perumahan Mampu Milik dan Pengangkutan

Pelaksanaan Program RMR, Residensi Wilayah dan PPR akan dipercepat untuk meningkatkan penawaran perumahan mampu milik. Kerjasama dengan institusi kewangan akan diteruskan bagi menyediakan pakej pembiayaan perumahan yang menarik dan mampan. Selain itu, pembangunan berorientasikan transit yang lebih banyak dan penyediaan pengangkutan awam yang cekap akan menambah baik akses kepada pengangkutan di bandar utama.

### Mempercepat Kemampanan Bandar

Penerimangunaan sistem MURNInets oleh PBT di Sabah dan Sarawak akan dipercepat untuk menggalakkan bandar yang mampan. Usaha penyesuaian SDG dengan keperluan setempat akan diberi penekanan untuk menggalakkan elemen kemampanan dalam pembangunan bandar. Dalam hubungan ini, lebih banyak PBT akan dibantu dalam penyediaan VLR berkaitan SDG untuk menunjukkan pencapaian dalam merealisasikan agenda pembangunan mampan.

## Bidang Fokus C: Mempergiat Pembangunan Luar Bandar

Usaha merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar adalah penting bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih saksama dan mampan. Dalam hubungan ini, langkah akan diambil untuk memperluas penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan, memanfaatkan potensi ekonomi luar bandar dan memperkuuh tadbir urus. Strategi ini akan menyumbang kepada pengurangan jurang pendapatan luar bandar dan bandar daripada 0.57:1 pada tahun 2022 kepada 0.67:1 pada tahun 2025.

### Strategi C1

Memperluas Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan

### Strategi C2

Memanfaatkan Potensi Ekonomi Luar Bandar

### Strategi C3

Memperkuuh Tadbir Urus



### Strategi C1: Memperluas Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan

#### Meningkatkan Penyediaan Infrastruktur Luar Bandar

Inisiatif sedia ada untuk memperluas penyediaan infrastruktur seperti jalan, serta bekalan elektrik dan air, termasuk melalui sistem alternatif seperti solar hibrid, telaga tiub dan penuaian air hujan, akan terus dilaksanakan. Dalam hubungan ini, baki 1,625 kilometer jalan akan dibina dan dinaik taraf. Selain itu, liputan akses kepada bekalan air akan diperluas untuk mencapai sasaran 98% dan bekalan elektrik 99%. Budaya penyelenggaraan akan dipupuk dalam kalangan komuniti untuk memastikan kemampuan infrastruktur luar bandar dalam jangka masa panjang, antara lain dengan menyediakan kursus bagi meningkatkan kemahiran yang diperlukan. Kerjasama antara CSO, sektor swasta, institusi pendidikan tinggi, dan komuniti luar bandar akan terus dipupuk. Di samping itu, portal akan dibangunkan untuk membolehkan aduan mengenai infrastruktur yang rosak dan usang dibuat secara dalam talian.

#### Menambah Baik Pengurusan Sisa

Program pengurusan sisa pepejal dan sanitasi berdasarkan komuniti di luar bandar akan dilaksana melalui kerjasama dengan CSO dan sektor swasta. Di samping itu, aktiviti kitar semula akan digalakkan dalam kalangan penduduk luar bandar bagi meningkatkan kesedaran terhadap alam sekitar. Usaha ini bertujuan untuk memperkasakan masyarakat luar bandar bagi menambah baik pengurusan sisa dan memastikan pemeliharaan alam sekitar.

#### Meningkatkan Ketersambungan dan Mobiliti

Akses kepada internet akan ditambah baik untuk mempertingkatkan ketersambungan di kawasan luar bandar. Dalam hubungan ini, liputan jalur lebar di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) akan diperluas bagi memastikan sasaran 100% liputan internet di kawasan berpenduduk pada tahun 2025 tercapai. Usaha akan turut dilaksana untuk merancakkan semula perkhidmatan pengangkutan awam yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

## Strategi C2: Memanfaatkan Potensi Ekonomi Luar Bandar

### Memaksimumkan Penggunaan Tanah untuk Ekonomi Luar Bandar

Aktiviti pertanian moden berdasarkan komuniti akan ditingkatkan untuk mengoptimumkan penggunaan tanah terbiar. Dalam hubungan ini, tanah terbiar yang bersesuaian di kawasan luar bandar akan dikenal pasti dan dimanfaatkan untuk aktiviti pertanian di bawah Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) yang merupakan salah satu komponen di bawah program IPR. Bantuan akan disediakan untuk kos infrastruktur, input pertanian, latihan dan khidmat nasihat teknikal. Inisiatif ini akan dilaksana melalui kerjasama dengan entiti yang membeli secara kontrak dan mempunyai reputasi baik.

Usaha untuk meningkatkan pendapatan petani luar bandar akan dipergiat melalui program aktiviti pertanian tambahan. Dalam hubungan ini, input pertanian seperti benih dan baja serta khidmat nasihat akan disediakan bagi menyokong petani menceburি aktiviti pertanian tambahan. Aktiviti pertanian berskala besar dan bernilai tinggi seperti penanaman durian, avokado dan nanas akan juga digalakkan.

Premis perniagaan seperti rumah kedai, medan selera dan kios akan dibina dan dinaik taraf untuk usahawan luar bandar. Selain itu, inkubator untuk syarikat pemula akan disediakan dengan ekosistem sokongan, termasuk pemandoran, kemudahan penyelidikan dan pembangunan serta peralatan perniagaan yang dikongsi bersama. Langkah ini akan mewujudkan peluang pekerjaan dan memupuk keusahawanan, seterusnya memanfaatkan potensi ekonomi luar bandar.

Landscape semula jadi dan biodiversiti serta warisan budaya dan cara hidup tradisional di kawasan luar bandar akan dipelihara untuk menggalakkan pelancongan luar bandar. Oleh itu, produk pelancongan luar bandar akan ditambah baik dengan memanfaatkan ketersediaan tanah, khazanah semula jadi yang berhampiran dan warisan luar bandar. Pelaksanaan inisiatif ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan komuniti luar bandar.

### Memperkuuh Industri Kotek Luar Bandar

Usaha akan diambil untuk terus memanfaatkan PKD sebagai hab untuk mempromosi dan memasarkan produk kotek luar bandar. Ekonomi digital akan dimanfaatkan untuk mempromosi produk kotek luar bandar bagi akses pasaran yang lebih baik. Selain itu, program keusahawanan kotek luar bandar akan dipertingkat melalui penambahbaikan kontrak perjanjian dan pengenaan yuran penyertaan yang minimum untuk memupuk akauntabiliti, tanggungjawab dan komitmen usahawan. Di samping itu, program pembangunan kapasiti, termasuk kemahiran digital akan dipertingkat untuk usahawan luar bandar bagi memperluas akses pasaran pada peringkat domestik dan antarabangsa.

Ekosistem keusahawanan luar bandar akan ditambah baik bagi meningkatkan kapasiti perniagaan di kawasan luar bandar. Dalam hubungan ini, latihan kemahiran, program pembangunan perniagaan, kemudahan pembiayaan dan perkhidmatan sokongan perniagaan akan terus ditambah baik. Selain itu, usaha akan dipergiat untuk membangunkan usahawan luar bandar melalui pelbagai inisiatif dan program selaras dengan keperluan industri setempat.

Pemasaran produk berdasarkan pertanian akan diperkuuh manakala program bantuan kewangan, kredit mikro dan pinjaman untuk aktiviti pertanian akan ditambah baik. Selain itu, aktiviti pertanian melalui kerjasama dengan sektor swasta akan digalakkan untuk mencapai ekonomi bidangan. Usaha ini akan meningkatkan ekonomi luar bandar dan menjana pendapatan komuniti luar bandar yang lebih tinggi.

## Strategi C3: Memperkuuh Tadbir Urus

### Mempertingkatkan Latihan untuk Kepimpinan Luar Bandar

Kursus latihan kepimpinan untuk pemimpin luar bandar pada peringkat akar umbi akan ditambah baik melalui penandaarasan dengan program kepimpinan lain yang diiktiraf untuk kandungan latihan yang lebih baik. Kursus digital juga akan ditawarkan untuk menambah baik kualiti kepimpinan pada peringkat akar umbi. Di samping itu, penggunaan premis kerajaan akan dioptimumkan sebagai pusat pembelajaran untuk kursus kepimpinan luar bandar.

## Meningkatkan Sistem Penyampaian Luar Bandar

SPKPN akan dinaik taraf dan diintegrasikan dengan Sistem Ciri-ciri Spatial Desa Malaysia (S-CHARMs) untuk menjadi sistem yang lebih mesra pengguna. Pengintegrasian ini akan merangkumkan pangkalan data maklumat geografi serta keupayaan menganalisa maklumat spatial kampung dan kemudahan awam. Usaha ini akan menyediakan pangkalan data yang lebih interaktif dan berpusat bagi perancangan pembangunan luar bandar yang lebih baik.

PKD Mobile akan diperkenalkan bagi memperluas perkhidmatan sedia ada yang ditawarkan di PKD, terutama di kawasan terpencil. Antara kemudahan yang disediakan termasuk kaunter bergerak untuk perkhidmatan kerajaan, seperti pembaharuan cukai jalan kenderaan, pengeluaran sijil kelahiran dan permohonan kad pengenalan. Selain itu, perkhidmatan sektor swasta pula termasuk perkhidmatan perbankan, kurier dan pos. Inisiatif ini adalah untuk memastikan penduduk luar bandar mendapat akses yang lebih baik kepada pelbagai perkhidmatan.

## Bidang Fokus D: Mengoptimumkan Peluang daripada Kerjasama Subserantau

Kerjasama subserantau melalui platform *Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle* (IMT-GT), *Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area* (BIMP-EAGA) dan *Malaysia-Singapore Joint Ministerial Committee for Iskandar Malaysia* (JMCIM) akan dimanfaatkan untuk mengoptimumkan peluang pembangunan di kawasan sempadan. Selain itu, pembangunan di kawasan sempadan yang berpotensi akan dipercepat dengan meningkatkan pembangunan sosioekonomi serta keselamatan dan ketenteraman awam. Langkah ini akan menarik pelaburan yang berkualiti dan menyumbang kepada pembangunan wilayah yang inklusif.

**Strategi D1**

**Manfaatkan Kerjasama di bawah IMT-GT,  
BIMP-EAGA dan JMCIM**

**Strategi D2**

**Mempercepat Pembangunan Sempadan**



### Strategi D1: Manfaatkan Kerjasama di Bawah IMT-GT, BIMP-EAGA dan JMCIM

#### Mengoptimumkan Kerjasama Subserantau

Kerjasama subserantau akan dioptimumkan untuk mempercepat pembangunan ekonomi, memulihara alam sekitar dan menggalakkan pertukaran budaya. Dalam hubungan ini, kerjasama dan kolaborasi dalam kalangan pihak berkepentingan tempatan akan dipergiat untuk mencapai objektif bersama dan ekonomi bidangan. Inisiatif secara kolaborasi ini akan mengatasi halangan dan memudah cara rundingan yang lebih baik dalam menarik pelaburan.

Tumpuan akan diberi untuk membangunkan dan meningkatkan infrastruktur dalam kawasan subserantau, termasuk rangkaian pengangkutan, grid elektrik, fasiliti telekomunikasi dan pusat pemeriksaan sempadan. Penekanan juga akan diberi untuk memperkemas fasilitasi perdagangan dan pelaburan serta mengurangkan halangan perdagangan. Di samping itu, pembangunan modal insan akan dipergiat.

## Strategi D2: Mempercepat Pembangunan Sempadan

### Meningkatkan Potensi Pembangunan Sosioekonomi di Kawasan Sempadan

Pelbagai langkah akan diambil untuk mempercepat pembangunan kawasan bersempadan dengan Thailand dan Kalimantan, Indonesia. Langkah ini merangkumi penyediaan infrastruktur asas, peningkatan kemudahan keselamatan dan pembangunan bandar sempadan bagi mengoptimumkan aktiviti ekonomi rentas sempadan. Dalam hubungan ini, Kajian Sempadan Antarabangsa Malaysia-Thailand dan Kajian Pembangunan Ekonomi di Sempadan Sabah serta pelan induk pembangunan Sarawak sedia ada akan menjadi asas kepada perancangan pembangunan sempadan yang menyeluruh di kawasan sempadan berkaitan.

### Mempertingkatkan Keselamatan dan Ketenteraman Awam

Usaha berterusan akan dilaksana dalam mempertingkatkan keselamatan sempadan untuk mewujudkan persekitaran sempadan yang selamat, terutama di kawasan mudah dibolosi di Sabah dan Sarawak. Dalam hubungan ini, lebih banyak pos keselamatan akan dibina, manakala kekerapan rondaan dan pemantauan akan dipertingkatkan untuk memperkuuh kawalan sempadan. Menara radar penderiaan jauh di Sabah akan dinaik taraf manakala fasiliti baharu akan dibina di Sarawak untuk menangani potensi ancaman. Selain itu, kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan di pintu masuk terpilih akan dibina dan dinaik taraf untuk memastikan penguatkuasaan yang berkesan di sempadan.

## Bidang Fokus E: Mempergiat Pembangunan di Sabah dan Sarawak

Pembangunan di Sabah dan Sarawak akan terus menjadi keutamaan untuk mencapai pembangunan wilayah yang lebih seimbang. Usaha akan dipergiat bagi meningkatkan pembangunan sosioekonomi di kedua-dua negeri tersebut. Tumpuan yang lebih akan diberi untuk mempertingkatkan penyediaan infrastruktur, mengoptimumkan potensi ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat, dan memperkuuh pendekatan keseluruhan kerajaan. Selain itu, peluang pertumbuhan untuk Sabah dan Sarawak akan berasaskan kepada ekonomi hijau. Usaha ini akan menggalakkan pembangunan inklusif dan meningkatkan kesejahteraan rakyat di Sabah dan Sarawak.

Strategi E1

Mempertingkatkan Penyediaan Infrastruktur

Strategi E2

Mengoptimumkan Potensi Ekonomi

Strategi E3

Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

Strategi E4

Memperkuuh Pendekatan Keseluruhan Kerajaan



### Strategi E1: Mempertingkatkan Penyediaan Infrastruktur

#### Menambah Baik Penyediaan Infrastruktur Asas

Pembangunan infrastruktur jalan di Sabah dan Sarawak akan ditumpukan kepada menghubungkan jalan utama kepada kawasan yang kurang mendapat liputan. Dalam hubungan ini, pembinaan jajaran baharu dan naik taraf jalan sedia ada, terutama di kawasan bandar akan dilaksanakan sejajar dengan Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya Sabah dan Sarawak 2040. Di samping itu, pembinaan dan naik taraf jalan luar bandar akan diteruskan untuk menambah baik ketersambungan.

Bekalan elektrik luar bandar akan diperluas sebagai pelengkap kepada sistem grid elektrik negeri. Sistem alternatif seperti solar hibrid, solar fotovoltan dan hidro kecil akan dipertingkatkan di kawasan pedalaman. Selain itu, bekalan elektrik ke grid Sabah akan terus diperkuuh melalui sambung tara dengan grid Sarawak yang dijadualkan pada tahun 2024.

Bagi memastikan keterjaminan bekalan air, kapasiti sumber akan dipertingkatkan dengan mengoptimum teknologi dalam meneroka sumber alternatif seperti air bawah tanah, tasik dan air hujan. Selain itu, usaha bagi menambah baik bekalan air di kawasan luar bandar akan dipergiat, termasuk penyediaan sumber alternatif untuk liputan yang lebih luas. Langkah ini akan memastikan bekalan air mencukupi dan menambah baik liputan air bersih dan selamat.

Pembinaan dan naik taraf lapangan terbang serta padang terbang akan diberi keutamaan berdasarkan keselamatan, sekuriti dan keselesaan penumpang. Dalam hubungan ini, padang terbang Bario akan dinaik taraf melalui pemanjangan landasan untuk pesawat berlepas dan mendarat dengan muatan penumpang yang maksimum. Pembesaran lapangan terbang dan padang terbang di Sabah dan Sarawak akan memastikan pematuhan keselamatan oleh syarikat penerbangan dan penyediaan kemudahan yang mencukupi, sejajar dengan Pelan Strategik Lapangan Terbang Kebangsaan.

Infrastruktur digital akan terus disediakan di lokasi yang masih belum mendapat liputan di Sabah dan Sarawak di bawah JENDELA. Pembinaan infrastruktur telekomunikasi akan dipercepat dengan mengutamakan pembinaan di atas tanah atau bangunan milik kerajaan. Usaha berterusan dalam menyediakan *Points of Presence* di kawasan sekitar sekolah akan dilaksana bagi meningkatkan ketersambungan jalur lebar.

## Strategi E2: Mengoptimumkan Potensi Ekonomi

### Mempercepat Pembangunan Tanah Adat

Pembangunan tanah NCR berdasarkan pendekatan pembangunan tanah secara bersepadu akan terus diperkuuh melalui kerjasama antara agensi Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak swasta. Di samping itu, pengukuran dan pemetaan tanah NCR akan dipercepat bagi memudahkan kerajaan negeri dalam pewartaan dan pemberian hak milik tanah. Inisiatif ini akan membolehkan tanah NCR dibangunkan dan lebih banyak peluang penjanaan pendapatan diwujudkan untuk Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak.

### Melonjakkan Industri Aeroangkasa

Usaha untuk menggalakkan aktiviti penerbangan yang mampan di Sarawak akan ditumpu kepada penghasilan bahan api penerbangan mampan (SAF) daripada alga. Kerjasama dengan pelbagai pihak akan dijalin untuk mempercepat pembangunan teknologi penghasilan alga dan integrasi ekosistem SAF di Sarawak. Selain itu, pembangunan industri aeroangkasa di Sabah akan terus ditumpukan kepada meningkatkan aktiviti penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih serta menambah baik latihan kemahiran di pusat kecemerlangan aeroangkasa.

### Menggalakkan Kawasan Perindustrian Berteknologi Tinggi dan Mampan

Ekosistem pelaburan yang lebih kondusif akan diwujudkan, termasuk membangunkan kawasan perindustrian baharu dan mengoptimumkan kawasan perindustrian sedia ada bagi meningkatkan daya saing dan menarik pelabur. Tumpuan akan diberi kepada pembukaan kawasan perindustrian berteknologi tinggi baharu di Kimanis dan Kota Belud, Sabah, serta menaik taraf Taman Teknologi Tinggi Samajaya di Kuching, Sarawak bagi menarik pelaburan bernilai tinggi dan menerima guna amalan mampan. Ketiga-tiga kawasan perindustrian ini telah dikenal pasti sebagai projek berimpak tinggi bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi di Sabah dan Sarawak.

### Merancakkan Aktiviti Ekonomi di Koridor Ekonomi Wilayah

Pelaksanaan Pelan Rangka Tindakan SDC 2.0 akan memberi penekanan kepada pembangunan ekosistem yang lebih mesra perniagaan bagi memudah cara keperluan pelabur di Sabah. Tumpuan juga akan diberi untuk mempergiat pelaksanaan aktiviti utama yang dikenal pasti, iaitu pelancongan, pertanian, pembuatan dan perkhidmatan logistik. Selain itu, usaha akan diteruskan untuk manfaatkan kekayaan sumber semula jadi bagi menarik pelaburan berkualiti di kawasan SCORE, terutama dalam industri berintensifkan tenaga. Langkah akan diambil untuk menambah baik penyediaan infrastruktur asas dan mempermudah urusan menjalankan perniagaan bagi memperluas aktiviti industri dan ekonomi di kawasan SCORE. Dalam hubungan ini, pembangunan Taman Perindustrian Samalaju merupakan satu daripada projek berimpak tinggi yang dikenal pasti untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi di Sarawak. Projek ini akan menumpukan kepada industri berat berintensifkan tenaga, seperti besi, aluminium, kaca serta minyak dan gas.

## Merancakkan Semula Industri Pelancongan

Aktiviti promosi yang terselaras akan dipergiat untuk menarik pelancong asing dan domestik untuk melawat Sabah dan Sarawak, dengan memanfaatkan kepelbagaiannya alam sekitar, budaya dan warisan. Di samping itu, usaha akan dipergiat bagi mewujudkan semula laluan terus dan meningkatkan ketersambungan penerbangan antarabangsa ke lapangan terbang utama di Sabah dan Sarawak. Ini bertujuan untuk meningkatkan laluan dan kapasiti tempat duduk seperti sebelum pandemik. Laluan dan pasaran baharu akan terus diwujudkan untuk meningkatkan ketibaan pelancong.

## Mempercepat Penggunaan Tenaga Boleh Baharu

Usaha akan ditumpukan kepada mempercepat peralihan tenaga dan meningkatkan sumbangan tenaga boleh baharu di Sabah dan Sarawak. Dalam hubungan ini, pembangunan solar berskala besar, hidroelektrik berskala kecil dan biotenaga akan diperkuuh, manakala penggunaan solar berskala besar dan sistem penstoran tenaga bateri akan dipergiat di Sabah. Selain itu, loji hidrogen dan hidroelektrik berskala besar akan dibangunkan di Sarawak untuk pasaran tempatan dan eksport. Usaha ini akan menyokong pencapaian aspirasi pelepasan gas rumah kaca bersih sifar seawal tahun 2050.

## Mengoptimumkan Sumber Gas Asli

Sumber gas asli akan dioptimumkan melalui pelaksanaan strategi yang digariskan dalam Pelan Induk Gas Sabah dan Pelan Hala Tuju Gas Sarawak. Strategi di bawah Pelan Induk Gas Sabah termasuk menjana hasil daripada sumber gas untuk meningkatkan pelaburan dalam pengeluaran derivatif petrokimia dan menyokong pertumbuhan permintaan gas daripada segmen industri dan komersial. Pelan Hala Tuju Gas Sarawak pula akan memberi penekanan untuk meningkatkan pertumbuhan industri petrokimia dan meneroka lapangan gas baharu melalui kerjasama antara PETRONAS dan Petroleum Sarawak Berhad.

## Mempercepat Pertumbuhan Hijau

Langkah akan diambil untuk mempercepat pelaksanaan inisiatif pertumbuhan hijau di Sabah dan Sarawak. Dalam hubungan ini, pelaksanaan perolehan hijau kerajaan sedia ada bagi bekalan dan perkhidmatan akan diperluas kepada sektor pembinaan untuk memperkuuh pasaran hijau. Selain itu, pelaksanaan inisiatif pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) akan menjadi sumber baharu dalam pertumbuhan ekonomi dan

menjana pelaburan bernilai tinggi. Pelaksanaan inisiatif ini memerlukan penggubalan rangka kerja kawal selia dalam mengurus CCUS secara holistik dan menyelaras pelaksanaan pada peringkat negeri. Di samping itu, pembangunan industri tempatan dalam teknologi hijau, seperti pengeluaran hidrogen dan biotenaga, akan dipergiat untuk menyokong pembangunan hijau dan rendah karbon.

Usaha akan diteruskan untuk memulihkan hutan terosot dan mewartakan lebih banyak kawasan perlindungan di Sabah dan Sarawak. Teknologi termaju akan digunakan dalam menyepadukan data mengenai sumber semula jadi untuk menambah baik perancangan, pembangunan, pengurusan dan pemuliharaan ekosistem semula jadi serta memperkuuh perlindungan aset semula jadi. Selain itu, pelaksanaan matlamat pembangunan mampan dan penerimاغunaan alam sekitar, sosial dan tadbir urus dalam amalan perniagaan akan dipertingkatkan untuk menggalakkan pertumbuhan hijau dan mampan. Usaha ini akan mewujudkan kelebihan daya saing dan seterusnya mempercepat pelaksanaan inisiatif ekonomi hijau di Sabah dan Sarawak.

## Meningkatkan Produktiviti Sektor Pertanian

Usaha akan diteruskan untuk menggalakkan penerimاغunaan kaedah pertanian berteknologi tinggi yang lebih meluas dalam sektor pertanian, seperti analisis data raya, kecerdasan buatan dan internet benda. Tumpuan akan terus diberikan kepada pertanian pintar dalam pengeluaran padi, akuakultur dan kelapa sawit di Sabah dan Sarawak. Usaha ini akan meningkatkan produktiviti sektor pertanian dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi di kedua-dua negeri.

## Strategi E3: Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

### Meningkatkan Akses kepada Pendidikan

Dalam usaha meningkatkan akses kepada pendidikan di Sabah dan Sarawak, Sekolah Model Khas Komprehensif 11 (K11) akan dibangunkan bagi mengurangkan kadar kecinciran murid daripada Tingkatan 3 ke 4 dan menyediakan akses kepada pendidikan sehingga 11 tahun (Darjah 1 hingga Tingkatan 5). Di samping itu, lebih banyak sekolah daif yang berada pada skala tujuh berdasarkan Indeks Penilaian Keadaan Bangunan Sekolah akan diganti. Pusat kanak-kanak berkeperluan khas di Sabah dan Sarawak akan turut dibina bagi memastikan kanak-kanak autisme

menerima intervensi dan pendidikan di peringkat awal. Tumpuan juga akan diberi kepada peningkatan kemahiran pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru melalui penyesuaian dan pemahaman budaya setempat di kawasan luar bandar dan pedalaman. Selain itu, kemudahan dan infrastruktur termasuk infrastruktur digital di sekolah dan pejabat pendidikan akan ditambah baik.

### **Menambah Baik Akses kepada Perumahan**

Kerajaan akan terus mempergiat inisiatif dalam menyediakan rumah yang berkualiti dan memuaskan untuk golongan miskin dan isi rumah berpendapatan rendah melalui program perumahan mampu milik. Sebanyak 26,000 rumah usang akan dibaik pulih dan dibina semula di bawah Program Bantuan Rumah untuk menambah baik keadaan tempat tinggal golongan miskin di Sabah dan Sarawak. Di samping itu, kerajaan negeri digalakkan untuk menyediakan lebih banyak rumah mampu milik untuk memberi manfaat kepada lebih ramai golongan miskin, isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana.

### **Memperluas Akses kepada Perkhidmatan Kesihatan**

Perkhidmatan jagaan warga emas di klinik kesihatan dan hospital akan diintegriasi, manakala Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2018 akan dikuatkuasakan. Di samping itu, makmal invasif kardiologi di hospital awam akan dibangunkan secara berfasa untuk mengurangkan morbiditi dan kematian akibat penyakit jantung. Perkhidmatan pergigian sekolah juga akan diperluas kepada guru, kakitangan sekolah dan keluarga, sejar dengan Perlindungan Kesihatan Sejagat untuk Kesihatan Pergigian WHO (WHA74.5). Selain itu, pembangunan Makmal Kesihatan Awam dan Makmal Keselamatan & Kualiti Makanan di Kuching, Sarawak akan bermula pada 2023. Sebuah pusat darah wilayah juga akan dibina di Sabah untuk meningkatkan perkhidmatan transfusi di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan kawasan utara Sarawak. Skim Perubatan MADANI akan terus dilaksana bagi membolehkan golongan kurang berkemampuan untuk mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta. Usaha ini akan mengurangkan kesesakan di fasiliti penjagaan kesihatan awam.

## **Strategi E4: Memperkuuh Pendekatan Keseluruhan Kerajaan**

### **Meningkatkan Kerjasama dalam Penyediaan Infrastruktur Digital**

Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan pihak berkuasa negeri akan terus diperkuuh bagi memperkemas dasar, prosedur dan inisiatif berkaitan pembangunan infrastruktur digital. Di samping itu, Jawatankuasa Penyeragaman Kos Caj dan Fi Pembangunan Infrastruktur Komunikasi akan terus memperkuuh mekanisme penyelarasaran caj dan fi pada peringkat negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi pembinaan infrastruktur telekomunikasi. Usaha ini akan mempercepat penyediaan infrastruktur digital dan menambah baik penyampaian perkhidmatan.

### **Menambah Baik Penyampaian Perkhidmatan**

Fungsi agensi pada peringkat Persekutuan dan negeri akan diperkemas bagi memudah cara pembangunan di Sabah dan Sarawak. Penurunan kuasa kepada JKR Sabah dan Sarawak bagi projek bernilai sehingga RM50 juta akan menambah baik pelaksanaan projek pembangunan di kedua-dua negeri. Di samping itu, penyerahan kuasa kawal selia berkaitan bekalan elektrik di Sabah bermula pada tahun 2024 akan membolehkan Kerajaan Negeri Sabah mengawal selia bekalan elektrik. Langkah ini akan membolehkan perancangan industri elektrik yang lebih baik di Sabah.

### **Memperkuuh Perancangan Pembangunan Industri Gas Asli**

Pelan Induk Gas Sabah dan Pelan Hala Tuju Gas Sarawak akan digabung menjadi sebahagian daripada pelan hala tuju gas asli pada peringkat nasional. Pelan hala tuju nasional ini akan memperkemas perancangan industri gas dan mengoptimumkan penggunaan sumber gas asli di seluruh negara. Usaha ini akan menyediakan hala tuju strategik industri gas yang komprehensif dalam menyokong peralihan tenaga di Malaysia.


## Kesimpulan

Dalam tempoh kajian semula RMKe-12, pelbagai langkah telah dilaksana untuk mengoptimumkan potensi ekonomi wilayah, membangunkan bandar yang mampan, mentransformasi kawasan luar bandar dan memperkuuh pembangunan sosioekonomi negeri kurang membangun, termasuk Sabah dan Sarawak. Walaupun beberapa sasaran telah dapat dicapai, masih terdapat isu dan cabaran yang perlu ditangani. Dalam tempoh akhir RMKe-12, usaha akan terus ditumpukan kepada mempertingkatkan potensi ekonomi wilayah, mempercepat pembangunan bandar mampan, mempergiat pembangunan luar bandar dan mengoptimumkan peluang daripada kerjasama subserantau. Di samping itu, pembangunan di Sabah dan Sarawak akan dipergiat untuk merapatkan jurang dan mengurangkan ketidaksamaan. Pelaksanaan inisiatif ini akan menyokong aspirasi ‘Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat’ dalam meningkatkan kemampuan masyarakat dan mewujudkan pembangunan bandar dan luar bandar yang lebih seimbang.





Bab



# Membangunkan Masyarakat Inklusif dan Lebih Berdaya Tahan

|  |             |
|--|-------------|
| <b>Pendahuluan</b>   | <b>6-2</b>  |
| <b>Prestasi, 2021-2022</b>   | <b>6-3</b>  |
| Pencapaian Sasaran Terpilih  | 6-3         |
| Pencapaian Mengikut Bidang Keutamaan   | 6-5         |
| Bidang Keutamaan A : Menangani Kemiskinan daripada Perspektif Pelbagai Dimensi dan Memperkasakan B40 | 6-5         |
| Bidang Keutamaan B : Memberi Sokongan kepada M40   | 6-8         |
| Bidang Keutamaan C : Mencapai Kesaksamaan Outcome bagi Bumiputera                                    | 6-9         |
| Bidang Keutamaan D : Meningkatkan Pembangunan Masyarakat Orang Asli                                  | 6-10        |
| Bidang Keutamaan E : Memperkasakan Kumpulan Sasar Khusus   | 6-11        |
| <b>Isu dan Cabaran</b>   | <b>6-13</b> |
| Kemiskinan yang Berterusan   | 6-13        |
| B40 yang Mudah Terjejas  | 6-13        |
| Cabaran yang Dihadapi oleh M40   | 6-13        |
| Ketidaksamarataan dalam Pelbagai Aspek   | 6-13        |
| Ketidaksaksamaan Outcome Sosioekonomi Bumiputera   | 6-13        |
| Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli yang Masih Ketinggalan                                | 6-14        |
| Ketersisihan Sosial Kumpulan Sasar Khusus  | 6-14        |
| Ekosistem Penyampaian yang Kurang Berkesan   | 6-14        |
| <b>Hala Tuju, 2023-2025</b>  | <b>6-15</b> |
| Sasaran Terpilih, 2021-2025  | 6-17        |
| Bidang Fokus A : Menangani dan Mencegah Kemiskinan   | 6-19        |
| Bidang Fokus B : Memperkasakan Isi Rumah Mudah Terjejas  | 6-26        |
| Bidang Fokus C : Memudah Cara M40  | 6-28        |
| Bidang Fokus D : Mengurangkan Ketidaksamarataan  | 6-29        |
| Bidang Fokus E : Mencapai Outcome yang Saksama untuk Bumiputera                                      | 6-30        |
| Bidang Fokus F : Meningkatkan Pembangunan Masyarakat Orang Asli                                      | 6-33        |
| Bidang Fokus G : Memperkasakan Kumpulan Sasar Khusus   | 6-34        |
| Bidang Fokus H : Memperkuat Dasar dan Penyampaian Perkhidmatan                                       | 6-36        |
| <b>Kesimpulan</b>  | <b>6-37</b> |

# Pendahuluan

Pembangunan inklusif dan mampan terus menjadi prinsip perancangan sosioekonomi di Malaysia untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Dalam tempoh kajian semula Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2022 (RMKe-12) usaha dalam menangani kemiskinan daripada perspektif pelbagai dimensi, ketidaksamarataan dan kos sara hidup telah dipergiat bagi menggalakkan penyertaan ekonomi yang saksama. Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup golongan miskin, B40<sup>1</sup>, M40<sup>2</sup>, Bumiputera, Orang Asli dan kumpulan sasar khusus dalam membangunkan masyarakat inklusif. Namun begitu, kesan buruk daripada pandemik COVID-19 dan polikrisis<sup>3</sup>, termasuk konflik geopolitik dan perubahan iklim telah menjadikan isi rumah lebih mudah terjejas dan seterusnya menjadi sebahagian daripada faktor yang menghalang kemajuan dalam mencapai pembangunan inklusif dan mampan.

Melangkah ke hadapan, usaha akan dipergiat untuk membangunkan masyarakat inklusif dan lebih berdaya tahan. Strategi akan terus ditumpukan kepada menangani kemiskinan dan ketidaksamarataan daripada perspektif pelbagai dimensi, meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan golongan miskin, isi rumah mudah terjejas, M40, Bumiputera, Orang Asli dan kumpulan sasar khusus. Di samping itu, dasar dan penyampaian perkhidmatan akan diperkuuh. Pelaksanaan langkah ini berpegang kepada prinsip inklusif iaitu tiada sesiapa yang tertinggal selaras dengan '**Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat**' dan Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan (Agenda 2030).

<sup>1</sup> Kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah. Pendapatan bulanan B40 pada peringkat nasional adalah di bawah RM5,250, berdasarkan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2022 (HIES 2022).

<sup>2</sup> Kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan. Pendapatan bulanan M40 pada peringkat nasional adalah antara RM5,250 dan RM11,820 (HIES 2022).

<sup>3</sup> Satu kelompok risiko global yang saling berkait dengan kesan berganda, yang impak keseluruhannya melebihi jumlah impak bagi setiap risiko (World Economic Forum, 2023).


## Prestasi, 2021-2022

Sebanyak 18 sasaran telah ditetapkan dalam tempoh RMKe-12 bagi menangani kemiskinan dan membangunkan masyarakat inklusif. Daripada sasaran ini, 15 mengikut jadual, manakala baki tiga masih ketinggalan dalam tempoh kajian semula. Prestasi sasaran ini adalah seperti ditunjukkan dalam *Paparan 6-1*.


### *Paparan 6-1*

#### Pencapaian Sasaran Terpilih


##### Menangani Kemiskinan dan Mengurangkan Ketidaksamarataan




Pekali Gini




Insiden Kemiskinan Mutlak



Insiden Kemiskinan Relatif




Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi




Insiden Kemiskinan Tegar


##### Meningkatkan Pendapatan dan Taraf Hidup B40




Pendapatan Purata Bulanan Isi Rumah B40



Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah B40




Peratusan Pendapatan B40 daripada Keseluruhan Pendapatan Isi Rumah




Peratusan Pekerja Mahir daripada Jumlah Ketua Isi Rumah B40

## Mencapai Kesaksamaan Outcome bagi Bumiputera



## Memperkasakan Kumpulan Sasar Khusus



## Pencapaian mengikut Bidang Keutamaan



### Bidang Keutamaan A: Menangani Kemiskinan daripada Perspektif Pelbagai Dimensi dan Memperkasakan B40

#### Strategi A1: Meningkatkan Pendapatan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

##### Mempertingkatkan dan Mempelbagai Sumber Pendapatan

- 1,734 peserta di kawasan bandar menjalani program keusahawanan di bawah Program Pemerkaaan Ekonomi Komuniti Bandar
- 1,352 peserta di kawasan luar bandar menerima manfaat di bawah Program Peningkatan Pendapatan
- 3,246 peserta menghadiri Program Latihan & Keusahawanan
- 3,700 peserta menghadiri Kursus Keusahawanan Digital
- 3,652 usahawan menerima bantuan daripada Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro
- 100,100 peserta menerima pembiayaan berjumlah RM1.65 bilion daripada Program Pembiayaan TEKUN
- Bantuan tunai
  - Bantuan Prihatin Rakyat - 8.5 juta penerima, RM6.5 bilion disalurkan pada tahun 2021
  - Bantuan Prihatin Nasional 2.0 - 11 juta penerima, RM7 bilion disalurkan pada tahun 2021
  - Bantuan Khas COVID-19 - 11 juta penerima, RM4.6 bilion disalurkan pada tahun 2021
  - Bantuan Keluarga Malaysia - 8.7 juta penerima, RM7.8 bilion disalurkan pada tahun 2022
  - Bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) - 519,000 penerima, RM2.4 bilion disalurkan pada tahun 2021 dan 530,000 penerima, RM2.4 bilion disalurkan pada tahun 2022

##### Menggalakkan Pendekatan Keseluruhan Negara dalam Menangani Kemiskinan

- Program Pembasmian Miskin Tegar (BMT)
  - 1,656 penerima
  - 103 peserta melaporkan peningkatan pendapatan selepas empat bulan menyertai program
- Program Usahawan Sosial Hebat
  - 6,074 penerima manfaat terlibat dalam 30 perusahaan sosial (SE)

### Strategi A2: Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Penting

#### Menambah Baik Penyediaan Pendidikan dan Latihan Kemahiran yang Berkualiti

- Biasiswa Kecil Persekutuan
  - 124,848 murid, RM104.2 juta disalurkan pada tahun 2021
  - 179,563 murid, RM142.7 juta disalurkan pada tahun 2022
- 4,031 pelajar daripada keluarga B40 menerima manfaat di bawah Program Bantuan untuk Pendidikan (BUDI) Maktab Rendah Sains MARA (MRSRM)
- 60.2% daripada pengambilan MRSRM ditawarkan kepada pelajar daripada isi rumah B40 pada tahun 2022
- 16,594 murid daripada isi rumah B40 ditempatkan di 70 sekolah berasrama penuh (SBP) atau 36.6% daripada jumlah murid
- RM4.6 bilion pinjaman baharu diluluskan untuk 162,463 pelajar oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
- 56,900 pelajar daripada keluarga B40 menerima pinjaman pendidikan daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- 35,320 pelatih daripada isi rumah B40 menerima biasiswa bagi menjalani latihan di institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

#### Menambah Baik Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

- 10 klinik kesihatan siap dibina dan 271 klinik pelbagai jenis dinaik taraf pada tahun 2021
- Tujuh klinik kesihatan dan tiga klinik pergigian dibina dan 379 klinik pelbagai jenis dinaik taraf pada tahun 2022
- 4,895 program jangkauan kesihatan dilaksanakan di kawasan kurang mendapat liputan perkhidmatan pada tahun 2021 dan 7,770 pada tahun 2022
- 268,887 ketua isi rumah (KIR) miskin tegar dan miskin yang berdaftar dalam sistem eKasih mendapat perlindungan Skim Insurans Kesejahteraan Rakyat
- 101,673 peserta menjalani saringan kesihatan di bawah Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) pada tahun 2021 dan 275,560 peserta pada tahun 2022

### Strategi A3: Meningkatkan Taraf Hidup

#### Menambah Baik Infrastruktur dan Kemudahan Asas

- 7,492 isi rumah menerima manfaat daripada Projek Rintis Pengurusan Sisa Pepejal

#### Menambah Baik Keadaan Tempat Tinggal

- Projek Baik Pulih Rumah di Bandar
  - 1,579 rumah dibaik pulih pada tahun 2021
  - 2,044 rumah dibaik pulih pada tahun 2022
- Projek Perumahan Rakyat Termiskin di kawasan luar bandar
  - 23,270 rumah dibaik pulih
  - 3,644 rumah dibina
- 108,373 unit Rumah Mampu Milik dibina

|  |  |
|--|--|
| <b>Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Cina Berpendapatan Rendah</b>  | <ul style="list-style-type: none"><li>RM2.1 juta pinjaman disalurkan kepada 36 usahawan di bawah Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru Cina (PKBC)</li><li>761 rumah bagi isi rumah B40 dibaik pulih di bawah Program Bantuan Baik Pulih Rumah Kampung Baru</li><li>787 projek kemudahan awam di Kampung Baru disiapkan</li></ul> |
| <b>Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah India Berpendapatan Rendah</b> | <ul style="list-style-type: none"><li>164,059 individu menerima manfaat daripada 72 program pembangunan modal insan</li><li>3,468 usahawan menerima RM72.2 juta daripada Skim Pinjaman Usahawan Masyarakat India di bawah TEKUN</li></ul>  |

#### Strategi A4: Memperkuuh Mekanisme Penyampaian Perkhidmatan

|   |  |
|---|--|
| <b>Menambah Baik Sistem Penyampaian Perkhidmatan</b>                    | <ul style="list-style-type: none"><li>Unit Kemiskinan pada peringkat Persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan ditubuhkan</li><li>Data bantuan sosial merangkumi 167 program dan 13.7 juta profil disatukan dalam Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS)</li></ul>  |
| <b>Menambah Baik Kaedah Pengukuran Kemiskinan dan Pelaksanaan Dasar</b> | <ul style="list-style-type: none"><li>Kajian untuk menambah baik Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) negara dimulakan pada tahun 2022</li><li>Kajian untuk mengukur dan menangani ketidaksamarataan di Malaysia dimulakan pada tahun 2022</li><li>Rangka kerja untuk menyemak kategori kumpulan pendapatan isi rumah disediakan pada tahun 2022</li></ul> |

#### Strategi A5: Menangani Kos Sara Hidup

|   |  |
|---|--|
| <b>Mengawal Tekanan Harga</b>                     | <ul style="list-style-type: none"><li>RM11.1 bilion dibelanjakan untuk subsidi petrol, diesel dan LPG pada tahun 2021 dan RM50.8 bilion pada tahun 2022</li><li>RM1.8 bilion dibelanjakan untuk subsidi harga ayam dan telur</li><li>RM9.8 bilion dibelanjakan untuk subsidi elektrik</li><li>RM4.6 bilion dibelanjakan untuk subsidi minyak masak</li><li>Kawalan harga untuk barang terpilih semasa musim perayaan</li><li>RM400 juta dibelanjakan untuk Program Community Drumming</li><li>5.7 juta pengguna menerima manfaat daripada program jualan murah pada tahun 2022</li><li>1.65 juta bilangan pemeriksaan penguatkuasaan harga dilaksanakan sehingga akhir tahun 2022</li><li>1,910 kes melibatkan penyalahgunaan barang bersubsidi dan kawalan harga dengan nilai RM26.1 juta direkod</li><li>Pelan Strategik Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN) berkenaan literasi kewangan dirangka pada tahun 2021</li><li>273,274 pembeli rumah kali pertama menggunakan Rumahku, modul pembiayaan perumahan dalam talian untuk membuat keputusan berasaskan maklumat sehingga tahun 2022</li></ul> |
| <b>Memperkuuh Perlindungan Sosial untuk Semua</b> | <ul style="list-style-type: none"><li>Kajian untuk memperkuuh dasar perlindungan sosial bermula pada tahun 2022</li><li>Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah diperkenalkan pada tahun 2022</li></ul>   |



## Bidang Keutamaan B: Memberi Sokongan kepada M40

### Strategi B1: Melonjakkan Pendapatan M40

#### Menggalakkan Penyertaan M40 dalam Aktiviti Penjanaan Pendapatan

- 1% pengurangan kadar cukai bagi banjaran pendapatan bercukai antara RM50,000 hingga RM70,000 bermula tahun 2021
- Pelepasan cukai pendapatan
  - Perluasan skop merangkumi yuran kursus yang diluluskan bagi tujuan peningkatan kemahiran dan kendiri terhad sehingga RM1,000
  - Had bagi yuran kursus peningkatan kemahiran dan kemahiran kendiri dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM2,000 pada tahun 2022

### Strategi B2: Meningkatkan Akses kepada Pendidikan yang Berkualiti dan Mampu Bayar

#### Menyediakan Insentif Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Pembentukan untuk Pengajian Tinggi

- Lanjutan pelepasan cukai pendapatan
  - Sehingga RM3,000 untuk yuran yang dibayar kepada taman asuhan kanak-kanak (TASKA) dan taman didikan kanak-kanak yang diluluskan pada tahun 2022
  - Sehingga RM8,000 untuk simpanan tahunan bersih dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional

### Strategi B3: Menggalakkan Perlindungan Kesihatan dan Pekerjaan

#### Menggalakkan Insurans Kesihatan dan Pekerjaan

- RM500 tambahan pelepasan cukai gaya hidup berkaitan aktiviti sukan pada tahun 2022
- Sehingga RM7,000 perluasan pelepasan cukai pendapatan untuk pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mulai tahun taksiran 2022 bagi meliputi pencarum sukarela daripada sektor swasta dan penjawat awam di bawah skim pencen

### Strategi B4: Meningkatkan Pemilikan Rumah oleh M40

#### Memudah Cara Pemilikan Rumah Mampu Milik

- Had nilai harta tanah bagi pembelian kediaman pertama yang mendapat pengecualian penuh duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman ke atas pembelian harta tanah dinaikkan sehingga RM500,000 bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan sehingga tahun 2025
- Inisiatif Pembentukan Perumahan Malaysia
  - 48,449 pembeli rumah kali pertama menerima manfaat di bawah Skim Rumah Pertamaku melibatkan pembentukan berjumlah RM12 bilion
  - 6,726 pembeli rumah kali pertama tanpa pendapatan tetap menerima manfaat di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan dengan pembentukan berjumlah RM1.3 bilion
- 16,334 unit rumah mampu milik bagi M40 dibina di bawah PR1MA, Residensi Wilayah dan Kediaman SPNB



## Bidang Keutamaan C: Mencapai Kesaksamaan Outcome bagi Bumiputera

### Strategi C1: Menambah Baik Tadbir Urus

#### Menambah Baik Tadbir Urus Institusi dan Agensi Mandat Bumiputera

- Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera (UPAB) ditubuhkan di semua kementerian pada tahun 2022
- Kajian Impak Agensi-Agenzi Bermandat Bumiputera siap pada tahun 2022

#### Memperkuuh Ketelusan Pemilikan

- Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 berkaitan pengisytiharan pemunya benefisial disemak semula

### Strategi C2: Memperkuuh Pendidikan dan Memperkasakan Modal Insan

#### Meningkatkan Penyertaan Bumiputera dalam Program Profesional Bertauliah

- 20,901 peserta menyertai program Peneraju Tunas, Peneraju Skil dan Peneraju Profesional di bawah Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB)

#### Meningkatkan Kualiti Program Latihan Kemahiran

- Kadar kebolehpasaran graduan TVET di bawah institusi MARA pada tahun 2022
  - German-Malaysia Institute: 98%
  - Universiti Kuala Lumpur: 97%
  - Institut Kemahiran MARA: 93%
  - Kolej Kemahiran Tinggi MARA: 91%
  - GIATMARA: 81%

#### Meningkatkan Akses kepada Pendidikan

- Dua MRSM baharu dengan kapasiti berjumlah 1,500 murid beroperasi pada tahun 2022

### Strategi C3: Meningkatkan Penciptaan Kekayaan dan Daya Tahan Perniagaan Bumiputera

#### Mempertingkatkan Penyertaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS)

#### Bumiputera dalam Sektor Ekonomi Strategik Berimpak Tinggi dan Baru Muncul

- RM294.6 juta pelaburan ekuiti oleh VentureTECH dalam 27 syarikat Bumiputera yang terlibat dalam industri hijau, baru muncul dan bioteknologi sehingga akhir tahun 2022
- Perjanjian antara Agrobank dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) mengenai dana alam sekitar, sosial dan tadbir urus kepada PKS Bumiputera dimeterai pada tahun 2022

#### Memperkuuh Kemampuan dan Keupayaan Usahawan Bumiputera

- 2,219 usahawan menerima manfaat daripada Program Pensijilan Usahawan MARA
- Empat premis komersial baharu di bawah UDA Holdings dibina dengan kos RM19 juta
- 1,392 usahawan menerima manfaat daripada inisiatif di bawah UDA Holdings dengan kos RM3.26 juta
- 9,539 syarikat dan 13,500 usahawan menerima manfaat daripada Program Premis Perniagaan dan Program Pembiayaan Keusahawanan di bawah PUNB sehingga akhir tahun 2022
- Skim Rent-To-Own (RTO) di bawah PUNB diperkenalkan pada tahun 2022



## Bidang Keutamaan D: Meningkatkan Pembangunan Masyarakat Orang Asli

### Strategi D1: Memantapkan Pendidikan

#### Menambah baik Pendidikan Orang Asli

- Lapan buah sekolah dinaik taraf menjadi Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) pada tahun 2022
- 10,996 pelajar sekolah menengah menerima bantuan tunai di bawah Skim Bantuan Galakan Pendidikan pada tahun 2022
- 1,446 pelajar peringkat tertiar menerima biasiswa
- 1,385 peserta menghadiri Program Masuk U
- 780 peserta memasuki institusi TVET

### Strategi D2: Mempercepat Pembangunan Sosioekonomi Orang Asli

#### Merangka Pelan Pembangunan

#### Sosioekonomi yang Komprehensif untuk Orang Asli

- Kajian mengenai pembangunan sosioekonomi Orang Asli dimulakan pada tahun 2022

#### Meningkatkan Pendapatan Orang Asli

- 450 isi rumah daripada 12 kampung Orang Asli terlibat dalam program pembasmian miskin tegar
- 934 peserta menerima manfaat daripada Bantuan Input Pertanian
- 599 peserta menerima manfaat daripada Projek Ladang Masyarakat Orang Asli
- 104 usahawan menerima Geran Bantuan Usahawan berjumlah RM668,000
- 77 Orang Asli dilatih di bawah Program Latihan Keusahawanan

#### Memperluas Infrastruktur, Kemudahan Asas dan Perkhidmatan untuk Orang Asli

- 56 kampung dihubungkan dengan jalan baharu
- 125 projek bekalan air bersih disiapkan
- 20 kampung menerima manfaat daripada projek bekalan elektrik
- 81 rumah baharu dibina dan 558 dibaik pulih

#### Menambah Baik Kepimpinan

- 375 peserta menerima manfaat daripada Program Literasi Fungsian Orang Asli



## Bidang Keutamaan E: Memperkasakan Kumpulan Sasar Khusus

### Strategi E1: Meningkatkan Kesejahteraan Kanak-Kanak

#### Memperkuuh Tadbir Urus untuk Perkembangan dan Perlindungan Kanak-Kanak

- 3,113 TASKA didaftarkan sehingga akhir tahun 2022
- 3,013 kanak-kanak menerima manfaat daripada subsidi TASKA
- 1,427 kanak-kanak menerima manfaat daripada 37 institusi berdaftar untuk kanak-kanak sehingga akhir tahun 2022

### Strategi E2: Membangunkan Belia yang Dinamik, Berdaya Tahan dan Berdaya Saing

#### Memperkuuh Pembangunan dan Penyertaan Belia

- 83,269 peserta menyertai program kepimpinan dan kesukarelawanan
- 496,770 peserta menerima manfaat daripada program di bawah FEN
- 2,649,691 peserta menyertai program gaya hidup sihat dan aktif
- 13,047 peserta menyertai program keusahawanan

### Strategi E3: Memperkasakan Wanita

#### Menggalakkan Kesaksamaan Gender

- Penyertaan wanita dalam pengurusan tertinggi
  - 38.2% dalam sektor awam
  - 25.8% dalam sektor swasta
- 540,438 usahawan wanita menerima manfaat daripada pembiayaan berjumlah RM4.9 juta di bawah Amanah Ikhtiar Malaysia, TEKUN Nasional dan MARA

#### Mempertingkatkan Perlindungan Undang-Undang

- Akta Antigangguan Seksual 2022 [ Akta 840 ] diwartakan pada tahun 2022
- 131,048 wanita menerima manfaat daripada Klinik Literasi Undang-Undang

### Strategi E4: Mempertingkatkan Kesejahteraan Warga Emas

#### Mempertingkatkan Penjagaan dan Sokongan kepada Warga Emas

- 283 penjaga kepada warga emas memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia
- 245,415 warga emas menerima manfaat daripada program pembelajaran sepanjang hayat di klinik kesihatan
- 53,241 warga emas menerima manfaat daripada program di Pusat Aktiviti Warga Emas
- 6,950 warga emas menerima manfaat daripada program Khidmat Bantu di Rumah

#### Memperkuuh Perlindungan Sosial

- Bantuan Warga Emas
  - 140,447 menerima manfaat bantuan tunai
  - Jumlah ditingkatkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan pada tahun 2022
- 6,924 peserta menerima manfaat daripada program intergenerasi sehingga akhir tahun 2022

### Strategi E5: Memperkasakan Orang Kurang Upaya

#### Memastikan Keterangkuman Orang Kurang Upaya

- 633,653 orang kurang upaya (OKU) didaftarkan sehingga akhir tahun 2022
- Pengecualian bagi fi lesen kenderaan bermotor milik OKU bermula tahun 2022
- Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar
  - 26,904 penjaga menerima manfaat bantuan tunai
  - Jumlah ditingkatkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan

### Strategi E6: Memperkuuh Institusi Keluarga

#### Membina Institusi Keluarga yang Kukuh

- 176,940 peserta menerima manfaat daripada program berkaitan aspek kemahiran keibubapaan, nilai kekeluargaan, pendidikan perkahwinan dan psikososial
- 716,140 individu menerima manfaat daripada program dan perkhidmatan reproduktif dan kesihatan sosial, seperti saringan kesejahteraan, *pap smear* dan mamogram
- Akta Kerja (Pindaan) 2022 [ Akta A1651 ] merangkumi pindaan
  - Cuti bersalin ditingkatkan daripada 60 kepada 98 hari
  - Cuti paterniti ditingkatkan daripada tiga kepada tujuh hari



## Isu dan Cabaran

Dalam tempoh kajian semula, beberapa pencapaian telah dicatatkan hasil daripada pelbagai usaha yang dilaksanakan untuk menangani kemiskinan dan membangunkan masyarakat inklusif. Walau bagaimanapun, isu berkaitan kemiskinan yang berterusan, ketidaksamarataan dalam pelbagai aspek dan B40 yang mudah terjejas serta cabaran yang dihadapi oleh M40 masih wujud. Tambahan pula, ketidaksaksamaan outcome sosioekonomi Bumiputera, pembangunan masyarakat Orang Asli yang masih ketinggalan, ketersisihan sosial kumpulan sasaran khusus dan ekosistem penyampaian yang kurang berkesan masih menjadi cabaran.

### Kemiskinan yang Berterusan

- Kemiskinan pelbagai dimensi masih wujud
- Kebergantungan kepada pindahan tunai yang tinggi
- Penyertaan dalam skim insurans yang rendah
- Kekurangan program pembasmian kemiskinan yang mampan dan berkeupayaan untuk dipertingkatkan skala

### Cabar yang Dihadapi oleh M40

- Pertumbuhan pendapatan yang perlahan dalam situasi kos sara hidup yang meningkat
- Kekangan untuk peningkatan mobiliti sosial
- Kurang akses kepada perumahan mampu milik

### Ketidaksaksamaan Outcome Sosioekonomi Bumiputera

- Simpanan dalam kalangan Bumiputera semakin berkurangan
- Daya saing dalam kalangan perusahaan yang rendah
- Kurang keupayaan dan kemampuan untuk mengembangkan perniagaan
- Penciptaan kekayaan yang perlahan
  - Saiz Tanah Rizab Melayu semakin menyusut
  - Potensi wakaf kurang dimanfaatkan
- Penyertaan Bumiputera dalam pekerjaan mahir masih rendah
- Pertumbuhan pemilikan ekuiti Bumiputera yang perlahan
- Pelaksanaan dan penyelarasannya yang lemah
  - Program yang bertindih
  - Pelaksanaan dasar peringkat sektor yang kurang berkesan



### B40 yang Mudah Terjejas

- Kekurangan perlindungan pendapatan
- Kekurangan peluang pekerjaan
- Akses yang terhad kepada perumahan mampu milik
- Kos sara hidup yang meningkat
- Cabaran isi rumah di Kampung Baru
  - Kemudahan kredit mikro yang kurang dimanfaatkan
  - Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung yang kurang berkesan
- Cabaran isi rumah India berpendapatan rendah
  - Kurang keupayaan dan kemampuan
  - Isu sosial yang berterusan




### Ketidaksamarataan dalam Pelbagai Aspek

- Jurang antara kumpulan pendapatan isi rumah masih wujud
- Ketidaksamarataan dari segi peluang dan outcome serta mobiliti antara generasi masih berterusan
- Perlindungan sosial yang tidak menyeluruh
- Literasi kewangan yang rendah



### Ketersisihan Sosial Kumpulan Sasar Khusus

- Intervensi perkembangan dan perlindungan kanak-kanak yang tidak mencukupi
- Cabaran baru muncul dalam mengurus masyarakat menua
- Cabaran yang berterusan dalam membangunkan belia
  - Kemuflisan yang tinggi
  - Kurang literasi mengenai demokrasi
- Sokongan terhadap keperluan OKU masih kurang
- Kekurangan sistem sokongan untuk wanita menyertai sepenuhnya pasaran buruh
- Isu berkaitan keluarga semakin meningkat



# Hala Tuju, 2023-2025

Kajian Separuh Penggal RMKe-12 memberi tumpuan kepada membina masyarakat inklusif dan lebih berdaya tahan melalui perspektif pelbagai dimensi bagi mencapai matlamat masyarakat yang lebih saksama atau “masyarakat Malaysia yang adil”<sup>4</sup>. Dalam tempoh akhir RMKe-12, usaha yang bersepadu akan dilaksana dalam menangani dan mencegah kemiskinan, memperkasakan isi rumah mudah terjejas dan memudah cara M40 berdasarkan keperluan. Tumpuan juga akan diberi bagi mencapai outcome yang lebih saksama untuk Bumiputera, meningkatkan pembangunan masyarakat Orang Asli dan memperkasakan kumpulan sasar khusus. Di samping itu, langkah untuk mengurangkan ketidaksamarataan dan memperkuuh penyampaian perkhidmatan akan diberi penekanan.



## Bidang Fokus A Menangani dan Mencegah Kemiskinan

### Strategi A1:

Meningkatkan Pendapatan Golongan Miskin

### Strategi A2:

Menambah Baik Taraf Hidup dan Akses kepada Perkhidmatan Penting



## Bidang Fokus C Memudah Cara M40

### Strategi C1:

Mempertingkatkan Penjanaan Pendapatan

### Strategi C2:

Menambah Baik Perlindungan Kesihatan dan Pekerjaan, dan Akses kepada Perumahan



## Bidang Fokus B Memperkasakan Isi Rumah Mudah Terjejas

### Strategi B1:

Meluaskan Peluang Ekonomi dan Perlindungan

### Strategi B2:

Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Asas

### Strategi B3:

Meningkatkan Status Sosioekonomi Isi Rumah Cina dan India Berpendapatan Rendah



## Bidang Fokus D Mengurangkan Ketidaksamarataan

### Strategi D1:

Menambah Baik Akses kepada Peluang

### Strategi D2:

Memperkuuh Perlindungan Sosial

<sup>4</sup> Petikan daripada buku Membangun Negara MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi (2022)



### Bidang Fokus E Mencapai Outcome yang Saksama untuk Bumiputera

#### Strategi E1:

Memperkuuh Penyampaian Perkhidmatan

#### Strategi E2:

Mengembangkan Perniagaan Bumiputera

#### Strategi E3:

Meningkatkan Penciptaan Kekayaan Bumiputera

#### Strategi E4:

Memperkasakan Modal Insan dan Meningkatkan Literasi  
Kewangan

#### Strategi E5:

Memastikan Pemilikan Ekuiti Korporat yang Mampan



### Bidang Fokus G Memperkasakan Kumpulan Sasar Khusus

#### Strategi G1:

Meningkatkan Kesejahteraan Kanak-Kanak

#### Strategi G2:

Membangunkan Belia yang Dinamik, Berdaya Tahan dan Berdaya  
Saing

#### Strategi G3:

Memperkasakan Wanita

#### Strategi G4:

Mempertingkatkan Kesejahteraan Warga Emas

#### Strategi G5:

Memperkasakan Orang Kurang Upaya

#### Strategi G6:

Memperkuuh Institusi Keluarga



### Bidang Fokus F Meningkatkan Pembangunan Masyarakat Orang Asli

#### Strategi F1:

Mempercepat Pembangunan Sosioekonomi

#### Strategi F2:

Memperkuuh Pendidikan sebagai Pemangkin Pembangunan



### Bidang Fokus H Memperkuuh Dasar dan Penyampaian Perkhidmatan

#### Strategi H1:

Memperkuuh Dasar Sosiekonomi

## Sasaran Terpilih, 2021-2025

### Menangani dan Mencegah Kemiskinan



### Memperkasakan B40 dan Mengurangkan Ketidaksamarataan



## Mencapai Outcome yang Lebih Saksama untuk Bumiputera



## Memperkasakan Kumpulan Sasar Khusus



## Bidang Fokus A: Menangani dan Mencegah Kemiskinan

Langkah menangani kemiskinan bukan hanya ditumpukan kepada aspek pengurangan tetapi juga pencegahan. Perspektif pelbagai dimensi akan terus diberi penekanan dalam menangani pelbagai ketersisihan. Dalam hubungan ini, strategi akan dilaksana untuk meningkatkan pendapatan serta menambah baik taraf hidup dan akses kepada perkhidmatan penting untuk golongan miskin di bandar dan luar bandar. Analisis terhadap Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan kemiskinan mutlak sebelum dan selepas pandemik COVID-19 adalah seperti dalam Kotak 6-1.

Strategi A1

Meningkatkan Pendapatan Golongan Miskin

Strategi A2

Menambah Baik Taraf Hidup dan Akses kepada Perkhidmatan Penting



### Kotak 6-1

## Pendapatan Garis Kemiskinan dan Kemiskinan Mutlak: Pra dan Pasca COVID-19

### Latar Belakang

Pembasmian kemiskinan sentiasa diberi penekanan dalam pembangunan sosioekonomi Malaysia. Strategi ini telah diterapkan dalam semua dasar dan pelan pembangunan sejak Dasar Ekonomi Baru, 1971-1990. Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 terus memberi tumpuan untuk menangani kemiskinan dan memperkuuh inklusiviti sejajar dengan prinsip tiada sesiapa yang tertinggal.

Malaysia mengukur kemiskinan berdasarkan kaedah mutlak, relatif dan pelbagai dimensi. Kemiskinan mutlak diukur berdasarkan kos keperluan asas. Selain itu, kemiskinan relatif merujuk kepada pendapatan isi rumah sebagai peratusan daripada pendapatan penengah bulanan isi rumah peringkat nasional. Kemiskinan pelbagai dimensi mengambil kira dimensi pendapatan dan bukan pendapatan, termasuk pendidikan, kesihatan dan taraf hidup dalam mengukur ketersisihan.

### Kemiskinan Mutlak

Kemiskinan mutlak merujuk kepada keadaan apabila pendapatan isi rumah tidak mencukupi untuk memenuhi kos keperluan asas dengan menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sebagai ukuran. PGK merujuk kepada jumlah pendapatan bulanan isi rumah yang diperlukan untuk keperluan makanan dan bukan makanan oleh setiap ahli isi rumah bagi menjalani kehidupan yang sihat dan aktif. Dua komponen PGK ialah PGK makanan dan PGK bukan makanan. PGK makanan adalah berdasarkan keperluan makanan optimum dan pemakanan yang sihat kepada jumlah nutrisi yang diperlukan bagi setiap ahli isi rumah. Sementara itu, PGK bukan makanan adalah berdasarkan kepada corak perbelanjaan kumpulan isi rumah berpendapatan 20 peratus terendah (B20) melibatkan 146 item bukan makanan, termasuk

pakaian, pengangkutan, komunikasi, pendidikan, kesihatan, perumahan, utiliti dan perkakasan rumah. Isi rumah dikategorikan sebagai miskin mutlak jika pendapatan berada di bawah PGK keseluruhan. Sementara itu, isi rumah dikategorikan sebagai miskin tegar jika pendapatan berada kurang daripada PGK makanan. Nilai PGK keseluruhan bergantung kepada keperluan kalori, demografi isi rumah (saiz, umur dan jantina), lokasi, harga barang dan perkhidmatan, serta ketersediaan dan pilihan produk berdasarkan keperluan yang berbeza. Oleh itu, purata PGK adalah berbeza antara negeri dan strata (bandar dan luar bandar).

Nilai PGK dikemas kini dua kali dalam tempoh lima tahun melalui Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah (HIES). Sementara itu, metodologi PGK akan dikaji semula dengan mengambil kira perubahan corak penggunaan, keperluan kalori semasa dan kos keperluan asas.

### Trend PGK dan Kemiskinan: Pra dan Pasca Pandemik COVID-19

HIES 2022 dilaksanakan dari Januari hingga Disember 2022, melibatkan kira-kira 90,000 sampel daripada 7.9 juta isi rumah Malaysia berdasarkan Banci 2020. Berdasarkan HIES 2022, PGK keseluruhan pada peringkat nasional pasca pandemik COVID-19 adalah sebanyak RM2,589 pada tahun 2022, meningkat sebanyak 5.3% berbanding RM2,208 yang dicatatkan pada tahun 2019, pra pandemik COVID-19. Tujuh negeri mencatatkan PGK yang lebih tinggi daripada purata nasional, dengan Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur mencatatkan PGK tertinggi pada RM2,816 (2019: RM2,216).

PGK makanan menunjukkan peningkatan secara marginal kepada RM1,198 pada tahun 2022 daripada RM1,169 pada tahun 2019. Lapan negeri mencatatkan PGK makanan yang lebih tinggi daripada purata nasional, dengan Terengganu mencatatkan PGK makanan tertinggi pada RM1,376 (2019: RM1,312). Bagi PGK bukan makanan, lima negeri melebihi purata nasional, dengan WP Kuala Lumpur mencatatkan PGK bukan makanan tertinggi pada RM1,707 (2019: RM1,107). Nilai PGK keseluruhan mengikut negeri bagi tahun 2019 dan 2022 seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.

**Rajah 1**  
**PGK mengikut Negeri, 2019 dan 2022**

| PGK 2019 (RM)      | Malaysia        | PGK 2022 (RM)   |
|--------------------|-----------------|-----------------|
| 2,208 ◇1,038 1,169 | <b>Malaysia</b> | <b>Malaysia</b> |
| 2,633 ◇1,314 1,319 | WP Labuan       | Selangor        |
| 2,537 ◇1,358 1,179 | Sabah           | WP Kuala Lumpur |
| 2,507 ◇1,195 1,312 | Terengganu      | Terengganu      |
| 2,505 ◇1,240 1,265 | Johor           | Sabah           |
| 2,375 ◇1,097 1,279 | Melaka          | Melaka          |
| 2,270 ◇1,069 1,201 | Pahang          | Johor           |
| 2,254 ◇1,040 1,214 | Kedah           | Sarawak         |
| 2,216 ◇1,107 1,110 | WP Kuala Lumpur | WP Labuan       |
| 2,139 ◇959 1,181   | Kelantan        | Pahang          |
| 2,131 ◇1,035 1,096 | Sarawak         | WP Putrajaya    |
| 2,128 ◇1,054 1,074 | WP Putrajaya    | Negeri Sembilan |
| 2,088 ◇872 1,216   | Negeri Sembilan | Kelantan        |
| 2,077 ◇975 1,102   | Perak           | Perak           |
| 2,022 ◇856 1,166   | Selangor        | Kedah           |
| 1,989 ◇985 1,004   | Pulau Pinang    | Pulau Pinang    |
| 1,967 ◇833 1,133   | Perlis          | Perlis          |
|                    |                 |                 |

■ PGK Makanan

■ PGK Bukan Makanan


◇ PGK Keseluruhan

Nota: Nilai PGK Keseluruhan mungkin berbeza disebabkan pembundaran.  
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia berjaya mengurangkan insiden kemiskinan mutlak daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 0.4% pada tahun 2016, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2. PGK pada tahun 2016 ialah RM980 menggunakan metodologi PGK 2005. Metodologi PGK telah dikaji semula pada tahun 2019 untuk menggambarkan keperluan sosioekonomi semasa dengan lebih baik selari dengan tahap pembangunan, yang menghasilkan PGK lebih tinggi sebanyak RM2,208. Insiden kemiskinan mutlak menurun daripada 7.6% pada tahun 2016 kepada 5.6% pada tahun 2019 dengan menggunakan metodologi PGK 2019. Trend penurunan ini adalah hasil daripada usaha berterusan dalam menangani kemiskinan.

Rajah 2

## Siri Masa PGK dan Insiden Kemiskinan Mutlak, 1970–2022



Nota: <sup>1</sup> Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan, 2020.

<sup>2</sup> PGK 1977 bagi Semenanjung Malaysia.

<sup>3</sup> PGK 1989 dan seterusnya pada peringkat nasional.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah mengubah trend penurunan kemiskinan di Malaysia. Secara umumnya, pandemik COVID-19 dan PKP serta cabaran sosioekonomi yang lain telah memberi impak kepada pendapatan, seterusnya meningkatkan insiden kemiskinan. Insiden kemiskinan mutlak meningkat daripada 5.6% pada tahun 2019 kepada 8.4% pada tahun 2020<sup>5</sup>. Walau bagaimanapun, trend ini kembali normal dengan penurunan insiden kepada 6.2% pada tahun 2022. Insiden kemiskinan tegar yang juga meningkat daripada 0.4% pada tahun 2019 kepada 1% pada tahun 2020, telah berkurang kepada 0.2% pada tahun 2022, di bawah tahap pra pandemik. Pendapatan purata bulanan isi rumah menurun daripada RM7,901 pada tahun 2019 kepada RM7,089 pada tahun 2020 dan mencatatkan peningkatan kepada RM8,479 pada tahun 2022, iaitu

lebih tinggi daripada tahap pra pandemik. Pengurangan insiden kemiskinan dan peningkatan pendapatan adalah disebabkan oleh pembukaan semula dan pemulihan sektor ekonomi dan sosial.

Dari segi lokasi, insiden kemiskinan mutlak di kawasan bandar meningkat daripada 3.8% pada tahun 2019 kepada 4.5% pada tahun 2022, manakala di kawasan luar bandar menurun daripada 12.4% kepada 12.1% dalam tempoh yang sama. Selain itu, insiden kemiskinan tegar menunjukkan trend menurun bagi kawasan bandar dan luar bandar. Walaupun insiden kemiskinan di kawasan bandar lebih rendah daripada luar bandar, bilangan isi rumah miskin bandar adalah lebih besar kerana 75.5% isi rumah tinggal di kawasan bandar pada tahun 2022.

<sup>5</sup> Berdasarkan kepada Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan 2020 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Semua negeri menunjukkan peningkatan insiden kemiskinan mutlak kecuali WP Putrajaya antara tahun 2019 dan 2020. Selain itu, semua negeri kecuali WP Kuala Lumpur mencatatkan penurunan insiden kemiskinan mutlak antara tahun 2020 dan 2022. Insiden kemiskinan yang tinggi masih wujud di negeri yang kurang membangun, terutama Sabah sebanyak 19.7% pada tahun 2022 (2019: 19.5%), Kelantan sebanyak 13.2% (2019: 12.4%) dan Sarawak sebanyak 9% (2019: 10.8%).

WP Kuala Lumpur mencatatkan peningkatan yang ketara dalam insiden kemiskinan mutlak daripada 0.2% pada tahun 2019 kepada 0.4% pada tahun 2020, dan kepada 1.4% pada tahun 2022, bertentangan dengan trend insiden kemiskinan. Analisis terperinci menunjukkan peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh kenaikan harga bagi item dalam PGK bukan makanan di WP Kuala Lumpur, daripada RM1,107 pada tahun 2019 kepada RM1,707 pada tahun 2022. Ini menunjukkan kewujudan semula kelompok kemiskinan di kawasan bandar.

## Kesimpulan

Usaha Malaysia dalam pembasmian kemiskinan dan pembangunan inklusif telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan. Walau bagaimanapun, pandemik COVID-19 memberikan cabaran yang tidak pernah berlaku sebelum ini, yang mengakibatkan peningkatan kadar kemiskinan pada tahun 2020. Kadar kemiskinan mula menurun pada tahun 2022 berikutan pemulihan ekonomi negara pasca pandemik COVID-19, yang disokong oleh pelaksanaan pelbagai program dan projek pembasmian kemiskinan. Dalam melangkah ke hadapan, adalah penting untuk mengekalkan dan menangani kesenjangan yang masih wujud bagi memastikan kesejahteraan rakyat terus ditingkatkan. Pangkalan Data Utama (PADU) akan memudah cara usaha Kerajaan membasi kemiskinan melalui intervensi berdasarkan bukti.

## Strategi A1: Meningkatkan Pendapatan Golongan Miskin


### Mempertingkatkan, Mempelbagai dan Melindungi Pendapatan

Program penjanaan pendapatan yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi bagi membantu golongan miskin untuk berdikari dari segi ekonomi akan terus dipertingkatkan. Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang dimulakan pada tahun 2023, akan dipergiat bagi melengkapi program dan inisiatif pembasmian kemiskinan yang sedia ada. Program ini akan membolehkan golongan miskin untuk mempelbagaikan sumber pendapatan secara mampan, seterusnya melindungi golongan ini daripada jatuh semula ke perangkap kemiskinan. Skim insurans atau takaful mampu bayar akan diperkenalkan bagi melindungi pendapatan isi rumah miskin. Tumpuan yang lebih besar akan diberi kepada daerah yang mempunyai insiden kemiskinan tertinggi, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 6-2*.



*Paparan 6-2*

## Taburan Insiden Kemiskinan mengikut Daerah, 2022



### Menambah Baik Keberkesanan dalam Menangani Kemiskinan

Pelaksanaan program pembasmian kemiskinan akan diperkuuh melalui pendekatan keseluruhan negara melibatkan sektor awam dan swasta, akademia, pertubuhan masyarakat sivil (CSO), pertubuhan berdasarkan komuniti (CBO) dan komuniti setempat. Pemimpin komuniti akan diperkasa dan diberi pendedahan sewajarnya untuk menerjui aktiviti ekonomi setempat yang berkaitan. Pendekatan ini akan mengoptimumkan penggunaan sumber merentas semua pihak berkepentingan dalam menoktahkan kemiskinan tegar.

Program pindahan tunai akan disemak semula berdasarkan kedudukan fiskal Kerajaan dan diperkemas untuk menambah baik keberkesanan.

Selaras dengan inisiatif pendigitalan Kerajaan, pendaftaran, pengesahan dan pemantauan program IPR akan dilaksanakan melalui platform dalam talian. Usaha ini akan meningkatkan ketelusan dan memperluas jangkauan kepada pemohon. Di samping itu, usaha ini akan meminimumkan ralat pemasukan dan penyisihan serta membolehkan proses pemantauan dan penilaian yang lebih baik. Ringkasan mengenai IPR adalah seperti ditunjukkan dalam Kotak 6-2.

## Kotak 6-2

### Inisiatif Pendapatan Rakyat

#### Latar Belakang

Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) telah diumumkan oleh Perdana Menteri untuk menokthahkan kemiskinan tegar semasa Ucapan Belanjawan 2023 di Dewan Rakyat pada 24 Februari 2023. Seterusnya, Menteri Ekonomi telah melancarkan program IPR pertama pada 26 Februari 2023. Pelaksanaan IPR memberi tumpuan kepada usaha membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan ketidaksamarataan selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025, Malaysia MADANI dan Agenda 2030.

#### Objektif IPR

IPR dengan strategi serampang dua mata bertujuan untuk meningkatkan pendapatan kumpulan sasar dan menangani isu struktur termasuk peningkatan kos sara hidup serta kebergantungan yang tinggi terhadap import makanan dan buruh asing. Pelaksanaan inisiatif ini adalah berdasarkan pendekatan keseluruhan negara yang melibatkan kerjasama dalam kalangan kerajaan Persekutuan, negeri dan tempatan, serta rakan strategik termasuk sektor swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), CSO dan CBO.

#### Pelaksanaan IPR

Pada masa ini, IPR terdiri daripada tiga program, iaitu Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN), Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN). Di samping itu, Inisiatif Pembasmian Miskin Tegar (Inisiatif BMT) telah dijenamakan semula dan diintegrasikan di bawah IPR. Inisiatif ini direka untuk menangani isu yang sering dihadapi oleh rakyat seperti harga makanan yang tinggi, gangguan bekalan makanan, pengangguran dan platform pemasaran yang terhad.

#### INSAN

INSAN bertujuan untuk menggalakkan keusahawanan dengan menyediakan makanan sedia untuk dimakan yang berkualiti pada harga yang berpatutan. Program ini akan melibatkan penyediaan platform kepada peserta untuk memasarkan produk makanan menggunakan mesin layan diri di lokasi strategik. Di bawah program ini, Kerajaan akan menyediakan bantuan dalam bentuk bayaran sewa mesin untuk tempoh dua tahun.

#### INTAN

INTAN memberi tumpuan kepada pengeluaran tanaman strategik, seperti cili dan jagung bijirin bagi mengurangkan kebergantungan kepada import. Di bawah program ini, bantuan akan disediakan dalam bentuk input pertanian dan peralatan moden, latihan dan khidmat nasihat teknikal serta elauan pra-penuaian. Program ini akan dilaksana di seluruh negara melalui kerjasama dan kolaborasi antara pelbagai pihak, termasuk kementerian, agensi, kerajaan negeri dan sektor swasta.

#### IKHSAN

IKHSAN bertujuan untuk mewujudkan peluang pekerjaan dengan gaji yang berpatutan terutama yang melibatkan pekerjaan 3D (kotor, bahaya dan sukar), yang pada masa ini menggaji ramai pekerja asing. Program ini bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan yang tinggi kepada penyedia perkhidmatan yang menggaji pekerja asing. Kerajaan akan menampung sebahagian daripada gaji bagi tempoh dua tahun.

#### Inisiatif BMT

Inisiatif BMT adalah program yang disasarkan untuk membasmikan kemiskinan tegar di seluruh negara, dengan tumpuan utama kepada pendekatan secara individu. Inisiatif ini bertujuan membantu golongan miskin tegar untuk menjana pendapatan tambahan melalui aktiviti pertanian dan keusahawanan. Bantuan yang diberikan oleh Kerajaan meliputi latihan, peralatan dan nasihat teknikal serta sokongan pemasaran daripada agensi berkaitan.

Permohonan penyertaan IPR adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang memenuhi syarat. Permohonan boleh dibuat melalui laman web: [www.ipr.ekonomi.gov.my](http://www.ipr.ekonomi.gov.my). Sehingga 14 Ogos 2023, seramai 106,491 individu telah berdaftar sebagai pemohon. Kelayakan peserta disemak melalui semakan silang dengan pangkalan data berkaitan seperti Bank Data Kemiskinan Nasional (eKasih), Sistem Informasi Data Maklumat Masyarakat Orang Asli (iDamak) dan Sistem Sumbangan Tunai Rahmah (MySTR).

## Strategi A2: Menambah Baik Taraf Hidup dan Akses kepada Perkhidmatan Penting

### Meningkatkan Akses kepada Pendidikan dan Latihan Kemahiran Berkualiti

Asuhan dan didikan awal kanak-kanak (ECCE) bersubsidi akan diperluas bagi menawarkan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang lebih berpatutan dan berkualiti tinggi. Bantuan untuk pembelajaran digital akan terus disediakan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah. Intervensi bersasar seperti tuisyen, biasiswa dan bantuan tunai akan diteruskan untuk mengurangkan kecinciran dalam kalangan pelajar daripada isi rumah miskin.

TVET dan program berasaskan kemahiran akan digalakkan melalui pemanduan pekerjaan dengan kerjasama sektor swasta untuk meningkatkan penyertaan dalam kalangan ahli isi rumah miskin. Di samping itu, biasiswa akan ditawarkan kepada anak pertama yang layak untuk melanjutkan pelajaran di institusi pendidikan tinggi (IPT) daripada isi rumah miskin. Inisiatif ini bertujuan untuk menggalakkan peningkatan tahap mobiliti sosial dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ahli isi rumah miskin.

### Menambah Baik Outcome Kesihatan

Skim Perubatan MADANI akan dilaksana bagi membolehkan isi rumah miskin mendapat akses yang lebih baik kepada penjagaan kesihatan, termasuk daripada penyedia penjagaan kesihatan swasta. Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan akan terus dipertingkat bagi memastikan outcome kesihatan yang lebih baik untuk kanak-kanak. Di samping itu, sukan komuniti akan digalakkan untuk amalan gaya hidup sihat dalam kalangan isi rumah miskin. Pencegahan dan pengurusan awal penyakit, khususnya penyakit tidak berjangkit akan ditambah baik untuk menangani isu kesihatan ini yang semakin ketara dalam kalangan golongan miskin.

### Menambah Baik Keadaan Tempat Tinggal dan Kemudahan Asas

Penyediaan program bantuan perumahan akan terus dilaksana berdasarkan keperluan untuk membina, membaik pulih dan membaiki rumah usang bagi menambah baik keadaan tempat tinggal golongan miskin, terutama dalam kalangan isi rumah miskin tegar. Utiliti asas dan perkhidmatan komunikasi seperti air bersih, elektrik dan ketersambungan jalur lebar akan dipertingkat, terutama di kawasan pedalaman. Isi rumah berpendapatan rendah akan terus menerima manfaat daripada utiliti bersubsidi.

## Bidang Fokus B: Memperkasakan Isi Rumah Mudah Terjejas

Beberapa strategi akan dilaksana untuk memperkasakan isi rumah mudah terjejas, terutama dalam kalangan B40. Tumpuan akan diberi bagi meluaskan peluang ekonomi dan perlindungan serta meningkatkan akses kepada perkhidmatan asas. Usaha juga akan diambil untuk meningkatkan taraf sosioekonomi isi rumah Cina dan India berpendapatan rendah.



### Strategi B1: Meluaskan Peluang Ekonomi dan Perlindungan

#### Meningkatkan Keupayaan dan Kemampuan

Keupayaan dan kemampuan B40 akan terus diperkuuh melalui pelaksanaan program yang direka khusus dan berdasarkan komuniti. Ahli isi rumah B40 akan terus disokong untuk mengikuti pendidikan tinggi dan menjalani latihan kemahiran, termasuk program kelayakan mikro bagi meningkatkan kebolehpasaran dan keupayaan keusahawanan. B40 juga akan digalakkan untuk memanfaatkan teknologi terkini seperti automasi, pemasaran dalam talian dan platform perniagaan digital. Inisiatif ini akan meningkatkan dan mempelbagaikan sumber pendapatan B40.

## Menggalakkan Keusahawanan

SE akan dimanfaatkan untuk mewujudkan perniagaan berdasarkan komuniti yang mampan serta peluang pekerjaan dan pendapatan untuk B40, di samping menyelesaikan isu sosial dan mengoptimumkan sumber tempatan. Di samping itu, pendekatan perniagaan inklusif akan terus digalakkan untuk membolehkan B40 menyertai rantaian nilai perniagaan. Komuniti B40 juga akan digalakkan untuk terlibat dalam aktiviti menjana pendapatan melalui koperasi.

B40 juga akan menerima manfaat daripada peluang keusahawanan di bawah program IPR. Selain itu, B40 akan terus digalakkan untuk menyertai aktiviti ekonomi gig yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi seperti pembangunan kandungan digital serta perkhidmatan berdasarkan pengetahuan dan kreatif, sebagai sumber pendapatan tambahan. Di samping itu, akses kepada pembiayaan akan dipermudah lagi bagi menggalakkan keusahawanan dalam kalangan B40.

## Mengurangkan Kerentanan Pendapatan

B40 digesa menyertai skim insurans pekerjaan secara sukarela di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan membuat caruman pencegahan secara sukarela di bawah KWSP bagi mengurangkan kerentanan pendapatan semasa kejutan ekonomi. Pendidikan kewangan dalam kalangan B40 akan diperkuuh untuk menggalakkan perbelanjaan yang bertanggungjawab dan keutamaan menyimpan. Dalam hubungan ini, program kesedaran kewangan juga akan dipergiat untuk mengelakkan B40 daripada menjadi mangsa penipuan kewangan. Di samping itu, B40 juga digalakkan untuk melanggar polisi insurans hayat dan kesihatan.

## Menangani Kenaikan Kos Sara Hidup

Majlis Tindakan Sara Hidup Negara akan mempergiat usaha bagi menangani peningkatan kos sara hidup yang menjelaskan kuasa beli dan kesejahteraan rakyat. Dalam hubungan ini, subsidi bersasar akan ditambah baik dan indeks untuk mengukur kos sara hidup mengikut lokaliti akan dibangunkan. Inisiatif Payung Rahmah dan Jualan Terus dari Ladang yang menawarkan barang dan perkhidmatan mampu bayar kepada pengguna akan diperluas ke lebih banyak lokaliti.

## Strategi B2: Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Asas

### Meningkatkan Akses kepada Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Inisiatif PeKa B40 yang menyediakan bantuan kewangan untuk mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan peralatan perubatan akan terus digalakkan. Selain itu, potensi wakaf dan koperasi akan dioptimumkan untuk menyokong keperluan penjagaan kesihatan B40. Keperluan ini termasuk penyediaan klinik kesihatan, pusat dialisis dan perkhidmatan ambulans.

### Menangani Keperluan Perumahan

Program perumahan sedia ada akan terus dilaksana dengan keutamaan kepada isi rumah berpendapatan rendah. Program perumahan RTO akan diperluas bagi menyediakan akses pembiayaan pemilikan rumah yang lebih baik. Selain itu, peraturan penyewaan baharu akan diperkenalkan untuk menggalakkan penyewaan sebagai alternatif kepada pemilikan rumah.

## Strategi B3: Meningkatkan Status Sosioekonomi Isi Rumah Cina dan India Berpendapatan Rendah

### Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Cina Berpendapatan Rendah

Akses kepada kemudahan pembiayaan perniagaan di bawah PKBC akan ditambah baik dengan memudahkan prosedur dan menyediakan skim pinjaman baharu antara RM50,001 hingga RM150,000. Penambahbaikan ini akan menyediakan lebih banyak kaedah pembiayaan bagi tujuan pengembangan perniagaan dan penjanaan pendapatan. Penilaian impak ke atas kemudahan pembiayaan akan dilaksana untuk mengukur outcome PKBC. Aktiviti komersial akan digalakkan untuk mewujudkan peluang perniagaan kepada belia.

Kajian akan dilaksana untuk menilai keadaan dan keperluan semasa isi rumah Cina berpendapatan rendah di Kampung Baru seluruh negara. Hasil kajian ini akan digunakan untuk menambah baik perancangan sosioekonomi komuniti ini. Peranan dan fungsi majlis dan jawatankuasa kampung akan diperkuuh

untuk memudah cara pelaksanaan program di Kampung Baru dengan lebih berkesan. Selain itu, perkhidmatan dan kemudahan awam akan ditambah baik untuk meningkatkan taraf hidup penduduk, termasuk warga emas. Di samping itu, Kampung Baru yang mempunyai potensi pelancongan akan ditransformasi dan dipromosikan sebagai destinasi pelancongan melalui kerjasama dengan sektor swasta, CBO dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan.

### **Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah India Berpendapatan Rendah**

Pelaksanaan *Malaysian Indian Blueprint* dan Pelan Tindakan Masyarakat India akan diteruskan bagi meningkatkan kesejahteraan isi rumah India berpendapatan rendah. Usaha akan ditumpukan ke arah menambah baik akses kepada pendidikan berkualiti, termasuk program TVET dan program sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) yang berkualiti serta menangani isu pencapaian pendidikan yang rendah dan kadar keciciran yang tinggi dalam komuniti ini. Program peningkatan kemahiran bersasar akan ditawarkan untuk meningkatkan kebolehpasaran kaum India berpendapatan rendah. Peluang keusahawanan juga akan dipertingkatkan melalui kemudahan kredit mikro. Program untuk memperkasakan wanita serta menangani fungsi keluarga yang pincang dan isu sosial dalam kalangan belia akan ditambah baik.

### **Bidang Fokus C: Memudah Cara M40**

Usaha bersepadu akan dipergiat untuk meningkatkan kesejahteraan M40. Tumpuan akan diberi bagi mempertingkatkan penjanaan pendapatan serta menambah baik perlindungan kesihatan dan pekerjaan, dan akses kepada perumahan. Langkah ini akan menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang inklusif dan lebih berdaya tahan.

**Strategi C1**

**Mempertingkatkan Penjanaan Pendapatan**

**Strategi C2**

**Menambah Baik Perlindungan Kesihatan dan Pekerjaan, dan Akses kepada Perumahan**

### **Strategi C1: Mempertingkatkan Penjanaan Pendapatan**

#### **Melonjakkan Pendapatan**

Tumpuan akan diberi untuk menggalakkan pendidikan dan pembelajaran berterusan serta peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula dalam kalangan isi rumah M40 bagi meningkatkan pendapatan. Penyertaan dalam aktiviti keusahawanan dan ekonomi perkongsian menggunakan platform digital dan portfolio pelaburan yang menjana pendapatan akan terus digalakkan. Di samping itu, sektor swasta akan digalakkan untuk menambah baik gaji dan faedah bukan gaji pekerja, seperti perlindungan penjagaan kesihatan, aturan kerja yang fleksibel dan kemudahan penjagaan kanak-kanak bagi meningkatkan pendapatan boleh guna M40. Selain itu, langkah fiskal untuk meningkatkan pendapatan boleh guna juga akan diteroka.

### **Strategi C2: Menambah Baik Perlindungan Kesihatan dan Pekerjaan, dan Akses kepada Perumahan**

#### **Menggalakkan Penyertaan dalam Insurans Kesihatan dan Pekerjaan**

M40 akan terus digalakkan untuk melanggar insurans kesihatan, manakala pekerja dalam pekerjaan tidak formal digesa untuk mencarum dalam insurans pekerjaan dan caruman pencen secara sukarela. Dalam hubungan ini, program kesedaran berkaitan faedah perlindungan insurans akan diperluaskan. Selain itu, pelepasan cukai pendapatan sedia ada ke atas insurans kesihatan dan hayat akan disemak semula.



## Menyediakan Perumahan Mampu Milik

Lebih banyak sesi libat urus akan dilaksana dengan kerajaan negeri dan sektor swasta untuk menyediakan perumahan mampu milik yang berkualiti di lokasi strategik, terutama dalam konurbasi bandar dan kawasan pembangunan berorientasikan transit. Program perumahan RTO akan diperkuatkan bagi meningkatkan akses kepada perumahan dengan memudahkan cara ansuran bulanan yang mampu bayar. Program ini akan meningkatkan daya huni dan kesejahteraan M40.

## Bidang Fokus D: Mengurangkan Ketidaksamarataan

Usaha menangani ketidaksamarataan memerlukan pemahaman yang komprehensif terhadap ciri-ciri ketidaksamarataan semasa dan pendekatan yang holistik untuk mengurangkan perbezaan. Dalam hubungan ini, penekanan akan diberi dalam menambah baik akses kepada pelbagai peluang dan memperkuatkan perlindungan sosial. Strategi ini akan menyumbang kepada usaha menangani ketidaksamarataan outcome bagi menggalakkan kesepadan sosial dan keadilan untuk semua.

Strategi D1

Menambah Baik Akses kepada Peluang

Strategi D2

Memperkuatkan Perlindungan Sosial

### Strategi D1: Menambah Baik Akses kepada Peluang

#### Meningkatkan Akses kepada Peluang untuk Semua

Infrastruktur dan perkhidmatan asas akan ditambah baik bagi menyediakan akses yang sama rata kepada peluang yang diperlukan untuk peningkatan tahap mobiliti sosioekonomi dalam generasi dan antara generasi. Infrastruktur asas seperti elektrik, air dan telekomunikasi akan dipastikan lebih mudah diakses merentasi kumpulan sosioekonomi dan lokasi geografi. Selain itu, pendidikan dan kemahiran akan ditambah baik untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuan. Penjagaan kesihatan yang mampu bayar dan berkualiti akan digalakkan melalui pendekatan kitaran hayat.

## Menerima Pakai Dasar Ekonomi Inklusif

Dasar inklusif akan terus menjadi tonggak utama dalam pembangunan sosioekonomi, termasuk dengan menggalakkan pelaburan di kawasan yang kurang diberi tumpuan serta menyokong PMKS dan aktiviti keusahawanan. Di samping itu, dasar berkaitan gaji yang adil dan bermakna serta hak pekerja akan dirangka. Selain itu, pelaburan dalam modal insan akan dipertingkatkan untuk persediaan kepada pekerjaan dan cabaran masa hadapan.

## Menambah Baik Langkah Fiskal

Dasar cukai progresif yang memastikan individu dan syarikat yang berpendapatan tinggi menyumbang secara lebih berkadaran kepada masyarakat akan diteroka selaras dengan amalan terbaik antarabangsa. Di samping itu, pengagihan semula sumber secara cekap akan merapatkan jurang pendapatan dan menyediakan sumber untuk program sosial. Dalam hubungan ini, pendekatan progresif dalam melaksanakan subsidi bersasar akan diterima pakai.

## Menggalakkan Keterangkuman Kewangan

Penyediaan perkhidmatan kewangan yang sesuai, berpatutan dan berkualiti kepada semua lapisan masyarakat akan diperluas bagi meningkatkan keterangkuman kewangan. Literasi kewangan akan dipertingkatkan dalam kalangan kanak-kanak dan belia untuk memupuk tingkah laku kewangan yang baik. Program pendidikan mengenai produk pelaburan dan kewangan akan dipergiat untuk menggalakkan simpanan dan pengurusan kewangan yang berhemat.

### Strategi D2: Memperkuatkan Perlindungan Sosial

#### Merangka Dasar berkaitan Perlindungan Sosial

Sistem perlindungan sosial negara akan diperkuatkan untuk menyediakan perlindungan yang bersasarkan sepanjang hayat sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Reformasi Perlindungan Sosial. Dalam hubungan ini, kajian kolaboratif dengan UNDP yang sedang dilaksana bertujuan memperkuatkan dasar perlindungan sosial untuk pembangunan dan pertumbuhan inklusif. Kajian ini akan memberi panduan dalam membangunkan dasar perlindungan sosial negara yang terselaras dan inklusif serta mempertingkatkan kerangka dasar PDPS. Selain itu, program pembangunan kapasiti akan dilaksana untuk memperkuatkan keupayaan teknikal dan institusi dalam kalangan penyedia perlindungan sosial yang berkaitan.

## Memperkuuh Majlis Perlindungan Sosial Malaysia

Peranan Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) akan diperkuuh dengan mengharmonikan dan mempergiat pelbagai program di bawah teras bantuan sosial, insurans sosial dan intervensi pasaran buruh. Di samping itu, program bantuan sosial akan diperkuuh dengan menambah baik penyampaian perkhidmatan dan pentadbiran, memastikan ketepatan data dan penerima yang layak serta membolehkan akses kepada data masa nyata. Pemetaan bagi insurans sosial dan intervensi pasaran buruh akan dilaksana selepas pemetaan bantuan sosial selesai. Pelaksanaan pemetaan yang lengkap akan memastikan PDPS berfungsi sebagai gerbang tunggal dan sumber rujukan utama bagi program perlindungan sosial. PDPS akan disepadukan dengan PADU bagi menyediakan data rujukan tunggal yang saling kendali.

## Bidang Fokus E: Mencapai Outcome yang Saksama untuk Bumiputera

Agenda Bumiputera akan kekal menjadi agenda nasional bagi mencapai pertumbuhan sosioekonomi yang adil, saksama dan inklusif. Strategi yang akan dilaksana termasuk memperkuuh penyampaian perkhidmatan, mengembangkan perniagaan Bumiputera dan meningkatkan penciptaan kekayaan Bumiputera. Usaha juga akan diambil bagi memperkasakan modal insan dan meningkatkan literasi kewangan serta memastikan pemilikan ekuiti korporat yang mampan.



### Strategi E1: Memperkuuh Penyampaian Perkhidmatan

#### *Memperkuuh Peranan Agensi Mandat Bumiputera dan Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera*

Penjajaran semula strategi agensi mandat Bumiputera berdasarkan peranan dan fungsi asal masing-masing akan memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan. Petunjuk prestasi utama (KPI) yang dikongsi bersama untuk agensi mandat Bumiputera akan diwujudkan bagi tujuan ini. Peranan dan fungsi TERAJU akan disemak semula sebagai agensi penyelaras utama bagi agenda Bumiputera. Peranan UPAB di kementerian akan diperkuuh bagi menambah baik keberkesanan pengawal selia sektor ke arah meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi.

#### *Menambah Baik Tadbir Urus Agensi Mandat Bumiputera*

Integriti dan tadbir urus agensi mandat Bumiputera akan terus diperkuuh melalui inisiatif kerjasama dengan Institut Integriti Malaysia (IIM). Inisiatif ini akan memanfaatkan program latihan, advokasi dan konsultasi sedia



ada di bawah IIM. Program ini akan membantu agensi mandat Bumiputera untuk memperoleh pensijilan *International Organization for Standardization* (ISO), seterusnya membina kredibiliti dan mendapat kepercayaan daripada pihak berkepentingan.

## Strategi E2: Mengembangkan Perniagaan Bumiputera

### Meningkatkan Daya Saing Perusahaan Bumiputera

Pelaksanaan dasar *carve-out and compete* bagi projek pembangunan akan dipergiat untuk meningkatkan penyertaan dan daya saing perusahaan Bumiputera. Selain itu, dasar pemisah akan dilaksana bagi memudah cara peralihan usahawan sedia ada ke tahap yang lebih tinggi, di samping menyediakan peluang kepada usahawan baharu. Latihan yang bersesuaian seperti simpan kira, penulisan cadangan perniagaan dan pengurusan aliran tunai akan dijadikan mandatori kepada usahawan yang memohon pembiayaan kerajaan. Latihan ini akan meningkatkan set kemahiran usahawan dan menggalakkan pengurusan kewangan yang teratur.

Usahawan Bumiputera juga akan digalakkan untuk memanfaatkan platform digital dan teknologi kewangan (*fintech*) untuk perkembangan perniagaan. Jaguh dalam sektor peruncitan akan dibantu untuk ditempatkan dan beroperasi di kawasan komersial terkemuka bagi menggalakkan penyertaan Bumiputera di kawasan tersebut. Koperasi dan dewan perniagaan Bumiputera

akan diperkasakan untuk mengembangkan perniagaan Bumiputera dan seterusnya membolehkan penyertaan di sepanjang rantaian bekalan.

### Menembusi Pasaran Global

Usahawan Bumiputera akan dibantu untuk mematuhi piawaian antarabangsa, termasuk melalui pensijilan bagi menembusi pasaran global. Langkah ini juga akan dilaksana untuk meningkatkan penyertaan dalam promosi perdagangan serta mengenal pasti pasaran baharu bagi produk dan perkhidmatan Bumiputera. Selain itu, perniagaan Bumiputera akan digalakkan untuk memanfaatkan perjanjian perdagangan bebas (FTA) melalui kerjasama antara agensi mandat Bumiputera dan syarikat multinasional terpilih. Kajian akan dilaksana untuk menilai impak FTA terhadap sosioekonomi Bumiputera dan mencadangkan dasar intervensi.

### Memperkuuh Peranan Kementerian dan Agensi bagi Menggalakkan Keusahawanan

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) diberi tanggungjawab sebagai penyelaras tunggal program keusahawanan merentas kementerian dan agensi. Semua program keusahawanan akan dijajarkan mengikut mandat kementerian dan agensi. Peranan IPT akan diperkuuh bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan graduan Bumiputera untuk beralih daripada menjadi pencari pekerjaan kepada pencipta pekerjaan. Selain itu, IPT akan digalakkan untuk mempertingkatkan kolaborasi dengan agensi berkaitan bagi memudah cara graduan meneruskan perniagaan setelah menamatkan pengajian.

## Strategi E3: Meningkatkan Penciptaan Kekayaan Bumiputera

### Mengkaji Semula Dasar Sedia Ada mengenai Tanah Rizab Melayu

Dasar sedia ada mengenai pembatalan dan pengantian Tanah Rizab Melayu akan dikaji semula untuk memastikan proses penilaian tanah gantian adalah setimpal dengan ciri-ciri tanah asal. Di samping itu, kaveat atau sekatan kepentingan ke atas hak milik tanah akan dikenakan bagi Tanah Rizab Melayu milik agensi mandat Bumiputera. Selain itu, mekanisme untuk memantau pindah milik secara langsung dan tidak langsung bagi Tanah Rizab Melayu kepada kepentingan bukan Melayu akan ditambah baik. Langkah ini akan memastikan Tanah Rizab Melayu sedia ada adalah terpelihara.

### Mengoptimumkan Potensi Wakaf

Potensi wakaf akan dioptimumkan sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Memperkasa PMKS dan SE. Usaha juga akan dipergiat untuk melaksanakan pembangunan komersial di atas tanah wakaf yang berpotensi melalui kerjasama strategik dalam kalangan pihak berkuasa agama Islam negeri, agensi mandat Bumiputera dan sektor swasta. Di samping itu, entiti wakaf korporat akan membeli dan menyewakan harta tanah komersial kepada perusahaan Bumiputera Muslim di kawasan utama bagi menjana pendapatan dan meningkatkan keberadaan perusahaan milik Bumiputera Muslim di kawasan ini. Langkah ini juga akan dilaksana untuk meningkatkan wakaf tunai di bawah Yayasan Wakaf Malaysia untuk membiayai lebih banyak projek sosioekonomi.



### Menambah Baik Maklumat Hartanah untuk Bumiputera Tidak Terjual

Maklumat mengenai harta tanah untuk Bumiputera yang tidak terjual akan dipaparkan di platform dalam talian *Unsold Property Inquiry System Malaysia*, di bawah Pusat Maklumat Harta Tanah Negara. Inisiatif ini akan menyediakan maklumat kepada lebih ramai bakal pembeli Bumiputera. Selain itu, pelaksanaan dan pemantauan kuota perumahan Bumiputera sedia ada pada peringkat negeri akan dikaji semula bagi menambah baik dan memudahkan cara pemilikan rumah.

### Memudah Cara Pemilikan Hartanah Komersial

Program RTO akan diperluas dengan penglibatan lebih banyak agensi mandat Bumiputera untuk meningkatkan pemilikan harta tanah komersial Bumiputera. Di samping itu, kerjasama antara agensi berkaitan akan diperkuat untuk melaksanakan pembangunan harta tanah komersial di lokasi terpilih. Kajian akan dilaksana oleh Pelaburan Hartanah Berhad untuk meneroka potensi pelaburan dalam harta tanah komersial di enam negeri kurang membangun.

## Strategi E4: Memperkasakan Modal Insan dan Meningkatkan Literasi Kewangan

### Meningkatkan Kebolehpasaran Huffaz, OKU dan Pesalah Juvana

Penyertaan huffaz, OKU dan pesalah juvana Bumiputera dalam pekerjaan mahir akan dipertingkatkan dengan memperluas program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula. Dalam hubungan ini, program TVET akan dimanfaatkan untuk menyediakan set kemahiran yang berkaitan bagi meningkatkan kebolehpasaran. Di samping itu, pelaksanaan program pemupukan dan pembangunan akan dipergiat untuk membina kemahiran insaniah yang diperlukan.

### Menggalakkan Kesedaran Kewangan

Program pendidikan kewangan akan dilaksana bagi meningkatkan literasi kewangan dalam kalangan kanak-kanak daripada isi rumah Bumiputera berpendapatan rendah. Program kesedaran kewangan juga akan ditumpukan kepada isi rumah Bumiputera yang berpendapatan rendah. Program ini adalah untuk menggalakkan simpanan persaraan yang mencukupi, khususnya melalui caruman sukarela dalam KWSP.

## Strategi E5: Memastikan Pemilikan Ekuiti Korporat yang Mampan

### Mempercepatkan Pertumbuhan Pemilikan Ekuiti

Syarikat Bumiputera pasaran pertengahan yang berpotensi tinggi akan digalakkan untuk memanfaatkan Dana Asas berjumlah RM100 juta dengan had pelaburan antara RM10 juta hingga RM30 juta di bawah Ekuiti Nasional Berhad bagi mempercepat pertumbuhan. Mulai tahun 2023, had maksimum bagi pelaburan ASB dinaikkan daripada RM200,000 kepada RM300,000 untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera. Program kesedaran berkaitan peluang pelaburan ekuiti akan diperluas bagi mempercepat pertumbuhan pemilikan ekuiti Bumiputera. Selain itu, Program Saham Khas Bumiputera akan dikaji semula untuk meningkatkan keberkesanan program ini.

## Bidang Fokus F: Meningkatkan Pembangunan Masyarakat Orang Asli

Usaha akan dipergiat untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat Orang Asli. Dalam hubungan ini, strategi akan dilaksana, termasuk mempercepat pembangunan sosioekonomi dan memperkuuh pendidikan sebagai pemangkin pembangunan. Usaha ini dijangka dapat meningkatkan lagi pembangunan masyarakat Orang Asli.



## Strategi F1: Mempercepat Pembangunan Sosioekonomi

### Merangka Pelan Pembangunan Sosioekonomi

Kajian untuk merangka pelan pembangunan yang komprehensif bagi meningkatkan status sosioekonomi Orang Asli akan disiapkan pada tahun 2025. Kajian ini akan mengemukakan cadangan untuk memperkuuh tadbir urus dan dasar, merangka pelan tindakan serta menetapkan KPI. Pelan pembangunan ini akan dijadikan rujukan dalam merancang pembangunan sosioekonomi Orang Asli.

### Meningkatkan Pendapatan

Orang Asli akan digalakkan untuk terlibat dalam perladangan tanaman komersial, seperti kelapa sawit, getah dan koko melalui penanaman semula dan peluasan kebun kecil sedia ada untuk meningkatkan pendapatan. Di samping itu, Orang Asli akan dibantu untuk mengkomersialkan kraftangan tradisional, hasil hutan dan penternakan lebah sebagai sumber pendapatan tambahan. Kemudahan pembiayaan mikro dan latihan kemahiran akan dipertingkatkan bagi membolehkan Orang Asli mencebur perniagaan.

Strategi F1

Mempercepat Pembangunan Sosioekonomi

Strategi F2

Memperkuuh Pendidikan sebagai Pemangkin  
Pembangunan

### Memperluas Infrastruktur, Perkhidmatan dan Kemudahan Asas

Usaha akan diperkuuh untuk meningkatkan taraf hidup Orang Asli dengan menambah baik infrastruktur, perkhidmatan dan kemudahan asas. Penyediaan air bersih, elektrik dan telekomunikasi akan diperluas dan dinaik taraf, manakala perumahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan akan dipertingkat. Kerajaan negeri akan digalakkan untuk memudah cara penyediaan infrastruktur untuk Orang Asli.

## Strategi F2: Memperkuuh Pendidikan sebagai Pemangkin Pembangunan

### *Menambah Baik Pendidikan Orang Asli*

Langkah akan dipergiat untuk menambah baik akses kepada ECCE yang akan membolehkan kanak-kanak masyarakat Orang Asli memperoleh kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M). Selain itu, pengajaran yang inovatif dan kaedah pembelajaran yang bersesuaian akan diguna pakai untuk meningkatkan kehadiran murid dan outcome pembelajaran. Program Jom Belajar akan dijajarkan semula untuk meningkatkan literasi murid. Selain itu, lebih banyak sekolah K9 akan dinaik taraf kepada K11 bagi menyediakan 11 tahun persekolahan kepada murid di kawasan pedalaman. Usaha ini akan membolehkan lebih ramai murid Orang Asli melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan tertiari dan seterusnya menjamin peluang pekerjaan yang lebih baik.

Program Membawa Sekolah ke Komuniti akan diperkenalkan melalui kerjasama melibatkan Kerajaan, universiti dan CSO. Program Kelas Komuniti akan diteruskan bagi memastikan golongan dewasa dapat menguasai kemahiran asas 3M. Program pendidikan sedia ada akan ditambah baik dengan memperluas akses kepada TVET dan pendidikan tertiari.

## Bidang Fokus G: Memperkasakan Kumpulan Sasar Khusus

Pelbagai inisiatif akan dilaksana bagi memenuhi keperluan kumpulan sasar khusus dalam membangunkan masyarakat inklusif yang lebih baik. Keutamaan akan diberi dalam meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak, membangunkan belia yang dinamik, berdaya tahan dan berdaya saing serta memperkasakan wanita. Usaha akan dipergiat untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas, memperkasakan OKU dan memperkuuh institusi keluarga.

**Strategi G1** Meningkatkan Kesejahteraan Kanak-kanak

**Strategi G2** Membangunkan Belia yang Dinamik, Berdaya Tahan dan Berdaya Saing

**Strategi G3** Memperkasakan Wanita

**Strategi G4** Mempertingkatkan Kesejahteraan Warga Emas

**Strategi G5** Memperkasakan Orang Kurang Upaya

**Strategi G6** Memperkuuh Institusi Keluarga

## Strategi G1: Meningkatkan Kesejahteraan Kanak-Kanak

### *Menambah Baik Tadbir Urus bagi Perkembangan dan Perlindungan Kanak-Kanak*

Dasar Kanak-Kanak Negara akan disemak semula bagi membangunkan dasar yang lebih komprehensif, manakala pelan tindakan akan dibangunkan bagi memastikan kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak. Jabatan pembangunan kanak-kanak akan ditubuhkan bagi menyediakan perkhidmatan sokongan yang komprehensif kepada kanak-kanak. Laluan khas bagi kanak-kanak lepasan institusi JKM akan dikaji bagi memastikan peluang pendidikan dan kerjaya yang lebih baik melalui kerjasama strategik melibatkan sektor swasta dan institusi kewangan. Langkah untuk menangani masalah bantut akan dipergiat dengan memperluas program pemakanan ke pusat ECCE. Di samping itu, peranan dan bilangan pegawai pelindung kanak-kanak dan pegawai akhlak akan dipertingkat bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak.

yang didera dan diabaikan. Di samping itu, pasukan khusus akan ditubuhkan untuk membasmi pornografi kanak-kanak dan memberkas pelaku melalui kerjasama dengan pelbagai agensi.

## Strategi G2: **Membangunkan Belia yang Dinamik, Berdaya Tahan dan Berdaya Saing**


### *Memperkuuh Pembangunan dan Penyertaan Belia*

Pelan kebangsaan mengenai pemerksaan ekonomi belia dengan tumpuan untuk meningkatkan kebolehpasaran belia akan dilancarkan dalam tempoh akhir RMKe-12. Kajian bagi mengenal pasti profil belia yang berada dalam kategori bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan (NEET) akan dilaksana untuk melibatkan semula kumpulan ini dalam masyarakat. Pengajuran program di bawah inisiatif Rakan Muda fasa baharu akan ditingkatkan dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan untuk membangunkan dan menyerlahkan potensi belia. Selain itu, lebih banyak program akan dilaksana untuk meningkatkan literasi berkaitan demokrasi dalam kalangan belia. Pembangunan dan perkongsian data granul mengenai penyertaan belia dalam program dan inisiatif kerajaan akan diwajibkan kepada semua kementerian dan agensi bagi membolehkan pelaporan, analisis dan penggubalan dasar pembangunan belia yang lebih tepat.

## Strategi G3: **Memperkasakan Wanita**

### *Memperkuuh Tadbir Urus bagi Pemerksaan Wanita*

Gender focal team yang diketuai oleh Gender Focal Point akan ditubuhkan di semua kementerian sebagai usaha bagi mengarus perdana gender dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar. Program advokasi akan dipergiat dan tribunal akan ditubuhkan di bawah Akta Antigangguan Seksual 2022 [ Akta 840 ]. Selain itu, potensi industri penjagaan kanak-kanak, OKU dan warga emas akan diteroka untuk meningkatkan kualiti penjagaan yang diperlukan dalam keluarga. Usaha ini akan menggalakkan penyertaan lebih ramai wanita dalam pasaran buruh dengan matlamat untuk mencapai sasaran 60% kadar penyertaan dalam tempoh 10 tahun.



## Strategi G4: **Mempertingkatkan Kesejahteraan Warga Emas**

### *Memperkuuh Penjagaan dan Sokongan kepada Warga Emas*

Perundungan untuk memastikan hak dan perlindungan warga emas akan diperkenalkan. Program dan perkhidmatan pembangunan geriatrik akan dipergiat bagi memenuhi keperluan warga emas yang semakin meningkat. Latihan untuk penjaga akan dipertingkatkan dan profesion bagi pekerja perkhidmatan sosial akan diiktiraf. Kajian akan dilaksana untuk membangunkan rangka tindakan masyarakat menua sebagai persediaan Malaysia menghadapi negara tua. Selain itu, ketersediaan kemudahan awam sedia ada, terutama di kawasan luar bandar akan dikaji untuk dijadikan pusat untuk menjalankan aktiviti warga emas dalam menggalakkan kehidupan aktif dan produktif.

## Strategi G5: Memperkuatkan Orang Kurang Upaya

### Menyokong Keperluan Orang Kurang Upaya

Akta Orang Kurang Upaya 2008 [ Akta 685 ] akan dipinda bagi memperkuatkan pemerkasaan dan meningkatkan perlindungan hak OKU. Advokasi awam mengenai kepentingan pendaftaran OKU akan dipertingkatkan bagi membolehkan OKU mendapat perkhidmatan yang bersesuaian dengan keperluan dan membantu Kerajaan dalam perancangan dasar untuk OKU. Program jangkauan akan diperluas, terutama di kawasan luar bandar, bagi menambah baik akses kepada maklumat mengenai bantuan dan perkhidmatan untuk OKU. Di samping itu, maklumat mengenai pencari kerja dalam kalangan OKU akan disepadukan dalam portal *MyFutureJobs*, manakala prosedur operasi standard (SOP) pengambilan dalam perkhidmatan awam akan ditambah baik bagi meningkatkan peluang pekerjaan.

## Strategi G6: Memperkuatkan Institusi Keluarga

### Membina Institusi Keluarga yang Kukuh

Dasar Keluarga Negara dan pelan tindakan berkaitan akan dikaji semula untuk memastikan perspektif keluarga dalam pembangunan sosioekonomi terus ditambah baik bagi membina institusi keluarga yang kukuh. Kursus pra perkahwinan sedia ada akan disusun semula dengan memberi tumpuan kepada peranan, tanggungjawab dan hak suami dan isteri serta realiti perkahwinan dan kehidupan berkeluarga. Kursus pasca perkahwinan anjuran agensi kerajaan dan CSO akan ditambah baik. Selain itu, akses kepada perkhidmatan kesihatan reproduktif akan diperluas dan pelaksanaan program kesihatan reproduktif dan pendidikan sosial akan dipergiat. Program perancang keluarga kebangsaan akan disemak semula untuk memperkuatkan kualiti kehidupan keluarga. Program kekeluargaan akan dipergiat bagi memupuk nilai murni dan diajarkan dengan nilai teras Malaysia MADANI.

## Bidang Fokus H: Memperkuatkan Dasar dan Penyampaian Perkhidmatan

Dasar dan penyampaian perkhidmatan akan diperkuatkan untuk perancangan dan pelaksanaan yang holistik bagi membangunkan masyarakat yang inklusif dan lebih berdaya tahan. Strategi memperkuatkan dasar sosioekonomi dan

mengintegrasikan data bagi penyampaian perkhidmatan berdasarkan bukti akan dilaksana. Strategi ini akan menyumbang kepada penggubalan dasar dan bantuan bersasar yang lebih baik untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat.

### Strategi H1

#### Memperkuatkan Dasar Sosioekonomi

## Strategi H1: Memperkuatkan Dasar Sosioekonomi

### Menambah Baik Dasar dan Pengukuran Outcome Sosioekonomi

Dasar dan pengukuran outcome sosioekonomi akan ditambah baik untuk dijadikan panduan yang lebih jelas dalam perancangan dan pelaksanaan program sosioekonomi untuk rakyat. Dasar menyeluruh bagi menangani kemiskinan pada peringkat nasional akan digubal untuk menggalakkan kesinambungan dasar dan penyelesaian dalam kalangan kementerian dan agensi. Di samping itu, dimensi dan petunjuk bagi mengukur ketersisihan isi rumah dalam MPI akan ditambah baik. Kategori pendapatan isi rumah akan disemak semula untuk bantuan bersasar yang lebih tepat.

Kajian sedang dilaksanakan untuk membangunkan rangka kerja yang komprehensif bagi memahami tahap, evolusi dan faktor yang menyumbang kepada ketidaksamarataan secara keseluruhan di Malaysia. Pelbagai ukuran ketidaksamarataan selain daripada pekali Gini akan diteroka. Pengukuran ini bukan sahaja akan menumpukan kepada jurang outcome kewangan tetapi juga aspek yang lebih luas mengenai ekonomi dan peluang. Syor daripada kajian ini akan digunakan sebagai panduan bagi penggubalan dasar untuk memantau dan menangani ketidaksamarataan.

### Mewujudkan Rujukan Data Tunggal


PADU yang merupakan pangkalan data tunggal baharu akan mengintegrasikan semua pangkalan data, termasuk PDPS, eKasih dan Sumbangan Tunai Rahmah. PADU akan digunakan untuk analitis data raya dan keputusan dasar berdasarkan bukti. PADU juga akan digunakan sebagai rujukan utama untuk bantuan sosioekonomi yang merangkumi program pembasmian kemiskinan dan subsidi bersasar.


## Kesimpulan

Dalam tempoh kajian semula RMKe-12, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi mencapai outcome pembangunan yang lebih saksama dan meningkatkan kesejahteraan rakyat secara keseluruhan, selari dengan prinsip pembangunan inklusif, iaitu tiada sesiapa yang tertinggal. Strategi utama yang dilaksana adalah termasuk menangani kemiskinan dan ketidaksamarataan daripada pelbagai dimensi, meningkatkan kuasa beli dan menambah baik taraf hidup. Walau bagaimanapun, isu dan cabaran terus wujud yang sebahagiannya diburukkan lagi oleh polikrisis. Dalam tempoh akhir RMKe-12, usaha akan dipergiat untuk menangani isu dan cabaran dalam membangunkan masyarakat yang inklusif dan lebih berdaya tahan. Dalam hubungan ini, strategi akan menjurus kepada menambah baik kesejahteraan pelbagai dimensi bagi golongan miskin, isi rumah mudah terjejas, Bumiputera, Orang Asli dan kumpulan sasar khusus. Langkah ini adalah seiring dengan aspirasi untuk meningkatkan darjat hidup rakyat.



# Bab





# Meningkatkan Perpaduan, Pertahanan, Keselamatan dan Kesejahteraan

|  |             |
|--|-------------|
| <b>Pendahuluan</b>   | <b>7-2</b>  |
| <b>Prestasi, 2021-2022</b>   | <b>7-3</b>  |
| Pencapaian Sasaran Terpilih  | 7-3         |
| Pencapaian mengikut Bidang Keutamaan   | 7-6         |
| Bidang Keutamaan A: Memperkuuh Perpaduan untuk Negara yang Makmur                | 7-6         |
| Bidang Keutamaan B: Memastikan Keselamatan dan Kedaulatan Negara                 | 7-7         |
| Bidang Keutamaan C: Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan<br>Penjagaan Kesihatan | 7-8         |
| Bidang Keutamaan D: Meningkatkan Bekalan Rumah Mampu Milik<br>yang Berkualiti    | 7-9         |
| Bidang Keutamaan E : Memanfaatkan Sukan bagi Membina Masyarakat<br>yang Aktif    | 7-10        |
| <b>Isu dan Cabaran</b>   | <b>7-12</b> |
| Insiden yang Mencetus Ketidakharmonian Masih Terus Berlaku                       | 7-12        |
| Ancaman terhadap Keselamatan dan Ketenteraman Awam<br>yang Sentiasa Berubah      | 7-12        |
| Jurang Penjagaan Kesihatan yang Melebar  | 7-12        |
| Rumah Mampu Milik dan Berkualiti Belum Mencukupi                                 | 7-12        |
| Potensi Sukan Belum Diteroka Sepenuhnya  | 7-12        |
| <b>Hala Tuju, 2023-2025</b>  | <b>7-13</b> |
| Sasaran Terpilih, 2021-2025  | 7-14        |
| Bidang Fokus A: Memperkuuh Perpaduan untuk Kemakmuran Negara                     | 7-15        |
| Bidang Fokus B: Memastikan Keutuhan Keselamatan dan Kedaulatan Negara            | 7-16        |
| Bidang Fokus C: Menambah Baik Penyampaian Perkhidmatan<br>Penjagaan Kesihatan    | 7-17        |
| Bidang Fokus D: Menambah Perumahan Mampu Milik dan Berkualiti                    | 7-18        |
| Bidang Fokus E : Memanfaatkan Sukan dalam Membina Masyarakat Aktif               | 7-21        |
| <b>Kesimpulan</b>  | <b>7-23</b> |

## Pendahuluan

Usaha meningkatkan perpaduan, pertahanan, keselamatan dan kesejahteraan adalah amat penting ke arah mencapai pembangunan sosioekonomi yang inklusif. Dalam tempoh kajian semula Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), usaha berterusan telah dilaksanakan untuk memperkuuh perpaduan negara, mengekalkan kestabilan negara melalui pertahanan dan keselamatan yang lebih kukuh, menambah baik penjagaan kesihatan, menyediakan perumahan mampu milik dan menggalakkan kehidupan aktif. Walaupun pelbagai langkah telah dilaksanakan, beberapa isu berkaitan perpaduan, keselamatan dan ketenteraman awam, penjagaan kesihatan, perumahan mampu milik dan potensi sukan telah memperlakukan kemajuan dalam meningkatkan kesejahteraan.

Dalam tempoh akhir RMKe-12, usaha akan terus dipergiat bagi memperkuuh perpaduan, memastikan keselamatan dan kedaulatan negara, mempertingkatkan penjagaan kesihatan, menambah perumahan mampu milik dan memanfaatkan sukan untuk pembangunan sosioekonomi. Pelaksanaan strategi ini akan menyumbang ke arah pembangunan Malaysia yang mampan dan sejahtera, dengan seluruh negara mendokong inklusiviti dan kesaksamaan, yang akhirnya akan meningkatkan darjah hidup rakyat. Usaha ini selaras dengan aspirasi 'Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat' dan Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan (Agenda 2030).


## Prestasi, 2021-2022

Sebanyak 12 sasaran telah ditetapkan untuk meningkatkan perpaduan, pertahanan negara, keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Tiga daripada 12 sasaran telah dicapai, tujuh mengikut jadual, manakala dua lagi ketinggalan, seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 7-1*.

### *Paparan 7-1*

#### Pencapaian Sasaran Terpilih

##### Memperkuuh Perpaduan Negara




Indeks Perpaduan Nasional



Penggubalan Dasar Perpaduan


##### Memastikan Keselamatan dan Kedaulatan Negara



Kedudukan dalam Indeks Keamanan Global




Kes Jenayah Indeks bagi setiap 100,000 Penduduk




Masa Respons Polis


## Mempertingkat Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan




Indeks Kesihatan dalam Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI)




Nisbah Doktor kepada Penduduk



Bilangan Katil Hospital bagi setiap 1,000 Penduduk



Pengurangan Risiko Kematian Pramatang




Pengurangan Prevalens Merokok

Nota: <sup>a</sup> Data terkini akan diperoleh setelah National Health and Morbidity Survey dilaksanakan pada tahun 2023.

## Meningkatkan Bekalan Rumah Mampu Milik yang Berkualiti



## Memanfaatkan Sukan dalam Membina Masyarakat Aktif



## Pencapaian mengikut Bidang Keutamaan



### Bidang Keutamaan A: Memperkuuh Perpaduan untuk Negara yang Makmur

#### Strategi A1: Menerima Kepelbagaian sebagai Aset

##### Menggalakkan Interaksi Sosial

- 1,134 program berkaitan perpaduan dilaksana
- 31,865 peserta terlibat dalam 13,645 program di bawah Pelan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga

##### Memanfaatkan Platform Pendidikan

- 761 pelajar mengikuti kursus bahasa etnik di institusi pendidikan tinggi (IPT)
- 960 Tabika Perpaduan menerima pakai sukanan pelajaran bagi Pengajaran Komunikasi Pelbagai Bahasa

#### Strategi A2: Membina Masyarakat yang Lebih Toleran

##### Memperkuuh Patriotisme dan Kesukarelawanan

- 68.4% Rukun Tetangga melantik belia sebagai ahli jawatankuasa
- 388 program berkaitan perayaan keagamaan dan kebudayaan dianjurkan oleh pejabat perwakilan diplomatik Malaysia

#### Strategi A3: Memperkuuh Tadbir Urus

##### Menggubal Dasar mengenai Perpaduan

- Dasar Perpaduan Negara dilancarkan pada tahun 2021

##### Memperkuuh Kerjasama antara Pihak Berkepentingan

- 2,792 pasukan Bomba Komuniti ditubuhkan di seluruh negara sehingga penghujung tahun 2022
- 460 perantara komuniti dilantik



## Bidang Keutamaan B: Memastikan Keselamatan dan Kedaulatan Negara

### Strategi B1: Memelihara Kedaulatan Negara

#### Mengurus Ancaman daripada Pendatang Asing Tanpa Izin dan Kegiatan di Sempadan

- 26,477 individu ditahan
- Aset bernilai RM1.09 bilion dirampas
- 4,314 pendatang asing tanpa izin ditahan dalam operasi bersama
- Enam pos keselamatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) baharu di sempadan antarabangsa Sabah dan Sarawak dibina

#### Mempertingkatkan Keupayaan dan Kemampuan Pertahanan

- 20 kolaborasi diplomasi pertahanan diadakan sehingga penghujung tahun 2022
- Empat *Littoral Mission Ship*, tiga helikopter operasi maritim dan enam *Fast Interceptor Craft* beroperasi

### Strategi B2: Mempergiat Usaha Pencegahan Jenayah, Rehabilitasi dan Kesiapsiagaan Menghadapi Kecemasan serta Meningkatkan Kebajikan Anggota

#### Menambah Baik Langkah Mencegah Jenayah

- 3,066 program sokongan diadakan
- 2,393 kenyataan media diterbitkan

#### Membanteras Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah

- 12,134 ahli Skuad Antidadah dari 108 daerah menyertai Program Skuad Antidadah
- 2,213 wakil syarikat berdaftar di bawah Program Tempat Kerja Bebas Dadah
- 90 operasi membanteras penyalahgunaan dan pengedaran dadah dilaksana

#### Membendung Pemerdagangan Orang

- Pindaan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyaludutan Migran 2007 [ Akta 670 ] dikuat kuasa pada tahun 2022

#### Menambah Baik Pengurusan dan Operasi Penjara

- 20,043 banduan menjalani Program Pemulihan Komuniti
- 1,750 banduan ditawarkan pekerjaan sebaik sahaja dibebaskan

#### Menambah Baik Kesiapsiagaan Menghadapi Kecemasan

- 728,635 sukarelawan pertahanan awam direkrut

#### Meningkatkan Kebajikan Anggota ATM dan Penguat Kuasa

- 1,081 unit Rumah Keluarga ATM dan satu poliklinik dibina

### Strategi B3: Memperkuuh Tadbir Urus Keselamatan

|  |   |
|--|---|
| Mempertingkatkan Peranan dan Fungsi Majlis Keselamatan Negara (MKN)    | <ul style="list-style-type: none"> <li>MKN diperkasa sebagai agensi peneraju dalam pengurusan keselamatan di setiap peringkat kerajaan melalui pelaksanaan Dasar Keselamatan Negara, 2021-2025</li> </ul> |
| Menambah Baik Undang-undang mengenai Keselamatan dan Ketenteraman Awam | <ul style="list-style-type: none"> <li>Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah (Pindaan) 2022 [ Akta A1660 ] dikuat kuasa pada tahun 2022</li> </ul>   |
| Menambah Baik Penyelarasan dan Kerjasama                               | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pasukan Nukleus Agensi Tunggal Sempadan (SBA) ditubuhkan pada tahun 2021</li> </ul>  |
| Mempertingkatkan Perkongsian Data dan Integrasi Sistem                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sistem Maklumat Pengurusan Pesalah versi 2 (SMPPv2) beroperasi pada tahun 2022</li> </ul>  |



### Bidang Keutamaan C: Meningkatkan Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

|   |   |
|---|---|
| Strategi C1: Memperkemas Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan   |   |
| Memperkenalkan Dasar Penjagaan Kesihatan                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>57 dasar dan garis panduan berkaitan perkhidmatan kesihatan diperkenalkan</li> </ul>   |
| Memerangi Penyakit Berjangkit                               | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara dilancarkan pada tahun 2021</li> <li>Vaksinasi untuk mencegah COVID-19 untuk penduduk           <ul style="list-style-type: none"> <li>86.1% untuk Dos 1</li> <li>84.3% untuk Dos 2</li> </ul> </li> </ul>   |
| Memerangi Penyakit Tidak Berjangkit (NCD)                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>12 negeri melaksanakan ujian <i>Human Papillomavirus</i> manakala baki dua negeri lagi akan bermula pada tahun 2023</li> <li>Cukai ke atas Minuman Bergula dikenakan pada tahun 2021</li> <li>90.7% peserta Program Komuniti Sihat Pembina Negara menjalani pemeriksaan kesihatan pada tahun 2022</li> </ul> |
| Memperkuuh Program Penjagaan Kesihatan untuk Warga Emas     | <ul style="list-style-type: none"> <li>236 Klinik Desa menyediakan perkhidmatan kesihatan untuk warga emas pada tahun 2022</li> </ul>   |
| Meningkatkan Kesiapsiagaan dalam Menangani Krisis Kesihatan | <ul style="list-style-type: none"> <li>Lebih daripada 85% bekalan ubat untuk rawatan COVID-19 dihantar dalam tempoh 30 hari</li> <li>Prosedur operasi standard (SOP) dan pelan kesiapsiagaan dalam menangani pelbagai ancaman kesihatan di lapangan terbang antarabangsa dikuat kuasa sejak tahun 2021</li> </ul>                                   |

|   |  |
|---|--|
| <b>Memastikan Kualiti dan Kebolehcapaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan</b> | <ul style="list-style-type: none"><li>14 perkhidmatan kepakaran penjagaan kesihatan pergigian di hospital dan klinik pakar pergigian beroperasi pada penghujung tahun 2022</li><li>216 pegawai perubatan dan pergigian kontrak menjalani Program Latihan Kepakaran pada tahun 2022</li><li>21% masyarakat Orang Asli dan Penan menerima perkhidmatan penjagaan kesihatan mulut pada tahun 2022</li><li>Dua bas bagi pemeriksaan x-ray mudah alih untuk tuberkulosis disediakan, setiap satu di Sabah dan Sarawak pada tahun 2022</li></ul> |
| <b>Strategi C2: Memperkuuh Kesedaran Awam</b>                                 |  |
| <b>Meningkatkan Literasi dan Kesedaran Kesihatan</b>                          | <ul style="list-style-type: none"><li>69,009 peserta mendaftar dalam program <i>Wellness Hub</i> pada tahun 2022</li><li>4,382 sukarelawan dilatih sebagai ejen kesihatan pada tahun 2022</li></ul>  |
| <b>Strategi C3: Memanfaatkan Teknologi</b>                                    |  |
| <b>Mendigitalkan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan</b>                         | <ul style="list-style-type: none"><li>541 produk makanan dan minuman disenaraikan dalam portal Logo Pilihan Lebih Sihat</li><li><i>Health Information Exchange</i> untuk projek rintis Rekod Perubatan Elektronik mula beroperasi di 11 fasiliti penjagaan kesihatan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada tahun 2022</li></ul>   |
| <b>Meningkatkan Kapasiti Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi</b>            | <ul style="list-style-type: none"><li>Program <i>External Quality Assurance (EQA) Malaria Microscopy</i> dan <i>EQA Mycobacteriology</i> dilaksanakan</li><li>46 kolaborasi penyelidikan antara syarikat dan universiti tempatan dijalin pada tahun 2022</li></ul>   |



## Bidang Keutamaan D: Meningkatkan Bekalan Rumah Mampu Milik yang Berkualiti

|  |  |
|--|--|
| <b>Strategi D1: Menambah Baik Akses kepada Perumahan Mampu Milik</b> |  |
| <b>Menambah Baik Akses kepada Pembiayaan Perumahan</b>               | <ul style="list-style-type: none"><li>22,196 isi rumah miskin dan berpendapatan rendah menerima manfaat daripada program perumahan Sewa untuk Beli (RTO)</li><li>16,808 isi rumah menerima manfaat daripada Skim Jaminan Kredit Perumahan dengan nilai pinjaman sebanyak RM2.32 bilion</li><li>158,928 unit rumah dengan nilai keseluruhan sebanyak RM101.37 bilion dijual di bawah Kempen Pemilikan Rumah</li></ul> |
| <b>Mengurus Kos Pembinaan Rumah</b>                                  | <ul style="list-style-type: none"><li>Empat konsep reka bentuk standard Sistem Binaan Berindustri (IBS) meliputi 43 jenis reka bentuk rumah mampu milik dibangunkan</li><li>Lapan Program Perumahan Rakyat melibatkan 2,807 unit rumah yang menggunakan IBS disiapkan</li></ul>  |

### Strategi D2: Mempertingkatkan Tadbir Urus

**Memperkuuh Kemampuan Institusi dalam Pembinaan Rumah Mampu Milik**

- Rangka kerja analitis data raya (BDA) berkaitan perumahan disiapkan pada tahun 2022
- Sistem Pengurusan Bersepadu Perumahan disiapkan pada tahun 2022

### Strategi D3: Memastikan Perumahan yang Inklusif

**Menerima Pakai Amalan Terbaik dalam Meningkatkan Daya Huni**

- 65 projek di bawah Program Penyenggaraan Perumahan untuk perumahan awam kos rendah dan sederhana disiapkan
- 94 projek di bawah Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia untuk perumahan swasta kos rendah dan sederhana disiapkan



## Bidang Keutamaan E: Memanfaatkan Sukan bagi Membina Masyarakat yang Aktif

### Strategi E1: Menggalakkan Sukan untuk Kehidupan Aktif dan Sihat

**Mempertingkatkan Akses kepada Kemudahan Sukan**

- 15 kemudahan sukan baharu dibina
- 282 kemudahan sukan dinaik taraf

**Memperkuuh Badan Sukan Berasaskan Komuniti**

- 9,434,914 orang menyertai 9,413 program pembudayaan sukan pada peringkat akar umbi yang dianjurkan oleh badan sukan berdasarkan komuniti

**Menggalakkan Penyertaan yang Inklusif dalam Sukan**

- 7,352,594 orang menyertai Hari Sukan Negara
- 405,770 wanita, orang kurang upaya, warga emas dan Orang Asli menyertai program sukan yang dianjurkan masing-masing untuk kumpulan ini

### Strategi E2: Meningkatkan Kecemerlangan Sukan

**Memperkuuh Tadbir Urus Sukan Berprestasi Tinggi**

- Visi Sukan Negara 2030 dilancarkan pada tahun 2021

**Mempertingkatkan Prestasi Atlet**

- Pencapaian atlet negara dalam kejohanan utama
  - Satu pingat perak dan satu pingat gangsa dalam Sukan Olimpik Tokyo 2020
  - Tiga pingat emas dan dua pingat perak dalam Sukan Paralimpik Tokyo 2020
  - Tujuh pingat emas, lapan pingat perak dan lapan pingat gangsa dalam Sukan Komanwel Birmingham 2022
- 55 atlet Malaysia mencapai kedudukan enam teratas dunia dalam pelbagai sukan pada penghujung tahun 2022

**Menambah Baik Perkhidmatan Sokongan untuk Sukan**

- 22 penyelidikan untuk meningkatkan keupayaan perkhidmatan sains dan perubatan sukan dimulakan pada tahun 2021

**Strategi E3: Membangunkan Industri Sukan**

**Menambah Baik Ekosistem Industri Sukan**

- RM13.7 juta pelaburan direalisasikan dalam Ekspo Industri Sukan Kuala Lumpur 2022 melibatkan 131 pempamer dan 20,000 pengunjung
- RM16.6 juta daripada RM20 juta peruntukan di bawah Skim Pembiayaan Industri Sukan diluluskan kepada 410 perusahaan yang terjejas akibat pandemik COVID-19
- RM230 juta pelaburan bagi produk dan peralatan sukan melibatkan 70 projek diluluskan dan 4,600 pekerjaan diwujudkan

**Mempromosikan Pelancongan Sukan**

- RM5.35 juta dibelanjakan oleh 11,800 penonton semasa *Le Tour De Langkawi* 2022



## Isu dan Cabaran

Pelbagai langkah yang diambil dalam tempoh 2021-2022 telah menyumbang ke arah memperkuuh perpaduan, dan mengekalkan kestabilan negara, menambah baik penjagaan kesihatan, mempertingkat penyediaan perumahan mampu milik serta menggalakkan kehidupan aktif. Namun begitu, terdapat isu dan cabaran yang perlu ditangani untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang mampan dan sejahtera. Antara isu tersebut ialah insiden yang mencetus ketidakharmonian masih terus berlaku, ancaman terhadap keselamatan dan ketenteraman awam yang sentiasa berubah, jurang penjagaan kesihatan yang melebar, rumah mampu milik dan berkualiti yang belum mencukupi dan potensi sukan belum diteroka sepenuhnya. Kegagalan menangani isu ini boleh menjaskan keharmonian dan kesejahteraan rakyat.

### Insiden yang Mencetus Ketidakharmonian Masih Terus Berlaku

- Kurang interaksi sosial merentas etnik
- Kurang pemahaman mengenai Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara
- Kurang penghayatan mengenai semangat perpaduan
- Kurang kerjasama dalam kalangan pihak berkepentingan pelbagai etnik

### Jurang Penjagaan Kesihatan yang Melebar

- Kesan pembalikan pandemik COVID-19 yang menjaskan status kesihatan rakyat
- Peningkatan insiden penyakit beban berganda
- Sistem maklumat kesihatan yang tidak bersepadan
- Kurang kesedaran, pengetahuan dan pemahaman tentang maklumat kesihatan asas
- Kos yang tinggi dan kemudahan perkhidmatan penjagaan yang terhad untuk warga emas
- Pembiayaan penjagaan kesihatan yang tidak mampan
- Kekangan sumber untuk membiayai pembangunan infrastruktur penjagaan kesihatan baru

### Potensi Sukan Belum Diteroka Sepenuhnya

- Pengamalan gaya hidup sihat dan aktif yang masih rendah
- Akses yang terhad kepada kemudahan sukan dan rekreasi
- Kurang budaya penyelenggaraan kemudahan sukan
- Kebergantungan yang tinggi kepada pembiayaan Kerajaan dalam kalangan persatuan sukan kebangsaan (PSK)
- Kekurangan bakat baharu dalam sukan
- Data industri sukan yang tidak terselaras dan bersepadan



### Ancaman terhadap Keselamatan dan Ketenteraman Awam yang Sentiasa Berubah

- Peningkatan risiko berlaku jenayah rentas sempadan
- Kurang penguatkuasaan di kawasan sempadan
- Peningkatan ancaman ke atas kedaulatan negara
- Peningkatan kerugian disebabkan jenayah siber
- Kurang penyelarasan dalam pengurusan bencana

### Rumah Mampu Milik dan Berkualiti Belum Mencukupi

- Rumah mampu milik yang tidak mencukupi
- Data perumahan yang tidak bersepadan
- Rumah mampu milik yang berkualiti rendah
- Kurang budaya penyelenggaraan
- Harga rumah yang meningkat
- Perumahan inklusif yang tidak mencukupi

## Hala Tuju, 2023-2025

Kajian Separuh Penggal RMKe-12 akan terus memberi tumpuan kepada usaha mengekalkan perpaduan dan kedaulatan negara serta meningkatkan kesejahteraan rakyat bagi membentuk masyarakat yang saksama. Usaha ini akan dilaksana dengan memperkuuh perpaduan, memastikan keutuhan keselamatan dan kedaulatan negara, menambah baik penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan, menambah bekalan rumah mampu milik dan berkualiti serta memanfaatkan sukan untuk membina masyarakat yang aktif. Strategi ini akan menggalakkan keharmonian sosial yang lebih baik serta kehidupan yang lebih selamat, kondusif dan sihat untuk rakyat.



### Bidang Fokus A: Memperkuuh Perpaduan untuk Kemakmuran Negara

#### Strategi A1:

Menerima Kepelbagaian sebagai Aset

#### Strategi A2:

Memupuk Budaya Masyarakat MADANI

#### Strategi A3:

Memperkuuh Tadbir Urus



### Bidang Fokus B: Memastikan Keutuhan Keselamatan dan Kedaulatan Negara

#### Strategi B1:

Memelihara Kedaulatan Negara

#### Strategi B2:

Meningkatkan Usaha Pencegahan Jenayah dan Pemulihan

#### Strategi B3:

Memperkuuh Pengurusan Bencana



### Bidang Fokus C: Menambah Baik Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

#### Strategi C1:

Merancakkan Semula Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

#### Strategi C2:

Menyediakan Lebih Pilihan Pembiayaan Kesihatan



### Bidang Fokus D: Menambah Perumahan Mampu Milik dan Berkualiti

#### Strategi D1:

Meningkatkan Akses kepada Perumahan Mampu Milik dan Berkualiti

#### Strategi D2:

Meningkatkan Tadbir Urus

#### Strategi D3:

Menyediakan Perumahan Mampu Milik yang Inklusif



### Bidang Fokus E: Manfaatkan Sukan dalam Membina Masyarakat Aktif

#### Strategi E1:

Mengaktifkan Semula Aktiviti Sukan untuk  
Kehidupan Aktif dan Sihat

#### Strategi E2:

Meningkatkan Kecemerlangan Sukan

#### Strategi E3:

Membangunkan Industri Sukan

## Sasaran Terpilih, 2021-2025

### Mengekalkan Perpaduan, Pertahanan dan Keselamatan



### Meningkatkan Kesejahteraan



Nota: \* Kematian berlebihan ditakrifkan sebagai perbezaan jumlah kematian dalam krisis berbanding dengan yang dijangkakan dalam keadaan normal.

## Bidang Fokus A: Memperkuuh Perpaduan untuk Kemakmuran Negara

Penghayatan terhadap nilai perpaduan sebagai aset utama negara adalah penting untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan negara. Dalam hubungan ini, langkah akan terus diambil untuk menerima kepelbagaian, memupuk budaya masyarakat MADANI dan memperkuuh tadbir urus bagi menggalakkan perpaduan yang utuh. Langkah ini akan menyumbang ke arah membina jambatan kepercayaan untuk membentuk perpaduan merentas masyarakat pelbagai budaya, etnik dan agama, yang mendukung kemampunan dengan keprihatinan dan belas ihsan yang diperkuuh dengan nilai hormat.

Strategi A1

Menerima Kepelbagaian sebagai Aset

Strategi A2

Memupuk Budaya Masyarakat MADANI

Strategi A3

Memperkuuh Tadbir Urus

### Strategi A1: Menerima Kepelbagaian sebagai Aset

#### *Menggalakkan Interaksi Sosial*

Program bagi menggalakkan dan menyokong perpaduan akan dipergiat untuk terus memperkuuh kesepadan sosial. Lebih banyak program interaksi sosial dan libat urus akan dianjurkan, terutama pada peringkat komuniti. Perkhidmatan mediator komuniti akan terus digalakkan di seluruh negara untuk menguruskan konflik pada peringkat komuniti. Papan pemuka analitik akan dibangunkan untuk memantau situasi perpaduan pada peringkat komuniti. Maklumat ini adalah penting bagi menambah baik perancangan dan pelaksanaan program khusus berdasarkan keperluan.

Usaha mendokumentasikan sejarah negara dengan tumpuan untuk menggalakkan perpaduan sebagai rujukan generasi masa kini dan akan datang akan dipergiat. Di samping itu, penerbitan filem, dokumentari, video pendek dan kandungan media sosial akan diperbanyak. Kaedah komunikasi untuk menyampaikan elemen perpaduan melalui mata pelajaran Sejarah di sekolah akan dipelbagaikan, termasuk dengan memanfaatkan teknologi digital.

### Strategi A2: Memupuk Budaya Masyarakat MADANI

#### *Membangunkan Masyarakat Progresif*

Pembangunan masyarakat progresif merupakan satu daripada komponen penting inisiatif Anjakan Besar Pembudayaan Masyarakat MADANI. Dalam hubungan ini, amalan prinsip Maqasid Syariah dan nilai murni yang utuh dalam kalangan masyarakat adalah penting untuk membangunkan insan MADANI dan masyarakat yang progresif. Pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, IPT, sekolah, pihak swasta serta pertubuhan masyarakat civil (CSO) akan digalakkan untuk bergerak lebih aktif dalam memupuk prinsip Maqasid Syariah dan nilai murni. Kempen dan program kesedaran mengenai prinsip Maqasid Syariah dan nilai murni melalui pelbagai platform, termasuk media sosial akan dilaksanakan. Selain itu, Rukun Tetangga akan diperkasa sebagai penggerak dan pengantara penting dalam penganjuran program komuniti, kesukarelawanan dan kenegaraan pada peringkat akar umbi.

#### *Membentuk Jati Diri Berteraskan Rukun Negara*

Usaha untuk membentuk jati diri berteraskan Rukun Negara serta meningkatkan perpaduan dan semangat kenegaraan akan dipergiat bagi memupuk budaya masyarakat MADANI. Dalam hubungan ini, pelbagai program di bawah *flagship* Kembara Perpaduan akan terus dilaksanakan. Di samping itu, elemen advokasi dan semangat perpaduan akan diterapkan dalam pelbagai program Kerajaan untuk memupuk pemahaman yang lebih baik mengenai Rukun Negara. Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara serta program Sekolah Rukun Negara akan terus dimanfaatkan untuk meningkatkan tahap penghayatan prinsip Rukun Negara dalam kalangan masyarakat, khususnya pelajar dan belia.

## Strategi A3: Memperkuuh Tadbir Urus

### Memperkuuh Kerjasama Pihak Berkepentingan

Pelan Tindakan Perpaduan Negara akan dijar dengan nilai teras Malaysia MADANI untuk membangunkan masyarakat yang inklusif, cekap dan maju. Tadbir urus berkaitan perpaduan akan ditambah baik untuk memperkuuh perpaduan negara. Dalam hubungan ini, Majlis Penasihat Perpaduan Negara akan diaktifkan semula dan diperkuuh untuk menangani isu perpaduan, memantau pelaksanaan dasar dan mencadangkan langkah penyelesaian yang berkesan. Kerjasama berasaskan pendekatan keseluruhan negara dalam kalangan kerajaan, sektor swasta, CSO dan pertubuhan berasaskan komuniti akan dipergiat bagi meningkatkan kefahaman dan pelaksanaan Dasar Perpaduan Negara.

## Bidang Fokus B: Memastikan Keutuhan Keselamatan dan Kedaulatan Negara

Keutuhan keselamatan dan kedaulatan negara adalah penting dalam usaha untuk meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat. Bagi tujuan ini, pelbagai langkah akan dilaksana dengan memelihara kedaulatan negara, mempergiat usaha pencegahan jenayah dan pemulihan serta memperkuuh pengurusan bencana. Pelaksanaan strategi ini akan menyumbang kepada keamanan dan kestabilan negara yang berkekalan.



## Strategi B1: Memelihara Kedaulatan Negara

### Mempertingkatkan Keselamatan Sempadan Negara

Langkah meningkatkan keselamatan sempadan negara yang merupakan satu daripada insiatif di bawah Anjakan Besar Pengukuhan Keselamatan dan Pertahanan Negara akan terus diberi tumpuan melalui perolehan aset ketenteraan strategik seperti kenderaan perisai, *Littoral Mission Ship*, helikopter dan pesawat tempur ringan. Selain itu, kemampuan pengawasan sempadan akan diperkuuh melalui penaiktarafan pusat kawalan operasi maritim dan pembinaan pangkalan operasi baharu untuk Agensi Penguinkuasaan Maritim Malaysia. Sistem Pengawasan Maritim Laut Malaysia dan menara radar penderiaan jauh akan dinaik taraf bagi meningkatkan keupayaan dalam mengenal pasti potensi ancaman. Di samping itu, sistem kawalan sempadan negara dengan teknologi kecerdasan buatan akan diterima guna untuk meningkatkan keberkesanan kawalan sempadan.

Kem tentera baharu akan dibina untuk memperkuuh keselamatan di sempadan. Pembangunan pangkalan tentera laut di Bintulu, Sarawak akan menyokong operasi bersama pada peringkat domestik dan serantau.

#### Strategi B1

#### Memelihara Kedaulatan Negara

#### Strategi B2

#### Meningkatkan Usaha Pencegahan Jenayah dan Pemulihan

#### Strategi B3

#### Memperkuuh Pengurusan Bencana

Penguatkuasaan dan kawalan sempadan akan diperketat dengan menambah bilangan pos keselamatan ATM di sepanjang sempadan Sabah dan Sarawak dengan Indonesia. Peranan Pasukan Gerakan Am di pos sempadan juga akan diperluas merangkumi tugas menerima laporan daripada komuniti setempat terutama mengenai jenayah rentas sempadan, termasuk pencerobohan pendatang asing tanpa izin dan penyeludupan barang terlarang. Di samping itu, penaiktarafan dan pembinaan kompleks Imigresen, Kastam, Kuaranin dan Keselamatan yang baharu di pintu masuk terpilih di sempadan Sabah, Sarawak dan utara Semenanjung Malaysia akan memastikan penguatkuasaan yang berkesan. Jeti dan menara tinjau baharu untuk pengawasan sempadan akan dibina di Perlis. Pasukan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) akan ditubuhkan di sempadan melalui kerjasama dalam kalangan agensi penguatkuasaan yang berkaitan. Selain itu, kemampuan hidrografi dalam pemetaan kawasan maritim akan dipertingkat bagi keselamatan sempadan. Usaha ini akan menyumbang kepada pengukuhan kesiapsiagaan dan keupayaan pengurusan ancaman keselamatan yang merupakan satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar pengukuhan keselamatan negara.

## Strategi B2: Meningkatkan Usaha Pencegahan Jenayah dan Pemulihan

### Memerangi Jenayah Siber

Undang-undang sedia ada akan dipinda untuk meningkatkan keberkesanan dalam memerangi aktiviti jenayah siber. Usaha untuk mengurangkan bilangan orang awam daripada menjadi mangsa jenayah siber akan dipertingkat melalui pelbagai kerjasama antara sektor awam dan swasta. Program kesedaran jenayah siber melalui platform media sosial juga akan dipergiat.

### Mempertingkat Program Pemulihan

*Prison Incorporated*, sebuah entiti khusus akan ditubuhkan sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar pengukuhan keselamatan negara untuk menguruskan produk *My Pride* yang diusahakan oleh banduan. Entiti ini akan menyediakan panduan dan latihan kepada banduan dalam penghasilan makanan, fabrik, produk tenun, kraftangan dan perabot. Selain itu, Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 [ Akta 283 ] akan disemak semula bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanan pemulihan untuk penagih. Semakan ini akan membolehkan penagih dadah menjalani rawatan berbanding ditahan dan menerima hukuman.

## Strategi B3: Memperkuuh Pengurusan Bencana

### Menambah Baik Pengurusan Bencana

Dasar pengurusan bencana di bawah kawal selia Agensi Pengurusan Bencana Negara akan disemak semula untuk memperkuuh kesiapsiagaan dan keupayaan dalam mengurus bencana. Dasar yang disemak semula ini akan mempertingkat peranan agensi berkaitan dalam pengurusan bencana secara menyeluruh, pada semua peringkat iaitu sebelum, semasa dan selepas bencana. Pengurusan ini merangkumi aspek tadbir urus, penguatkuasaan, kesiapsiagaan, pengurangan risiko bencana, tindak balas, pemulihan dan pembangunan semula. Semakan semula dasar ini juga akan memperkuuh penyelarasan pengurusan bencana dalam kalangan agensi berkaitan pada peringkat Persekutuan dan negeri.

## Bidang Fokus C: Menambah Baik Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Anjakan Besar Pengukuhan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan akan dilaksanakan bagi mentransformasi penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan. Tumpuan akan diberi untuk merancakkan semula perkhidmatan penjagaan kesihatan dan menyediakan lebih banyak pilihan pembiayaan kesihatan untuk menambah baik penyampaian dan kualiti perkhidmatan. Strategi ini akan dilaksana melalui penambahbaikan sistem penjagaan kesihatan, pengukuhan program penjagaan kesihatan untuk warga emas dan peluasan pembiayaan kesihatan. Pelaksanaan langkah ini akan menyumbang kepada kehidupan yang sihat, pembiayaan penjagaan kesihatan yang mampan dan rakyat yang lebih sejahtera. Peningkatan ini akan turut menyumbang ke arah mencapai matlamat untuk Malaysia berada pada kedudukan ke-25 dalam Indeks Pembangunan Manusia Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam tempoh 10 tahun.

Strategi C1

Merancakkan Semula Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Strategi C2

Menyediakan Lebih Pilihan Pembiayaan Kesihatan

## Strategi C1: Merancakkan Semula Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

### Mempertingkatkan Sistem Penjagaan Kesihatan

Program kesihatan awam akan ditambah baik untuk memastikan kesediaan negara dalam menangani krisis dan ancaman penjagaan kesihatan yang baru muncul. Dalam hubungan ini, perkhidmatan penjagaan kesihatan akan dilengkapi dengan fasiliti yang dinaik taraf, sistem maklumat bersepadan dan peralatan perubatan yang termaju. Usaha juga akan diteruskan untuk memperkuuh perkhidmatan kardiologi, termasuk penyediaan makmal jantung invasif di hospital awam. Selain itu, langkah akan diambil untuk menambah baik perkhidmatan pergigian selari dengan Perlindungan Kesihatan Sejagat untuk Kesihatan Pergigian WHO (WHA74.5), melalui peluasan perkhidmatan kepada guru, kakitangan sekolah dan ahli keluarga. Di samping itu, 250 sekolah akan dibantu untuk memenuhi kriteria Program Pemasyarakatan Perkhidmatan Klinik Pergigian Sekolah. Institut kesihatan mental kebangsaan akan ditubuhkan sebagai sebahagian daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar penjagaan kesihatan bagi menangani isu kesihatan mental di seluruh negara.

### Pendigitalan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Sistem keselamatan makanan negara fasa 2.0 akan dibangunkan untuk meningkatkan sistem maklumat sedia ada melalui pengintegrasian data. Usaha ini akan menambah baik pemantauan dan pengauditan keselamatan makanan. Pelaksanaan Rekod Perubatan Elektronik di hospital dan klinik kesihatan juga akan diperluas ke seluruh negara bagi memastikan perkongsian rekod perubatan yang lancar. Pelan tindakan untuk pemindahan data *Malaysian Health Data Warehouse* ke MyGOVCloud akan dibangunkan bagi membolehkan perkongsian data merentasi agensi kerajaan. Sistem pendaftaran MyCHAMPION akan dinaik taraf untuk memastikan penyusunan kandungan dan aktiviti sukarelawan kesihatan yang lebih baik dalam memberi kesedaran tentang NCD.

### Memperkuuh Program Penjagaan Kesihatan untuk Warga Emas

Usaha akan dilaksana untuk mengintegrasikan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas di antara klinik kesihatan dan hospital bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih baik sebagai persediaan untuk Malaysia menjadi negara tua. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga

Emas Swasta 2018 [ Akta 802 ] akan dikuat kuasa bagi memastikan pematuhan kepada keperluan keselamatan dan standard. Di samping itu, pusat penjagaan geriatrik baharu akan ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan jangka panjang bagi meningkatkan kualiti hidup warga emas.

## Strategi C2: Menyediakan Lebih Pilihan Pembiayaan Kesihatan

### Memperkuuh Perlindungan Kesihatan dan Pembiayaan Penjagaan Kesihatan

Liputan perlindungan kesihatan untuk kumpulan sasar akan diperluas melalui pelaksanaan Skim Perubatan MADANI. Inisiatif di bawah Anjakan Besar penjagaan kesihatan ini akan memenuhi keperluan pesakit yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta, seterusnya dapat mengurangkan kesesakan di fasiliti penjagaan kesihatan awam. Selain itu, model baharu untuk membiayai fasiliti kesihatan akan diteroka untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan dalam memastikan tiada sesiapa yang tertinggal. Pelaburan yang lebih besar dalam membangunkan dan menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan juga akan digalakkan.

### Sewaan Peralatan Perubatan

Usaha akan dilaksana untuk memastikan ketersediaan peralatan perubatan terbaik kepada rakyat melalui opsyen sewaan. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada Anjakan Besar kesihatan yang akan menangani isu kos perolehan, penyelenggaraan dan penggantian peralatan perubatan yang tinggi berikutan kemajuan teknologi yang pesat. Opsyen pembiayaan baharu ini akan menyediakan fleksibiliti kewangan yang lebih baik bagi memperoleh peralatan perubatan dengan teknologi terkini untuk manfaat rakyat.

## Bidang Fokus D: Menambah Perumahan Mampu Milik dan Berkualiti

Kerajaan akan terus memainkan peranan strategik bagi menggalakkan pembinaan lebih banyak rumah mampu milik dan berkualiti. Selaras dengan pembangunan inklusif, tumpuan akan diberi untuk meningkatkan akses kepada perumahan mampu milik dan berkualiti, meningkatkan tadbir

urus serta menyediakan perumahan mampu milik yang inklusif. Langkah ini akan menyumbang kepada penyediaan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu milik, sebagai sebahagian usaha bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat.

**Strategi D1**

Meningkatkan Akses kepada Perumahan Mampu Milik dan Berkualiti

**Strategi D2**

Meningkatkan Tadbir Urus

**Strategi D3**

Menyediakan Perumahan Mampu Milik yang Inklusif



## **Strategi D1:** **Meningkatkan Akses kepada Perumahan Mampu Milik dan Berkualiti**

### **Mempercepat Peralihan Konsep daripada Pemilikan kepada Tempat Tinggal**

Program perumahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan akan berpandukan konsep tempat tinggal sebagai keperluan asas dan hak asasi manusia berbanding konsep pemilikan. Peralihan ini adalah untuk menyokong Anjakan Besar Perumahan untuk Rakyat. Dalam hubungan ini, sektor awam dan swasta akan memainkan peranan penting melalui penglibatan secara aktif untuk menyediakan perumahan yang selamat, terjamin dan mampu bayar. Di bawah konsep ini, tumpuan akan beralih daripada penyediaan rumah untuk dijual kepada penyediaan rumah untuk disewa. Di bawah Anjakan Besar ini juga, peranan dan fungsi Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) akan diselaras untuk menyokong peralihan tersebut.

### **Menambah Rumah Mampu Milik**

Peraturan untuk mengehadkan pembelian hanya satu rumah mampu milik bagi setiap warganegara yang layak akan dikuat kuasa dalam usaha untuk memastikan bekalan rumah mampu milik yang mencukupi. Dalam hubungan ini, pangkalan data perumahan akan dibangunkan bagi membolehkan saringan silang maklumat pemilikan dengan agensi berkaitan yang lebih tepat dibuat untuk menentukan kelayakan pemilikan. Selain itu, sistem maklumat inventori tanah yang mengintegrasikan semua maklumat tanah wakaf akan diwujudkan bagi mengenal pasti tanah yang bersesuaian untuk pembinaan lebih banyak rumah mampu milik. Di samping itu, kerjasama majlis agama negeri dan agensi berkaitan akan mempercepat pembangunan rumah mampu milik di atas tanah wakaf.

Peraturan berkaitan dasar pemisah untuk perumahan awam akan dikuat kuasa dengan menyediakan garis panduan dan prosedur untuk penyewa yang melebihi kelayakan berpindah ke perumahan pilihan yang bersesuaian. Di samping itu, tempoh moratorium 10 tahun ke atas penjualan semula rumah akan diperluas kepada semua perumahan awam. Selain itu, kajian menyeluruh akan dijalankan bagi mengenal pasti strategi dan inisiatif untuk mengawal bekalan rumah mampu milik melalui pasaran sekunder. Pembangunan pelan tindakan perumahan negara bagi mengenal pasti keperluan sebenar perumahan akan memudah cara penyediaan perumahan yang bersesuaian.

## Meningkatkan Akses kepada Pembiayaan Rumah

Kerjasama dengan institusi kewangan akan diteruskan dalam menyediakan pakej pembiayaan perumahan yang menarik dan mampan. Peluasan program RTO yang merupakan satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar perumahan akan dilaksana bagi mempelbagaikan kaedah pembiayaan perumahan. Program ini akan membolehkan kumpulan sasar menyewa dengan pilihan untuk membeli rumah dalam tempoh penyewaan yang ditetapkan. Pembeli rumah kali pertama akan dilengkapkan dengan pengetahuan kewangan yang diperlukan untuk memiliki rumah melalui modul pendidikan kewangan dalam talian di Portal Rumahku oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit. Selain itu, kajian penubuhan tabung perumahan mampu milik akan dilaksana bagi menyediakan pilihan pembiayaan perumahan. Kajian ini akan mencadangkan struktur tadbir urus, mekanisme dan sumber dana. Di samping itu, kajian yang komprehensif akan dilaksana untuk mempertingkat pembangunan industri perumahan.

## Menguruskan Kos Pembinaan Perumahan

Garis panduan akan disediakan untuk menilai dan menyeragamkan caj premium tanah dan kos pematuhan bagi mempercepat kelulusan kebenaran merancang pembinaan perumahan mampu milik. Di samping itu, pakej insentif untuk pemaju yang memperoleh markah lebih daripada 70% dalam Sistem Penilaian Kualiti bagi Kerja Pembinaan Bangunan akan dikenal pasti. Pelan standard prakelulusan (PAP) yang disediakan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan akan diterima pakai sebagai reka bentuk standard bagi mempercepat kelulusan pelan bangunan oleh pihak berkuasa tempatan, seterusnya membolehkan pembinaan rumah mampu milik yang lebih pantas dan cekap. Di samping itu, modul latihan akan dibangunkan dengan kerjasama institusi latihan vokasional dan persatuan industri untuk melengkapkan pekerja binaan dengan kemahiran yang diperlukan dalam penggunaan kaedah IBS.

## Strategi D2: Meningkatkan Tadbir Urus

### Memperkuuh Peraturan dan Perundangan untuk Pembeli Rumah dan Penyewa

Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [ Akta 118 ] akan dipinda bagi merangkumi pembangunan kediaman di tanah komersial seperti pangapuri perkhidmatan, *small office and home office*, dan *small office virtual office* untuk melindungi pembeli rumah. Selain itu, akta baharu mengenai penyewaan akan diperkenal untuk menggalakkan penyewaan sebagai

alternatif kepada pemilikan rumah. Pengenalan akta ini akan menawarkan pilihan yang lebih fleksibel serta kos permulaan dan risiko kewangan yang lebih rendah kepada pemilik rumah dan penyewa.

### Menambah Baik Pengurusan Perumahan Strata

Akta Pengurusan Strata 2013 [ Akta 757 ] akan dipinda untuk memperkuuh fungsi Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC). Pindaan ini akan merangkumi peraturan yang menetapkan supaya kediaman strata diuruskan oleh pengurus harta tanah percubaan yang berdaftar di bawah Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta. Pindaan ini akan mempertingkatkan penyelenggaraan dan pengurusan bangunan serta menggalakkan tadbir urus yang baik. Di samping itu, program latihan mengenai tadbir urus yang baik dan pengurusan konflik kepentingan untuk JMB dan MC akan dijalankan bagi memastikan pengurusan kediaman strata yang cekap dan bertanggungjawab.

## Strategi D3: Menyediakan Perumahan Mampu Milik yang Inklusif

### Meneroka Potensi Perkampungan Persaraan

Potensi membangunkan perkampungan persaraan akan diteroka bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat dan menambah baik kualiti hidup pesara. Dalam hubungan ini, kajian mengenai permintaan dan penawaran perkampungan persaraan di bandar utama akan dijalankan. Kajian ini akan menyediakan cadangan dasar, termasuk rangka kerja kawal selia yang menetapkan standard dan model perniagaan yang mampan untuk memudah cara pembangunan perkampungan persaraan.

### Mewujudkan Komuniti yang Bersepadu

Kerajaan akan mempergiat usaha untuk mewujudkan komuniti yang lebih bersepadu selaras dengan hasrat penyediaan perumahan untuk semua. Garis panduan perancangan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih seimbang dan inklusif akan disediakan bagi memastikan individu yang mempunyai tahap pendapatan yang berbeza boleh mendiami kawasan kejiran yang sama. Pelaksanaan garis panduan ini akan mengelakkan kesan sampingan gentrifikasi akibat pembangunan pesat dan kenaikan harga harta tanah. Di samping itu, projek Perumahan Inklusif MADANI akan dibangunkan di kawasan bandar utama melalui pendekatan kerjasama awam swasta. Projek ini akan menerima pakai pendekatan pengaturan tempat tinggal secara bersama yang menghimpunkan pelbagai kumpulan sasar, seperti warga emas,

belia dan keluarga muda untuk menggalakkan perumahan yang inklusif dan mewujudkan persekitaran yang lebih berdaya huni.

## Bidang Fokus E: Memanfaatkan Sukan dalam Membina Masyarakat Aktif

Usaha akan diteruskan untuk memanfaatkan sukan bagi membina masyarakat yang aktif. Strategi akan dilaksana bagi mengaktifkan semula aktiviti sukan untuk kehidupan aktif dan sihat, meningkatkan kecemerlangan sukan dan membangunkan industri sukan sebagai sumber pertumbuhan ekonomi baharu. Strategi ini akan menggalakkan budaya sukan dan menambah baik penampilan Malaysia pada peringkat antarabangsa.



### Strategi E1: Mengaktifkan Semula Aktiviti Sukan untuk Kehidupan Aktif dan Sihat

#### Meningkatkan Penyertaan Inklusif dalam Sukan

Langkah untuk meningkatkan penyertaan inklusif dalam sukan merupakan satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Pembudayaan Masyarakat MADANI. Dalam hubungan ini, program sukan pada peringkat akar umbi akan dipergiat untuk meningkatkan kesedaran mengenai gaya hidup aktif dan penyertaan dalam sukan secara inklusif. Selain itu, penggunaan sistem e-MYind akan diperluas kepada pelbagai agensi kerajaan sebagai platform pengumpulan data aktiviti sukan massa yang dianjurkan oleh agensi berkaitan. Data ini akan memberikan maklumat penting dalam meningkatkan perancangan untuk penyertaan yang inklusif dalam program sukan massa.

#### Meningkatkan Akses kepada Kemudahan Sukan

Akses kepada kemudahan sukan di sekolah, IPT dan institusi latihan awam akan diperluas kepada rakyat. Dalam hubungan ini, SOP yang komprehensif akan disediakan sebagai garis panduan kepada pentadbir bagi memudah cara penggunaan kemudahan tersebut. Selain itu, kesedaran orang ramai akan dipertingkat untuk memikul tanggungjawab bersama dalam menyelenggara kemudahan tersebut.

### Strategi E2: Meningkatkan Kecemerlangan Sukan

#### Memperkuuh Tadbir Urus Sukan Berprestasi Tinggi

PSK akan digalakkan untuk mempelbagaikan sumber pembiayaan dengan berfungsi sebagai perusahaan sosial sukan. Dalam hubungan ini, PSK akan lebih berdaya maju dalam menjana pendapatan dan mampu mengukuhkan hubungan dengan komuniti serta mengurangkan kebergantungan kepada pembiayaan Kerajaan. PSK akan meningkatkan profesionalisme pengurusan, yang seterusnya menggalakkan lebih banyak penajaan. Sumber kewangan alternatif, termasuk tajaan korporat akan diteroka untuk meningkatkan dana pembangunan sukan. Insentif cukai berkaitan sukan akan disemak semula untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta dan komuniti dalam pembangunan sukan, seperti menaja acara sukan dan menyediakan pekerjaan kepada bekas atlet. Selain itu, pelan bakat sukan negara akan dirangka sebagai garis panduan kepada pihak berkepentingan bagi melaksanakan pembangunan bakat sukan yang sistematis dan mampan.

#### Meningkatkan Prestasi Atlet

Usaha untuk merealisasikan pingat emas pertama Malaysia dalam Sukan Olimpik akan dipergiat lagi. Dalam hubungan ini, rangka kerja jangka panjang merangkumi Olimpik Paris 2024 dan Los Angeles 2028 akan dibangunkan oleh pasukan projek Road to Gold. Rangka kerja ini akan meliputi latihan, pendedahan kepada pertandingan domestik dan antarabangsa serta penyediaan perkhidmatan kejurulatihan, dan perkhidmatan sains dan perubatan sukan. Usaha bersepudu akan dilaksana untuk membangunkan atlet pada semua peringkat dalam sukan yang menawarkan banyak pingat seperti olahraga, renang dan bela diri. Usaha ini dijangka akan menambah baik pencapaian Malaysia dalam temasya sukan utama.

## Meningkatkan Perkhidmatan Sokongan untuk Sukan

Jurulatih tempatan akan dilengkapskan dengan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan untuk meningkatkan kualiti atlet. Dalam hubungan ini, struktur kelayakan, skim, pemantauan dan penilaian akan dipertingkat untuk menarik dan mengekalkan jurulatih berkualiti terbaik. Program pembangunan keupayaan akan dilaksana untuk menyediakan peluang kepada belia mencebur profesi sukan seperti jurulatih, pelatih peribadi dan pegawai teknikal. Perkhidmatan Pusat Perubatan Sukan Negara akan diperluas ke peringkat antarabangsa untuk menjana lebih banyak pendapatan bagi meningkatkan keupayaan pusat ini dalam menyediakan lebih banyak perkhidmatan sokongan. Pusat satelit sains dan perubatan sukan akan ditubuhkan dengan kerjasama rakan strategik bagi memperluas perkhidmatan serta meningkatkan pemahaman mengenai ilmu sains dan perubatan sukan kepada atlet, terutama pada peringkat awal pembangunan. Dalam hubungan ini, penilaian akan dijalankan bagi mengukur keupayaan dan kapasiti rakan strategik sebagai prasyarat untuk menubuhkan pusat satelit ini.



## Strategi E3: Membangunkan Industri Sukan

### Menubuhkan Pusat Kecemerlangan Industri Sukan

Pusat Kecemerlangan Industri Sukan akan ditubuhkan dengan kerjasama IPT terpilih untuk membangunkan industri sukan. Pusat ini akan bertindak sebagai pusat rujukan dalam menyediakan pengetahuan dan menjalankan penyelidikan dalam pelbagai segmen industri sukan. Pusat ini juga akan bekerjasama dengan pihak berkepentingan dalam mengenal pasti idea, pengetahuan dan inovasi baharu berkaitan sukan.

### Menambah Baik Pangkalan Data Industri Sukan

Pangkalan data berpusat mengenai industri sukan akan diwujudkan untuk memudah cara proses membuat keputusan berasaskan maklumat dalam memajukan pembangunan industri ini. Pangkalan data ini akan menyediakan maklumat seperti produk sukan, pekerjaan dan perbelanjaan pengguna. Usaha ini akan membolehkan perancangan yang lebih baik dalam membangunkan industri sukan.

### Mempertingkatkan Rantaian Nilai Industri Sukan

Langkah untuk memperluas rantaian nilai industri sukan seperti pengeluaran produk, perkhidmatan pengurusan acara, kewartawanan dan penyiaran serta kejurulatihan sukan akan dipergiat dengan mengoptimumkan potensi industri ini. Dalam hubungan ini, liga sukan profesional akan diperluas kepada pelbagai jenis sukan. Usaha ini akan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan, seperti jurulatih, personel perubatan dan pengulas sukan serta peluang perniagaan kepada usahawan tempatan.


## Kesimpulan

Dalam tempoh kajian semula RMKe-12, usaha berterusan telah dilaksanakan untuk memperkuuh perpaduan negara, mengekalkan kestabilan negara, menambah baik penjagaan kesihatan, menyediakan perumahan mampu milik dan menggalakkan kehidupan aktif. Walau bagaimanapun, beberapa isu dan cabaran masih terus dihadapi dan perlu ditangani dengan berkesan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Dalam tempoh akhir RMKe-12, langkah akan diambil untuk terus memperkuuh perpaduan, serta memastikan keutuhan keselamatan dan kedaulatan negara. Di samping itu, keutamaan juga akan diberikan untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan dan menyediakan lebih banyak rumah mampu milik dan berkualiti untuk rakyat. Sukan akan terus dimanfaatkan untuk membina negara yang aktif dan sihat. Usaha ini menzahirkan dedikasi dan komitmen Kerajaan yang berterusan dalam meningkatkan darjat hidup rakyat.



# Bab





# Melonjakkan Kemampanan

|  |             |
|--|-------------|
| <b>Pendahuluan</b>   | <b>8-2</b>  |
| <b>Prestasi, 2021-2022</b>   | <b>8-3</b>  |
| Pencapaian Sasaran Terpilih  | 8-3         |
| Pencapaian mengikut Bidang Keutamaan   | 8-6         |
| Bidang Keutamaan A: Melaksana Pembangunan Rendah Karbon, Bersih dan Berdaya Tahan  | 8-6         |
| Bidang Keutamaan B: Mengurus Sumber Asli dengan Cekap bagi Melindungi Aset Semula Jadi   | 8-7         |
| Bidang Keutamaan C: Memperkuuh Persekitaran yang Menyokong Tadbir Urus Berkesan  | 8-8         |
| Bidang Keutamaan D: Memastikan Tenaga yang Mampan  | 8-9         |
| Bidang Keutamaan E: Mentransformasi Sektor Air   | 8-10        |
| <b>Isu dan Cabaran</b>   | <b>8-12</b> |
| Cabarannya dalam Menangani Perubahan Iklim dan Kemerosotan Alam Sekitar  | 8-12        |
| Kehilangan Biodiversiti dan Penggunaan Sumber Semula Jadi yang Tidak Mampan  | 8-12        |
| Pelaksanaan SDG dan Tahap Terima Pakai Prinsip ESG yang Rendah   | 8-12        |
| Tadbir Urus Alam Sekitar yang Kurang Berkesan  | 8-12        |
| <b>Hala Tuju, 2023-2025</b>  | <b>8-13</b> |
| Sasaran Terpilih, 2021-2025  | 8-14        |
| Bidang Fokus A: Mempercepat Pelaksanaan Pembangunan Rendah Karbon, Bersih dan Berdaya Tahan  | 8-16        |
| Bidang Fokus B: Mengurus Sumber Asli dengan Lebih Cekap  | 8-20        |
| Bidang Fokus C: Mempercepat Pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan Memperluas Inisiatif Menerima Pakai Prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus | 8-22        |
| Bidang Fokus D: Memperkuuh Persekitaran yang Menyokong   | 8-26        |
| <b>Kesimpulan</b>  | <b>8-27</b> |

## Pendahuluan

Usaha untuk melonjakkan kemampunan adalah penting dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan selain melindungi alam sekitar dan memulihara sumber asli. Dalam tempoh kajian semula Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), pelbagai langkah telah diambil untuk melaksanakan pembangunan rendah karbon, bersih dan berdaya tahan, mengurus sumber asli, memperkuuh persekitaran yang menyokong, memastikan kemampunan tenaga dan mentransformasi sektor air. Namun begitu, pelbagai isu terus dihadapi, termasuk cabaran dalam menangani perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar serta kehilangan biodiversiti dan penggunaan sumber asli yang tidak mampan. Di samping itu, pelaksanaan matlamat pembangunan mampan (SDG) dan langkah menerima pakai prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang rendah serta cabaran dalam mempercepat peralihan tenaga perlu ditangani.

Dalam tempoh kajian semula RMKe-12, lebih banyak usaha akan ditumpukan untuk mempertingkatkan kelestarian alam sekitar, di samping mempercepat peralihan tenaga yang saksama. Antara strategi yang akan dilaksana adalah melonjakkan pelaksanaan inisiatif pembangunan rendah karbon, bersih dan berdaya tahan serta mengurus sumber asli dengan lebih cekap. Tumpuan juga akan diberi untuk mempercepat pelaksanaan SDG dan memperluas inisiatif menerima pakai ESG serta memperkuuh persekitaran yang menyokong. Usaha ini akan memastikan pembangunan yang mampan dan inklusif untuk kesihatan bumi, melindungi sumber semula jadi dan menangani cabaran alam sekitar ke arah mencapai aspirasi bersih sifar seawal tahun 2050. Usaha ini juga adalah selaras dengan Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan (Agenda 2030).


## Prestasi, 2021-2022

Sebanyak 19 sasaran ditetapkan dalam usaha melonjakkan kemampunan. Dalam tempoh kajian semula, tiga sasaran telah dicapai, manakala bakinya adalah mengikut jadual untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Prestasi pencapaian sasaran ini adalah seperti ditunjukkan dalam Paparan 8-1.

### Paparan 8-1

#### Pencapaian Sasaran Terpilih

##### Pembangunan Rendah Karbon, Bersih dan Berdaya Tahan



##### Mengurus Sumber Asli dengan Cekap



Nota: <sup>a</sup> Kemajuan terkini akan diterbitkan dalam Biennial Transparency Report Malaysia pada tahun 2024.


<sup>b</sup> Malaysia's Nationally Determined Contribution to the Paris Agreement of the United Nations Framework Convention on Climate Change untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca (GHG) kepada KDNK sehingga 45% pada tahun 2030 berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005.

<sup>c</sup> Indikator populasi Harimau Malaya akan dimuktamadkan pada tahun 2025.

## Memperkuuh Persekutuan yang Menyokong Tadbir Urus Berkesan




## Memastikan Tenaga yang Mampan



Nota: <sup>d</sup>Perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas.

## Mentransformasi Sektor Air



Nota: <sup>e</sup>Jumlah beban harian maksimum.

## Pencapaian mengikut Bidang Keutamaan



### Bidang Keutamaan A: Melaksana Pembangunan Rendah Karbon, Bersih dan Berdaya Tahan

#### Strategi A1: Menuju ke arah Negara Rendah Karbon

|   |  |
|---|--|
| <b>Menggalakkan Bandar dan Perbandaran Hijau yang Berdaya Tahan</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pelan Induk Bandar Rendah Karbon Negara dilancarkan pada tahun 2021</li> </ul>  |
| <b>Meningkatkan Mobiliti Mesra Alam</b>                             | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pelan Tindakan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030 diluluskan pada tahun 2021</li> <li>Pengecualian cukai jalan bagi kenderaan elektrik (EV) dari tahun 2022 hingga 2025</li> </ul>  |
| <b>Memperluas Pasaran Hijau dan Perolehan Hijau Kerajaan</b>        | <ul style="list-style-type: none"> <li>Portal Green Jobs Malaysia <ul style="list-style-type: none"> <li>Dilancarkan pada tahun 2021</li> <li>537 syarikat berdaftar dan 560 pekerjaan ditawarkan sehingga penghujung tahun 2022</li> </ul> </li> <li>Pekeliling Perbendaharaan Malaysia - Dasar Perolehan Hijau Kerajaan (PK 1.9) dikuatkuasakan pada tahun 2022</li> </ul> |

#### Strategi A2: Mempercepat Peralihan kepada Ekonomi Kitaran

|  |   |
|--|---|
| <b>Mewujudkan Ekosistem yang Menyokong Ekonomi Kitaran</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Rangka Kerja Pelestarian Plastik, 2021-2030 disiapkan pada tahun 2021</li> </ul> |
|--|---|

#### Strategi A3: Menggalakkan Perkongsian Tanggungjawab dalam Mencegah Pencemaran

|  |  |
|--|--|
| <b>Mengutamakan Kesihatan Alam Sekitar</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li><i>Hydrochlorofluorocarbon Phase-Out Management Plan Stage 2</i> disiapkan pada tahun 2022</li> </ul> |
|--|--|

#### Strategi A4: Mempertingkatkan Daya Tahan terhadap Perubahan Iklim dan Bencana

|  |   |
|--|---|
| <b>Melaksana Tindakan Berdasarkan Bukti dan Risiko yang Termaklum</b>        | <ul style="list-style-type: none"> <li>Enam Peta Hazard Banjir dibangunkan untuk rujukan</li> </ul>   |
| <b>Mempertingkatkan Sistem Amaran Awal dan Tindak Balas terhadap Bencana</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Sistem Ramalan dan Amaran Awal Banjir untuk 22 lembangan sungai disiapkan pada tahun 2022</li> </ul>   |
| <b>Mempertingkatkan Kesiapsiagaan terhadap Bencana dan Pemulihan</b>         | <ul style="list-style-type: none"> <li>14 projek tebatan banjir disiapkan</li> <li>Tiga projek pengawalan dan pemulihan hakisan pantai disiapkan</li> <li>15 projek tebatan banjir dan lima projek kawalan hakisan pantai diluluskan di seluruh negara</li> </ul> |



## Bidang Keutamaan B: Mengurus Sumber Asli dengan Cekap bagi Melindungi Aset Semula Jadi

### Strategi B1: Memulihara Ekosistem Semula Jadi

|   |  |
|---|--|
| Mempertingkatkan Langkah Pemuliharaan bagi Kawasan Terestrial dan Air Daratan             | <ul style="list-style-type: none"><li>Pewartaan Hutan Simpanan Kekal (HSK)<ul style="list-style-type: none"><li>676.5 hektar di Pulau Pinang</li><li>176.7 hektar di Perlis</li><li>23.8 hektar di Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur</li></ul></li><li>Pewartaan Kawasan Perlindungan Sepenuhnya dalam kawasan <i>Heart of Borneo</i><ul style="list-style-type: none"><li>Sabah: 1,459,181 hektar pada tahun 2021 berbanding 551,879 hektar pada tahun 2007</li><li>Sarawak: 554,280 hektar pada tahun 2021 berbanding 362,860 hektar pada tahun 2007</li></ul></li></ul> |
| Mempertingkatkan Langkah Pemuliharaan bagi Kawasan Pesisir Pantai dan Marin               | <ul style="list-style-type: none"><li>299 kilometer persegi kawasan perairan di sekeliling tujuh pulau dan empat batu di perairan Johor diwartakan sebagai taman laut pada tahun 2022</li><li>294.4 hektar kawasan pantai ditanam dengan lebih daripada 342,000 pokok bakau dan spesies lain yang bersesuaian</li></ul>  |
| Mengarus Perdana Sains dan Pendekatan Ekosistem Semula Jadi dalam Perancangan Pembangunan | <ul style="list-style-type: none"><li>Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine disiapkan pada tahun 2022</li><li>Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara-2 diterbitkan pada tahun 2022</li></ul>  |

### Strategi B2: Melindungi dan Memulihara Spesies dan Sumber Genetik

|  |   |
|--|---|
| Memperkuuh Pengurusan dan Pemuliharaan Spesies | <ul style="list-style-type: none"><li>Pasukan Petugas Kebangsaan Bagi Konservasi Harimau Malaya ditubuhkan pada tahun 2021</li><li>13 pusat perlindungan air tawar diwujudkan sehingga penghujung tahun 2022</li><li>Pelan Tindakan Pemuliharaan Konservasi Tapir Malaya diluluskan pada tahun 2022</li></ul> |
|--|---|

### Strategi B3: Memastikan Penggunaan Mampan dan Perkongsian Faedah

|   |   |
|---|---|
| Memperkuuh Penggunaan Sumber Asli Secara Mampan | <ul style="list-style-type: none"><li>Lima geopark diiktiraf sebagai geopark kebangsaan</li></ul>   |
| Mempertingkatkan Pengurusan Sumber Mineral      | <ul style="list-style-type: none"><li>52% lombong dan kuari mencapai sekurang-kurangnya 3 bintang berdasarkan Penarafan Kemampunan Sektor Perlombongan pada tahun 2022</li><li>Tiga prosedur operasi standard (SOP) untuk aktiviti perlombongan dan eksport bauksit dibangunkan pada tahun 2021</li></ul>                 |
| Mempelbagai Sumber Pembiayaan Pemuliharaan      | <ul style="list-style-type: none"><li>RM70 juta diperuntukkan untuk Pindahan Fiskal Ekologi untuk Pemuliharaan Biodiversiti pada tahun 2022</li><li>Projek dan aktiviti pemuliharaan bernilai RM16 juta dibiayai oleh Kumpulan Wang Amanah Pemuliharaan Negara untuk Sumber Asli sehingga penghujung tahun 2022</li></ul> |

**Menjamin Perkongsian Faedah yang Saksama daripada Penggunaan Sumber Asli**

- 158 projek penyelidikan & pembangunan & pengkomersialan & inovasi (R&D&C&I) mengenai perhutanan dan biodiversiti hutan dijalankan pada tahun 2021
- 61 projek penyelidikan baharu yang dibiayai melalui penajaan bernilai sehingga RM37.6 juta diluluskan pada tahun 2021

**Strategi B4: Meningkatkan Pemuliharaan Sumber Air**

**Memperkuuh Tadbir Urus Sumber Air**

- Sistem Pengurusan Imbalan Air Negara diguna pakai di tujuh lembangan sungai

**Menangani Pencemaran Air**

- 489 daripada 670 sungai dikategorikan sebagai sungai bersih berdasarkan Indeks Kualiti Air pada tahun 2021



## Bidang Keutamaan C: Memperkuuh Persekutaran yang Menyokong Tadbir Urus Berkesan

**Strategi C1: Memperkuuh Tadbir Urus Alam Sekitar**

**Menambah Baik Dasar dan Perundangan**

- Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 digubal
- Ordinan Hutan Sarawak (Pindaan) 2022 digubal

**Memperkuuh Rangka Kerja Institusi dan Modal Insan**

- Pusat SDG Negara ditubuhkan pada tahun 2022
- Penubuhan Pusat Gas Rumah Kaca Kebangsaan (GHG) diluluskan pada tahun 2022

**Strategi C2: Meningkatkan Pembiayaan dan Pelaburan Hijau**

**Mempertingkatkan Pembiayaan dan Pelaburan Hijau Domestik**

- Taksonomi Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab dibangunkan pada tahun 2022
- Pelan Tindakan Sektor Kewangan 2022-2026 dilancarkan pada tahun 2022
- Dokumen Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (CCPT) diperkenalkan pada tahun 2021
- RM1 bilion diperuntukkan untuk pembiayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di bawah Kemudahan Peralihan kepada Rendah Karbon (LCTF) pada tahun 2022

**Manfaatkan Pembiayaan Dua Hala dan Pelbagai Hala**

- AS\$21.9 juta disediakan untuk Malaysia di bawah *Global Environment Facility* 7
- AS\$10 juta diterima di bawah Program Adaptasi Iklim Berasaskan Alam Semula Jadi untuk Kawasan Bandar di bahagian pulau, Pulau Pinang pada tahun 2022

**Mempertingkatkan Instrumen Ekonomi Alam Sekitar**

- Panduan Kebangsaan untuk Mekanisme Pelaksanaan Pasaran Karbon Sukarela Antarabangsa dibangunkan pada tahun 2022
- Pasaran karbon sukarela patuh Syariah yang pertama di dunia dilancarkan pada tahun 2022

### Strategi C3: Memupuk Rasa Pemilikan dan Tanggungjawab Bersama

#### Mempertingkatkan Kesedaran untuk Memacu Perubahan Tingkah Laku

- Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dilancarkan pada tahun 2021
- Kajian Kampus Lestari disiapkan pada tahun 2022



## Bidang Keutamaan D: Memastikan Tenaga yang Mampan

### Strategi D1: Memperkuuh Sektor Tenaga

#### Menggubal Dasar Tenaga Negara yang Komprehensif

- Dasar Tenaga Negara, 2022-2040 (DTN) dilancarkan pada tahun 2022

### Strategi D2: Memastikan Subsektor Minyak dan Gas yang Mampan dan Progresif

#### Menarik Pelaburan Bernilai Tinggi dalam Industri Petrokimia

- Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang mencatatkan
  - RM5.1 bilion pelaburan komited
  - RM4.2 bilion pelaburan direalisasi

#### Memperluas Penggunaan Biobahan Api

- Kajian *Front End Engineering Design* dan *Detailed Engineering Design* disiapkan pada tahun 2022

#### Meningkatkan Keupayaan Pemain Tempatan dalam Subsektor Perkhidmatan & Peralatan Minyak dan Gas (OGSE)

- *National OGSE Industry Blueprint 2021-2030* dilancarkan pada tahun 2021
- RM8.5 juta diagihkan kepada 36 syarikat di bawah Geran Pembangunan OGSE

#### Membangunkan Pelan Hala Tuju Gas Asli yang Komprehensif

- Kajian Hab Pasaran Gas Serantau disiapkan pada tahun 2022

### Strategi D3: Memperkuuh Subsektor Elektrik

#### Mewujudkan Industri Bekalan Elektrik yang Berdaya Tahan

- Kajian *Malaysian Electricity Supply Industry 2.0* disiapkan pada tahun 2022

#### Menambah Baik Sistem Bekalan Elektrik di Sabah

- Tiga daripada 10 projek penghantaran bekalan elektrik di bawah *Sabah Special Project Delivery Unit* disiapkan pada tahun 2022
- Indeks Tempoh Gangguan Purata Sistem di Sabah bertambah baik daripada 332.1 minit/pelanggan/tahun pada tahun 2021 kepada 286.2 minit/pelanggan/tahun pada tahun 2022

|  |  |
|--|--|
| <b>Mempertingkatkan Sistem Grid</b>                              | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pembinaan stesen janakuasa gas           <ul style="list-style-type: none"> <li>Stesen Janakuasa Edra Melaka berkapasiti 2,242 megawatt (MW) disiapkan pada tahun 2022</li> <li>Stesen Janakuasa Pulau Indah berkapasiti 1,200 MW dimulakan pada tahun 2021</li> </ul> </li> <li>Pembinaan talian penghantaran elektrik 500 kilovolt (kV) daripada Ayer Tawar-Bentong South-Lenggeng dimulakan pada tahun 2022</li> </ul> |
| <b>Memperluas Liputan Bekalan Elektrik Luar Bandar</b>           | <ul style="list-style-type: none"> <li>Liputan bekalan elektrik di kawasan luar bandar sehingga penghujung tahun 2022           <ul style="list-style-type: none"> <li>Semenanjung Malaysia: 99%</li> <li>Sabah: 96.6%</li> <li>Sarawak: 95.7%</li> </ul> </li> </ul>  |
| <b>Meningkatkan Kapasiti Terpasang Tenaga Boleh Baharu (TBB)</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Program Tarif Elektrik Hijau diperkenalkan pada tahun 2021</li> <li>Program Tenaga Hijau Korporat diperkenalkan pada tahun 2022</li> <li>9.8 gigawatt (GW) kapasiti terpasang TBB tersedia sehingga penghujung tahun 2022</li> </ul>  |
| <b>Mempertingkatkan Kecekapan Tenaga</b>                         | <ul style="list-style-type: none"> <li>Rebat berjumlah RM27.5 juta disediakan di bawah Program <i>Sustainability Achieved Via Energy Efficiency (SAVE) 2.0</i> pada tahun 2021</li> <li>Rebat berjumlah RM35.8 juta disediakan di bawah Program <i>SAVE 3.0</i> pada tahun 2022</li> </ul>   |



## Bidang Keutamaan E: Mentransformasi Sektor Air

| <b>Strategi E1: Memperkasakan Rakyat</b>  |   |
|---|---|
| <b>Melaksanakan Program Kesedaran, Sokongan dan Pembangunan Keupayaan yang Komprehensif</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Empat modul mengenai Kesedaran, Sokongan dan Pembangunan Keupayaan untuk ahli akademik, perniagaan dan industri, komuniti, dan agensi kerajaan siap dibangunkan pada tahun 2022</li> </ul> |
| <b>Memperluas Program Pemuliharaan yang Digerakkan oleh Komuniti</b>                        | <ul style="list-style-type: none"> <li>670 Program <i>Friends of River</i> yang digerakkan oleh komuniti dilaksanakan sehingga penghujung tahun 2022</li> </ul>   |
| <b>Strategi E2: Menambah Baik Keupayaan Membuat Keputusan Berdasarkan Data</b>              |   |
| <b>Mempertingkatkan Keupayaan Pemain Industri Air dan Komuniti Saintifik</b>                | <ul style="list-style-type: none"> <li>322 pekerja operasi Indah Water Konsortium (IWK) menerima Sijil Kemahiran Malaysia pada tahun 2022</li> </ul>  |
| <b>Strategi E3: Memastikan Pembiayaan yang Mampan</b>                                       |   |
| <b>Memperkuuh Kemampunan Kewangan Penyedia Perkhidmatan Air</b>                             | <ul style="list-style-type: none"> <li>Pelarasian tarif bagi pengguna kategori bukan domestik dan kategori khas di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan berkuat kuasa pada tahun 2022</li> </ul>                                    |

#### Strategi E4: Membangunkan Infrastruktur Mampan dengan Teknologi yang Berkesan Kos

**Menerima Guna Sistem Alternatif untuk Perkhidmatan Air di Kawasan Luar Bandar dan Pulau**

- Tambahan 12,838 rumah mendapat bekalan air terawat di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar
- Tabung Wakaf Air menerima sumbangan berjumlah RM4.4 juta
  - Membayai 50 projek berjumlah RM2.2 juta, yang memberi manfaat kepada 5,034 rumah

**Mengoptimumkan Sumber Air dengan Menyediakan Infrastruktur yang Berkesan Kos**

- Projek Pemetaan dan Pembangunan Sumber Air Bawah Tanah Negara di negeri Kedah dimulakan pada tahun 2021

**Melaksanakan Konsep Ekonomi Kitaran dalam Sektor Air**

- Perniagaan bukan teras IWK, melibatkan pulih guna air dan bio-pepejal untuk tujuan industri bermula pada tahun 2022



## Isu dan Cabaran


Dalam tempoh kajian semula, pelbagai langkah telah dilaksana untuk meningkatkan kemampunan alam sekitar serta sektor tenaga dan air. Namun begitu, beberapa isu dan cabaran masih berterusan dan perlu ditangani termasuk perubahan iklim, kemerosotan alam sekitar, kehilangan biodiversiti dan penggunaan sumber semula jadi yang tidak mampu. Selain itu, pelaksanaan SDG masih pada tahap yang rendah, manakala prinsip ESG belum diterima pakai secara meluas dalam sektor perniagaan di samping tadbir urus alam sekitar yang kurang berkesan.

### Cabar dalam Menangani Perubahan Iklim dan Kemerosotan Alam Sekitar

- Ketiadaan dasar dan rangka kerja kawal selia yang bersepdu dan komprehensif
- Cabaran untuk mematuhi standard dan keperluan kawal selia antarabangsa
- Corak penggunaan dan pengeluaran yang tidak mampu
- Pelan dan strategi yang kurang bersepdu bagi mempercepat peralihan tenaga
- Pembekalan dan penggunaan TBB yang rendah
- Perancangan yang kurang komprehensif dalam mengoptimumkan sumber gas asli
- Kekurangan pembiayaan serta R&D&C&I untuk amalan lestari

### Pelaksanaan SDG dan Tahap Terima Pakai Prinsip ESG yang Rendah

- Kurang penghayatan dan kesedaran SDG
- Ekosistem yang tidak kondusif untuk menyokong sektor korporat menerima pakai prinsip ESG



### Kehilangan Biodiversiti dan Penggunaan Sumber Semula Jadi yang Tidak Mampan

- Dasar dan perundangan mengenai aset semula jadi yang tidak bersepdu dan menyeluruh
- Konurbasi yang meluas dan pembangunan tidak terkawal
- Konflik keutamaan antara pembangunan dan pemuliharaan
- Pengurusan dan mekanisme penguatkuasaan sumber asli yang kurang berkesan
- Pemahaman yang terhad terhadap nilai ekonomi berkaitan fungsi dan perkhidmatan ekosistem
- Kekurangan pembiayaan alternatif untuk projek berkaitan kelestarian alam sekitar

### Tadbir Urus Alam Sekitar yang Kurang Berkesan

- Kurang komitmen dalam kalangan pihak berkepentingan
- Penyelaras dan pemantauan yang kurang berkesan dan tidak bersepdu pada semua peringkat
- Program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) yang tidak berkesan

## Hala Tuju, 2023-2025

Dalam tempoh akhir RMKe-12, tumpuan akan terus diberi kepada usaha melonjakkan kemampunan dalam menangani perubahan iklim dan cabaran alam sekitar yang lain, termasuk dalam sektor tenaga dan air. Usaha akan diambil untuk mempercepat pelaksanaan pembangunan rendah karbon, bersih dan berdaya tahan, mengurus sumber asli dengan lebih cekap, mempercepat pelaksanaan SDG dan meningkatkan tahap terima pakai prinsip ESG serta memperkuuh persekitaran yang menyokong. Strategi ini memberi penekanan kepada keperluan untuk menyokong prinsip peralihan yang saksama ke arah ekonomi hijau, adil dan inklusif, seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan yang wajar dan memastikan tiada sesiapa yang tertinggal. Peralihan tenaga akan dipercepatkan dengan mengurangkan lagi kebergantungan kepada bahan api fosil, menerima guna teknologi baharu dalam TBB, memastikan keselamatan bekalan tenaga serta meningkatkan inklusiviti dalam industri minyak dan gas. Di samping itu, pelaksanaan transformasi sektor air akan diperkuuh bagi memastikan bekalan air yang terjamin dan selamat untuk rakyat.



### Bidang Fokus A: Mempercepat Pelaksanaan Pembangunan Rendah Karbon, Bersih dan Berdaya Tahan

- Strategi A1:**  
Memperkuuh Tindakan ke arah Negara Rendah Karbon
- Strategi A2:**  
Mempercepat Peralihan kepada Ekonomi Kitaran
- Strategi A3:**  
Menggalakkkan Perkongsian Tanggungjawab dalam Mencegah Pencemaran
- Strategi A4:**  
Meningkatkan Daya Tahan terhadap Perubahan Iklim dan Bencana



### Bidang Fokus B: Mengurus Sumber Asli dengan Lebih Cekap

- Strategi B1:**  
Memulihara Ekosistem Semula Jadi
- Strategi B2:**  
Melindungi dan Memulihara Spesies dan Sumber Genetik
- Strategi B3:**  
Memastikan Penggunaan Aset Semula Jadi secara Mampan
- Strategi B4:**  
Memperkuuh Pengurusan Air



### Bidang Fokus C: Mempercepat Pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan dan Memperluas Inisiatif Menerima Pakai Prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus

- Strategi C1:**  
Mempergiat Pelaksanaan SDG
- Strategi C2:**  
Memperluas Inisiatif Menerima Pakai Prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus




### Bidang Fokus D: Memperkuuh Persekitaran yang Menyokong


- Strategi D1:**  
Memperkuuh Tadbir Urus Kemampunan
- Strategi D2:**  
Memupuk Rasa Pemilikan dan Tanggungjawab Bersama

## Sasaran Terpilih, 2021-2025

### Mempercepat Pelaksanaan Pembangunan Rendah Karbon, Bersih dan Berdaya Tahan



## Mengurus Sumber Asli dengan Lebih Cekap



## Memperkuuh Persekutaran yang Menyokong



## Bidang Fokus A: Mempercepat Pelaksanaan Pembangunan Rendah Karbon, Bersih dan Berdaya Tahan

Pelaksanaan pembangunan rendah karbon, bersih dan berdaya tahan perlu dipercepatkan bagi memastikan kesihatan bumi dan pertumbuhan sosioekonomi yang mampan. Usaha akan diambil untuk memperkuuh tindakan ke arah mencapai negara rendah karbon, mempercepat peralihan ke arah ekonomi kitaran, menggalakkan perkongsian tanggungjawab dalam mencegah pencemaran dan meningkatkan daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana. Strategi ini akan menangani isu keterancaman alam sekitar berikutan kesan perubahan iklim dan cabaran berkaitan pembangunan mampan.

### Strategi A1

**Memperkuuh Tindakan ke arah Negara Rendah Karbon**

### Strategi A2

**Mempercepat Peralihan kepada Ekonomi Kitaran**

### Strategi A3

**Menggalakkan Perkongsian Tanggungjawab dalam Mencegah Pencemaran**

### Strategi A4

**Meningkatkan Daya Tahan terhadap Perubahan Iklim dan Bencana**

### Strategi A1: Memperkuuh Tindakan ke arah Negara Rendah Karbon

#### *Menambah Baik Mekanisme bagi Tindakan Iklim*

Strategi jangka panjang pembangunan rendah karbon (LT-LEDS) serta pelan hala tuju *nationally determined contribution* (NDC) akan dibangunkan

untuk menambah baik mekanisme bagi tindakan iklim. Inisiatif ini akan menggariskan strategi dan tindakan yang diperlukan bagi membolehkan Malaysia mencapai sasaran tindakan iklim. Melalui usaha ini, Malaysia akan lebih bersedia dalam mengenal pasti peluang dan menangani cabaran dalam peralihan ke arah negara rendah karbon.

Kajian kemungkinan berkaitan *carbon pricing*, termasuk cukai karbon dan sistem perdagangan karbon akan dijalankan. Kajian ini akan mengesyorkan cadangan yang bersesuaian untuk pelaksanaan *carbon pricing*. Pembangunan LT-LEDS dan *carbon pricing* akan menyokong pelaksanaan Anjakan Besar Industri berdasarkan Peralihan Tenaga. Di samping itu, platform perdagangan dalam talian bagi *Bursa Carbon Exchange* (BCX) akan dibangunkan untuk membolehkan perdagangan kontrak kredit karbon yang seragam. Bagi menyokong pelaksanaan BCX, usaha akan diambil untuk menerbitkan buku panduan pasaran karbon sukarela (VCM), mewujudkan direktori VCM dan menganjurkan program kesedaran VCM secara berkala. Di samping itu, perundangan mengenai perubahan iklim yang mengambil kira perkembangan terkini pada peringkat domestik dan antarabangsa akan digubal untuk mengawal selia pelaksanaan dasar dan obligasi perubahan iklim negara.

#### *Meningkatkan Mobiliti Rendah Karbon*

Langkah akan dilaksana untuk memperluas infrastruktur untuk EV bagi meningkatkan akses kepada EV. Di samping itu, pihak berkuasa tempatan akan digalakkan untuk mematuhi Garis Panduan Perancangan Mobiliti Aktif. Langkah ini akan menggalakkan pengguna memilih pengangkutan rendah karbon dan pembangunan infrastruktur pengangkutan mesra alam.

#### *Membangunkan Rangka Kerja Kawal Selia bagi Pelaksanaan Inisiatif Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon*

Rangka kerja kawal selia dalam mengurus tadbir pemerangkapan, penggunaan dan penyimpanan karbon (CCUS) akan dibangunkan, selaras dengan Anjakan Besar peralihan tenaga. Rangka kerja ini akan merangkumi peraturan dan garis panduan bagi menyalas pelaksanaan CCUS pada peringkat nasional dan negeri serta pergerakan rentas sempadan berdasarkan protokol antarabangsa. Di samping itu, unit penyelaras akan ditubuhkan untuk memacu perancangan, pelaksanaan dan pemantauan CCUS. Nilai pelaburan bagi industri CCUS di Malaysia dianggarkan mencecah AS\$200 bilion dalam tempoh 30 tahun. Industri ini juga dijangka akan mewujudkan sehingga 200,000 peluang pekerjaan setahun.

## Memperluas Pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan

Pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) akan diperluas kepada sektor pembinaan melalui inisiatif GGP Kerja bagi meningkatkan pasaran hijau untuk menyokong pertumbuhan yang mampan. Dalam hubungan ini, projek rintis di bawah GGP Kerja akan dilaksana untuk mengenal pasti mekanisme yang sesuai dalam melaksanakan perolehan hijau bagi projek fizikal. Inisiatif ini akan memacu pembangunan produk hijau untuk sektor pembinaan.

## Merangka Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara

Pelan hala tuju peralihan tenaga negara (NETR) yang merupakan satu inisiatif di bawah Anjakan Besar peralihan tenaga sedang dirangka untuk menyokong pelaksanaan Dasar Tenaga Negara, 2022-2040 (DTN) bagi menyahkarbon sektor tenaga. Inisiatif ini akan menyumbang ke arah mencapai komitmen Malaysia dalam mengurangkan sehingga 45% intensiti pelepasan GHG kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) pada tahun 2030 berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005. NETR ini akan meningkatkan daya saing Malaysia ketika dunia beralih ke arah masa hadapan yang rendah karbon melalui pelbagai laluan penyahkarbonan. Pelaksanaan NETR akan memberi keutamaan kepada projek *flagship* berimpak tinggi, pembiayaan, penerimangunaan teknologi dan pembangunan keupayaan, di samping menggalakkan dasar yang menyokong komitmen bersih sifar. Cadangan projek dan inisiatif *flagship* yang meliputi kecekapan tenaga, TBB, pemerangkapan dan penyimpanan karbon, hidrogen, biotenaga dan mobiliti mesra alam dianggarkan menarik pelaburan awal lebih daripada RM25 bilion. Ringkasan perancangan bagi peralihan tenaga yang saksama di Malaysia adalah seperti ditunjukkan dalam Kotak 8-1.



### Kotak 8-1

## Memperkuuh Masa Hadapan Malaysia melalui Peralihan Tenaga yang Saksama

Tenaga merupakan nadi utama agenda iklim kerana sektor ini menyumbang sebanyak 73.2% daripada pelepasan gas rumah kaca (GHG) di seluruh dunia, menurut Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA). IEA menetapkan hala tuju penggunaan tenaga hendaklah kurang 7% daripada penggunaan semasa supaya tidak melebihi garis batas 1.5°C pemanasan global, mengambil kira jangkaan ekonomi dunia berkembang sebanyak 40% menjelang tahun 2030. Senario ini memerlukan tindakan yang drastik dalam pengurangan bahan api fosil serta peningkatan dalam kecekapan tenaga dan tenaga boleh baharu (TBB). Peralihan daripada sistem berintensifkan karbon adalah sukar untuk banyak negara, termasuk Malaysia. Kebergantungan kepada arang batu bagi penjanaan elektrik adalah disebabkan harganya yang paling murah berbanding sumber lain, seperti gas asli dan TBB.

Rancangan Malaysia Kedua Belas menetapkan sasaran negara untuk mencapai pelepasan GHG bersih sifar seawal tahun 2050. Sasaran ini menuntut Malaysia untuk mempercepat peralihan tenaga, di samping mengimbangi trilema tenaga yang merangkumi jaminan bekalan, kemampuan membayar dan kelestarian alam sekitar.

Dasar Tenaga Negara, 2022-2040 (DTN) mentakrifkan peralihan tenaga sebagai anjakan struktur sistem tenaga ke arah sumber yang lebih bersih. Aspirasi Negara Rendah Karbon 2040 dalam DTN menetapkan untuk mentransformasi bekalan tenaga utama negara ke arah tenaga bersih dan TBB. Melalui dasar ini, peralihan tenaga dijangka akan berlaku pada kadar yang dipercepat, didorong oleh kemajuan teknologi yang pesat dan dasar perubahan iklim yang kukuh. Peralihan tenaga ini akan berlandaskan prinsip saksama, inklusif dan teratur yang memberi penekanan kepada peluang mendapat kerja yang wajar untuk semua, penglibatan komuniti yang aktif dan tadbir urus yang berkesan.

Kerajaan sedang membangunkan pelan hala tuju peralihan tenaga negara (NETR) untuk melaksanakan DTN dan mempercepat peralihan tenaga. Dalam hubungan ini, NETR bermatlamat untuk mengenal pasti peluang pelaburan dalam enam teras peralihan tenaga, iaitu kecekapan tenaga, TBB, hidrogen dan ammonia, biotenaga, mobiliti rendah karbon serta pemerangkapan dan penyimpanan karbon. Sehingga kini, sebanyak 10 projek dan inisiatif *flagship* telah dikenal pasti tersedia untuk dilaksana. NETR juga akan memperincikan hala tuju utama peralihan tenaga, campuran tenaga dan sasaran pengurangan pelepasan karbon. Malaysia menyokong penuh peralihan tenaga yang saksama yang melindungi rakyat, mencipta peluang dan menyokong inovasi melalui pendekatan keseluruhan negara yang terselaras.

## Mempercepat Penerimangunaan Tenaga Boleh Baharu

Kemajuan dalam sistem penstoran tenaga, infrastruktur grid pintar dan penggunaan bahan yang mampan akan dimanfaatkan untuk mengoptimumkan penggunaan tenaga dan mengurangkan impak kepada alam sekitar. Sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar peralihan tenaga, kapasiti sumber TBB, terutama solar, hidrogen, biojisim dan kuasa hidro akan dipertingkat untuk menjana tenaga bersih. Di samping itu, skim tarif galakan dan proses pembidaan kompetitif akan diteruskan untuk menarik pelaburan dalam projek TBB. Selain itu, struktur tarif elektrik semasa akan disusun semula supaya selari dengan kos sistem, melindungi segmen yang mudah terjejas, dan tarif komersial dan perindustrian dapat diajarkan semula. Penyusunan semula tarif ini akan membolehkan peningkatan dalam penembusan TBB, memastikan harga berkadar dengan kos serta meningkatkan kelebihan ekonomi untuk menyokong pelaksanaan Anjakan Besar Subsidi Bersasar. Usaha ini akan memberi manfaat kepada pasaran domestik dan meletakkan Malaysia sebagai peneraju serantau dalam teknologi hijau.

Perdagangan TBB rentas sempadan dijangka akan meningkatkan pelaksanaan TBB domestik. Sumbangan TBB kepada campuran kapasiti terpasang akan disasarkan semula daripada sasaran asal 40% pada tahun 2040 kepada 70% pada tahun 2050. Sistem pasaran tenaga elektrik untuk perdagangan TBB akan diperkenalkan sebagai satu lagi inisiatif di bawah Anjakan Besar peralihan tenaga. Di samping itu, peluasan pelaksanaan TBB melalui pendekatan sistem berkonsepkan kendiri akan merintis jalan kepada pembangunan zon TBB yang memaksimumkan potensi tenaga solar, dan kemudahan penstoran tenaga dan bateri. Usaha ini akan mengurangkan kebergantungan kepada penjanaan tenaga elektrik berdasarkan bahan api fosil, mewujudkan peluang ekonomi baharu dan menarik syarikat multinasional, terutama syarikat RE100<sup>1</sup> untuk beroperasi di Malaysia. Selain itu, Malaysia akan terus memanfaatkan permintaan tenaga bersih dan TBB yang semakin meningkat di rantau ini untuk menjadi hab bagi perdagangan dan pembekalan tenaga bersih dan TBB di bawah inisiatif Grid Kuasa ASEAN.

## Menjamin Kecekapan Tenaga

Dasar dan program sedia ada yang bertujuan untuk menggalakkan kecekapan tenaga dan melaksanakan langkah penjimatatan tenaga dalam sektor industri, komersial dan kediaman akan diperkujuh. Pelbagai inisiatif di bawah Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara, 2016-2025 akan diteruskan, termasuk pelaksanaan Piawaian Minimum Prestasi Tenaga, Program Geran Audit Tenaga Bersyarat dan Pelabelan Indeks Tenaga Bangunan. Di samping itu, perundangan berkaitan kecekapan dan konservasi tenaga akan dikuat kuasa ke atas pengguna elektrik berintensiti tinggi dalam sektor industri dan komersial manakala rangka kerja perundangan kecekapan tenaga diperkujuh.

## Mengoptimumkan Gas Asli dalam Peralihan Tenaga

Pelan hala tuju gas asli akan dirangka untuk menangani cabaran jaminan bekalan tenaga, kemampuan membayar dan kelestarian alam sekitar. Pelan ini yang dikenal pasti sebagai satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar peralihan tenaga, akan menyediakan hala tuju untuk mengoptimumkan nilai sumber gas asli tempatan dan meningkatkan penggunaan sumber gas asli sebagai sumber alternatif yang lebih bersih bagi mengurangkan pelepasan karbon. Infrastruktur penyimpanan gas asli cecair tambahan akan dibina di Pengerang, Johor untuk menyokong liberalisasi pasaran gas dan ketersediaan bekalan. Selain itu, ketersediaan sumber gas asli tempatan akan dikenalkan dengan memanfaatkan teknologi termaju untuk membangunkan lapangan gas asli laut dalam dan marginal secara berkesan serta menyahkarbon pengeluaran gas huluhan.

## Meningkatkan Kemampunan dalam Perniagaan OGSE

Pelan hala tuju kemampunan OGSE kebangsaan akan dirangka untuk menggalakkan amalan kemampunan dan membangunkan standard pelaporan yang ringkas. Dengan adanya pelan hala tuju ini, lebih banyak PKS dalam perniagaan OGSE akan dapat mematuhi prinsip ESG dan meningkatkan keseragaman serta kebolehbandingan pelaporan kemampunan bagi mendapat akses yang lebih baik kepada pembiayaan yang kompetitif. Langkah menerima pakai amalan kemampunan yang lebih meluas dalam kalangan perniagaan OGSE akan menyokong aspirasi iklim bagi industri minyak dan gas.

<sup>1</sup> Inisiatif korporat global berkaitan tenaga boleh baharu yang menghimpunkan ratusan syarikat besar dan berwawasan yang komited menggunakan 100% elektrik daripada sumber boleh baharu.

## Strategi A2: Mempercepat Peralihan kepada Ekonomi Kitaran

### Membangunkan Rangka Kerja Dasar Ekonomi Kitaran

Rangka kerja menyeluruh bagi pelaksanaan ekonomi kitaran akan dibangunkan untuk menyediakan visi jangka panjang dalam mempercepat peralihan kepada ekonomi kitaran. Rangka kerja ini akan disokong oleh pelbagai mekanisme, terutama dalam sektor pembuatan, industri biojisim dan pengurusan sisa pepejal. Bagi sektor pembuatan, rangka kerja dasar ekonomi kitaran akan dibangunkan untuk meningkatkan daya saing industri dan kebolehpasaran produk pada peringkat antarabangsa. Selain itu, pelan tindakan biojisim negara akan dibangunkan untuk pengeluaran tenaga dan bahan berdasarkan pertanian yang akan mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil dan menggalakkan kelestarian alam sekitar. Di samping itu, kajian yang sedang dilaksana mengenai ekonomi kitaran bagi sisa pepejal akan menyediakan strategi dan pelan tindakan ke arah pengurusan sisa pepejal yang lebih menyeluruh. Usaha ini akan memaksimumkan kecekapan sumber dan meminimumkan sisa bagi menyokong inisiatif pertumbuhan hijau.

## Strategi A3: Menggalakkan Perkongsian Tanggungjawab dalam Mencegah Pencemaran

### Menubuhkan Jawatankuasa Tadbir Urus Kimia Kebangsaan

Jawatankuasa tadbir urus kimia kebangsaan akan ditubuhkan untuk menangani jurang dalam akta dan garis panduan semasa berkaitan bahan kimia. Usaha ini merupakan persediaan untuk tindak balas kecemasan berkaitan risiko bahan kimia pada peringkat nasional serta memastikan pematuhan terhadap keperluan antarabangsa. Bagi menggalakkan perkongsian tanggungjawab dalam mencegah pencemaran, jawatankuasa ini akan menerima pakai pendekatan keseluruhan negara dalam menyelaras penglibatan pelbagai agensi yang berkaitan. Jawatankuasa ini juga akan memudah cara pembangunan pangkalan data pengurusan bahan kimia yang bersepadu dan menyeluruh. Pendekatan yang lebih komprehensif dalam pengurusan bahan kimia akan mengurangkan risiko berkaitan bahan kimia untuk melindungi kesihatan manusia dan alam sekitar.

## Strategi A4: Meningkatkan Daya Tahan terhadap Perubahan Iklim dan Bencana

### Merangka Pelan Adaptasi Kebangsaan

Pelan adaptasi kebangsaan akan dirangka untuk menangani isu keterancaman terhadap kesan perubahan iklim pada masa kini dan masa hadapan. Pelan ini akan merangkumi langkah adaptasi dalam lima bidang keutamaan, iaitu kesihatan awam, pertanian dan sekuriti makanan, perhutanan dan biodiversiti, sumber dan jaminan bekalan air serta infrastruktur dan perbandaran. Langkah ini akan meningkatkan keupayaan mengadaptasi dalam bidang keutamaan ini dan mengukuhkan masyarakat berdaya tahan iklim.

Strategi untuk menangani kesan berkaitan haba, seperti tekanan haba, strok haba dan keletihan haba akan dimasukkan dalam pelan adaptasi kebangsaan. Antara inisiatif yang akan dilaksana termasuk memperbanyak ruang hijau dan kawasan berpokok, menambah baik perancangan bandar untuk mengurangkan kesan pulau haba bandar serta menilai semua aktiviti untuk mengurus kesan berkaitan haba. Di samping itu, pelan tindakan haba dan sistem amaran awal akan dimasukkan ke dalam pelan adaptasi kebangsaan bagi meningkatkan daya tahan komuniti yang mudah terjejas.

### Memperkuuh Pengurusan Banjir

Program tebatan banjir akan diberi penekanan yang lebih besar untuk meliputi lebih banyak kawasan yang cenderung dilanda banjir. Dalam hubungan ini, kajian bagi menilai keberkesanan penyelesaian berdasarkan alam semula jadi akan dijalankan untuk mengenal pasti alternatif kepada pendekatan berdasarkan struktur dalam menangani banjir. Di samping itu, pembiayaan alternatif dan mampan untuk tebatan banjir akan diteroka.

### Memperkuuh Pengurusan Bencana

Penilaian kesan bencana terhadap kumpulan yang terjejas akan dilaksanakan. Di samping itu, pembangunan dan perkongsian peta hazard banjir dan cerun akan diteruskan untuk meliputi lebih banyak kawasan kritis di seluruh negara. Dalam hubungan ini, sistem amaran awal tanah runtuh (SAATR) untuk jalan Persekutuan akan dibangunkan untuk menambah baik pengurusan bencana. Selain itu, pusat bencana geologi negara akan ditubuhkan melalui peluasan fungsi institusi sedia ada. Strategi untuk meningkatkan kesiapsiagaan komuniti juga akan dibangunkan sebagai pelengkap kepada usaha pengurangan risiko bencana negara. Selain itu, keupayaan pasukan tindak balas komuniti akan dipertingkat untuk membantu proses pasca pemulihian.

## Bidang Fokus B: Mengurus Sumber Asli dengan Lebih Cekap

Langkah akan diteruskan untuk mengurus sumber asli dengan lebih cekap. Inisiatif baharu akan diperkenalkan bagi mengurangkan kehilangan biodiversiti dan menambah baik kesihatan bumi. Dalam hubungan ini, usaha akan diambil bagi memulihara ekosistem semula jadi, melindungi dan memulihara spesies dan sumber genetik, memastikan penggunaan aset semula jadi secara mampan serta memperkuuh pengurusan air.

### Strategi B1

**Memulihara Ekosistem Semula Jadi**

### Strategi B2

**Melindungi dan Memulihara Spesies dan Sumber Genetik**

### Strategi B3

**Memastikan Penggunaan Aset Semula Jadi secara Mampan**

### Strategi B4

**Memperkuuh Pengurusan Air**

### Strategi B1: Memulihara Ekosistem Semula Jadi

#### *Memperkuuh Pengurusan Kawasan Perlindungan*

Rangka kerja kebangsaan bagi kawasan perlindungan akan dibangunkan untuk memperkuuh pengurusan kawasan tersebut dalam usaha melindungi biodiversiti di Malaysia serta memulihara ekosistem, spesies dan kepelbagaiannya genetik. Usaha ini, antara lain termasuk mewartakan kawasan perlindungan baharu. Selain itu, negeri di Semenanjung Malaysia akan digalakkan untuk menambah kawasan berhutan kepada 50% menjelang tahun 2040, selaras dengan Rancangan Fizikal Negara Keempat. Kerajaan negeri akan

melaksanakan moratorium ke atas kelulusan pembangunan ladang hutan yang baharu dalam kawasan HSK di Semenanjung Malaysia bagi tempoh 15 tahun.

Pelan rangka tindakan bagi kawasan perlindungan marin (MPA) akan disiapkan pada tahun 2024 untuk memperkuuh perancangan peluasan MPA. Di samping itu, sistem berkaitan sumber perikanan yang menggabungkan data mengenai ekosistem marin dan biodiversiti, termasuk maklumat peta dan spatial, akan siap dibangunkan pada tahun 2025. Sistem ini akan memudahkan cara usaha untuk mengenal pasti lokasi yang berpotensi bagi pewujudan koridor MPA.

### Strategi B2: Melindungi dan Memulihara Spesies dan Sumber Genetik

#### *Manfaatkan Kemajuan Teknologi dalam Penguatkuasaan*

Penggunaan kecerdasan buatan akan diteroka bagi pemantauan dan penguatkuasaan yang berkesan untuk meningkatkan kelangsungan semua spesies, khususnya spesies yang terancam. Selain itu, sistem permit elektronik bagi Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES)<sup>2</sup> di Malaysia atau MyCITES akan dibangunkan. Automasi proses CITES adalah penting bagi memastikan perdagangan yang selamat, meningkatkan ketelusan serta mengurangkan peluang untuk melakukan salah laku.

#### *Meningkatkan Perlindungan dan Pemuliharaan Spesies*

Santuari baharu akan diwujudkan untuk memulihara spesies akuatik air tawar dalam habitat semula jadi, seperti kelah dan temoleh. Di samping itu, SOP bagi pengurusan penyu dan pelan tindakan kebangsaan bagi spesies terancam akan dikaji semula, manakala pelan pengurusan yang mampan bagi Taman Laut Labuan akan dibangunkan pada hujung tahun 2023. Selain itu, Akta Perikanan 1985 [ Akta 317 ] akan disemak semula untuk memasukkan peruntukan baharu. Semakan semula ini akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan penilaian impak perikanan bagi projek pembangunan di pesisir pantai dan marin serta mengawal selia aktiviti pemunggahan di laut. Selain itu, semakan ini juga akan melibatkan penambahbaikan ke atas peruntukan perundangan bagi taman laut dan peningkatan penalti, terutama bagi kesalahan berkaitan habitat dan spesies marin.

<sup>2</sup> Perjanjian antarabangsa di antara kerajaan. CITES bertujuan untuk memastikan perdagangan antarabangsa bagi spesimen haiwan dan tumbuhan liar tidak mengancam kelangsungan hidup semua spesies tersebut.

Pelan Tindakan Konservasi Gajah Kebangsaan dan Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan akan dikaji semula untuk memulihara gajah dan harimau di Semenanjung Malaysia dengan lebih baik. Di samping itu, reka bentuk pembangunan jalan raya dan lebuh raya pada masa hadapan akan mengambil kira struktur lintasan yang selamat bagi hidupan liar dan kesalinghubungan ekologi yang berkesan. Dasar Kepelbagai Biologi Kebangsaan juga akan dikaji semula supaya selaras dengan komitmen di bawah *Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework*.

### Memperkuuh Pengurusan Biokeselamatan

Malaysia menyasarkan untuk meratifikasi *Nagoya-Kuala Lumpur Supplementary Protocol on Liability and Redress* pada tahun 2025. Dalam hubungan ini, rangka kerja kawal selia yang menyeluruh dan sistem bagi pengurusan biokeselamatan yang berkesan akan dibangunkan. Akta Biokeselamatan 2007 [ Akta 678 ] akan disemak semula untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan biokeselamatan. Semakan semula ini akan menangani isu baru muncul berkaitan bioteknologi termaju, termasuk melalui pelabelan produk organisme hidup yang diubah suai (LMO). Di samping itu, pembangunan sistem MyBiosafety 2.0 sebagai pusat sehenti bagi permohonan, kelulusan dan transaksi lain berkaitan LMO akan disiapkan pada tahun 2025.

### Strategi B3: Memastikan Penggunaan Aset Semula Jadi secara Mampan

#### Menilai Faedah Ekonomi bagi Kawasan Terrestrial dan Marin

Penilaian terhadap nilai ekonomi keseluruhan (TEV) bagi kawasan pesisir pantai sepanjang negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Selangor akan disiapkan pada tahun 2023. Penilaian TEV juga akan diperluas ke negeri lain di Semenanjung Malaysia dalam tempoh akhir RMKe-12. Inisiatif yang serupa akan dilaksanakan di ekosistem semula jadi yang lain dalam kawasan terrestrial dan marin. Penilaian ini akan menyokong penggubalan dasar berdasarkan bukti dalam pemuliharaan ekosistem semula jadi bagi memastikan penggunaan yang mampan.

#### Menyediakan Inventori Hutan Kebangsaan

Inventori Hutan Kebangsaan (NFI) keenam, yang akan disiapkan pada tahun 2024 akan memudah cara perancangan, pembangunan, pengurusan dan pemuliharaan sumber hutan yang lebih baik. Di samping itu, NFI khusus untuk hutan paya bakau akan disediakan untuk mendokumentasi aset semula jadi yang terdapat dalam hutan tersebut. Inventori ini juga akan dimanfaatkan untuk penilaian stok karbon.

### Membangunkan Industri Mineral dan Mempromosikan Warisan Geologi

Dasar Mineral Negara 2 akan dikaji semula untuk menyediakan hala tuju yang lebih holistik dalam memacu pembangunan industri mineral, termasuk unsur nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE), bausit, timah, silika dan kaolin, berdasarkan prinsip kemampunan dan kebertanggungjawaban. Kajian semula ini yang merupakan satu daripada inisiatif di bawah Anjakan Besar Industri Nadir Bumi akan memasukkan dasar mengenai aktiviti perlombongan dalam hutan simpan kekal, kawasan sensitif alam sekitar dan kawasan perlindungan. Kajian semula ini juga akan memberi penekanan kepada R&D&C&I, yang merupakan satu lagi inisiatif di bawah Anjakan Besar nadir bumi. Industri nadir bumi bukan radioaktif dijangka akan mewujudkan 6,550 pekerjaan dan menyumbang sebanyak RM9.5 bilion kepada KDNK pada tahun 2025. Selain itu, pelan pembangunan dan pelaksanaan bagi geopark akan diperkenalkan untuk terus membangunkan geopark di Malaysia. Usaha ini dijangka dapat menggiatkan semula subsektor mineral, menjana faedah ekonomi dan menggalakkan pemuliharaan sumber asli.

### Strategi B4: Memperkuuh Pengurusan Air

#### Meningkatkan Tadbir Urus Sumber Air

Dasar yang menyeluruh mengenai air akan diperkenal selaras dengan Agenda Transformasi Sektor Air 2040 untuk memastikan pengurusan air yang mampan. Dasar ini yang berpaksikan pendekatan sumber kepada sumber, akan menggabungkan pelbagai konsep termasuk ekonomi kitaran dan ekonomi hijau dalam menggalakkan penggunaan sumber air secara mampan dan cekap. Selain itu, tadbir urus IRBM akan diperkuuh bagi menambah baik penyelarasan serta mempercepat dan memantau pelaksanaan IRBM.

#### Menangani Pencemaran Air

Kajian mengenai pembangunan loji rawatan air sisa industri berpusat sedang dijalankan bagi menguruskan efluen daripada industri. Kajian ini akan mengesyorkan inisiatif untuk memastikan efluen daripada pelbagai sumber di kawasan perindustrian dirawat dan dilepaskan ke dalam sungai daripada satu punca. Di samping itu, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [ Akta 127 ] dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [ Akta 655 ] akan disemak semula. Pindaan bagi kedua-dua Akta ini yang merangkumi isu alam sekitar yang baru muncul dan hukuman yang lebih berat akan dibentangkan di Parlimen dalam tempoh akhir RMKe-12.

## Mempertingkatkan Jaminan Bekalan Air

Sumber air alternatif daripada abstraksi air bawah tanah, pengumpulan dan penggunaan semula air hujan dan penakungan air pinggir sungai, akan terus diteroka melalui pembinaan infrastruktur yang berkesan kos untuk memastikan jaminan bekalan air. Pendekatan Program Air Tidak Berhasil Kebangsaan akan diperluas dan dikaji semula untuk memberikan penyelesaian yang berterusan dan menyeluruh bagi mengurangkan air tidak berhasil. Tarif air dan pembetungan akan disemak semula secara berkala berdasarkan segmen pasaran. Inisiatif ini akan memperkuuh keupayaan kewangan operator perkhidmatan air untuk memastikan pengurusan air yang cekap, saksama dan mampan.

## Bidang Fokus C: Mempercepat Pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan dan Memperluas Inisiatif Menerima Pakai Prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus

Inisiatif berkaitan SDG dan ESG akan terus diperkuuh bagi merealisasikan aspirasi negara untuk mencapai pelepasan GHG bersih sifar seawal tahun 2050. Usaha akan ditumpu untuk mempergiat pelaksanaan SDG pada peringkat tempatan. Selain itu, langkah menggalakkan perniagaan menerima pakai ESG akan dipergiat bagi merealisasikan Anjakan Besar peralihan tenaga. Ekosistem ESG yang kondusif akan diwujudkan untuk mempercepat perniagaan, terutama PKS dalam menerima pakai prinsip dan melaporkan inisiatif ESG. Ekosistem ini akan merangkumi hala tuju dasar dan rangka kerja kawal selia serta sokongan kewangan dan teknikal bagi menggalakkan amalan perniagaan yang mampan. Usaha ini akan menggalakkan pembangunan mampan untuk kesihatan bumi bagi mencapai Agenda 2030.

Strategi C1

Mempergiat Pelaksanaan SDG

Strategi C2

Memperluas Inisiatif Menerima Pakai Prinsip Alam  
Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus

## Strategi C1: Mempergiat Pelaksanaan SDG

### Melaksanakan SDG pada Peringkat Tempatan

Usaha akan diambil untuk memperkasa kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan komuniti setempat bagi membolehkan pelaksanaan SDG pada peringkat tempatan untuk mencapai Agenda 2030. Pelan Hala Tuju SDG Fasa 2, 2021-2025 akan menjadi panduan bagi melaksanakan SDG pada peringkat tempatan, di samping memastikan keselarasan dasar merentas semua peringkat kerajaan. Inisiatif ini akan mempergiat pelaksanaan SDG melalui pendekatan menyeluruh dari atas ke bawah dan bawah ke atas pada peringkat tempatan. Ringkasan Pelan Hala Tuju SDG Fasa 2, 2021-2025 adalah seperti ditunjukkan dalam Kotak 8-2.

### Menambah Baik Pelaporan SDG

Pelaporan SDG akan diperkuuh untuk mendokumentasi dan mengetengahkan semua inisiatif yang dilaksanakan oleh pelbagai pihak berkepentingan serta bertindak sebagai panduan untuk intervensi dan pelaksanaan dasar oleh kementerian dan agensi. Sistem Pemantauan Kemajuan SDG Kebangsaan yang dikenali sebagai Papan Pemuka SDG akan menjadi sumber data tunggal untuk menyelaras pengumpulan data berdasarkan indikator SDG. Mekanisme untuk melaporkan kemajuan SDG pada peringkat subnasional kepada Majlis SDG Kebangsaan akan diwujudkan. Pencapaian SDG pada peringkat subnasional juga akan dibentangkan di Forum Politik Peringkat Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pembangunan Mampan melalui penerbitan Laporan Semakan Subnasional (VSR) atau Laporan Semakan Tempatan (VLR). Semua negeri akan digalakkan untuk menghasilkan sekurang-kurangnya satu VSR atau VLR untuk memperkuuh pelaksanaan inisiatif SDG pada peringkat tempatan. Semua pencapaian ini akan dikumpulkan untuk Laporan Semakan Kebangsaan Malaysia seterusnya yang dijadualkan pada tahun 2025.

## Strategi C2: Memperluas Inisiatif Menerima Pakai Prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus

### Membangunkan Rangka Kerja Dasar ESG Kebangsaan

Rangka kerja dasar ESG kebangsaan akan dibangunkan untuk menyediakan hala tuju yang jelas mengenai pelaksanaan ESG dalam kalangan pihak berkepentingan. Rangka kerja ini akan membolehkan penyelarasan dan

### Kotak 8-2

## Pelan Hala Tuju Matlamat Pembangunan Mampan Fasa 2

Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampan (Agenda 2030) ialah komitmen global untuk mencapai pembangunan mampan, berdaya tahan dan inklusif, dengan 17 matlamat pembangunan mampan (SDG) dan 169 sasaran. Ia adalah seruan untuk bertindak bagi menoktahkan kemiskinan, memelihara bumi dan memastikan kehidupan yang aman dan makmur. Malaysia komited untuk melaksanakan SDG dalam tiga fasa antara tahun 2016 dan 2030. Fasa 1 seiring dengan Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 dan Fasa 2 dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025, manakala Fasa 3 akan selari dengan rancangan seterusnya.

Pelan Hala Tuju SDG Fasa 2 menetapkan panduan yang jelas mengenai konteks dan pelaksanaan Agenda 2030 bagi tempoh 2021 sehingga 2025. Pelan Hala Tuju ini menyenaraikan usaha yang diambil dalam dua tahun pertama Fasa 2 dan akan menggariskan inisiatif dalam tempoh akhir RMKe-12. Dokumen ini menyediakan panduan penting untuk ekonomi beralih kepada negara yang berpendapatan dan berproduktiviti tinggi serta mampan. Ia juga akan menjadi rujukan utama untuk pelaksanaan SDG di Malaysia dengan penekanan kepada pelaksanaan SDG pada peringkat tempatan. Dalam mengukuhkan pelaksanaan SDG, pelan hala tuju ini juga menyediakan pelan tindakan khusus yang mengandungi matlamat dan sasaran kuantitatif yang jelas. Pelan tindakan ini dijajar dan diintegrasikan dengan dasar negara. Aspirasi Malaysia MADANI dirangkumkan dalam Pelan Hala Tuju Fasa 2 ini, selaras dengan prinsip tiada sesiapa yang tertinggal.

Input untuk membangunkan Pelan Hala Tuju SDG Fasa 2 diperoleh daripada pelbagai pihak berkepentingan melalui pendekatan keseluruhan negara, manakala pemetaan terperinci SDG, sasaran dan indikator adalah berlandaskan dasar pembangunan Malaysia yang sedia ada. Pelan Hala Tuju ini dibangunkan berdasarkan dan melengkapi Pelan Hala Tuju SDG Fasa 1, 2016-2020, Laporan Semakan Kebangsaan tahun 2017 dan 2021, pelbagai laporan indikator SDG dan *United Nations Common Country Analysis*.



mempercepat pelaporan ESG dalam kalangan perniagaan serta meningkatkan keyakinan pelabur. Pelaporan CCPT, Taksonomi Pelaburan Berasaskan Prinsip Mampan dan Bertanggungjawab serta Prinsip Tadbir Urus yang Baik bagi Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan akan menjadi asas dalam membangunkan rangka kerja ini.

### Memperkenalkan Garis Panduan untuk Pelaporan ESG

Garis panduan dengan 11 tema yang dibangunkan oleh Bursa Malaysia bagi pelaporan ESG akan diperkenalkan untuk menggalakkan dan memudah cara PKS menyediakan pelaporan. Tema pengurusan pelepasan GHG yang terkandung dalam garis panduan ini akan dijadikan sebagai keperluan minimum kepada perniagaan untuk membuat pelaporan ESG. Pengenalan garis panduan yang seragam ini akan mengurangkan amalan pelaporan yang tidak konsisten dan menangani kekurangan kebolehbandingan antara perniagaan. Di samping itu, syarikat yang tertakluk kepada obligasi ESG global akan dikehendaki memudah cara PKS di sepanjang rantaian bekalan tempatan bagi mematuhi prinsip ESG.

### Memastikan Pembiayaan Mampan untuk Menerima Pakai ESG

Pembentukan mampan adalah penting untuk menggalakkan perniagaan menerima pakai ESG dan memudah cara pengembangan inisiatif yang mampan dan berdasarkan tanggungjawab sosial dalam amalan perniagaan. PKS akan digalakkan memanfaat kemudahan pembiayaan khas untuk PKS, termasuk LCTF serta Kemudahan Teknologi Tinggi dan Hijau bagi mempercepat peralihan kepada amalan mampan. Program jangkauan dan komunikasi pelbagai serampang dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan akan dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran mengenai pembiayaan mampan.

### Mewujudkan Platform Berpusat bagi Pelaporan Kemampanan

Platform berpusat bagi pelaporan kemampanan akan dibangunkan untuk membantu syarikat multinasional, syarikat awam tersenarai dan syarikat di sepanjang rantaian bekalan memperkemas pelaporan. Platform ini akan membolehkan pengumpulan data ESG bagi memastikan saling boleh kendali dan keputusan dibuat berdasarkan maklumat untuk pelaburan yang berpotensi. Di samping itu, platform ini akan meningkatkan akses kepada kemudahan pembiayaan untuk perniagaan, khususnya PKS, membolehkan penandaarasan perniagaan dan memudahkan pihak bank membangunkan produk pembiayaan mampan yang sesuai. Inisiatif bagi mempercepat perniagaan menerima pakai prinsip ESG adalah seperti dalam Kotak 8-3.

### Kotak 8-3


## Mempercepat Perniagaan Menerima Pakai Prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus sebagai Pemangkin kepada Ekonomi yang Mampan

Prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) ialah rangka kerja yang memberi panduan kepada pihak berkepentingan untuk memahami prestasi, risiko dan peluang sesebuah organisasi bagi kemampanan perniagaan. Terdapat peningkatan jangkaan dan keperluan bagi perniagaan untuk menerima pakai amalan dan pelaporan ESG yang mantap disebabkan isu berkaitan perubahan iklim, aspek sosial dalam pekerjaan dan permintaan untuk tadbir urus yang baik. Langkah menerima pakai ESG yang meluas dalam kalangan syarikat akan meletakkan Malaysia sebagai rakan dagang yang kompetitif di pasaran antarabangsa.

Tinjauan oleh UN Global Compact (UNG) Network Malaysia & Brunei pada tahun 2022 menunjukkan 45% syarikat Malaysia yang mengambil bahagian dalam tinjauan itu tidak menyediakan peruntukan bagi inisiatif kemampanan. Satu lagi tinjauan oleh SME Corporation Malaysia pada tahun 2022 menunjukkan bahawa kira-kira 40% daripada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) mempunyai kesedaran mengenai amalan ESG. Namun begitu, PMKS kekurangan maklumat, bakat dan dana, dengan tahap pelaksanaan prinsip alam sekitar ketinggalan berbanding prinsip sosial dan tadbir urus, seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.

### Rajah 1

## Pelaksanaan ESG dalam kalangan PMKS mengikut Indikator Terpilih




Sumber: SME Corporation Malaysia, 2022

Pelancaran Indeks *Financial Times Stock Exchange-Russell Group* (FTSE4Good) oleh Bursa Malaysia pada tahun 2014 merangkumi penarafan ESG untuk syarikat terpilih yang menunjukkan amalan ESG yang kukuh. Pada masa ini, Indeks tersebut menyenaraikan 98 syarikat yang memenuhi kriteria ketat yang ditetapkan oleh FTSE Russell dan secara konsisten mengatasi prestasi kaunter lain. Di samping itu, kesemua 954 syarikat awam tersenarai (PLC) dalam Pasaran Utama dan pasaran Access, Certainty, Efficiency (ACE) telahpun menghasilkan pelaporan ESG. Syarikat dalam Pasaran Utama seterusnya dikehendaki oleh Bursa Malaysia untuk mematuhi pelaporan kemampunan yang dipertingkatkan pada tahun 2024 dan diikuti oleh pasaran ACE pada tahun 2025.

Syarikat multinasional dan PLC telah menerajui pelaporan ESG, manakala perusahaan kecil dan sederhana (PKS) masih berhadapan dengan kesukaran dalam menerima pakai dan melapor ESG. Oleh itu, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) sedang membangunkan rangka kerja industri ESG kebangsaan untuk sektor pembuatan. Bank Negara Malaysia telah melancarkan Kemudahan Peralihan kepada Rendah Karbon untuk menyokong PKS dalam menerima pakai amalan mampan dan rendah karbon. Selain itu, Bursa Malaysia sedang bekerjasama dengan *London Stock Exchange Group* untuk membangunkan platform Pelaporan Kemampunan Berpusat bagi memudahkan cara pelaporan kemampunan yang lebih telus dan konsisten, seterusnya menyediakan akses yang lebih luas kepada produk pembiayaan hijau. Di samping itu, pelbagai inisiatif, termasuk sesi libat urus dan program peningkatan kemahiran sedang dilaksanakan oleh SME Corporation, UNGC dan sektor swasta untuk menggalakkan syarikat pada semua peringkat menyediakan laporan ESG. Selain itu, Kementerian Ekonomi akan menerajui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi serta badan kawal selia dan sektor swasta dalam mewujudkan ekosistem ESG yang kondusif dengan memberi tumpuan kepada PKS.

Ekosistem ESG yang umum digunakan adalah seperti ditunjukkan dalam *Rajah 2*. Ekosistem ini adalah berdasarkan prinsip panduan, iaitu memanfaatkan penyelesaian sedia ada untuk beralih dengan usaha yang minimum, menyediakan garis panduan umum yang minimum untuk pelaporan ESG, meningkatkan penggunaan pembiayaan dan insentif sedia ada serta mewujudkan data rujukan tunggal yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa mengenai ESG. Ekosistem ini akan menggalakkan pematuhan ESG, yang akhirnya akan meningkatkan kelebihan daya saing bagi syarikat Malaysia dan menjadi pemangkin kepada ekonomi yang mampan.

**Rajah 2**  
**Ekosistem ESG Umum**



## Bidang Fokus D: Memperkuuh Persekitaran yang Menyokong

Pengukuhan persekitaran yang menyokong adalah penting dalam usaha negara melonjakkan kemampanan. Persekitaran yang menyokong dan kondusif akan memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi. Dalam tempoh akhir RMKe-12, strategi akan ditumpukan kepada usaha memperkuuh tadbir urus mengenai kemampanan serta memupuk rasa pemilikan dan tanggungjawab bersama. Strategi ini akan memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak berkepentingan dalam menangani isu dan cabaran alam sekitar.

Strategi D1

Memperkuuh Tadbir Urus Kemampanan

Strategi D2

Memupuk Rasa Pemilikan dan Tanggungjawab Bersama

### Strategi D1: Memperkuuh Tadbir Urus Kemampanan

#### Memperkuuh Tadbir Urus Biodiversiti

Penubuhan pusat kecemerlangan mengenai pemuliharaan dan pengurusan biodiversiti kebangsaan dengan menambah baik fungsi institusi sedia ada akan diteroka untuk memperkuuh tadbir urus biodiversiti. Selain itu, *Malaysian Platform for Business and Biodiversity* yang dipacu oleh sektor swasta akan dimanfaatkan untuk menggalakkan syarikat menerima pakai prinsip ESG dalam pemuliharaan biodiversiti. Langkah ini akan menyumbang kepada usaha memenuhi komitmen di bawah *Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework*.

### Memperkuuh Tadbir Urus SDG

Pusat SDG Negara akan terus meneraju usaha bagi memastikan penyelarasan dan kerjasama yang berkesan dalam kalangan pelbagai pihak berkepentingan untuk menyokong *United Nations Decade of Actions* dalam mempercepat pelaksanaan SDG di Malaysia. Di bawah naungan Majlis SDG Negara, jawatankuasa kerja akan diamanahkan untuk melaksanakan peranan yang lebih penting dalam menyelaras, memantau dan melaporkan pelaksanaan SDG pada semua peringkat. Pelaksanaan SDG akan terus dipergiat dengan memperkasakan kementerian utama bagi menerajui setiap matlamat berdasarkan indikator dan sasaran masing-masing. Usaha ini akan memastikan pencapaian Agenda 2030 dalam tempoh masa yang disasarkan.

### Strategi D2: Memupuk Rasa Pemilikan dan Tanggungjawab Bersama

#### Mempergiat Kerjasama dalam kalangan Pihak Berkepentingan

Kerjasama dan perkongsian dalam kalangan pihak berkepentingan akan dipergiat untuk menggalakkan tindakan dan tanggungjawab bersama ke arah kelestarian alam sekitar. Usaha ini akan dicapai dengan menerima pakai model *quadruple helix* bagi membolehkan kerjasama yang lebih erat dalam kalangan masyarakat, industri, akademia dan kerajaan. Kerjasama dan dialog berkaitan dasar bagi pembangunan mampan pada peringkat serantau dan antarabangsa akan dipertingkat. Penglibatan komuniti setempat pula akan digalakkan untuk meningkatkan perkongsian pengetahuan dan inovasi sosial. Langkah ini akan memupuk kerjasama lebih erat bagi menangani dan mengurangkan isu berkaitan kemampanan.

#### Mempertingkatkan Program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam

Dalam tempoh akhir RMKe-12, program CEPA mengenai SDG, ESG, alam sekitar, sumber asli dan peralihan tenaga akan terus dipergiat untuk meningkatkan kesedaran awam, rasa pemilikan dan tanggungjawab bersama. Inisiatif ini juga akan mewujudkan peluang kepada perniagaan untuk berkembang ke arah mencapai ekonomi yang mampan. Saluran media baharu akan dimanfaatkan bagi meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran serta menggalakkan amalan yang mampan. Program CEPA akan dilaksana dengan kerjasama dan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk pertubuhan masyarakat sivil, kumpulan media dan komuniti setempat untuk mendorong perubahan tingkah laku dalam kalangan rakyat.

## Kesimpulan


Usaha melonjakkan kemampunan adalah penting bagi pembangunan dan kesejahteraan Malaysia dalam tempoh jangka panjang. Dalam tempoh kajian semula RMKe-12, pelbagai langkah telah diambil untuk melaksanakan pembangunan rendah karbon, bersih dan berdaya tahan, mengurus sumber asli termasuk air dan memperkuuh persekitaran yang menyokong. Walaupun kemajuan telah dicapai dalam pelbagai bidang, masih terdapat cabaran yang perlu ditangani bagi melonjakkan kemampunan negara. Dalam tempoh akhir RMKe-12, langkah akan dilaksana untuk mempercepat pelaksanaan pembangunan rendah karbon, bersih dan berdaya tahan, mengurus sumber asli dengan lebih cekap, mempercepat pelaksanaan SDG dan memperluas inisiatif menerima pakai prinsip ESG serta memperkuuh persekitaran yang menyokong. Usaha bersepadu dan langkah yang berkesan ini akan mempercepat kemajuan dalam pertumbuhan hijau untuk mencapai pembangunan mampan.





Pasca  
**2025**

The background features a dynamic pattern of overlapping blue and teal diagonal stripes of varying widths, creating a sense of depth and motion. The text 'Pasca' is positioned above the year '2025' in a clean, sans-serif font. The year is rendered in large, bold, white-outlined numbers with a subtle blue gradient fill.



# Malaysia Pasca 2025

## Masyarakat yang Progresif dan Mampan

|  |             |
|--|-------------|
| <b>Pendahuluan</b>                                 | <b>B-2</b>  |
| <b>Perkara Utama yang Menjadi Perhatian Rakyat</b> | <b>B-3</b>  |
| <b>Peralihan ke arah Malaysia yang Lebih Baik</b>  | <b>B-5</b>  |
| Masyarakat yang Saksama                            | B-8         |
| Pertumbuhan Ekonomi yang Inklusif                  | B-10        |
| Bumi yang Lebih Sihat                              | B-12        |
| Tadbir Urus yang Baik                              | B-13        |
| <b>Kesimpulan</b>                                  | <b>B-14</b> |

## Pendahuluan

Kita hidup dalam dunia yang kompleks, pantas berubah dan diselubungi dengan ketidaktentuan. Dalam situasi di luar jangkaan ini, Malaysia kini berada di persimpangan yang kritikal. Kita boleh memilih untuk kekal selesa dengan kedudukan sosioekonomi semasa atau berusaha bersungguh-sungguh untuk bersama membangunkan Malaysia yang lebih baik dengan merealisasikan wadah '**Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat**'. Setiap dari kita perlu mengorak langkah dan tindakan berani untuk menjadi masyarakat yang progresif dan mampan berasaskan keunikan budaya dan nilai serta semangat patriotisme dan kebersamaan bagi mengangkat darjat dan martabat negara.

Sejak enam dekad yang lalu, Malaysia telah melalui pelbagai transformasi dalam mencapai pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran. Ekonomi negara yang berasaskan pertanian sebelum ini telah beralih kepada yang lebih berasaskan pembuatan dan perkhidmatan. Mutakhir, pendigitalan dan teknologi termaju serta kelestarian alam sekitar telah mempengaruhi setiap ruang kehidupan kita. Berikutan peningkatan jangka hayat serta penurunan kadar kesuburan rakyat, Malaysia akan mengalami perubahan besar dalam demografi yang akan memberi kesan ketara ke atas tingkah laku dan peranan isi rumah dan institusi. Perubahan iklim dan urbanisasi yang pesat akan menggesa kita untuk mengubah gaya hidup dan interaksi kita dengan persekitaran. Paling utama, kita akan menempuh cabaran yang lebih besar pada masa hadapan dalam usaha membentuk generasi baharu yang bersedia menghadapi ketidaktentuan yang mendatang.

Bab ini disediakan berdasarkan nilai teras yang telah digariskan dalam membangunkan Malaysia MADANI. Bab ini membawa suara rakyat mengenai perkara utama yang menjadi perhatian. Selain itu, aspirasi daripada pelbagai lapisan masyarakat turut diketengahkan demi kebaikan rakyat dan negara pada tahun-tahun mendatang.

## Perkara Utama yang Menjadi Perhatian Rakyat



### Perubahan Demografi dan Urbanisasi

Jumlah penduduk Malaysia adalah seramai 32.7 juta orang pada tahun 2022 dan dijangka meningkat kepada 36.9 juta pada tahun 2030. Bayi yang dilahirkan pada tahun 2022 dijangka hidup sehingga tahun 2095 dengan anggaran jangka hayat 73.4 tahun. Kadar kesuburan jumlah (TFR) merosot dengan ketara, daripada 4.9 anak bagi setiap wanita umur reproduktif pada tahun 1970 kepada 1.6<sup>1</sup> anak pada tahun 2022. Trend ini menyumbang kepada peningkatan peratusan rakyat Malaysia yang berumur melebihi 65 tahun, iaitu daripada 3.3% pada tahun 1970 kepada anggaran 7.3% pada tahun 2022. Perubahan ini mengklasifikasikan Malaysia sebagai negara menua. Sekiranya tidak ditangani dengan berkesan, pertambahan penduduk warga emas boleh meningkatkan kos penjagaan kesihatan dan kebimbangan mengenai kemiskinan pada usia emas. Kerajaan membelanjakan hampir RM900 juta setahun untuk penjagaan warga emas. Di samping itu, trend penyakit tidak berjangkit (NCD) juga menunjukkan peningkatan yang turut memberi bebanan kewangan kepada Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia melaporkan bahawa pada tahun 2017 sahaja, sejumlah RM9.7 bilion telah dibelanjakan untuk rawatan NCD.

Selain itu, kadar urbanisasi pada tahun 2020 adalah pada tahap 75.1% dan dijangka mencapai 80% pada tahun 2030, sebahagiannya disebabkan oleh kepadatan ekonomi yang semakin meningkat dan pembangunan infrastruktur yang lebih baik di kawasan bandar. Keadaan ini meningkatkan perhatian kepada, antara lain perumahan yang mampu milik dan selesa, kos sara hidup yang wajar dan pengangkutan yang cekap.

<sup>1</sup> Data awalan

### Pendapatan

Pada tahun 2022, keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia adalah sebanyak RM1.8 trillion dan pendapatan negara kasar (PNK) berjumlah RM1.7 trillion dengan PNK per kapita sebanyak RM52,968. Walau bagaimanapun, rakyat sering menyuarakan bahawa peningkatan taraf hidup mereka yang perlahan tidak sepadan dengan prestasi ekonomi makro yang memberangsangkan ini. Pada tahun 2030, PNK per kapita dijangka mencapai RM85,115 manakala KDNK Malaysia diunjurkan sebanyak RM3.2 trillion. Memandangkan kita semakin menghampiri status negara berpendapatan tinggi, kemakmuran ekonomi daripada pencapaian ini perlu dirasai sepenuhnya agar lebih bermakna kepada rakyat.

## Daripada      Kepada

|   |                    |                       |
|---|--------------------|-----------------------|
| <br>Pemanasan Global | 1.2°C              | Kurang daripada 1.5°C |
| <br>Pengurangan GHG  | 29.4% <sup>a</sup> | Sehingga 45%          |

Nota: <sup>a</sup> Intensiti pelepasan gas rumah kaca (GHG) kepada KDNK pada tahun 2016 berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005.

<sup>b</sup> Komitmen negara melalui *Malaysia's Nationally Determined Contribution to the Paris Agreement of the United Nations Framework Convention on Climate Change* untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG kepada KDNK sehingga 45% pada tahun 2030 berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005.

## Perubahan Iklim

Kita tidak boleh menafikan bahawa kesan perubahan iklim telah menjadi tidak terkawal dan semakin teruk sejak kebelakangan ini. Cuaca ekstrem bukan sahaja menjadikan kehidupan dan mata pencarian ribuan penduduk tetapi turut mengancam kesihatan bumi. Pada tahun 2022, suhu global telah meningkat dalam linkungan 1.2°C berbanding suhu purata semasa era praperindustrian. Malaysia menyedari kepentingan tindakan iklim dan komited untuk mengurangkan sehingga 45% intensiti pelepasan gas rumah kaca (GHG) kepada KDNK pada tahun 2030 berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005. Malaysia juga bertekad untuk mencapai aspirasi pelepasan GHG bersih sifar seawal tahun 2050. Sehubungan itu, kita perlu menerima pakai amalan mampan dalam kehidupan seharian dan mengambil bahagian secara aktif dalam inisiatif global bagi meneruskan usaha untuk mengehadkan kenaikan purata suhu global kepada 1.5°C.

## Daripada      Kepada

|   |                 |            |
|---|-----------------|------------|
| <br>CPI  | Kedudukan ke-61 | 25 teratas |
| <br>EGDI | Kedudukan ke-53 | 30 teratas |

## Integriti dan Kepimpinan yang Berkesan

Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia merosot daripada kedudukan ke-51 daripada 180 negara pada tahun 2019 kepada ke-61 pada tahun 2022. Penambahbaikan terhadap situasi ini akan membolehkan kedudukan Malaysia meningkat kepada 25 teratas dalam tempoh 10 tahun. Selain itu, Malaysia berada pada kedudukan ke-29 daripada 64 negara bagi subindeks Kecekanan Kerajaan dalam IMD World Competitiveness Yearbook pada tahun 2023. Pada tahun 2022, Malaysia berada pada kedudukan ke-53 daripada 193 negara dalam UN E-Government Development Index (EGDI) dan dijangka berada pada kedudukan 30 teratas pada tahun 2030. Bagi merealisasikan aspirasi untuk membentuk Malaysia ke arah yang lebih baik dengan menerapkan nilai teras MADANI, ekosistem tadbir urus perlu lebih terbuka dan telus yang diterajui oleh pemimpin transformatif, iaitu pemimpin yang sentiasa ingin melaksanakan perubahan yang positif.

## Peralihan ke arah Malaysia yang Lebih Baik

Berdasarkan semangat keterangkuman, pelbagai idea telah digarap daripada segenap lapisan masyarakat. Persepsi rakyat merangkumi aspek kemakmuran ekonomi hingga kesejahteraan sosial telah dianalisis bagi mencorak landasan masa hadapan yang lebih bermakna untuk Malaysia. Aspirasi berikut telah dirangka berdasarkan garapan idea rakyat ini serta analisis dasar Kerajaan dan kajian lain.

Aspirasi Pasca 2025 telah diklusterkan kepada empat perspektif, iaitu masyarakat yang saksama, pertumbuhan ekonomi yang inklusif, bumi yang lebih sihat dan tadbir urus yang baik ke arah mencapai masyarakat yang progresif dan mampan. Aspirasi ini adalah selaras dengan KSP RMKe-12 yang memberi tumpuan untuk menjadi negara yang mampan, sejahtera dan berpendapatan tinggi. Harapan rakyat ini juga akan menjadi asas kepada penyediaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas. Ringkasan aspirasi untuk dasawarsa yang akan datang adalah seperti ditunjukkan dalam *Paparan B-1*.



Sumber: The Borneo Post





## Masyarakat yang Saksama

Kita, sebagai rakyat Malaysia, berkongsi nilai sejagat yang sama berpaksikan kepada prinsip Rukun Negara. Kekuatan kita terletak pada masyarakat yang pelbagai namun bersatu padu serta bertunjangankan nilai insaniah<sup>2</sup>. Kita juga menjalani kehidupan yang lebih selamat dan aman hasil daripada komitmen bersepudu kita semua dalam memastikan keselamatan awam. Kita menjalani kehidupan yang bermaruah dengan mendapat sepenuh akses kepada pelbagai peluang, termasuk penjagaan kesihatan dan pendidikan berkualiti tinggi serta keupayaan untuk meningkatkan taraf hidup. Pada masa yang sama, rakyat Malaysia akan meniti usia emas dengan bermaruah dan terus menyumbang kepada negara.

### *Nilai Insaniah*

Nilai insaniah disemai bermula di rumah sejak awal kehidupan. Keluarga sebagai unit sosial yang penting dan disokong oleh persekitaran sekeliling untuk membentuk perkembangan anak-anak secara menyeluruh ke arah menjadi individu insaniah. Di samping itu, komuniti kita menyediakan ekosistem yang kondusif untuk memupuk kesemua ciri-ciri yang diperlukan. Sistem pendidikan kita memberi penekanan kepada pembangunan yang seimbang dalam aspek sosial, emosi, mental, kerohanian, fizikal, kognitif dan intelektual. Seterusnya, kedua-dua sistem pendidikan, formal dan tidak formal, menerapkan, antara lain pembangunan kemahiran kehidupan, penyelesaian masalah dan pemikiran kritis. Di samping itu, setiap individu digalakkan dan diberi sokongan untuk membangunkan set kemahiran tersendiri yang unik melalui pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional yang berterusan untuk memenuhi permintaan terhadap kemahiran peringkat tinggi dalam industri *high growth high value* (HGHV).

### *Negara yang Selamat*

Kita berasa selamat hidup dalam negara yang aman. Usaha melindungi tanah air menjadi tanggungjawab bersama bagi memastikan Malaysia kekal sebagai negara yang selamat untuk didiami. Pengurusan keselamatan sempadan yang menyeluruh melalui penggunaan teknologi termaju dapat memastikan negara dilindungi dengan baik daripada sebarang bentuk ancaman serta menegakkan kedaulatan dan undang-undang. Penambahbaikan kadar indeks jenayah menggambarkan keselamatan awam dilindungi dengan baik. Pengurangan salah laku berkaitan keselamatan siber memperkuuh keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap aktiviti dalam talian. Selain itu, program pemulihan yang ditambah baik mengurangkan stigma terhadap bekas banduan, seterusnya memudah cara pengintegrasian mereka kembali ke dalam masyarakat. Persepsi rasa selamat yang meningkat dalam kalangan rakyat menjadikan Malaysia dikenali sebagai negara yang selamat.

### *Kehidupan Bermaruah*

Kita semua dilayan dengan rasa hormat, tanpa mengira bangsa, agama, jantina dan asal usul yang seterusnya memupuk perpaduan. Setiap orang, termasuk daripada kumpulan yang kurang bernasib baik dan rentan, mempunyai rasa kekitaan yang mendalam dan diperkasa untuk meningkatkan mobiliti sosial. Liputan perlindungan sosial yang lebih meluas melindungi kita daripada risiko sosioekonomi. Tambahan pula, kita mendapat manfaat daripada akses kepada produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi serta pengalaman yang memuaskan. Kita tidak lagi perlu berkompromi mengenai kualiti dalam memenuhi keperluan dan kehendak. Pembangunan luar bandar yang dipertingkat, penjanaan pendapatan yang mampan dan akses yang lebih luas kepada infrastruktur asas mengurangkan jurang sosioekonomi. Jurang ketidaksamarataan yang semakin rapat menggambarkan kemakmuran dikongsi dengan lebih saksama dalam kalangan rakyat.



<sup>2</sup> Individu yang mempunyai nilai murni termasuk ihsan, kejujuran, perasaan rendah hati, berkelakuan baik dan boleh dipercayai.



Sumber: SCORE Sports Management Sdn Bhd

## Penjagaan Kesihatan Termaju

Kita menikmati perkhidmatan penjagaan kesihatan terbaik yang mudah diakses dan mampu bayar. Pendigitalan dan teknik berdasarkan kecerdasan buatan (AI) dimanfaatkan untuk menambah baik kecekapan perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada rakyat. Ancaman penyakit berjangkit dan NCD berkurang dengan ketara, menjadikan rakyat lebih sihat dan produktif serta mengurangkan perbelanjaan penjagaan kesihatan. Selain itu, isu kesihatan mental ditangani dengan menyeluruh tanpa diskriminasi, prasangka atau pengabaian. Kewujudan gabungan faktor utama ini meningkatkan kualiti hidup rakyat.

## Penuaan yang Produktif

Rakyat Malaysia menikmati kesihatan yang lebih baik dan umur yang panjang. Warga emas menyumbang secara produktif ke arah pembangunan sosioekonomi negara berdasarkan keupayaan mereka. Ekosistem termasuk perumahan, persekitaran kerja, penjagaan kesihatan dan perlindungan sosial adalah mesra usia untuk warga emas. Sokongan komuniti membolehkan penuaan yang produktif dan aktif. Di samping itu, pembelajaran sepanjang hayat melalui penglibatan warga emas dalam aktiviti serta pemerolehan pengetahuan dan kemahiran baharu, yang disokong oleh pendigitalan, teknologi dan inovasi, diberi keutamaan dan galakan.



## Pertumbuhan Ekonomi yang Inklusif

Malaysia menjadi sebuah negara yang benar-benar inklusif dan maju. Kewujudan rakyat Malaysia yang berkemahiran, digandingkan dengan industri HGHV tempatan, meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama dan hab global. Teknologi canggih yang diterima guna dan dibangunkan dalam negara meningkatkan produktiviti dan membolehkan industri tempatan beralih ke rantai nilai yang lebih tinggi. Bakat dalam kalangan rakyat Malaysia amat diiktiraf berdasarkan daya saing dan sumbangan mereka sangat dihargai. Manakala tenaga kerja menikmati gaji progresif dan taraf hidup yang wajar. Di samping itu, usahawan inovatif berkeupayaan tinggi untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan baharu, seterusnya mencipta kekayaan baharu untuk negara. Kesungguhan Kerajaan dalam menguruskan ekonomi melalui sistem percukaian yang lebih adil dan perbelanjaan yang cekap membolehkan penyediaan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.

### Negara Maju

Kita mampu mengelakkan daya saing dan pertumbuhan yang mampan dengan memanfaatkan kekuatan sebagai sebuah negara maju. Negara kita berada dalam situasi politik yang lebih stabil dan mempunyai kesalinghubungan yang sangat baik, dengan penerimanaan teknologi termaju dan pendigitalan yang lebih meluas. Kita menikmati, antara lain, pembangunan wilayah yang seimbang, perlindungan sosial yang inklusif dan produktiviti firma yang lebih tinggi. Kita mampu menarik pelaburan berkualiti tinggi dan mempunyai bakat tersedia masa hadapan yang mencukupi. Amalan terbaik diterima pakai dalam sektor awam dan swasta, yang seterusnya mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif, kepuasan kerja yang lebih tinggi, kemajuan kerjaya yang lebih adil dan keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan yang lebih baik.

### Taraf Hidup yang Wajar

Kita menjalani kehidupan yang lebih selesa berikutan limpahan manfaat ekonomi dinikmati secara saksama. Kita mempunyai kuasa beli yang kukuh apabila hidup dalam sebuah negara maju berikutan pendapatan yang lebih tinggi, pengurusan harga dan kadar tukaran yang cekap serta bekalan barang keperluan dan perkhidmatan penting yang stabil. Rumah berkualiti mampu dimiliki oleh semua kumpulan pendapatan dan mampu bertahan terhadap ancaman bencana alam. Paling utama, rumah ini direka bentuk mengikut bilangan individu dalam isi rumah. Di samping itu, utiliti, infrastruktur dan kemudahan awam yang berkualiti tinggi, seperti rangkaian pengangkutan, institusi pendidikan, fasiliti penjagaan kesihatan dan kemudahan rekreasi, bukan sahaja disediakan secukupnya tetapi juga diselenggara dengan baik.

### Gaji Progresif

Kita menghargai pampasan yang adil, merangkumi lebih daripada upah. Pekerja dibayar gaji dengan sewajarnya mengikut kelayakan, pengalaman, kompleksiti kerja dan produktiviti masing-masing. Dengan diberi ganjaran yang adil, pekerja rasa dihargai dan bermotivasi, seterusnya meningkatkan produktiviti, kepuasan kerja dan kesetiaan. Kebebasan kewangan yang diperoleh daripada pendapatan boleh guna yang lebih tinggi memberikan keselamatan dan fleksibiliti kewangan yang lebih baik, seterusnya mencapai taraf hidup yang lebih tinggi.

### Industri High Growth High Value

Industri HGHV memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia yang kukuh. Industri ini menghasilkan nilai yang tinggi dalam ekonomi dengan mendorong perniagaan ke arah aktiviti ekonomi yang canggih dengan memberi tumpuan kepada penghasilan produk dan perkhidmatan yang unik dan boleh diguna secara meluas. Di samping itu, industri HGHV menghasilkan produktiviti yang lebih tinggi, kemajuan teknologi yang pesat dan kepelbagaiannya ekonomi yang lebih luas. Kita membangunkan ekosistem yang kompetitif, seterusnya menarik pelaburan berkualiti lebih tinggi yang menggalakkan lebih banyak aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) termaju. Peralihan pantas ke arah sumber tenaga boleh baharu dan mampan menjadikan Malaysia sebagai pusat tumpuan di rantau ini dan membolehkan kita memanfaatkan peluang yang berteraskan prinsip ekonomi, sosial dan tadbir urus (ESG). Manfaat industri HGHV melangkaui pertumbuhan ekonomi memandangkan industri ini mewujudkan peluang pekerjaan yang menawarkan gaji yang tinggi, seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat.

## Usahawan Inovatif

Usahawan yang berproduktiviti tinggi dan cekik digital beroperasi dalam persekitaran perniagaan yang kukuh dan bersepada secara langsung dalam pasaran global. Negara kita menjadi pusat teknologi tempatan yang canggih, manfaat daripada peningkatan pengkomersialan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta aktiviti inovasi. Pendidikan keusahawanan dan perniagaan yang terkini serta pembelajaran sepanjang hayat membolehkan usahawan memperkenalkan produk, perkhidmatan dan amalan perniagaan baharu ke pasaran. Ekosistem yang menyokong dapat memupuk usahawan untuk mengetengahkan idea dan penyelesaian yang berinovatif demi kebaikan negara.

## Kemampunan Fiskal

Ekonomi kita mempunyai asas hasil yang luas, menggambarkan ekonomi yang lebih pelbagai. Sistem percuakan yang lebih adil untuk individu dan perniagaan menggalakkan pematuhan yang tinggi. Pada masa yang sama, perbelanjaan yang cekap dan berhemat memastikan hutang awam lebih rendah dan rizab lebih tinggi. Kerajaan melaksanakan dasar fiskal secara cekap sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi, antara lain untuk menggalakkan industri yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi, menyediakan infrastruktur fizikal dan bukan fizikal yang mencukupi dan melaksanakan program kebajikan sosial yang berkesan. Dengan kedudukan fiskal yang kukuh, Kerajaan mampu menangani kejutan dan turun naik ekonomi.



## Bumi yang Lebih Sihat

Kita memahami kepentingan peranan masing-masing dalam melindungi dan memelihara kesihatan bumi bagi menangani kesan perubahan iklim. Kita menyedari perubahan iklim memberi ancaman yang besar. Oleh itu, usaha bersepadu untuk mengurangkan kesan perubahan iklim dilaksanakan bagi memastikan kita semua dilindungi. Amalan mampan dan pelaksanaan ekonomi kitaran yang menyeluruh sebatی dalam kehidupan sehari-hari, seterusnya membolehkan kita memaksimumkan kecekapan penggunaan sumber dan meminimumkan sisa. Peralihan ke arah sumber tenaga boleh baharu dan mampan adalah lancar, ekonomik dan saksama yang dapat meminimumkan impak kepada alam sekitar dan rakyat.

### Pembangunan Mesra Alam

Kemajuan pembangunan sosioekonomi adalah seiring dengan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Kita bertanggungjawab ke atas impak alam sekitar kesan daripada pembangunan fizikal dengan mengambil inisiatif, termasuk menerima pakai amalan perakaunan karbon yang lebih meluas dan melaksanakan komitmen pengurangan pelepasan GHG yang lebih menyeluruh. Di samping itu, prinsip ESG diterapkan dalam pembangunan bagi memastikan manfaatnya melangkaui ganjaran kewangan. Selain itu, kita membuat pilihan yang mengutamakan alam sekitar dengan melaksanakan amalan mampan dalam kehidupan sehari-hari, termasuk menggunakan bahan makanan organik dan produk boleh biodegradasi, peralatan jimat tenaga serta mengurus dan mengitar semula sisa.

### Ekonomi Kitaran

Organisasi dan perniagaan kita melaksanakan ekonomi kitaran secara aktif di sepanjang rantai nilai, daripada bahan mentah kepada tapak pelupusan sanitari. Pelaksanaan ini mengurangkan kebergantungan kepada sumber yang tidak boleh baharu serta melonjakkan inovasi dan produktiviti. Isi rumah kita menerima pakai ekonomi kitaran dengan melaksanakan pendekatan tolak, kurang, guna semula, kitar semula dan pulih (5R) dan menggunakan sumber dengan cekap. Di samping itu, kita juga lebih sensitif terhadap penggunaan tenaga dan memainkan peranan aktif sebagai pengguna dalam menyokong aspirasi negara untuk mencapai pelepasan GHG bersih sifar seawal tahun 2050.

### Negara yang Lebih Bersih dan Hijau

Sumber tenaga boleh baharu dan mampan menggerakkan ekonomi dan menyumbang kepada pengurangan GHG. Kawasan perindustrian kita melepaskan karbon pada kadar yang rendah dan mengurus sisa dengan berkesan. Kita bergerak di dalam dan di antara bandar dengan mengutamakan penggunaan pengangkutan awam yang mampan dan berdaya harap. Lebih ramai rakyat Malaysia menggunakan pengangkutan hijau, termasuk kenderaan tenaga baharu dan mobiliti mikro. Kawasan bandar dan luar bandar yang lebih bersih dan hijau adalah lebih berdaya huni kepada semua.

### Pemuliharaan Ekosistem Semula Jadi

Rakyat Malaysia komited dalam pemuliharaan ekosistem semula jadi dan mengambil berat terhadap kesihatan bumi. Pembangunan bandar dan luar bandar menerapkan penyelesaian berdasarkan alam semula jadi, di samping melindungi habitat flora dan fauna. Usaha pemuliharaan biodiversiti kita menjadi rujukan kepada penyelidik di seluruh dunia. Pengurusan ekosistem pantai dan marin yang mampan menjadi inspirasi kepada negara tropika lain dalam usaha pemeliharaan ekologi mereka.



## Tadbir Urus yang Baik

Malaysia mengamalkan tadbir urus yang baik dengan mengutamakan akauntabiliti, integriti dan ketelusan serta menjunjung kedaulatan undang-undang. Dasar awam dirangka dan dilaksana berdasarkan keperluan sebenar rakyat dengan mengambil kira kompleksiti masyarakat dan kedinamikan sosial. Kita melahirkan pemimpin berwawasan, transformatif dan beramanah. Pemimpin ini mempunyai etika yang tinggi, berpegang kepada nilai insaniah dan ihsan serta mendukung Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

### Kerajaan yang Terbuka dan Cekap

Kerajaan mengamalkan ketelusan dalam membuat keputusan penting yang memberi kesan kepada rakyat dan negara. Kita menghormati dan mendukung prinsip pengasingan kuasa antara tiga cabang kerajaan, iaitu eksekutif, perundangan dan kehakiman, dengan semangat demokrasi yang matang. Kerajaan terus memerangi rasuah, memperkasakan rakyat dan menerima guna teknologi termaju, seterusnya mewujudkan pentadbiran yang kejat dan cekap. Peraturan dan undang-undang sentiasa dikemas kini mengikut keperluan dan persekitaran yang berubah. Pendekatan keseluruhan negara diamalkan secara meluas dalam menggalakkan Kerajaan yang inklusif dan terbuka. Penjawat awam adalah kompeten, profesional dan bersemangat untuk berkhidmat kepada negara. Mereka terus diberi peluang untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta mendapat pendedahan dari dalam dan luar negara bagi memacu tadbir urus yang baik.

### Dasar Berpaksikan Insan

Penglibatan komuniti setempat secara aktif di sepanjang kitaran dasar dapat memastikan keberkesanan pelaksanaannya. Pendekatan ini dapat memastikan kompleksiti masyarakat dan keperluan sosial yang dinamik diambil kira supaya tiada sesiapa yang tertinggal. Penggubal dasar pada peringkat Persekutuan, negeri dan tempatan menerima pakai pendekatan antropologi sosial untuk memahami kumpulan sasar mereka dengan lebih baik. Pendekatan *behavioural insights* berserta pendigitalan dan teknologi termaju diamalkan dan dilaksanakan secara meluas bagi memastikan program dan projek diterima dengan baik. Pelaksanaan program dan projek ini dipantau dan ditambah baik dengan sewajarnya.

### Pemimpin Transformatif

Pemimpin negara adalah berwawasan, transformatif dan beramanah. Mereka berpandangan jauh dan mampu menyampaikan idea dengan baik. Pemimpin berani membuat keputusan yang penting dan sukar demi kebaikan rakyat dan negara. Dalam mencapai matlamat bersama, pemimpin ini memberi inspirasi dan motivasi serta menekankan kepentingan mendukung nilai dan akhlak yang mulia. Mereka menghargai kepelbagai dan keadilan dengan menghormati dan memenuhi kehendak rakyat yang berbeza tanpa mengabaikan nilai teras yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.



## Kesimpulan

Aspirasi untuk mewujudkan masyarakat yang mampan dan progresif mewakili suara rakyat Malaysia daripada pelbagai lapisan masyarakat. Aspirasi ini tidak hanya menumpukan kepada transformasi ekonomi, tetapi juga memberi penekanan kepada peluang dan outcome yang saksama untuk semua. Ia juga merangkumi komitmen kita ke arah melindungi kesihatan bumi. Tadbir urus yang baik dan kepimpinan transformatif adalah penting ke arah merealisasikan aspirasi untuk bersama-sama membangunkan Malaysia yang lebih baik. Harapan rakyat akan menjadi titik permulaan dalam merancang pelan pembangunan sosioekonomi jangka sederhana dan panjang bagi negara kita menuju pasca 2025.



Muka surat ini dibiarkan kosong

# Lampiran

# Lampiran

## Jadual

|   |      |  |             |
|---|------|--|-------------|
| Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Kategori Perbelanjaan, 2015-2025 (pada harga malar 2015)             | A-1  | Penduduk mengikut Umur, Etnik dan Strata, 2015-2025                | A-18        |
| Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Kategori Perbelanjaan, 2015-2025 (pada harga semasa)                 | A-2  | Tenaga Buruh, Guna Tenaga dan Pewujudan Pekerjaan, 2015-2025       | A-19        |
| Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2015-2025 (pada harga malar 2015)            | A-3  | Guna Tenaga mengikut Kumpulan Pekerjaan Utama, 2015-2025           | A-20        |
| Keluaran Dalam Negeri Kasar Kaedah Pendapatan, 2015-2025 (pada harga semasa)                              | A-4  | Guna Tenaga mengikut Kategori Kemahiran dan Negeri, 2015-2025      | A-21        |
| Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Negeri dan Jenis Aktiviti Ekonomi, 2015-2025 (pada harga malar 2015) | A-5  | Enrolmen Murid di Institusi Pendidikan, 2015-2022                  | A-25        |
| Barangan Dagangan, 2015-2025  | A-6  | Kemasukan Pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi, 2015-2022        | A-28        |
| Imbangan Pembayaran, 2015-2025  | A-11 | Enrolmen Pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi, 2015-2022         | A-29        |
| Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2015-2025   | A-12 | Keluaran Pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi, 2015-2022         | A-30        |
| Produktiviti Buruh mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2015-2025 (pada harga malar 2015)                     | A-13 | <b>Carta</b>   | <b>A-31</b> |
| Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan, 2015-2025  | A-14 | Insiden Kemiskinan Mutlak mengikut Strata dan Etnik, 2019 dan 2022 | A-31        |
| Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah mengikut Etnik, Strata dan Negeri, 2009-2022                  | A-15 | Insiden Kemiskinan Mutlak mengikut Negeri, 2019 dan 2022           | A-32        |
| Insiden Kemiskinan Mutlak mengikut Etnik, Strata dan Negeri, 2009-2022                                    | A-16 | Peratusan Isi Rumah Mengikut Kelas Pendapatan, 2019 dan 2022       | A-33        |
|   | A-17 | Kategori Pendapatan Isi Rumah Nasional, 2019 dan 2022              | A-34        |
|   |      | <b>Glosari</b>   | <b>A-35</b> |
|   |      | <b>Indeks</b>  | <b>A-45</b> |

*Jadual 1*

## Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Kategori Perbelanjaan, 2015-2025 (pada harga malar 2015)

| Perkara                            | RM juta          |                  |                  |                  |                  | Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, % |                  |             |                  |                  |            |
|------------------------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|-------------------------------------|------------------|-------------|------------------|------------------|------------|
|                                    | Sebenar          |                  |                  |                  | Sasaran Dipinda  | RMKe-11                             | RMKe-12          |             |                  | Sasaran Asal     | Prestasi   |
|                                    | 2015             | 2020             | 2021             | 2022             |                  |                                     | 2016-2020        | 2021-2025   | 2021-2022        | 2023-2025        | 2021-2025  |
| <b>Perbelanjaan Swasta</b>         | <b>833,249</b>   | <b>1,013,400</b> | <b>1,034,064</b> | <b>1,140,804</b> | <b>1,364,362</b> | <b>4.0</b>                          | <b>5.4</b>       | <b>6.1</b>  | <b>6.1</b>       | <b>6.1</b>       | <b>6.1</b> |
| Penggunaan                         | 635,099          | 802,747          | 817,756          | 908,974          | 1,085,249        | 4.8                                 | 5.8              | 6.4         | 6.1              | 6.1              | 6.2        |
| Pelaburan                          | 198,150          | 210,653          | 216,308          | 231,830          | 279,113          | 1.2                                 | 3.8              | 4.9         | 6.4              | 5.8              |            |
| <b>Perbelanjaan Awam</b>           | <b>260,295</b>   | <b>250,243</b>   | <b>253,942</b>   | <b>265,928</b>   | <b>284,191</b>   | <b>-0.8</b>                         | <b>3.4</b>       | <b>3.1</b>  | <b>2.2</b>       | <b>2.6</b>       |            |
| Penggunaan                         | 154,021          | 179,721          | 191,268          | 199,943          | 210,228          | 3.1                                 | 3.7              | 5.5         | 1.7              | 3.2              |            |
| Pelaburan                          | 106,274          | 70,522           | 62,674           | 65,985           | 73,964           | -7.9                                | 2.6              | -3.3        | 3.9              | 1.0              |            |
| <b>Eksport Bersih</b>              | <b>88,592</b>    | <b>87,070</b>    | <b>83,578</b>    | <b>82,743</b>    | <b>91,461</b>    | <b>-0.3</b>                         | <b>3.1</b>       | <b>-2.5</b> | <b>3.4</b>       | <b>1.0</b>       |            |
| Eksport Barang dan Perkhidmatan    | 817,370          | 830,157          | 984,094          | 1,126,661        | 1,200,910        | 0.3                                 | 5.8              | 16.5        | 2.2              | 7.7              |            |
| Import Barang dan Perkhidmatan     | 728,778          | 743,087          | 900,516          | 1,043,918        | 1,109,449        | 0.4                                 | 6.1              | 18.5        | 2.1              | 8.3              |            |
| <b>Keluaran Dalam Negeri Kasar</b> | <b>1,176,941</b> | <b>1,346,249</b> | <b>1,390,644</b> | <b>1,510,939</b> | <b>1,757,315</b> | <b>2.7</b>                          | <b>4.5 ~ 5.5</b> | <b>5.9</b>  | <b>5.0 ~ 5.5</b> | <b>5.0 ~ 6.0</b> |            |

Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Ekonomi

Jadual 2

## Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Kategori Perbelanjaan, 2015-2025 (pada harga semasa)

| Perkara                            | RM juta   |           |           |           |                 | Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, % |           |           |           |              |           |
|------------------------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------------|-------------------------------------|-----------|-----------|-----------|--------------|-----------|
|                                    | Sebenar   |           |           |           | Sasaran Dipinda | RMKe-11                             | RMKe-12   |           |           | Sasaran Asal | Prestasi  |
|                                    | 2015      | 2020      | 2021      | 2022      |                 |                                     | 2016-2020 | 2021-2025 | 2021-2022 | 2023-2025    | 2021-2025 |
| Perbelanjaan Swasta                | 833,249   | 1,087,709 | 1,128,881 | 1,285,698 | 1,675,567       | 5.5                                 | 8.1       | 8.7       | 9.2       | 9.0          |           |
| Penggunaan                         | 635,099   | 865,450   | 897,573   | 1,031,759 | 1,347,172       | 6.4                                 | 8.7       | 9.2       | 9.3       | 9.3          |           |
| Pelaburan                          | 198,150   | 222,259   | 231,308   | 253,939   | 328,395         | 2.3                                 | 5.5       | 6.9       | 8.9       | 8.1          |           |
| Perbelanjaan Awam                  | 260,295   | 258,274   | 264,071   | 281,217   | 311,020         | -0.2                                | 4.1       | 4.3       | 3.4       | 3.8          |           |
| Penggunaan                         | 154,021   | 183,869   | 196,941   | 208,887   | 224,172         | 3.6                                 | 4.4       | 6.6       | 2.4       | 4.0          |           |
| Pelaburan                          | 106,274   | 74,405    | 67,130    | 72,330    | 86,848          | -6.9                                | 3.5       | -1.4      | 6.3       | 3.1          |           |
| Eksport Bersih                     | 88,592    | 90,325    | 111,973   | 129,632   | 158,057         | 0.4                                 | 3.1       | 19.8      | 6.8       | 11.8         |           |
| Eksport Barang dan Perkhidmatan    | 817,370   | 873,477   | 1,093,895 | 1,378,452 | 1,572,466       | 1.3                                 | 6.5       | 25.6      | 4.5       | 12.5         |           |
| Import Barang dan Perkhidmatan     | 728,778   | 783,152   | 981,922   | 1,248,820 | 1,414,409       | 1.4                                 | 6.9       | 26.3      | 4.2       | 12.6         |           |
| Keluaran Dalam Negeri Kasar        | 1,176,941 | 1,418,491 | 1,548,898 | 1,791,358 | 2,162,336       | 3.8                                 | 7.4       | 12.4      | 6.5       | 8.8          |           |
| Pendapatan Negara Kasar            | 1,144,829 | 1,389,971 | 1,506,745 | 1,731,944 | 2,079,210       | 4.0                                 | 7.4       | 11.6      | 6.3       | 8.4          |           |
| Pendapatan Negara Kasar Per Kapita |           |           |           |           |                 |                                     |           |           |           |              |           |
| RM                                 | 36,710    | 42,838    | 46,253    | 52,968    | 61,000          | 3.1                                 | 6.4       | 11.2      | 4.6       | 7.2          |           |
| AS\$                               | 9,399     | 10,191    | 11,163    | 12,035    | 14,250          | 1.6                                 | 8.0       | 8.7       | 5.8       | 6.9          |           |
| Inflasi, %                         | 2.1       | -1.2      | 2.5       | 3.3       | -               | 1.3                                 | 2.7       | 2.9       | 2.8 ~ 3.8 | 2.8 ~ 3.8    |           |
| Pengangguran, % akhir tempoh       | 3.1       | 4.5       | 4.6       | 3.9       | 3.3             | -                                   | 4.0       | -         | -         | -            |           |

Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Ekonomi

*Jadual 3*

## Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2015-2025 (pada harga malar 2015)

| Perkara   | RM juta          |                  |                  |                  |                  | Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, % |                  |            |                  |                  |           |
|---|------------------|------------------|------------------|------------------|------------------|-------------------------------------|------------------|------------|------------------|------------------|-----------|
|   | Sebenar          |                  |                  |                  | Sasaran Dipinda  | RMKe-11                             | RMKe-12          |            |                  | Sasaran Asal     | Prestasi  |
|   | 2015             | 2020             | 2021             | 2022             |                  |                                     | 2016-2020        | 2021-2025  | 2021-2022        | 2023-2025        | 2021-2025 |
| Pertanian   | 97,539           | 99,109           | 99,000           | 99,073           | 107,209          | 0.3                                 | 3.8              | -0.02      | 2.7              | 1.6              |           |
| Perlombongan dan Pengkuarian                                    | 103,059          | 92,879           | 93,717           | 96,199           | 105,341          | -2.1                                | 2.6              | 1.8        | 3.1              | 2.6              |           |
| Pembuatan   | 262,381          | 307,606          | 336,839          | 364,131          | 420,170          | 3.2                                 | 5.7              | 8.8        | 4.9              | 6.4              |           |
| Pembinaan   | 55,381           | 53,616           | 50,889           | 53,441           | 65,003           | -0.6                                | 4.2              | -0.2       | 6.7              | 3.9              |           |
| Perkhidmatan  | 643,883          | 777,693          | 794,552          | 881,310          | 1,041,281        | 3.8                                 | 5.2              | 6.5        | 5.7              | 6.0              |           |
| Elektrik, Gas dan Air   | 31,710           | 37,950           | 39,025           | 40,337           | 46,329           | 3.7                                 | 4.8              | 3.1        | 4.7              | 4.1              |           |
| Perdagangan Borong dan Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan | 220,242          | 265,100          | 265,875          | 308,058          | 369,775          | 3.8                                 | 5.0              | 7.8        | 6.3              | 6.9              |           |
| Pengangkutan dan Penyimpanan, Maklumat dan Komunikasi           | 104,360          | 131,281          | 137,292          | 155,375          | 190,315          | 4.7                                 | 7.2              | 8.8        | 7.0              | 7.7              |           |
| Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan        | 130,064          | 154,867          | 158,927          | 171,810          | 203,154          | 3.6                                 | 5.7              | 5.3        | 5.7              | 5.6              |           |
| Perkhidmatan Kerajaan   | 99,783           | 124,699          | 131,484          | 138,015          | 155,482          | 4.6                                 | 3.7              | 5.2        | 4.1              | 4.5              |           |
| Perkhidmatan Lain   | 57,724           | 63,796           | 61,950           | 67,715           | 76,226           | 2.0                                 | 3.7              | 3.0        | 4.0              | 3.6              |           |
| Campur : Duti Import  | 14,699           | 15,346           | 15,646           | 16,785           | 18,311           | 0.9                                 | 2.8              | 4.6        | 2.9              | 3.6              |           |
| <b>Keluaran Dalam Negeri Kasar</b>                              | <b>1,176,942</b> | <b>1,346,249</b> | <b>1,390,643</b> | <b>1,510,939</b> | <b>1,757,315</b> | <b>2.7</b>                          | <b>4.5 ~ 5.5</b> | <b>5.9</b> | <b>5.0 ~ 5.5</b> | <b>5.0 ~ 6.0</b> |           |

Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Ekonomi

Jadual 4

## Keluaran Dalam Negeri Kasar Kaedah Pendapatan, 2015-2025 (pada harga semasa)

| Perkara                          | RM juta   |           |           |           |                 | Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, % |           |           |           |              |           |
|----------------------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------------|-------------------------------------|-----------|-----------|-----------|--------------|-----------|
|                                  | Sebenar   |           |           |           | Sasaran Dipinda | RMKe-11                             | RMKe-12   |           |           | Sasaran Asal | Prestasi  |
|                                  | 2015      | 2020      | 2021      | 2022      |                 |                                     | 2016-2020 | 2021-2025 | 2021-2022 | 2023-2025    | 2021-2025 |
| Pampasan Pekerja                 | 412,240   | 529,996   | 544,165   | 579,709   | 864,934         | 5.2                                 | 8.9       | 4.6       | 14.3      | 10.3         |           |
| Lebihan Kendalian Kasar          | 709,048   | 849,920   | 969,014   | 1,200,643 | 1,257,103       | 3.7                                 | 6.3       | 18.9      | 1.5       | 8.1          |           |
| Cukai Tolak Subsidi              | 55,653    | 38,575    | 35,720    | 11,005    | 40,298          | -7.1                                | 8.5       | -46.6     | 54.1      | 0.9          |           |
| Keluaran Dalam Negeri Kasar      | 1,176,941 | 1,418,491 | 1,548,898 | 1,791,358 | 2,162,336       | 3.8                                 | 7.4       | 12.4      | 6.5       | 8.8          |           |
| <b>Bahagian daripada KDNK, %</b> |           |           |           |           |                 |                                     |           |           |           |              |           |
| Pampasan Pekerja                 | 35.0      | 37.4      | 35.1      | 32.4      | 40.0            | -                                   | -         | -         | -         | -            |           |
| Lebihan Kendalian Kasar          | 60.2      | 59.9      | 62.6      | 67.0      | 58.1            | -                                   | -         | -         | -         | -            |           |
| Cukai Tolak Subsidi              | 4.7       | 2.7       | 2.3       | 0.6       | 1.9             | -                                   | -         | -         | -         | -            |           |

Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Ekonomi

## Jadual 5

## Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Negeri dan Jenis Aktiviti Ekonomi, 2015-2025 (pada harga malar 2015)

| Perkara                      | RM juta        |                |                |                |                 | Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, % |            |            |            |              |           |
|------------------------------|----------------|----------------|----------------|----------------|-----------------|-------------------------------------|------------|------------|------------|--------------|-----------|
|                              | Sebenar        |                |                |                | Sasaran Dipinda | RMKe-11                             | RMKe-12    |            |            | Sasaran Asal | Prestasi  |
|                              | 2015           | 2020           | 2021           | 2022           |                 |                                     | 2016-2020  | 2021-2025  | 2021-2022  | 2023-2025    | 2021-2025 |
